



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

2014 SIRI 2



**PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



2014

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

SIRI 2



PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI

Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil Oleh Pihak Kementerian/Agensi Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan, Laporan Ini Hendaklah Dibaca Bersama Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2




KANDUNGAN

Kata Pendahuluan	vii
Pengenalan	xiii
Intisari Laporan	xvii

Bahagian I Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan

1. PENDAHULUAN	3
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA	3
2. Pengurusan Program Akuakultur	
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA	50
3. Pengurusan Perolehan	
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	75
4. Pengurusan Perolehan	
UNIVERSITI MALAYA	99
5. Pengurusan Perolehan	
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN	133
6. Pengurusan Perolehan	
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	157
7. Pengurusan Perolehan	
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK	173
8. Pengurusan Perolehan	



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	190
9. Pengurusan Perolehan	
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	209
10. Pengurusan Perolehan	
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG	230
11. Pengurusan Perolehan	

Bahagian II

Pengurusan Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan

12. PENDAHULUAN	243
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA	244
13. Pengurusan Syarikat ABM	
(i) Pengurusan Syarikat ABM (Selangor) Sdn. Berhad	
(ii) Pengurusan Syarikat ABM (Terengganu) Sdn. Berhad	
(iii) Pengurusan Syarikat ABM (Johor) Sdn. Berhad	
(iv) Pengurusan Syarikat ABM (Utara) Sdn. Berhad	
(v) Pengurusan Syarikat ABM (Sarawak) Sdn. Berhad	
(vi) Pengurusan Syarikat ABM (Sabah) Sdn. Berhad	
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH	284
14. Pengurusan Kolej RISDA Sdn. Berhad	
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH	301
15. Pengurusan RISDA Bina Sdn. Berhad	

PENUTUP	321
----------------	-----



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Badan Berkanun Persekutuan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan pengurusan syarikat Kerajaan bagi tahun 2014 Siri 2 mengandungi 2 bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan

Bahagian II : Pengurusan Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan

3. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat

dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti perolehan, pembinaan, infrastruktur, penyenggaraan, pendidikan, pengurusan hasil dan keselamatan. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 10 program/aktiviti/projek dan pengurusan 8 syarikat subsidiari. Pada umumnya, terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan kerja/bekalan/perkhidmatan seperti pecah kecil perolehan, kerja/bekalan tidak mengikut spesifikasi, kelewatan tidak munasabah dan peralatan yang dibeli tidak digunakan. Kelemahan tersebut adalah disebabkan oleh ketidakpatuhan kepada peraturan dan prosedur yang ditetapkan; kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek serta tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/vendor .

4. Seperti mana tahun yang lalu, beberapa siri *engagement* dan *exit conference* dengan pihak yang terlibat dalam pengauditan pengurusan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan dan pengurusan syarikat subsidiari telah diadakan untuk membincang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini bagi tujuan pengesahan. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Pegawai Eksekutif/Naib Canselor Universiti/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan telah diadakan yang turut dihadiri oleh wakil Kementerian, Agensi, Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Kewangan Malaysia. Dalam Laporan ini, sebanyak 56 syor telah dikemukakan untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Pegawai Eksekutif/Naib Canselor Universiti/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang serta memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti.

6. Pada 26 Mac 2015, Jabatan Audit Negara telah melancarkan *Auditor General's Dashboard* Versi 2.0 (*AG's Dashboard*) bagi menggantikan versi asal yang mula diperkenalkan pada tahun 2013. *AG's Dashboard* adalah Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara yang dilaksanakan selaras dengan Program Transformasi Kerajaan Kedua (GTP 2.0) di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Anti-Rasuah bagi menyediakan maklum balas terkini kepada orang awam agar dapat menggalakkan ketelusan dan mempercepatkan penyelesaian isu di peringkat agensi/jabatan. Ciri-ciri baru dalam *AG's Dashboard* versi 2 ini dapat membantu Kementerian/Agensi Kerajaan dan rakyat serta Jabatan Audit Negara sendiri menjejak sesuatu isu yang dilaporkan dengan pantas dengan adanya kaedah mendapatkan maklumbalas secara dalam talian (*online*) dan berinteraksi dengan rakyat melalui komentar awam. Laporan dan Statistik yang berkala boleh diperolehi oleh Kementerian/Agensi/Rakyat melalui *AG's Dashboard* dalam menilai keberkesanan tindakan susulan yang diambil sehingga ke jalan penyelesaian isu tersebut sama ada berbentuk tindakan korektif atau tindakan punitif.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat subsidiarinya yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

30 April 2015



PENGENALAN

PENGENALAN

1. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) Badan Berkanun adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun merupakan badan korporat atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965.
2. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar Kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang diperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, sebuah Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act 1969* (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh meminjam, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, mengurus kumpulan wang dan akaun amanah serta melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala yang lain membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.
3. Dari segi pengurusan kewangan, Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur sendiri serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan dasar kerajaan dan standard perakaunan yang diterima umum. Semua Badan Berkanun Persekutuan menyediakan penyata kewangan berdasarkan asas akuan bagi setiap tahun kewangan. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957.

Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktiviti kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen secepat mungkin.

4. Sehingga akhir tahun 2014, sebanyak 128 Badan Berkanun Persekutuan telah ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan. Selain itu, 11 Kumpulan Wang telah diwujudkan untuk memperakaunkan transaksi mengikut peraturan yang ditetapkan.



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I

PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

PENDAHULUAN

1. Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit aktiviti Badan Berkanun Persekutuan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Sebanyak 10 aktiviti telah diaudit untuk dibentangkan dalam sesi kedua persidangan Parlimen tahun 2015.

2. PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

- *Pengurusan Program Akuakultur*

- a. Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) dan dikawal selia oleh Jabatan Perdana Menteri. NCIA bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju serta merangka dasar dan strategi berhubung dengan sosioekonomi pembangunan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang merangkumi 22 daerah di negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang. Antara objektif NCIA adalah mempercepatkan pembangunan ekonomi dengan menggerakkan sektor ekonomi teras iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik ke arah peningkatan dalam rantai nilai; menangani ketidakseimbangan sosioekonomi serta meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi.
- b. Kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk Program Akuakultur berjumlah RM31.50 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan RM36 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) serta RM12.10 juta daripada Dana PEMANDU. Sebanyak 5 syarikat pelaksana telah dipilih untuk melaksanakan Program Akuakultur iaitu Syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad, Syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad, Syarikat E-Arowana Trading Sdn. Berhad, Syarikat Anaza Sdn. Berhad dan Syarikat Hannan Corporation Sdn. Berhad. Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah RM68.78 juta atau 87% telah dibelanjakan daripada peruntukan RM79.60 juta.
- c. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September sehingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Program Akuakultur adalah kurang memuaskan dan tidak mencapai objektif yang ditetapkan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Prestasi Program Akuakultur adalah kurang memuaskan kerana:
 - Perancangan program yang lemah dan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) program yang ditetapkan oleh NCIA adalah tidak selaras dengan objektif program.
 - Pembinaan kilang pemprosesan makanan di Tanjung Dawai bernilai RM5 juta oleh syarikat pelaksana bagi Program Akuakultur Sungai Menghulu tidak mengikut terma perjanjian dan bayaran telah diluluskan oleh NCIA. Kilang tersebut telah dihentikan operasi kerana kekurangan bahan mentah.
 - Sebanyak 1,600 sangkar ikan dibina bagi Program Akuakultur Sungai Menghulu tetapi 800 sangkar telah musnah akibat ribut dan syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad telah membina semula 400 sangkar. Bagaimanapun, hanya 100 sangkar mempunyai ikan daripada 400 sangkar yang beroperasi manakala baki 800 sangkar tidak digunakan.
 - Sebanyak 15 atau 53.6% daripada 28 kolam ternakan udang yang dibina bagi Program Akuakultur Sungai Kerang tidak digunakan. Operasi kilang (kemudahan pemprosesan) di Kamunting telah dihentikan mulai bulan Ogos 2014 kerana kekurangan hasil dari kolam.
 - Sebanyak 105 atau 75% daripada 140 kolam udang putih di Selinsing dan 161 atau 95.8% daripada 168 kolam di Pulau Gula tidak digunakan.
 - Sebanyak 70 ekor induk ikan kelisa bernilai RM600,000 yang dibeli sejak tahun 2011 masih belum membiak bagi Program Ikan Hiasan di Bukit Merah walaupun tempoh pembiakan secara semula jadi adalah sekali setahun.
 - Program Ternakan Ikan Sangkar Marin di Penarak, Langkawi telah diambil alih oleh syarikat lain tanpa perjanjian secara rasmi dengan NCIA.
 - Peralatan yang dibeli tidak digunakan secara optimum dan tidak disenggara dengan baik.
- ii. Pematuhan terhadap terma perjanjian antara syarikat pelaksana dan NCIA adalah lemah disebabkan perkara berikut:
 - Syarat Terdahulu (*Condition Precedent*) yang ditetapkan dalam perjanjian tidak dipatuhi oleh syarikat pelaksana dan NCIA.
 - Syarat model kerja program peladang kontrak atau usahawan akua seperti penyediaan perjanjian, pembahagian sangkar/kolam, benih, makanan dan jaminan beli balik hasil tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat pelaksana.
 - Sebanyak 5 bot bernilai RM1.15 juta yang dibiayai oleh NCIA tidak boleh ditukar hak milik dan insurans terhadap kemudahan serta peralatan bernilai RM900,000 tidak menepati terma perjanjian.

- iii. Bayaran balik pembiayaan sehingga 31 Disember 2014 berjumlah RM10.82 juta tidak dikutip sejak tahun 2013 daripada 5 syarikat pelaksana manakala bayaran sumbangan kepada NCIA sejumlah RM66,629 tidak dapat disahkan ketepatannya kerana rekod jualan tidak diselenggara dengan baik.
 - iv. Sebanyak 2 syarikat pelaksana tidak mengamalkan Kod Amalan Akuakultur yang merangkumi pengendalian ternakan akuakultur dan pelaksanaan kawalan biosekuriti serta 4 syarikat pelaksana tidak mendapat pengiktirafan *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP).
 - v. Prestasi kewangan 3 syarikat pelaksana bagi tahun 2011 sehingga 2013 kurang memuaskan dan mengalami kerugian selepas cukai manakala 2 syarikat tidak mengemukakan penyata kewangan beraudit.
 - vi. Pemantauan fizikal tidak dilaksanakan secara berkala menyebabkan terma kontrak tidak dipatuhi sepenuhnya dan kemudahan tidak digunakan secara optimum. Pemantauan hasil jualan syarikat pelaksana tidak dibuat bagi mengesahkan ketepatan sumbangan kepada NCIA selaras dengan rekod jualan syarikat.
- d. Pihak Audit mengesyorkan NCIA mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. NCIA perlu mengoptimumkan penggunaan kolam dan sangkar yang sedia ada sehingga mencapai objektif yang ditetapkan serta mendapat pulangan sewajarnya sebelum program tersebut diperluaskan dan diperkembangkan.
 - ii. NCIA perlu menetapkan Penunjuk Prestasi Program (KPI) bagi setiap program selaras dengan objektif program dan penubuhannya.
 - iii. NCIA hendaklah memastikan justifikasi pemilihan syarikat pelaksana dibuat secara telus dengan menitikberatkan keupayaan teknikal dan kewangan supaya syarikat pelaksana berkemampuan melaksanakan program dengan baik dan mampu membuat pembayaran balik pembiayaan serta memberikan sumbangan kepada NCIA secara konsisten. Proses pemilihan syarikat perlu melibatkan individu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang yang berkenaan.
 - iv. NCIA hendaklah menetapkan asas kadar bayaran balik pembiayaan dan sumbangan atas jualan kasar yang akan memudahkan proses pemantauan dan kutipan.
 - v. NCIA hendaklah tegas dalam menguatkuasakan terma perjanjian dan mengambil tindakan terhadap syarikat pelaksana yang melanggar syarat perjanjian.
 - vi. NCIA hendaklah membuat susulan terhadap status permohonan tanah dan memastikan hak milik tanah diperoleh terlebih dahulu sebelum meluluskan sesuatu program.

- vii. NCIA perlu mengambil langkah proaktif untuk memastikan rekod jualan diselenggara oleh syarikat pelaksana bagi tujuan pengiraan kadar sumbangan atas jualan kasar dan memastikan tindakan kutipan sumbangan dapat dilaksanakan.
- viii. NCIA perlu memantau secara berkala bagi memastikan pengeluaran hasil tuaian mencapai sasaran dan semua keperluan perjanjian dipatuhi selain mengenal pasti kelemahan serta punca masalah pada peringkat awal supaya tindakan penyelesaian dapat diambil. Pemantauan berkala juga perlu dilaksanakan terhadap semua kemudahan dan peralatan yang dibiayai oleh NCIA bagi memastikan ia digunakan serta disenggara dengan cekap dan teratur untuk mengelakkan pembaziran.

3. UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

- *Pengurusan Perolehan*

- a. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bermula dengan penubuhan Akademi Tentera Malaysia (ATMA) pada 1 Jun 1995 sebagai organisasi yang bertanggungjawab menjalankan program pengajian di peringkat Sarjana Muda dan latihan ketenteraan kepada Pegawai Kadet Angkatan Tentera Malaysia. Peranan ATMA kemudian diperluaskan dengan menjadikannya sebagai UPNM dan diwartakan sebagai sebuah pertubuhan pemerbadanan pada 10 November 2006. Objektif penubuhan UPNM adalah untuk menyediakan asas pengetahuan yang kukuh dan seimbang dalam bidang kemanusiaan, pengurusan, sains dan teknologi serta menerapkan daya usaha intelektual melalui pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan usaha kesarjanaan yang bertaraf antarabangsa dan menanam semangat kesetiaan serta patriotisme yang tinggi untuk berbakti kepada negara dengan berbekalkan ilmu, kemahiran dan kecekapan asas ketenteraan. UPNM telah diperuntukkan sejumlah RM171.50 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 untuk perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan melalui pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Jumlah perbelanjaan perolehan yang dilaksanakan oleh UPNM dari tahun 2012 sehingga 2014 adalah berjumlah RM137.73 juta.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September sehingga Disember 2014 dan susulan Audit pada 24 Mac dan 2 April 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan UPNM adalah kurang memuaskan. Terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan yang perlu ditambah baik iaitu pengurusan projek pembinaan di Kem Kongkoi, Jelebu, Negeri Sembilan dan pengurusan aset. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Perolehan bagi 6 projek pembinaan di Kem Kongkoi bernilai RM2.49 juta telah dipecah kecil secara sebut harga.
- ii. Sebanyak 6 kontrak bernilai RM2.29 juta ditandatangani selepas tamat tempoh kontrak antara 17 hingga 190 hari dan 10 kontrak bernilai RM12.93 juta lewat ditandatangani antara 1 hingga 9 bulan.
- iii. Kelemahan Pengurusan Projek Pembinaan Di Kem Kongkoi:
 - Dua projek pembinaan iaitu Projek Pembinaan Bangunan yang mengandungi Klinik, Kedai Cenderamata Dan Bilik Jurulatih bernilai RM496,800 dan Kerja-kerja Menyediakan Fasiliti Dan Kemudahan Untuk Lapang Sasar di International Pistol Shooting Centre bernilai RM305,000 dilaksanakan sebelum proses perolehan.
 - Kerja pembinaan Bilik Pameran Dan Stor Pusat, Kawasan Tapak Tinjau VIP 1 dan 2 serta Pengubahsuaian Stor Kepada Rumah Tukang Masak bernilai RM277,884 dijalankan tanpa proses perolehan.
 - Kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi.
 - Kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan seperti pembinaan longkang tidak bertingkat, kaedah penyambungan antara paip konduit elektrik yang tidak sesuai serta pendawaian untuk sistem lampu dan sistem kuasa tidak diasingkan.
 - Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 25 Julai 2014 walaupun kerja belum disempurnakan setakat 1 Oktober 2014.
 - Permohonan Kebenaran Merancang untuk membangunkan Kem Kongkoi daripada Majlis Daerah Jelevu tidak dibuat.
- iv. Pelupusan peralatan hak milik Akademi Tentera Malaysia masih belum dilaksanakan.
- c. Pihak Audit mengesyorkan UPNM mengambil tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:
 - i. UPNM hendaklah memastikan perancangan perolehan diuruskan dengan teratur dan proses perolehan dibuat mengikut peraturan bagi memastikan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan menguntungkan.
 - ii. UPNM hendaklah sentiasa membuat pemantauan terhadap kerja pembinaan bagi memastikan kualiti kerja pembinaan adalah memuaskan. Tindakan segera memperbaiki kecacatan kerja hendaklah dibuat bagi memastikan kemudahan yang disediakan adalah sempurna.
 - iii. UPNM hendaklah mengemas kini tatacara/garis panduan pengurusan perolehan dengan mengambil kira peraturan semasa yang dikeluarkan oleh

Kementerian Kewangan serta perolehan yang menggunakan wang rizab daripada sumber dalaman.

- iv. UPNM hendaklah mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang bagi projek pembinaan di Kem Kongkoi daripada Majlis Daerah Jelevu. Ini bagi mengelakkan UPNM dikenakan tindakan di bawah Seksyen 27, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
- v. UPNM perlu membuat susulan secara berterusan dengan pihak Kementerian Pertahanan supaya tindakan pelupusan aset dapat diambil dengan segera bagi peralatan milik ATMA.

4. UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

- *Pengurusan Perolehan*

- a. Universiti Sains Malaysia (USM) atau sebelumnya dikenali sebagai Universiti Pulau Pinang ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1969 melalui resolusi yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada tahun 1962. Universiti Pulau Pinang ditukar nama kepada USM setelah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 berkuat kuasa pada 4 Oktober 1971. Objektif penubuhan USM adalah untuk menjaga, mempromosi dan menguruskan pendidikan tinggi dalam bidang sains tulen, sains aplikasi, sains farmasi, sains bangunan dan teknologi, sains masyarakat dan kemanusiaan serta pendidikan dalam bentuk penyelidikan, kemajuan dan penyebaran ilmu pengetahuan. Pada 3 September 2008, USM telah dipilih sebagai sebuah Universiti Berintensifkan Penyelidikan (APEX). Selain Kampus Induk di Pulau Pinang, USM mempunyai 2 kampus cawangan iaitu Kampus Kejuruteraan di Nibong Tebal, Pulau Pinang dan Kampus Kesihatan di Kubang Kerian, Kelantan. USM telah diperuntukkan sejumlah RM1,592.43 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 untuk perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan melalui pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Jumlah perbelanjaan perolehan yang dilaksanakan oleh USM dari tahun 2012 sehingga 2014 adalah berjumlah RM954.78 juta.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September sehingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan USM adalah memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan USM adalah seperti berikut:

- i. Penyelarasan *Standard Operating Procedures* Kewangan yang terdiri daripada perubahan had nilai dan kuasa melulus belum dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Gabenor Universiti.
 - ii. Pecah kecil perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melibatkan 19 item berjumlah RM3.83 juta yang sepatutnya dilaksanakan secara sebut harga dan tender.
 - iii. Perolehan peralatan *Autoclave* bernilai RM1.28 juta di Kampus Kesihatan lewat diterima. Klausula kontrak yang menetapkan tempoh denda lewat sehingga maksimum 100 hari tidak menjaga kepentingan USM.
 - iv. Sebanyak 2 kontrak bernilai RM3.72 juta lewat ditandatangani selama 86 dan 154 hari serta 9 kontrak berjumlah RM1.83 juta ditandatangani selepas tamat tempoh kontrak dengan kelewatan antara 18 sehingga 98 hari.
 - v. Sebanyak 9 peralatan bernilai RM686,635 tidak digunakan antara 148 sehingga 576 hari dari tarikh penerimaan peralatan.
 - vi. Tindakan pelupusan terhadap 31 perkakasan komputer di Kampus Induk dan 19 peralatan di Kampus Kejuruteraan belum diambil.
- c. Pihak Audit mengesyorkan USM mengambil tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:
- i. USM hendaklah memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan bagi mengelakkan pecah kecil perolehan untuk mendapatkan perkhidmatan yang terbaik dan *value for money*.
 - ii. USM hendaklah memastikan setiap perolehan dibekalkan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya bekalan/peralatan dapat digunakan secara optimum oleh pengguna dan tidak menjejaskan pengajaran, pembelajaran dan perkhidmatan.
 - iii. USM hendaklah memastikan pengurusan kontrak diurus dengan teratur dan segala dokumen kontrak perlu disediakan dan ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan. USM perlu mengkaji semula klausula mengenakan denda lewat sehingga maksimum 100 hari. Ini bagi memastikan kepentingan Kerajaan dan USM dilindungi.
 - iv. USM hendaklah mengambil tindakan segera untuk melupuskan aset yang tidak digunakan/dalam tindakan pelupusan supaya ia tidak mengalami kemerosotan nilai. Setiap Pusat Tanggungjawab perlu membuat pemeriksaan berkala bagi mengenal pasti peralatan yang tidak lagi ekonomik untuk dibaiki dan telah usang supaya tindakan pelupusan dapat dilaksanakan. Selain itu, aset yang hendak dilupuskan perlu disimpan di tempat yang sepatutnya dan selamat.

5. UNIVERSITI MALAYA

- *Pengurusan Perolehan*

- a. Universiti Malaya (UM) adalah universiti tertua di Malaysia yang ditubuhkan pada 8 Oktober 1949 hasil gabungan Fakulti Perubatan King Edward VII dengan Kolej Raffles di Singapura. Pada tahun 1957, UM memulakan operasinya di premis sementara Kolej Teknikal Kuala Lumpur sebagai Jabatan Kesenian dan kemudian dibangunkan sebagai Fakulti Kejuruteraan. Universiti Malaya dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan tertakluk di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Objektif penubuhannya adalah untuk menjalankan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di peringkat Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi. Pada 11 Oktober 2006, UM telah diiktiraf oleh Jemaah Menteri sebagai Universiti Penyelidikan yang memerlukan UM bergiat aktif dalam penerokaan idea baru, menawarkan pengajian yang berfokuskan kepada penyelidikan dan mengukuhkan kedudukan Institut Pengajian Tinggi Awam di peringkat antarabangsa. Selaras dengan objektif penubuhannya, UM telah diluluskan peruntukan perolehan sejumlah RM1,060.94 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 di mana sejumlah RM808.37 juta atau 76.2% telah dibelanjakan. Universiti Malaya melaksanakan perolehan secara elektronik iaitu melalui Sistem *e-Procurement* yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat UM dan mula diguna pakai pada 1 Mac 2011.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan UM adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan UM seperti berikut:
 - i. Perolehan penganjuran majlis/acara rasmi berjumlah RM610,835 telah dilaksanakan tanpa mempelawa sebut harga, tidak menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dan tiada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga.
 - ii. Denda kelewatan berjumlah RM11,608 tidak dikenakan kepada pembekal yang lewat menghantar bekalan/perkhidmatan.
 - iii. Projek pembinaan bangunan bengkel dan makmal bernilai RM21.30 juta yang sepatutnya siap pada bulan September 2012 telah mengalami kelewatan selama 2 tahun 4 bulan dan belum siap setakat bulan Februari 2015. UM perlu menanggung peningkatan kos sejumlah RM839,290 untuk melantik kontraktor penyiap.
 - iv. Perolehan peralatan makmal bernilai RM4.25 juta tidak dapat dipasang dan disimpan di dalam kontena berikutan bangunan bengkel dan makmal belum siap. Ini menyebabkan UM perlu menanggung peningkatan kos sejumlah

RM416,700 yang berpunca daripada kos penyewaan gudang di Pelabuhan Klang sejumlah RM284,000, penyewaan kontena sejumlah RM112,700 dan peningkatan kos bahan binaan sejumlah RM20,000.

- v. Perakuan Siap Kerja bagi projek pengubahsuaian bangunan lewat dikeluarkan antara 32 hingga 206 hari berbanding tarikh siap projek yang dinyatakan dalam perjanjian/surat setuju terima. Kontraktor tidak membuat permohonan lanjutan masa dan tiada denda kelewatan dikenakan. Denda kelewatan yang boleh dikenakan kepada kontraktor adalah sejumlah RM87,250.
- vi. Peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran berjumlah RM203,335 tidak digunakan secara optimum.
- vii. Pemeriksaan aset tahunan tidak dijalankan menyebabkan aset berjumlah RM12.92 juta dalam senarai aset yang diselenggara oleh Bahagian Akaun tidak dapat dikesan semasa pengauditan.
- viii. Peralatan rosak tidak dibaiki dan peralatan rosak yang tidak ekonomi untuk dibaiki tidak dilupuskan.

c. Pihak Audit mengesyorkan UM mengambil tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:

- i. UM perlu memastikan Pusat Tanggungjawab menggunakan 1Pekeliling Perbendaharaan - PK 7/2013 untuk perolehan perkhidmatan penginapan, makan minum dan sewaan dewan/bilik mesyuarat bagi penganjuran majlis/acara rasmi supaya perolehan ini dapat diuruskan dengan teratur.
- ii. UM hendaklah mengenakan denda kelewatan terhadap pembekal/kontraktor yang gagal memenuhi syarat perjanjian bagi menjaga kepentingan UM.
- iii. UM hendaklah membuat semakan secara terperinci semasa proses penilaian tender terhadap keupayaan kontraktor untuk melaksanakan projek pembinaan.
- iv. UM dan perunding hendaklah memantau pelaksanaan projek oleh kontraktor dengan rapi supaya projek dilaksanakan mengikut spesifikasi, berkualiti dan siap dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh siap yang munasabah juga perlu dikaji dengan mengambil kira aktiviti tahunan universiti supaya projek pembinaan tidak mengalami kelewatan.
- v. UM hendaklah merancang perolehan peralatan supaya selari dengan kemajuan kerja projek pembinaan bagi menjamin peralatan dapat digunakan sepenuhnya, mengelakkan kerosakan dan UM tidak menanggung kos tambahan di luar jangkaan.
- vi. UM hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Universiti bagi memastikan pengurusan aset alih dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan.

6. UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

- *Pengurusan Perolehan*

- a. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) ditubuhkan pada 1 Januari 2006 di bawah Akta Kolej Dan Universiti 1971. Objektif utama penubuhannya adalah untuk mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang Pengajian Islam, Sains, Sains Kesihatan Bersekutu, Perubatan, Sains Makanan, Pertanian dan Bioteknologi, Teknologi Maklumat Komunikasi dan bidang pengajian yang perlu. Selain itu, UniSZA melaksanakan penyelidikan, pengumpulan, pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian tersebut. UniSZA beroperasi di 3 Kampus Universiti iaitu Kampus Gong Badak, Kampus Perubatan dan Kampus Tembila. UniSZA telah membuat perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan bagi tujuan pengembangan operasi universiti, aktiviti penyelidikan dan penawaran bidang pengajian tambahan. Perolehan yang dilaksanakan oleh UniSZA untuk kerja, bekalan dan perkhidmatan bagi tahun 2012 sehingga 2014 berjumlah RM136.80 juta yang terdiri daripada RM11.79 juta bagi pembelian terus, RM75.39 juta bagi sebut harga, RM47.13 juta bagi tender dan RM2.49 juta bagi rundingan terus. UniSZA telah menerima peruntukan mengurus dan pembangunan berjumlah RM684.97 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014. Peruntukan pembangunan meliputi pelaksanaan projek *Private Finance Initiative* bagi pembinaan kemudahan kampus dan asrama di Tembila, Besut di bawah RMKe-9 dan beberapa projek di bawah RMKe-10 meliputi projek pembinaan Hospital Pengajar, pembinaan bangunan akademik dan pentadbiran serta perolehan peralatan.
- b. Pengauditan yang dijalankan dari bulan Oktober sehingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di UniSZA adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan UniSZA adalah seperti berikut:
 - i. Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal tidak dilantik untuk menyediakan spesifikasi teknikal secara menyeluruh dalam perancangan perolehan sebagaimana yang ditetapkan di dalam Tatacara Kewangan dan Perakaunan UniSZA.
 - ii. Kelemahan pengurusan kerja/bekalan:
 - Perolehan kerja berjumlah RM437,125 tidak mengikut spesifikasi yang diluluskan menyebabkan kerugian di pihak UniSZA. Ini kerana pengurangan dalam spesifikasi kerja yang dilaksanakan tanpa pengurangan kos dan pertambahan kerja yang dilaksanakan tidak memberi nilai tambah kepada UniSZA.

- Perolehan CCTV berjumlah RM648,894 dilaksanakan tanpa perancangan yang teliti menyebabkan objektif utama pemasangan CCTV tidak tercapai. Pemantauan yang kurang berkesan juga menyebabkan perubahan spesifikasi *Storage System* tidak dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Perolehan B terlebih dahulu sebelum pembekalan dilaksanakan.
- iii. Kelemahan pengurusan kontrak:
- Dokumen kontrak tidak disediakan bagi 28 sebut harga dan 3 tender berjumlah RM8.62 juta.
 - Satu kontrak bernilai RM4.11 juta ditandatangani melebihi 4 bulan dan kontrak bernilai RM2.30 juta belum ditandatangani.
 - Tempoh bon pelaksanaan bagi satu perolehan sebut harga bernilai RM496,000 tidak meliputi tempoh kontrak.
 - Kelewatan permohonan lanjutan masa (EOT) antara 34 sehingga 60 hari dan kelulusan EOT mengambil tempoh antara 13 sehingga 27 hari bagi 2 sebut harga.
 - Tempoh EOT yang diberikan melebihi tempoh asal penawaran kerja/bekalan antara 123.8% sehingga 154.8%.
 - Pembayaran bagi penyenggaraan Sistem ILMU PERDANA berjumlah RM30,000 dibuat pada 16 April 2014 sebelum perkhidmatan penyenggaraan diterima sepenuhnya pada bulan Disember 2014.
- iv. Kelemahan pengurusan aset/peralatan:
- Mesin pemerah susu lembu serta bekas susu aluminium berjumlah RM32,780 tidak digunakan secara optimum sejak tahun 2012 berikutan perolehan ternakan lembu hanya dilaksanakan pada tahun 2014 dan belum diperoleh sehingga akhir tahun 2014.
 - Peralatan pembelajaran dan penyelidikan berjumlah RM786,458 tidak diletakkan di lokasi yang bersesuaian berikutan makmal yang khusus masih dalam pembinaan menyebabkan peralatan tidak digunakan untuk aktiviti pembelajaran dan penyelidikan.
- c. Pihak Audit mengesyorkan UniSZA mengambil tindakan seperti berikut bagi menambahbaik pengurusan perolehan:
- i. UniSZA hendaklah mengukuhkan perancangan perolehan dengan melantik Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal bagi setiap perolehan tender dan sebut harga untuk memastikan perancangan perolehan dilaksanakan dengan teratur.
 - ii. UniSZA hendaklah memastikan perancangan perolehan diuruskan dengan teratur bagi mengelakkan pembaziran.

- iii. UniSZA hendaklah mempertingkatkan kawalan dalaman pembayaran dengan menilai semula proses kerja pembayaran dan kelulusan, memastikan spesifikasi kerja/bekalan dipatuhi sebelum bayaran dibuat serta mengkaji semula terma pembayaran di dalam kontrak supaya perkhidmatan diberikan sepenuhnya sebelum pembayaran dibuat.
- iv. UniSZA hendaklah mewujudkan mekanisma terbaik dalam pemantauan penyediaan kontrak/perjanjian dan Pengurus Projek terhadap perolehan di setiap PTJ.

7. UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

- *Pengurusan Perolehan*

- a. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ditubuhkan pada 1 September 2006 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. UMK mula beroperasi pada 1 Julai 2007 di Kampus Sementara, Taman Bendahara. Falsafah kurikulum pengajian UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan perusahaan dalam semua program pengajian. Antara objektif penubuhan UMK adalah untuk menyediakan kursus pengajian yang berteraskan ciri keusahawanan, membangun modal insan yang berkualiti serta menyediakan infrastruktur dan sistem sokongan yang kondusif sebagai asas kepada pembangunan universiti bertaraf dunia. Bahagian Perolehan, Pejabat Bendahari bertanggungjawab terhadap pengurusan perolehan UMK secara sebut harga dan tender. Pusat Tanggungjawab (PTJ) bertanggungjawab bagi merancang dan menguruskan perolehan secara pembelian terus dan sebut harga bernilai kurang daripada RM100,000. UMK telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan Perolehan dan Pekeliling Bendahari selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan. UMK telah diperuntukkan sejumlah RM314.50 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 untuk perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan. UMK telah membelanjakan sejumlah RM230.56 juta atau 73.3% bagi perolehan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus dalam tempoh tersebut.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober sehingga Disember 2014 mendapati pengurusan perolehan UMK secara tender adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan perolehan secara pembelian terus dan sebut harga adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan UMK adalah seperti berikut:
 - i. Garis Panduan Pengurusan Perolehan UMK tidak lengkap kerana prosedur bagi perolehan kerja dan pentadbiran kontrak tidak disediakan.

- ii. Sebanyak 31 perolehan bekalan/perkhidmatan berjumlah RM243,613 telah dipecahkecilkan bagi mengelakkan pelawaan secara sebut harga.
 - iii. Sebanyak 33 perolehan secara pembelian terus berjumlah RM904,216 telah melebihi had nilai yang ditetapkan iaitu RM10,000.
 - iv. Sebanyak 18 pesanan tempatan berjumlah RM267,713 dikeluarkan selepas bekalan/perkhidmatan diterima antara 1 hingga 28 hari.
 - v. Sebanyak 3 perolehan kerja bagi Projek Pembangunan Taman Riadah Dan Rekreasi Tasik Universiti di Kampus Bachok berjumlah RM946,520 telah dipecahkecilkan bagi mengelakkan pelawaan secara tender. Bon pelaksanaan dan polisi insurans tanggungan awam serta pampasan pekerja tidak disediakan bagi perolehan kerja tersebut. Selain itu, denda sejumlah RM36,990 tidak dikenakan ke atas kegagalan kontraktor menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan. Pelanjutan masa dan perubahan kerja bagi kontrak juga tidak dikemukakan untuk kelulusan Pegawai Penguasa/Jawatankuasa Sebutharga Universiti.
 - vi. Dokumen kontrak tidak disediakan untuk 6 perolehan secara sebut harga yang berjumlah RM1.42 juta bagi perkhidmatan pembersihan bermasa.
 - vii. Polisi insurans tanggungan awam tidak disediakan bagi perolehan pembekalan perabot secara sewaan berjumlah RM1.21 juta. Selain itu, polisi insurans tidak dilanjutkan selaras dengan lanjutan masa yang diluluskan bagi 2 perolehan kerja berjumlah RM11.86 juta.
 - viii. Prosedur kelulusan perubahan kerja bagi projek Pembinaan Asrama Sementara Pelajar Menggunakan Kaedah IBS, Kampus Bachok dan Kampus Jeli UMK yang bernilai RM9.98 juta tidak dipatuhi.
- c. Pihak Audit mengesyorkan UMK mengambil tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:
- i. UMK perlu menyediakan garis panduan perolehan dan prosedur kawalan dalaman yang melibatkan perolehan kerja dan pentadbiran kontrak.
 - ii. UMK hendaklah menguruskan perolehan selaras dengan garis panduan dan peraturan yang berkuat kuasa serta amalan tadbir urus terbaik bagi mengelakkan pecah kecil, pembelian terus melebihi had dan pesanan tempatan disediakan selepas bekalan/perkhidmatan diterima.
 - iii. UMK hendaklah memastikan pengurusan kontrak diurus dengan teratur dan segala dokumen kontrak perlu disediakan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, semua syarat kontrak perlu dipatuhi terutamanya penyediaan bon pelaksanaan dan polisi insurans. Ini bagi memastikan kepentingan Kerajaan dan UMK dilindungi.
 - iv. UMK hendaklah memastikan prosedur pelanjutan masa dan perubahan kerja dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Selain itu, tempoh

pelanjutan masa hendaklah munasabah dan denda kelewatan dikenakan sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan.

8. UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

- *Pengurusan Perolehan*

- a. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) adalah sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan pada 24 Disember 1992 di bawah Seksyen 8 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak (Perbadanan) 1992]. Objektif penubuhan universiti ini adalah untuk menjana, menyebarkan dan menerapkan ilmu secara strategik dan inovatif bagi memperkasakan kualiti budaya bangsa dan kemakmuran masyarakat. UNIMAS telah diperuntukkan sejumlah RM668.43 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 untuk membuat perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan melalui pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Perolehan yang diuruskan oleh UNIMAS dari tahun 2012 sehingga 2014 berjumlah RM162.15 juta. Pejabat Bendahari bertanggungjawab dalam merancang perolehan dan keperluan kewangan bagi kaedah tender dan rundingan terus manakala Pusat Tanggungjawab (PTJ) di setiap fakulti/pusat/institut/pejabat/bahagian dan unit pula bertanggungjawab bagi merancang dan menguruskan perolehan secara kaedah pembelian terus dan sebut harga. Pengurusan Perolehan dibuat berdasarkan kepada pekeliling dan surat pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Kewangan UNIMAS selain menerima pakai Pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September sehingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan UNIMAS adalah memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan UNIMAS adalah seperti berikut:
 - i. Bangunan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan berjumlah RM180.28 juta masih belum beroperasi sepenuhnya walaupun telah mendapat *Occupation Permit* pada 14 April 2014 dan 20 Ogos 2014.
 - ii. Item *preliminaries* bagi projek pembinaan jambatan dan jalan raya ke Kampung Sebayor tidak dibekalkan mengikut kontrak.
 - iii. Peralatan dan barangan berjumlah RM1.61 juta lewat dibekalkan antara 7 hingga 153 hari.
 - iv. Peralatan berjumlah RM11.09 juta yang diperolehi melalui pinjaman *Japan Bank for International Corporation (JBIC)* tidak digunakan, peralatan tidak

disenggara, aset yang rosak/usang, buku log penggunaan tidak dikemas kini dan tatacara pelupusan tidak dipatuhi.

- c. Pihak Audit mengesyorkan UNIMAS mengambil tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:
 - i. UNIMAS hendaklah memastikan perancangan perolehan diurus dengan teratur supaya semua perolehan sama ada kerja/bekalan/perkhidmatan digunakan secara optimum untuk mengelakkan pembaziran.
 - ii. UNIMAS hendaklah memastikan kawalan dalaman wujud terhadap sistem pembayaran. Pembayaran kepada kontraktor/pembekal hendaklah berdasarkan kemajuan kerja yang dilaksanakan atau berdasarkan barang yang dibekalkan.
 - iii. UNIMAS hendaklah mengenakan denda terhadap pembekal yang lewat menghantar bekalan serta memasukkan klausa denda kelewatan pembekalan peralatan dalam Surat Setuju Terima bagi menjaga kepentingan Kerajaan.
 - iv. UNIMAS hendaklah menjalankan penyenggaraan secara *corrective dan preventive* terhadap aset bagi memastikan peralatan sentiasa berfungsi dan dalam keadaan baik bagi mengelak UNIMAS menanggung kos yang lebih tinggi jika berlaku kerosakan.
 - v. UNIMAS hendaklah mengambil tindakan segera untuk melupuskan aset yang tidak digunakan/dalam tindakan pelupusan. Selain itu, aset yang hendak dilupuskan perlu disimpan di tempat yang sepatutnya dan selamat.

9. UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

- *Pengurusan Perolehan*

- a. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah ditubuhkan pada 14 Mac 1972 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dengan nama Institut Teknologi Kebangsaan yang kemudiannya ditukar kepada Universiti Teknologi Malaysia. UTM adalah universiti pertama di Malaysia yang berteraskan teknologi. Kampus utama UTM terletak di Skudai, Johor Bahru manakala kampus cawangannya terletak di Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Objektif penubuhan UTM adalah untuk menerajui ilmu sains, kejuruteraan dan teknologi yang menjurus ke arah pengkayaan negara, meningkatkan kualiti pendidikan bagi melahirkan sumber manusia yang kompeten dan kreatif, memberi tumpuan dan pengukuhan terhadap bidang teknologi pembuatan dan pengurusan teknologi sejajar dengan keperluan negara. Selaras dengan objektif penubuhannya, UTM telah membuat perolehan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Setia kaedah mempunyai 3 jenis perolehan iaitu kerja, perkhidmatan dan

bekalan. Jumlah keseluruhan perolehan yang diuruskan oleh UTM dari tahun 2012 hingga bulan Februari 2015 adalah berjumlah RM567.75 juta.

b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November dan Disember 2014 serta April 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan UTM adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan UTM seperti berikut:

i. Perolehan Tidak Mengikut Tatacara

- Perolehan secara sebut harga dipecah kecil melibatkan 5 item berjumlah RM76,126.
- Sebanyak 10 Pesanan Tempatan berjumlah RM578,950 bagi perkhidmatan perundingan harta intelek dikeluarkan selepas invoice diterima daripada syarikat.
- Analisis harga terhadap perolehan 14 jenis toner bagi tahun 2012 dan 2013 mendapati perbezaan harga bagi toner yang sama jenis antara 7.7% sehingga 91%.

ii. Kelemahan Pengurusan Projek/Bekalan

- Projek *Design and Build for Construction of Administration Building for Faculty of Petroleum and Renewable Energy Engineering* bernilai RM5.11 juta belum disiapkan dan mengalami kelewatan selama 301 hari sehingga tarikh pengauditan dijalankan.
- Sebanyak 2 perolehan perabot berjumlah RM88,005 belum sempurna dibekalkan manakala 7 perolehan perabot berjumlah RM262,258 lewat dibekalkan antara 6 sehingga 83 hari.

iii. Kelemahan Pengurusan Kontrak

- Projek pembinaan bangunan relau bernilai RM449,920 telah siap dibina pada 6 Julai 2011 dan akaun muktamad masih belum disediakan untuk menyelaraskan bayaran berdasarkan dokumen sokongan.

iv. Pelbagai peralatan dan perabot yang diterima antara tahun 2012 hingga bulan Februari 2014 bernilai RM93,909 belum digunakan.

c. Pihak Audit mengesyorkan supaya UTM mengambil tindakan seperti berikut :

- i. UTM hendaklah memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan dan mengelakkan pecah kecil perolehan untuk mendapatkan perkhidmatan yang terbaik dan value for money.

- ii. UTM hendaklah memastikan setiap perolehan dibekalkan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya bekalan/peralatan dapat digunakan secara optimum oleh pengguna dan tiada gangguan pengajaran, pembelajaran dan perkhidmatan.
- iii. UTM hendaklah memastikan pemantauan projek perlu dipertingkatkan lagi agar projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan outcome projek dicapai.
- iv. UTM hendaklah memastikan penggunaan aset secara optimum dan mengagihkan lebihan peralatan kepada fakulti yang memerlukan.

10. UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

- *Pengurusan Perolehan*

- a. Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang nama asalnya Institut Teknologi MARA (ITM) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta ITM 1976 (Akta 173) dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada tahun 1999 melalui Akta A1073 ITM (Pindaan) 2000, ITM telah dinaikkan taraf kepada universiti dan diberi nama UiTM. UiTM mempunyai sebuah Kampus Induk di Shah Alam, 12 buah kampus cawangan di negeri, 11 buah kampus kota di negeri, 5 buah kampus satelit di Shah Alam dan 21 buah kolej bersekutu di seluruh Malaysia. Objektif penubuhan UiTM adalah untuk menyediakan peluang kepada kaum Bumiputera bagi mengikuti pendidikan bertaraf profesional dalam bidang sains, industri, teknologi, perdagangan, seni dan kemasyarakatan selain menyediakan program pengajaran yang berkualiti dan inovatif serta memenuhi kehendak pasaran dan pelanggan di samping mendukung dasar pembangunan negara.
- b. UiTM telah membuat perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja secara pembelian terus, sebut harga dan tender pada setiap tahun. Bahagian Perolehan di bawah Pejabat Bendahari bertanggungjawab dalam merancang perolehan dan keperluan kewangan yang diperlukan untuk perolehan. Pusat Tanggungjawab (PTJ) di setiap fakulti/pusat/pejabat/bahagian bertanggungjawab bagi merancang dan menguruskan perolehan secara kaedah pembelian terus dan sebut harga. PTJ juga bertanggungjawab untuk memastikan penggunaan, penyimpanan dan keselamatan peralatan yang dibeli supaya berada dalam keadaan baik, boleh digunakan dan selamat. Prosedur Kualiti UiTM dan Pekeliling yang disediakan oleh Pejabat Bendahari menjelaskan prosedur perolehan secara terperinci bagi pengurusan perolehan yang meliputi fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa yang terlibat, kaedah perolehan, had-had nilai perolehan, kuasa dan kelulusan serta penilaian dan pemilihan pembekal/kontraktor serta meluluskan perolehan di UiTM. Selain itu, UiTM juga mengguna pakai peraturan kewangan Kerajaan dan

Arahan Perbendaharaan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dari semasa ke semasa. Perolehan UiTM bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah berjumlah RM1.20 bilion yang terdiri daripada RM469.86 juta bagi pembelian terus, RM77.34 juta bagi sebut harga, RM530.39 juta bagi tender dan RM120.39 juta bagi rundingan terus.

- c. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan di UiTM adalah memuaskan. Ini adalah kerana UiTM telah mendokumenkan prosedur perolehan melalui MS ISO 9001:2008. Bagaimanapun pengurusan perolehan di peringkat cawangan UiTM masih perlu diperbaiki. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan di UiTM adalah seperti berikut:
- i. Perolehan Tidak Mengikut Tatacara
 - Perolehan *toner* berjumlah berjumlah RM575,814 di 4 daripada 8 PTJ yang dipilih di UiTM Shah Alam telah dipecah kecil;
 - Terdapat perbezaan harga bagi perolehan *toner* yang sama di antara PTJ. Terdapat juga perbezaan harga bagi perolehan *toner* daripada pembekal yang sama. Perbezaan harga bagi 6 jenis *toner* adalah antara 6.1% hingga 48.9%; dan
 - Tiada pemantauan dilakukan di peringkat PTJ atau Unit Kewangan Zon yang bertanggungjawab.
 - ii. Pengurusan Aset/Peralatan
 - Aset/peralatan tidak digunakan termasuk 403 stok tilam di UiTM Jengka, Pahang bernilai RM57,226 dan perabot di UiTM Arau, Perlis bernilai RM31,900.
 - iii. Pengurusan Pelupusan dan Kehilangan
 - Aset di UiTM Shah Alam, Kota Kinabalu dan Jengka lewat dilupuskan dalam tempoh 8 hingga 12 bulan dari tarikh kelulusan pada tahun 2012 hingga 2014; dan
 - Kehilangan di UiTM Shah Alam, Arau dan Kota Kinabalu lewat dilaporkan antara 1 hingga 48 bulan. Manakala 6 daripada 10 kes tidak dibuat laporan polis dalam tempoh 24 jam.
 - d. Bagi memastikan pengurusan perolehan diuruskan dengan teratur dan UiTM mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang dibuat serta perkara yang berbangkit tidak berulang, adalah disyorkan UiTM mengambil tindakan terhadap perkara berikut :

- i. UiTM hendaklah memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan dengan meningkatkan sistem kawalan dalaman bagi modul perolehan dalam sistem FAIS untuk mengelakkan pecah kecil. UiTM juga perlu memastikan Sistem FAIS mempunyai sekatan yang dapat menghalang perolehan melalui pembelian terus sekiranya telah melebihi had yang ditetapkan.
- ii. UiTM perlu membuat perancangan lebih awal daripada segi perpindahan program dan aset yang terlibat ke kampus lain bagi mengelakkan berlakunya pembelian bekalan yang tidak sepatutnya dan menjerus ke arah pembaziran.
- iii. UiTM hendaklah mempertingkatkan tahap pengurusan pelupusan dan kehilangan dengan memastikan pelupusan dan pelaporan kehilangan dilakukan mengikut peraturan dan dalam tempoh yang ditetapkan.
- iv. UiTM hendaklah melaksanakan pemantauan secara menyeluruh terhadap perolehan yang dilakukan oleh setiap PTJ termasuk kampus UiTM cawangan bagi memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan dan pengurusan aset adalah teratur.

11. UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

- *Pengurusan Perolehan*

- a. Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah sebuah universiti teknikal yang ditubuhkan pada tahun 2002 di bawah Seksyen 8, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. UMP menawarkan pelbagai program teknikal berteraskan kejuruteraan dan teknologi. Dalam bidang penyelidikan pula, UMP memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek industri bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran di samping mempromosikan aktiviti pengkomersialan produk penyelidikan. UMP mempunyai dua kampus tetap yang terletak di Pekan dan Gambang, Pahang. Objektif penubuhan UMP adalah untuk melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif serta menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri. UMP berhasrat menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan *niche* dan bidang kepakaran. Selain itu, UMP menetapkan sasarannya untuk diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.
- b. Selaras dengan objektif tersebut, UMP telah membuat perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan secara pembelian terus, sebut harga dan tender bernilai RM364.72 juta dari tahun 2012 sehingga 2014. Jabatan Bendahari dan Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH) bertanggungjawab menguruskan perolehan secara tender, sebut harga dan rundingan terus berdasarkan

permohonan daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ) manakala perolehan secara pembelian terus diuruskan oleh PTJ.

c. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober sehingga November 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan UMP adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan pengurusan perolehan yang perlu diberi perhatian. Antara kelemahan adalah seperti berikut:

- i. Sebanyak 6 atau 20% daripada 30 sampel perolehan yang dibuat secara sebut harga dan tender yang bernilai RM7.18 juta lewat ditandatangani antara 55 hingga 438 hari iaitu melebihi syarat 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti.
- ii. Perbezaan harga perolehan kertas dan toner pencetak adalah antara 20% hingga 60%. Perolehan tanpa kajian pasaran yang menyeluruh boleh menyebabkan UMP tidak mendapat harga yang berpatutan dan *value for money*.
- iii. Sebanyak 89 peralatan bernilai RM83,170 diperolehi antara tahun 2012 hingga 2014 masih belum digunakan.

d. Pihak Audit mengesyorkan UMP mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- i. UMP hendaklah memastikan bekalan/peralatan digunakan secara optimum bagi mengelakkan pembaziran.
- ii. UMP hendaklah memastikan wujud koordinasi antara PTJ dalam membuat perolehan bekalan berbentuk guna sama supaya harga yang berpatutan dapat diperolehi.
- iii. UMP hendaklah memastikan pengurusan kontrak diuruskan dengan teratur dan dokumen kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan UMP.

BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

PENDAHULUAN

12. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 telah diwartakan bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap 323 syarikat subsidiari Kerajaan. Sebanyak 8 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah diaudit untuk sesi pembentangan kedua tahun 2015 di Parlimen.

SYARIKAT SUBSIDIARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

13. *Pengurusan Syarikat Akademi Binaan Malaysia*

- a. Akademi Binaan Malaysia (ABM) adalah platform Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk menyediakan latihan kemahiran binaan bagi tenaga kerja binaan Malaysia. Secara keseluruhan, terdapat 6 ABM di Malaysia iaitu Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Selangor) Sdn. Berhad (ABM Tengah), Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Terengganu) Sdn. Berhad (ABM Timur), Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Berhad (ABM Selatan), Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Utara) Sdn. Berhad, Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Berhad dan Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Sabah) Sdn. Berhad. Kesemua ABM ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang merupakan syarikat subsidiari CIDB Holdings Sdn. Berhad (CIDBH) iaitu sebuah syarikat milik penuh CIDB. Maklumat terperinci setiap ABM adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.1 : TARIKH PENUBUHAN DAN PEMILIKAN MODAL SERTA PEGANGAN SAHAM ABM

ABM	TARIKH PENUBUHAN	MODAL DIBENARKAN (RM)	MODAL BERBAYAR (RM)	PEMILIKAN SAHAM (%)	
				CIDBH	LAIN -LAIN
Tengah	27.09.1996	5,000,000	4,100,000	75	25
Timur	05.05.1997	5,000,000	3,000,000	90	10
Selatan	05.05.1997	5,000,000	1,500,000	95	5
Utara	18.06.1998	5,000,000	500,002	100	-
Sarawak	30.06.2000	5,000,000	1,000,000	100	-
Sabah	05.03.2001	5,000,000	500,002	100	-

Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei sehingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan di semua 6 ABM adalah baik manakala tadbir urus korporat adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti terhadap Program Latihan adalah baik manakala pengurusan peralatan dan kemudahan latihan serta pengurusan kewangan adalah kurang memuaskan. Ringkasan penemuan bagi setiap ABM adalah seperti berikut:

ABM	PRESTASI KEWANGAN	PENGURUSAN AKTIVITI		TADBIR URUS KORPORAT	PENGURUSAN KEWANGAN
		PROGRAM LATIHAN	PERALATAN DAN KEMUDAHAN LATIHAN		
Utara	Baik	Baik	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Kurang Memuaskan
Timur	Memuaskan	Baik	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Kurang Memuaskan
Tengah	Baik	Baik	Memuaskan	Memuaskan	Kurang Memuaskan
Selatan	Memuaskan	Baik	Memuaskan	Baik	Memuaskan
Sarawak	Baik	Baik	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Kurang Memuaskan
Sabah	Baik	Baik	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Kurang Memuaskan

Antara penemuan yang perlu diberi perhatian untuk tujuan penambahbaikan di semua 6 ABM adalah seperti berikut:

- i. Pencapaian bilangan pelatih program Akreditasi bagi tahun 2012 sehingga 2014 adalah rendah berbanding sasaran kecuali pencapaian ABM Timur dan ABM Utara pada tahun 2014.
- ii. Pengurusan peralatan dan kemudahan latihan yang kurang memuaskan disebabkan perkara berikut:
 - Sebanyak 4 pelbagai jentera terpakai bernilai RM1.34 juta bagi 2 ABM masih belum dibekalkan sehingga tarikh pengauditan walaupun bayaran penuh sejumlah RM7.14 juta telah dijelaskan oleh CIDB;
 - Sebanyak 6 pelbagai jentera terpakai bernilai RM1.75 juta telah digantikan dengan 5 jentera lain di mana kosnya adalah lebih rendah iaitu RM875,000 daripada nilai kontrak. Kesan tidak membekal jentera seperti dalam kontrak, 4 ABM masih menyewa 4 jentera dengan nilai sewaan berjumlah RM563,480 bagi tempoh 2013 sehingga bulan Mac 2015;
 - Sebanyak 9 pelbagai jentera terpakai bernilai RM1.76 juta yang dibekalkan kepada 5 ABM antara bulan Mac hingga Julai 2013 mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan;
 - Sebanyak 31 pelbagai jentera terpakai lewat diterima antara 23 hingga 187 hari;
 - Peralatan latihan belum digunakan dan tidak disimpan dengan teratur; dan

- Kemudahan kampus ABM tidak digunakan secara optimum, terbiar dan tidak disenggarakan.
 - iii. Terimaan lewat diserahkan ke bank oleh ABM Selatan, ABM Sarawak dan ABM Sabah antara 3 hingga 18 hari berjumlah RM2.18 juta.
 - iv. Terimaan hasil digunakan bagi menampung perbelanjaan panjar wang runcit yang tidak mencukupi di ABM Utara dan ABM Tengah.
 - v. Sebanyak 11 Penyata Penyesuaian Bank menunjukkan catatan baki tunai di Penyata Penyesuaian Bank berbeza dengan jumlah baki pada Buku Tunai antara RM2,960 dan RM62,161 di ABM Tengah.
- c. Pihak Audit mengesyorkan pertimbangan diberi kepada perkara berikut bagi meningkatkan prestasi pengurusan syarikat:
- i. CIDB perlu memantau perolehan pelbagai jentera yang dibekalkan kepada ABM bagi memastikan jentera telah diterima, mengikut spesifikasi dan mematuhi syarat kontrak sebelum bayaran dijelaskan. Bayaran sebelum penerimaan jentera dan bayaran pembekalan jentera yang tidak menepati syarat kontrak atau kos bekalan diterima lebih rendah daripada kos kontrak adalah merupakan *Improper Payment*.
 - ii. ABM perlu memastikan kemudahan latihan disenggara dengan baik bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pelatih.
 - iii. CIDBH hendaklah mengemas kini SOP yang mengandungi prosedur dan proses kerja yang lengkap serta jelas sebagai panduan yang standard kepada ABM bagi meningkatkan kualiti operasi pengurusan syarikat.

SYARIKAT SUBSIDIARI PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

14. *Pengurusan Syarikat Kolej RISDA Sdn. Berhad*

- a. Kolej RISDA Sdn. Berhad (Kolej RISDA) ditubuhkan pada 8 Januari 1999 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan berjumlah RM25 juta dan modal berbayar berjumlah RM15.05 juta. Kolej RISDA merupakan syarikat milik penuh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Aktiviti utama Kolej RISDA adalah mengurus dan mengendalikan institusi pendidikan tinggi yang menawarkan program latihan dan pendidikan di dalam pelbagai bidang pengajian yang diiktiraf. Mulai bulan Disember 2014, Kolej RISDA Melaka telah dinaik taraf sebagai Kolej Universiti dan dikenali sebagai Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM).

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos sehingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan dan tadbir urus korporat adalah baik. Kolej RISDA mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut dan peningkatan keuntungan terkumpul. Sehingga 31 Disember 2013, keuntungan terkumpul Kolej RISDA berjumlah RM10.28 juta. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan adalah pada tahap memuaskan kerana terdapat beberapa penemuan seperti berikut:
- i. Peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian adalah tinggi iaitu antara 21.6% sehingga 28.8% walaupun pendaftaran pelajar menghampiri atau melebihi sasaran. Antara faktor yang menyumbang kepada peratusan ini adalah pelajar gagal dalam peperiksaan, berhenti atau menangguhkan pengajian.
 - ii. Bilangan kursus, latihan jangka pendek dan program kemahiran yang dijalankan pada tahun 2012 sehingga bulan Julai 2014 di Zon Timur, Zon Utara dan Zon Tengah menunjukkan penurunan kerana Kolej RISDA terlalu bergantung kepada Bahagian Latihan RISDA bagi mendapatkan pakej latihan atau kursus.
 - iii. Penghutang tidak aktif yang wujud sejak tahun 2000 sehingga 31 Disember 2013 adalah tinggi iaitu berjumlah RM4.22 juta. Sejumlah RM3.01 juta atau 71.4% daripadanya merupakan hutang pelajar di Kolej RISDA Melaka.
 - iv. Prestasi kutipan hutang oleh ejen yang dilantik adalah tidak memuaskan kerana jumlah kutipan yang rendah iaitu kurang daripada 5%.
 - v. Peralatan komputer yang tidak boleh digunakan dan kenderaan yang rosak belum dilupuskan.
- c. Pihak Audit mengesyorkan pertimbangan kepada perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat:
- i. Kolej RISDA perlu memantapkan program pengajian yang ditawarkan bagi mengurangkan peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian agar objektif penubuhan Kolej RISDA dapat dicapai.
 - ii. Kolej RISDA perlu mengkaji semula prosedur kutipan hutang supaya tindakan mengutip hutang pelajar tidak aktif dapat dibuat dengan lebih berkesan serta meningkatkan pendapatan Kolej RISDA. Prestasi ejen kutipan hutang perlu dikaji semula dan ditamatkan jika perlu.
 - iii. Kolej RISDA perlu mengambil tindakan pelupusan aset dengan segera supaya dapat menjimatkan ruang penyimpanan aset.

15. *Pengurusan Syarikat RISDA Bina Sdn. Berhad*

- a. RISDA Bina Sdn. Berhad (RISDA Bina) atau nama asalnya Waktu Cerah Sdn. Berhad (WCSB) ditubuhkan pada 26 Ogos 1993 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan sejumlah RM5 juta dan modal berbayar sejumlah RM2.02 juta. RISDA Bina merupakan syarikat milik penuh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Fungsi utama RISDA Bina adalah sebagai Syarikat Milikan RISDA yang bertanggungjawab dalam membangunkan tanah-tanah milikan RISDA yang berpotensi. Aktiviti utama RISDA Bina adalah sebagai pemaju hartanah, kontraktor dan juga perunding pengurusan projek.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga Ogos 2014 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan adalah baik. RISDA Bina mencatatkan keuntungan selepas cukai dari tahun 2009 sehingga 2010 daripada RM0.14 juta kepada RM0.65 juta. Sehingga tahun 2013, RISDA Bina mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM10.16 juta. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa penemuan seperti berikut:
 - i. Projek Fasa 1 iaitu Kerja-kerja Pemulihan 65 Unit Bangunan Yang Terbengkalai melibatkan Arahan Perubahan Kerja sejumlah RM1.03 juta atau 13.7% daripada kos asal projek.
 - ii. Projek Fasa 2A lewat disiapkan dengan melibatkan 3 kali kelulusan lanjutan masa selama 407 hari dan juga 20 kali Arahan Perubahan Kerja dengan pertambahan kos sejumlah RM442,637 atau 6% daripada kos asal kontrak.
 - iii. Projek Fasa 3A yang sepatutnya siap pada 16 Jun 2014 mengalami kelewatan dan gagal disiapkan oleh kontraktor yang dilantik. Kemajuan projek setakat bulan Mac 2015 hanya 89% siap.
 - iv. Sasaran pendapatan bagi projek Fasa 3A bagi tahun 2013, 2014 dan setakat bulan Mac 2015 adalah terlalu jauh daripada pencapaian sebenar iaitu hanya mencapai 0.6%, 6.4% dan 2.5% masing-masing daripada sasaran yang ditetapkan. Prestasi jualan projek Fasa 3A tidak menggalakkan di mana setakat bulan Mac 2015 hanya 38 unit daripada 122 unit rumah berjaya dijual dan 20 unit lagi masih menunggu kelulusan pinjaman.
 - v. RISDA Bina bergantung kepada sumber dana dari Badan Induk untuk membiayai projek pembinaannya. Sejumlah RM10 juta dipinjam dari tabung Rancangan Tanam Baru Berkelompok dan selebihnya adalah suntikan dana dan bayaran pampasan daripada RISDA.
 - vi. Kerja pembinaan kolam takungan tidak dapat dilaksanakan disebabkan pencerobohan 17 setinggan di tapak kolam tersebut.

- vii. Dokumen kontrak lewat ditandatangani iaitu antara 11 hingga 33 bulan daripada tarikh surat setuju terima.
 - viii. Aktiviti pemasaran yang dilaksanakan masih belum mampu menarik minat pembeli berdasarkan prestasi jualan yang tidak menggalakkan walaupun telah menggunakan sebanyak 50.7% peruntukan perbelanjaan pemasaran.
- c. Pihak Audit mengesyorkan pertimbangan kepada perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat:
- i. RISDA Bina hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap projek pembinaan bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan untuk mengelakkan pertambahan kos.
 - ii. RISDA Bina hendaklah melaksanakan strategi pemasaran yang lebih berkesan dan mempercepatkan proses pertukaran status tanah bagi meningkatkan jualan dan menarik minat pembeli.
 - iii. RISDA Bina hendaklah mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah pencerobohan setinggian di tapak kolam takungan supaya pembinaan kolam takungan dapat dilaksanakan mengikut arahan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.



BAHAGIAN I

PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

1

PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menilai sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Sebanyak 10 aktiviti Badan Berkanun Persekutuan telah dipilih untuk diaudit bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Badan Berkanun Persekutuan yang terlibat sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan. Maklum balas yang diterima daripada Kementerian/Jabatan dan agensi berkenaan telah diambil kira dalam laporan ini.

2

PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA *Pengurusan Program Akuakultur*

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) dan dikawal selia oleh Jabatan Perdana Menteri. NCIA bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju serta merangka dasar dan strategi berhubung dengan sosioekonomi pembangunan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang merangkumi 22 daerah di negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang. Antara objektif NCIA adalah mempercepatkan pembangunan ekonomi dengan menggerakkan sektor ekonomi teras iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik ke arah peningkatan dalam rantai nilai; menangani ketidakseimbangan sosioekonomi serta meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi.

2.1.2 NCIA telah menyediakan Rangka Tindakan Sosioekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara untuk memodenkan zon makanan Malaysia melalui inisiatif spesifik pertanian tanaman sedia ada dan menggalakkan pertanian moden secara besar-besaran di kawasan yang berpotensi tinggi. Antara sub-sektor yang dikenal pasti adalah penanaman padi, akuakultur dan perikanan, penternakan haiwan, kebun buah-buahan dan tanaman kontan serta estet sayur-sayuran dan herba, hortikultur serta produk makanan premium. NCIA telah melaksanakan Program Akuakultur di bawah sub-sektor akuakultur dan perikanan dengan kerjasama sektor swasta pada tahun 2010. Objektif Program Akuakultur adalah meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi serta menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat secara

tetap atau sementara; melahirkan usahawan; dan meningkatkan pendapatan negara melalui eksport hasil program akuakultur.

2.1.3 Sehubungan itu, Kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk Program Akuakultur berjumlah RM31.50 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan RM36 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) serta RM12.10 juta daripada Dana PEMANDU. Sebanyak 5 syarikat pelaksana telah dipilih untuk melaksanakan Program Akuakultur dengan jumlah peruntukan dan perbelanjaan seperti jadual berikut:

JADUAL 2.1 : PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM AKUAKULTUR SEHINGGA BULAN DISEMBER 2014

SYARIKAT PELAKSANA	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN				
RMKe-9				
Progressive Ocean Sdn. Berhad	Program Akuakultur Sungai Menghulu	15.00	15.00	-
Ace Front Industries Sdn. Berhad	Program Akuakultur Sungai Kerang	14.00	14.00	-
Anaza Sdn. Berhad	Program Ternakan Ikan Sangkar Marin	1.50	1.50	-
E-Arowana Trading Sdn. Berhad	Program Ikan Hiasan	1.00	1.00	-
JUMLAH		31.50	31.50	-
RMKe-10				
Hannan Corporation Sdn. Berhad	Program Akuakultur Selinsing, Perak	36.00	25.18	10.82
JUMLAH		36.00	25.18	10.82
DANA PEMANDU				
Progressive Ocean Sdn. Berhad	Program Akuakultur Sungai Menghulu	8.10	8.10	-
E-Arowana Trading Sdn. Berhad	Program Ikan Hiasan	4.00	4.00	-
JUMLAH		12.10	12.10	-
JUMLAH KESELURUHAN		79.60	68.78	10.82

Sumber: Surat Kelulusan Peruntukan Dana PEMANDU dan Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) NCIA

2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Akuakultur telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

2.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Program Akuakultur bagi tahun 2011 sehingga 2014. Semakan telah dibuat

terhadap rekod dan dokumen berkaitan pengurusan Program Akuakultur di pejabat NCIA Pulau Pinang serta di 4 pejabat syarikat pelaksana. Temu bual telah dilakukan dengan pegawai NCIA, syarikat pelaksana dan Jabatan Perikanan. Selain itu, lawatan telah dijalankan ke Program Akuakultur Selinsing, Program Akuakultur Sungai Kerang, Program Ikan Hiasan di Bukit Merah dan Sungai Tengah, Program Akuakultur Sungai Menghulu dan Program Ternakan Ikan Sangkar Marin di Penarak. *Exit Conference* telah diadakan pada 21 April 2015 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan Dan Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri. Antara pegawai yang hadir adalah Ketua Eksekutif NCIA, wakil Jabatan Peguam Negara, wakil Unit Kerjasama Awam Swasta, pegawai kanan NCIA dan pegawai kanan Jabatan Perdana Menteri.

2.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September sehingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Program Akuakultur adalah kurang memuaskan dan tidak mencapai objektif yang ditetapkan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Prestasi Program Akuakultur adalah kurang memuaskan kerana:
 - Perancangan program yang lemah dan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) program yang ditetapkan oleh NCIA adalah tidak selaras dengan objektif program.
 - Pembinaan kilang pemprosesan makanan di Tanjung Dawai bernilai RM5 juta oleh syarikat pelaksana bagi Program Akuakultur Sungai Menghulu tidak mengikut terma perjanjian dan bayaran telah diluluskan oleh NCIA. Kilang tersebut telah dihentikan operasi kerana kekurangan bahan mentah.
 - Sebanyak 1,600 sangkar ikan dibina bagi Program Akuakultur Sungai Menghulu tetapi 800 sangkar telah musnah akibat ribut dan syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad telah membina semula 400 sangkar. Bagaimanapun, hanya 100 sangkar mempunyai ikan daripada 400 sangkar yang beroperasi manakala baki 800 sangkar tidak digunakan.
 - Sebanyak 15 atau 53.6% daripada 28 kolam ternakan udang yang dibina bagi Program Akuakultur Sungai Kerang tidak digunakan. Operasi kilang (kemudahan pemprosesan) di Kamunting telah dihentikan mulai bulan Ogos 2014 kerana kekurangan hasil dari kolam.
 - Sebanyak 105 atau 75% daripada 140 kolam udang putih di Selinsing dan 161 atau 95.8% daripada 168 kolam di Pulau Gula tidak digunakan.
 - Sebanyak 70 ekor induk ikan Kelisa bernilai RM600,000 yang dibeli sejak tahun 2011 masih belum membiak bagi Program Ikan Hiasan di Bukit

Merah walaupun tempoh pembiakan secara semula jadi adalah sekali setahun.

- Program Ternakan Ikan Sangkar Marin di Penarak, Langkawi telah diambil alih oleh syarikat lain tanpa perjanjian secara rasmi dengan NCIA.
 - Peralatan yang dibeli tidak digunakan secara optimum dan tidak diselenggara dengan baik.
- ii. Pematuhan terhadap terma perjanjian antara syarikat pelaksana dan NCIA adalah lemah disebabkan perkara berikut:
- Syarat Terdahulu (*Condition Precedent*) yang ditetapkan dalam perjanjian tidak dipatuhi oleh syarikat pelaksana dan NCIA.
 - Syarat model kerja program peladang kontrak atau usahawan akua seperti penyediaan perjanjian, pembahagian sangkar/kolam, benih, makanan dan jaminan beli balik hasil tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat pelaksana.
 - Sebanyak 5 bot bernilai RM1.15 juta yang dibiayai oleh NCIA tidak boleh ditukar hak milik daripada nama individu kepada NCIA dan insurans terhadap kemudahan serta peralatan bernilai RM900,000 tidak menepati terma perjanjian.
- iii. Bayaran balik pembiayaan sehingga 31 Disember 2014 berjumlah RM10.82 juta tidak dikutip sejak tahun 2013 daripada 4 syarikat pelaksana manakala bayaran sumbangan kepada NCIA sejumlah RM66,629 tidak dapat disahkan ketepatannya kerana rekod jualan tidak diselenggara dengan baik.
- iv. Sebanyak 2 syarikat pelaksana tidak mengamalkan Kod Amalan Akuakultur yang merangkumi pengendalian ternakan akuakultur dan pelaksanaan kawalan biosekuriti serta 4 syarikat pelaksana tidak mendapat pengiktirafan *Malaysian Good Agricultural Practices (MyGAP)*.
- v. Prestasi kewangan 3 syarikat pelaksana bagi tahun 2011 sehingga 2013 kurang memuaskan dan mengalami kerugian selepas cukai manakala 2 syarikat tidak mengemukakan penyata kewangan beraudit.
- vi. Pemantauan fizikal tidak dilaksanakan secara berkala untuk menentukan terma kontrak dipatuhi sepenuhnya dan kemudahan digunakan secara optimum. Pemantauan hasil jualan syarikat pelaksana tidak dibuat bagi mengesahkan ketepatan sumbangan kepada NCIA selaras dengan rekod jualan syarikat.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

2.4.1 Prestasi Program Akuakultur

2.4.1.1 NCIA telah mewujudkan Rangka Tindakan Sosioekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang berperanan menggalakkan pertanian moden dan membangunkan salah satu sub-sektor pertanian yang dikenal pasti iaitu akuakultur. Sehubungan itu, NCIA menjalinkan kerjasama dengan 5 syarikat swasta sebagai syarikat pelaksana yang melibatkan pembiayaan melalui dana fasilitasi berjumlah RM79.60 juta di mana syarikat pelaksana perlu membayar balik sejumlah RM40.40 juta seperti ketetapan perjanjian. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2 : PEMBIAYAAN DAN PENGELUARAN DANA OLEH NCIA BAGI PROGRAM AKUAKULTUR SEHINGGA TAHUN 2014

PROGRAM	JENIS PROJEK	SYARIKAT PELAKSANA	PEMBIAYAAN (RM Juta)	PENGELUARAN DANA	
				(RM Juta)	(%)
Akuakultur Selinsing, Perak	Penternakan Udang Putih	Hannan Corporation Sdn. Berhad	36.00	25.18	70
Akuakultur Sungai Menghulu	Penternakan Ikan Air Masin	Progressive Ocean Sdn. Berhad	23.10	23.10	100
Akuakultur Sungai Kerang	Penternakan Udang Putih dan Kemudahan Pemprosesan	Ace Front Industries Sdn. Berhad	14.00	14.00	100
Ikan Hiasan di Bukit Merah dan Sungai Tengah	Penternakan Ikan Hiasan	E-Arowana Trading Sdn. Berhad	5.00	5.00	100
Ternakan Ikan Sangkar Marin	Penternakan Ikan Air Masin	Anaza Sdn. Berhad	1.50	1.50	100
JUMLAH			79.60	68.78	

Sumber: Dokumen Perjanjian dan Baucar Bayaran

2.4.1.2 Semakan Audit terhadap 8 perjanjian mendapati NCIA telah bersetuju untuk membiayai 5 Program Akuakultur sejumlah RM79.60 juta. Sehingga bulan Disember 2014, setiap syarikat pelaksana telah memperoleh keseluruhan pembiayaan kecuali Syarikat Hannan Corporation Sdn. Berhad kerana program masih dalam pelaksanaan. Semakan selanjutnya mendapati perkara berikut:

a. Syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad

- i. Syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB) dan NCIA telah menandatangani 3 perjanjian yang melibatkan 3 fasa bagi melaksanakan Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM). Perjanjian Fasa 1 telah ditandatangani pada 26 Julai 2010 dengan kos keseluruhan berjumlah RM15 juta dan NCIA telah membiayai sejumlah RM10 juta. Skop pembiayaan meliputi pembinaan sangkar ikan air masin, penyediaan lokasi dan

pembinaan Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan, peralatan dan benih ikan.

- ii. Perjanjian Fasa 2 program PASM telah ditandatangani pada 25 April 2011 dengan kos keseluruhan berjumlah RM9.20 juta dan NCIA telah membiayai sejumlah RM5 juta. Skop pembiayaan adalah pembinaan Pusat Pembenihan dan Asuhan Ikan Air Masin.
- iii. Perjanjian Fasa 3 program PASM telah ditandatangani pada 29 Mac 2012 dengan kos keseluruhan berjumlah RM17.70 juta. Pembiayaan Fasa 3 menggunakan dana PEMANDU sejumlah RM8.10 juta. Skop pembiayaan adalah pembinaan 800 sangkar ikan air masin, perolehan tanah, pembinaan Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan dan pembelian bot. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.3 : PERJANJIAN ANTARA PROGRESSIVE OCEAN SDN. BERHAD DENGAN NCIA

PERKARA	FASA 1	FASA 2	FASA 3
Tarikh Perjanjian	26.07.2010	25.04.2011	29.03.2012
Kos Keseluruhan	RM15.00 juta	RM9.20 juta	RM17.70 juta
Pembiayaan NCIA	RM10.00 juta	RM5.00 juta	-
Pembiayaan PEMANDU	-	-	RM8.10 juta
Tempoh Perjanjian	7 Tahun	8 Tahun	7 Tahun
Lokasi	Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah		
Skop Pembiayaan	- Pembinaan sangkar ikan air masin. - Penyediaan lokasi Pusat Transit, Kuarantin Dan Pemprosesan Makanan. - Pembinaan Pusat Transit Dan Kuarantin. - Kemudahan Pemprosesan Makanan. - Peralatan dan material (benih ikan).	Pembinaan Pusat Pembenihan dan Asuhan Ikan Air Masin.	- Pembinaan 800 sangkar ikan air masin. - Perolehan Tanah. - Pembinaan Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan. - Pembelian Bot.
Ketetapan Model Kerja Program PASM	- Syarikat POSB perlu mengendalikan dan menguruskan program termasuk peladang kontrak. - Satu jaminan pembelian balik hasil oleh syarikat POSB.	Tiada ketetapan Model Kerja	- Syarikat POSB perlu mengendalikan dan menguruskan program termasuk peladang kontrak. - Satu jaminan pembelian balik hasil oleh syarikat POSB.

Sumber: Dokumen Perjanjian Fasa 1,2 dan 3

- iv. Semakan Audit mendapati syarikat POSB telah mematuhi skop pembiayaan yang ditetapkan dalam perjanjian bagi Fasa 1 dan 2. Bagaimanapun, skop pembiayaan bagi Fasa 3 tidak dipatuhi sepenuhnya iaitu syarikat tidak melaksanakan perolehan tanah dan Pembinaan Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan di Sungai Menghulu, Langkawi.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Permohonan perolehan tanah Kerajaan negeri telah dilaksanakan pada bulan Julai 2011 tetapi tiada jawapan daripada Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Langkawi. Selepas teguran Audit, perbincangan awal telah diadakan dengan PTD Langkawi bagi merujuk semula permohonan perolehan tanah yang telah dibuat oleh NCIA pada tahun 2011. NCIA akan membuat susulan ke atas permohonan perolehan tanah dan dijangka selesai dalam tempoh setahun mulai bulan Mei 2015.

- v. Kertas pembentangan Makmal Pemandu Koridor dan Bandar (C&C Lab) menyatakan Tanjung Dawai dan Langkawi sebagai lokasi yang sesuai untuk penternakan ikan kerapu. Bagaimanapun, surat penyaluran peruntukan pembangunan tambahan untuk projek pembangunan di Koridor Wilayah daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE) bertarikh 23 Disember 2011 hanya menetapkan Kuah, Langkawi sebagai lokasi untuk Perladangan Melalui Sistem Bersepadu Akuakultur Bersangkar dengan jumlah peruntukan RM8.10 juta. Semakan Audit mendapati NCIA telah meluluskan pembayaran sejumlah RM5 juta daripada RM8.10 juta untuk pembinaan bangunan kilang pemprosesan makanan oleh syarikat POSB di Tanjung Dawai. Kilang tersebut telah dibina di atas tanah milik seorang pengarah syarikat POSB yang tidak termasuk dalam skop perjanjian PASM dan tidak menepati kehendak surat UPE. Keadaan kemudahan pemprosesan makanan dan Pusat Transit Dan Kuarantin yang telah dibina adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.1
Kemudahan Pemprosesan Makanan Yang
Tidak Dibina Di Lokasi Sebenar



Lokasi: Tanjung Dawai, Kedah
Tarikh: 19 Oktober 2014

GAMBAR 2.2
Pusat Transit Dan Kuarantin Yang Dibina Di
Atas Tanah Rizab Pantai



Lokasi: Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

- vi. Lawatan Audit pada 19 Oktober 2014 ke kilang pemprosesan makanan di Tanjung Dawai mendapati kilang hanya digunakan untuk menyimpan ikan baja sebagai makanan ikan di sangkar dan tiada aktiviti pemprosesan makanan dijalankan seperti yang dirancang. Kilang ini pernah digunakan untuk memproses ikan kembung sejuk beku untuk dieksport ke Indonesia tetapi operasi ini telah dihentikan kerana kekurangan bekalan ikan. Keadaan kilang adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.3
Kilang Pemprosesan Makanan Yang Telah Dihentikan Operasi



Lokasi: Tanjung Dawai, Kedah
Tarikh: 19 Oktober 2014

GAMBAR 2.4
Penerimaan Ikan Baja Yang Akan Dibekukan



Lokasi: Tanjung Dawai, Kedah
Tarikh: 19 Oktober 2014

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA memaklumkan ketiadaan aktiviti pemprosesan disebabkan kekurangan bekalan daripada sangkar dan sebanyak 800 sangkar telah mengalami kerosakan. Akibat daripada kerosakan sangkar disebabkan ribut, syarikat telah mengalami kekangan kewangan dan menyebabkan syarikat tidak berupaya membeli bekalan ikan daripada nelayan yang mendarat di Kuala Kedah dan Tanjung Dawai. Pemprosesan ikan kembung hanya merupakan aktiviti sampingan dan tidak diteruskan kerana harga ikan kembung terus meningkat serta tidak menguntungkan.

- vii. Semakan lanjut mendapati bagi Fasa 1, syarikat POSB telah membina 800 sangkar ikan air masin dan mula beroperasi pada bulan Mac 2011. Seterusnya bagi Fasa 3, sebanyak 800 sangkar ikan air masin lagi telah dibina pada tahun 2012 menjadikan jumlah keseluruhan 1,600 sangkar dengan kos RM6.60 juta. Pihak Audit dimaklumkan 800 sangkar telah musnah akibat ribut pada bulan Jun 2012 dan Jun 2013. Syarikat POSB telah membina semula 400 sangkar menggantikan sangkar yang musnah

menggunakan dana syarikat manakala 400 sangkar lagi tidak dapat diganti kerana kekangan kewangan. Lawatan Audit pada 20 Oktober 2014 ke Sungai Menghulu mendapati 1,200 sangkar dalam keadaan baik. Bagaimanapun, hanya 100 sangkar mempunyai ikan daripada 400 sangkar yang beroperasi manakala baki 800 sangkar tidak digunakan. Sehingga bulan Disember 2014, syarikat POSB telah mengeluarkan sebanyak 103.30 tan metrik hasil ikan kerapu untuk pasaran dalam dan luar negara. Keadaan sangkar yang musnah dan belum dibaiki seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.5
Sangkar Ikan Yang Musnah Akibat Ribut



Lokasi: Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 2.6
Rumah Sangkar Ikan Yang Rosak Akibat Ribut



Lokasi: Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Pembinaan 800 buah sangkar telah dinyatakan di dalam pelan secara berperingkat untuk Program Akuakultur Sungai Menghulu. Bagaimanapun, pengeluaran hasil tidak mencapai sasaran kerana kekurangan bekalan benih ikan yang menjadi aspek asas yang perlu ditambah baik. NCIA bercadang untuk mengadakan program pemulihan selepas proses tindakan undang-undang selesai. Projek akan diteruskan berdasarkan kajian semula model perniagaan yang bersesuaian untuk projek ini.

b. Syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad

- i. Syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB) dan NCIA telah menandatangani perjanjian pada 26 Julai 2010 bagi melaksanakan Program Akuakultur Sungai Kerang (PASK) dengan kos berjumlah RM25 juta dan NCIA telah membiayai sejumlah RM14 juta. Skop pembiayaan NCIA meliputi pembinaan kolam udang putih sejumlah RM4 juta dan kemudahan

pemprosesan termasuk perolehan bangunan serta peralatan bernilai RM10 juta. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 2.4 : PERJANJIAN ANTARA ACE FRONT INDUSTRIES SDN. BERHAD DENGAN NCIA

PERKARA	PEMBINAAN KOLAM UDANG PUTIH	KEMUDAHAN PEMROSESAN
Tarikh Perjanjian	26.07.2010	
Kos Keseluruhan	RM25 juta	
Pembiayaan NCIA	RM4 juta	RM10 juta
Tempoh Perjanjian	8 Tahun	
Lokasi	Kampung Sungai Kerang, Perak	Kamunting, Perak
Skop Pembiayaan	• Penternakan Udang Komersial • Kenderaan • Peralatan • Perkakasan	• Bangunan, Infrastruktur dan Lekapan • Peralatan, Mesin dan Stor • Kenderaan
Ketetapan Model Kerja Program PASK	• Syarikat AFISB perlu mengendalikan dan menguruskan program termasuk peladang kontrak. • Satu jaminan pembelian balik hasil oleh syarikat.	• Syarikat AFISB perlu mengendalikan dan menguruskan aktiviti pemprosesan serta pekerja di kilang.

Sumber: Dokumen Perjanjian

- ii. Semakan Audit mendapati syarikat AFISB telah membina 24 kolam bernilai RM4 juta untuk penternakan udang komersial yang mula beroperasi pada bulan Jun 2011. Syarikat juga telah membeli sebuah kilang di Kamunting bernilai RM3.50 juta dan melengkapkan dengan peralatan pemprosesan makanan untuk menghasilkan produk sejuk beku berasaskan udang dan ikan air tawar. Selain itu, kilang ini juga digunakan untuk menghasilkan produk tambah nilai seperti *breaded shrimp* dan *popcorn shrimp*.
- iii. Lawatan Audit pada 14 Oktober 2014 ke kolam penternakan udang putih di Kampung Sungai Kerang, Perak mendapati 28 kolam telah dibina termasuk 4 kolam yang menggunakan dana syarikat. AFISB telah mengeluarkan sebanyak 226 tan metrik udang putih untuk pasaran tempatan sehingga bulan Oktober 2014. Pihak Audit mendapati hanya 4 kolam yang digunakan untuk menternak udang, 6 kolam dalam proses penyediaan kolam untuk kemasukan benih udang dan 15 kolam lagi tidak digunakan. Syarikat memaklumkan kolam tidak diguna atas faktor kitaran rehat (*break cycle*) untuk rawatan penyakit *Early Mortality Syndrome* (EMS). Syarikat AFISB memaklumkan sebanyak 3 kolam lagi mengandungi mineral besi yang tinggi dalam tanah menyebabkan kolam tidak sesuai untuk penternakan udang putih. Selain itu, syarikat AFISB telah mengambil inisiatif membina kemudahan penetasan anak udang di lokasi tersebut bagi mengatasi masalah kekurangan benih.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Semua kolam syarikat AFISB telah dijangkiti penyakit EMS sejak tahun 2013. Syarikat AFISB telah membuat kajian dan menukarkan prosedur serta memulakan semula operasi 5 kolam terlebih dahulu. Pelaksanaan operasi kolam ini dijangka mendatangkan hasil pada bulan Januari 2016.

- iv. Lawatan Audit ke kilang pemprosesan mendapati semua kemudahan infrastruktur dan peralatan adalah lengkap dan berkeadaan baik tetapi tidak beroperasi. Pihak Audit dimaklumkan operasi kilang dihentikan mulai bulan Ogos 2014 kerana kekurangan hasil dari kolam. Pihak Audit mendapati syarikat AFISB telah mengamalkan biosekuriti yang merupakan prosedur untuk mencegah penyakit dan pencemaran di lokasi kolam dan kilang. Syarikat AFISB juga telah menerima Sijil Keselamatan Dan Kualiti Makanan (HACCP) bagi tempoh 24 April 2013 sehingga 23 April 2016 dan Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) bagi tempoh 29 Ogos 2013 sehingga 28 Ogos 2015. Kilang pemprosesan makanan dan kolam penternakan udang putih adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.7

Kilang Pemprosesan Makanan Yang Dihentikan Operasi Mulai Bulan Ogos 2014



Lokasi: Kamunting, Perak
Tarikh: 14 Oktober 2014

GAMBAR 2.8

Kolam Penternakan Ugang Putih Yang Sedang Diusahakan



Lokasi: Sungai Kerang, Perak
Tarikh: 14 Oktober 2014

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Syarikat AFISB telah mengadakan perbincangan dengan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) pada 12 Mac 2015 untuk menggunakan kemudahan kilang bagi memproses ikan tilapia dari Tasik Banding. NCIA juga sedang merangka perancangan dengan beberapa syarikat dan Jabatan Perikanan bagi membolehkan pusat ini beroperasi sepenuhnya. Kilang dijangka beroperasi pada bulan Disember 2015.

c. Syarikat E-Arowana Trading Sdn. Berhad

- i. Syarikat E-Arowana Trading Sdn. Berhad (EATSB) dan NCIA telah menandatangani 2 perjanjian yang melibatkan 2 lokasi pelaksanaan Program Ikan Hiasan (E-AROWANA) iaitu di Bukit Merah, Perak dan Sungai Tengah, Kedah. Perjanjian pertama telah ditandatangani pada 15 Ogos 2011 dengan kos keseluruhan sejumlah RM12.50 juta dan NCIA telah membiayai sejumlah RM1 juta. Pada 22 Mac 2012, perjanjian kedua ditandatangani dengan kos keseluruhan sejumlah RM177 juta dan NCIA membiayai sejumlah RM4 juta. Skop pembiayaan bagi kedua-dua perjanjian meliputi penyediaan dan pembinaan kolam serta penternakan dan pembiakan ikan hiasan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.5 : PERJANJIAN ANTARA E-AROWANA TRADING SDN. BERHAD DENGAN NCIA

PERKARA	PERJANJIAN 1	PERJANJIAN 2
Tarikh Perjanjian	15.08.2011	22.03.2012
Kos Keseluruhan	RM12.50 juta	RM177 juta
Pembiayaan NCIA	RM1 juta	-
Pembiayaan PEMANDU	-	RM4 juta
Tempoh Perjanjian	12 Tahun	7 Tahun
Lokasi	Bukit Merah, Perak	Sungai Tengah, Kedah
Skop Pembiayaan	• Penyediaan Kolam • Pembinaan Kolam • Penternakan Ikan Hiasan • Pembiakan Ikan Hiasan	• Penyediaan Kolam • Pembinaan Kolam • Penternakan Ikan Hiasan • Pembiakan Ikan Hiasan
Ketetapan Model Kerja Program E-AROWANA	• Tidak Berkaitan	• Tidak Berkaitan

Sumber: Dokumen Perjanjian

- ii. Semakan Audit mendapati syarikat EATSB telah mematuhi skop pembiayaan yang ditetapkan dalam perjanjian. Syarikat EATSB telah membina 44 kolam ikan di Bukit Merah dan 30 kolam ikan di Sungai Tengah serta mula beroperasi pada bulan April 2013. Syarikat EATSB telah membeli sebanyak 70 ekor induk *Malaysian* dan *Indonesian Golden Arowana* bernilai RM600,000 pada tahun 2011 bagi kolam ternakan di Bukit Merah manakala 140 ekor induk *Indonesian Golden Arowana* bernilai RM1.12 juta pada tahun 2013 bagi kolam ternakan di Sungai Tengah. Lawatan Audit pada 13 Oktober 2014 mendapati syarikat EATSB menternak induk ikan kelisa dengan purata 20 ekor setiap kolam untuk pembiakan. Bagaimanapun, berdasarkan maklumat syarikat EATSB dan laporan pemantauan NCIA, tiada pembiakan ikan kelisa di Bukit Merah dan Sungai Tengah setakat bulan Oktober 2014 walaupun tempoh pembiakan secara semula jadi adalah sekali setahun.

Keadaan kolam di lokasi penternakan ikan kelisa EATSB adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.9
Tiada Pembiakan Ikan Kelisa Dalam Kolam Ternakan Sejak Beroperasi Pada Bulan April 2013



Lokasi: Bukit Merah, Perak
Tarikh: 13 Oktober 2014

GAMBAR 2.10



Lokasi: Sungai Tengah, Kedah
Tarikh: 14 Oktober 2014

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA akan mendapatkan nasihat teknikal untuk memperkasakan proses pemantauan daripada Pusat Ikan Hiasan Enggor di Kuala Kangsar. Ini dilakukan dengan bantuan Jabatan Perikanan dan kepakaran teknikal dari sumber bersesuaian. Bagi tujuan pemantauan, NCIA akan memeriksa semula rekod pembelian dan jualan anak ikan kelisa oleh syarikat EATSB.

d. Syarikat Anaza Sdn. Berhad

- i. Pada 29 Februari 2012, Syarikat Anaza Sdn. Berhad (ANAZA) telah menandatangani perjanjian bagi melaksanakan Program Ternakan Ikan Sangkar Marin (PTISM) dengan kos keseluruhan sejumlah RM2 juta dan NCIA membiayai sejumlah RM1.50 juta. Skop pembiayaan meliputi pertambahan pembinaan 200 sangkar ikan air masin daripada 80 sangkar kepada 280 sangkar. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.6 : PERJANJIAN ANTARA SYARIKAT ANAZA SDN. BERHAD DENGAN NCIA

PERKARA	PERJANJIAN
Tarikh Perjanjian	29.02 2012
Kos Keseluruhan	RM2.00 juta
Pembiayaan NCIA	RM1.50 juta
Tempoh Perjanjian	7 Tahun

PERKARA	PERJANJIAN
Lokasi	Penarak, Langkawi, Kedah
Skop Pembiayaan	Pertambahan Pembinaan Sangkar Ikan Air Masin daripada 80 sangkar kepada 280 sangkar.
Model Kerja Program PTISM	Tiada Berkaitan

Sumber: Dokumen Perjanjian

- ii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Bersama Kali Ke-3 bertarikh 7 November 2012 mendapati syarikat ANAZA telah membaik pulih 80 sangkar sedia ada dan membina 200 sangkar baru seperti yang ditetapkan dalam skop pembiayaan. Syarikat ANAZA telah mengubah suai 5 daripada 80 sangkar sedia ada untuk dijadikan pelantar dan jumlah keseluruhan sangkar yang boleh digunakan adalah 275 sangkar untuk menternak ikan kerapu harimau.
- iii. Semakan lanjut mendapati NCIA telah mengeluarkan surat bertarikh 19 September 2013 kepada syarikat ANAZA supaya mengemukakan Lesen Dudukan Sementara (TOL), Permit Sistem Kultur Laut (SKL), pertukaran hak pemilikan sangkar dan menyumbangkan 2.5% atas hasil jualan kasar kepada NCIA dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat. Sekiranya syarikat ANAZA gagal mematuhi syarat perjanjian, NCIA boleh menamatkan perjanjian Program Ternakan Ikan Sangkar Marin. Pihak Audit mendapati syarikat ANAZA gagal mematuhi syarat yang ditetapkan oleh NCIA dan tiada penamatan perjanjian dilaksanakan oleh NCIA. Semakan lanjut terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Bersama Kali Ke-5 bertarikh 9 April 2013 mendapati hasil tuaian pertama syarikat ANAZA sebanyak 0.73 tan metrik tetapi tidak dapat disahkan kerana tiada rekod jualan dikemukakan.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Syarikat ANAZA telah diberi peluang melaksanakan tanggungjawab untuk mendapatkan TOL, permit Sistem Kultur Laut (SKL) dan pertukaran hak milik sangkar. Bagaimanapun, pemilik syarikat telah meninggal dunia pada bulan Julai 2014 dan syarikat ANAZA masih belum berjaya mendapatkan kelulusan TOL, permit SKL dan pertukaran hak milik sangkar.

- iv. Lawatan Audit pada 21 Oktober 2014 mendapati PTISM masih beroperasi tetapi telah diusahakan oleh syarikat lain tanpa perjanjian rasmi bersama NCIA. Syarikat tersebut telah menternak udang karang, ikan kerapu dan ikan air masin di Penarak, Langkawi. Keadaan sangkar ternakan udang karang adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.11
Sangkar Ternakan Yang Diusahakan
Oleh Syarikat Lain



Lokasi: Penarak, Langkawi, Kedah
Tarikh: 21 Oktober 2014

GAMBAR 2.12
Udang Karang Yang Diternak
Oleh Syarikat Lain



Lokasi: Penarak, Langkawi, Kedah
Tarikh: 21 Oktober 2014

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Selepas kematian pengarah syarikat ANAZA, NCIA tidak memberi kebenaran secara rasmi kepada mana-mana syarikat bagi mengusahakan sangkar tersebut.

NCIA sedang merancang untuk membaik pulih Program Penternakan Ikan Marin dan akan mengambil alih 200 sangkar yang dibiayai oleh NCIA. Selain itu, surat tuntutan terhadap 200 sangkar yang dibiayai oleh NCIA telah dikeluarkan oleh Peguam NCIA pada 16 Mac 2015 kepada syarikat ANAZA.

NCIA telah memulakan perbincangan lanjut dengan syarikat yang baru untuk mengambil alih program tersebut.

e. Syarikat Hannan Corporation Sdn. Berhad

- i. Pada 17 Januari 2011, syarikat Hannan Corporation Sdn. Berhad (HCSB) telah menandatangani perjanjian bagi membangunkan Program Akuakultur Selinsing, Perak (PASP) melibatkan 3 fasa. Melalui perjanjian ini syarikat HCSB akan membangunkan 2 bidang tanah di Mukim Selinsing, Perak berkeluasan 300 ekar untuk Fasa 1 dan 838.58 ekar untuk Fasa 2. Kos keseluruhan adalah berjumlah RM150 juta dan NCIA telah membiayai sejumlah RM36 juta bagi Fasa 1 dan 2 manakala pembiayaan Fasa 3 ditanggung oleh syarikat HCSB. Skop pembiayaan meliputi pembersihan tanah, bayaran premium tanah, kemudahan jalan masuk, dinding adang/keselamatan, pembinaan kolam udang dan utiliti. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.7 : PERJANJIAN ANTARA SYARIKAT HANNAN CORPORATION SDN. BERHAD DENGAN NCIA

PERKARA	FASA 1	FASA 2	FASA 3
Tarikh Perjanjian	17.01.2011		
Kos Keseluruhan	RM150.00 juta		
Pembiayaan NCIA	RM10.80 juta	RM25.20 juta	-
Pembiayaan HCSB	RM21.85 juta	RM42.60 juta	RM49.55 juta
Tempoh Perjanjian	10 Tahun		
Lokasi	Selinsing, Perak	Pulau Gula, Perak	Tiada Maklumat
Keluasan Tanah	300 ekar	838.58 ekar	Tiada Maklumat
Skop Pembiayaan NCIA	• Pembersihan Tanah • Kemudahan Jalan Masuk • Dinding Adang/Keselamatan • Pembinaan Kolam (80 nos) • Utiliti	• Premium Tanah • Kemudahan Jalan Masuk • Dinding Adang/Keselamatan • Pembinaan Kolam (275 nos) • Utiliti	Pembiayaan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat HCSB.
Skop Pembiayaan HCSB	• Bayaran Profesional • Pembersihan Tanah • Pembinaan Kolam (60 nos) • Peralatan • Bangunan • Kos Operasi	• Bayaran Profesional • Pembersihan Tanah • Pembinaan Kolam (85 nos) • Peralatan • Bangunan • Kos Operasi	• Bayaran Profesional • Bangunan • Mesin dan Peralatan • Kos Operasi
Ketetapan Model Kerja Program PASP	Syarikat HCSB perlu mengendali dan menguruskan program termasuk peladang kontrak. Satu jaminan pembelian balik hasil oleh syarikat HCSB.		

Sumber: Dokumen Perjanjian

- ii. Semakan Audit mendapati syarikat HCSB telah mematuhi skop pembiayaan yang ditetapkan dalam perjanjian dan pembayaran Fasa 1 telah dijelaskan sepenuhnya oleh NCIA. Semakan Audit mendapati sebanyak 140 kolam telah dibina bagi Fasa 1 manakala sebanyak 168 kolam telah dibina berbanding 360 kolam yang sepatutnya dibina bagi Fasa 2 dan 192 kolam ditangguhkan pembinaannya. Prestasi pembayaran Fasa 2 adalah sejumlah RM14.38 juta atau 57.1% dan baki sejumlah RM10.82 juta belum dibayar kerana kerja pembersihan kawasan dan pembinaan kolam telah ditangguhkan bagi memberi tumpuan penggunaan kolam sedia ada secara optimum.
- iii. Setakat bulan Oktober 2014, HCSB telah mengeluarkan sebanyak 521.54 tan metrik hasil udang putih untuk pasaran tempatan. Lawatan Audit pada 13 Oktober 2014 mendapati hanya 35 atau 25% daripada 140 kolam di Selinsing dan 7 atau 4.2% daripada 168 kolam di Pulau Gula yang ditenak dengan udang putih. Keadaan kolam udang putih di Selinsing dan Pulau Gula adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.13
Kolam Ternakan Udang Putih
Yang Beroperasi



Lokasi: Selinsing, Perak
Tarikh: 13 Oktober 2014

GAMBAR 2.14
Kolam Ternakan Udang Putih Dalam Proses
Break Cycle



Lokasi: Pulau Gula, Perak
Tarikh: 13 Oktober 2014

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA memaklumkan jumlah kolam yang dibangunkan di Selinsing sebanyak 140 dan 10 kolam digunakan untuk rawatan air masuk manakala 10 kolam lagi untuk rawatan air keluar. Jumlah kolam yang boleh digunakan untuk pengeluaran udang ialah 120 kolam. Pada peringkat awal, syarikat HCSB telah memulakan pengeluaran dengan menggunakan sehingga 67 buah kolam dari bulan Mei 2012 sehingga Oktober 2013. Selepas bulan Oktober 2013, kolam di Fasa 1 telah dijangkiti EMS. Masalah ini masih lagi tidak dapat diatasi sepenuhnya. Syarikat membuat keputusan untuk mengurangkan pengeluaran bagi mengelakkan kerugian. Syarikat HCSB telah merehatkan penggunaan kolam dan menggunakan kaedah polikultur dengan ikan tilapia untuk mengatasi masalah EMS. Pemantauan akan dilaksanakan secara berterusan bagi mengatasi penyakit EMS.

Terdapat 2 isu yang menyebabkan kurangnya penggunaan kolam Fasa 2 di Pulau Gula iaitu bekalan elektrik dan isu logistik. Bagi isu bekalan elektrik, syarikat HCSB menggunakan generator yang memerlukan bekalan diesel yang tidak menguntungkan. NCIA dan syarikat HCSB sedang dalam proses menguruskan bekalan elektrik dengan TNB dan Eng Thye Plantations yang memiliki tanah bagi tapak Pencawang Pembahagi Utama (PPU). Pada peringkat ini, TNB akan menggunakan kuasa di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 selepas usaha pembelian tanah daripada Eng Thye Plantations gagal. Bagi isu jalan masuk, syarikat HCSB dan Jabatan Perhutanan telah mengadakan mesyuarat pada 30 Mac 2015 bagi membincangkan isu kebenaran penggunaan tanah rizab hutan untuk jalan masuk ke tapak pembangunan. Proses pengambilan tanah oleh TNB dijangka selesai pada pertengahan tahun 2016.

Secara keseluruhannya, pada pendapat Audit, prestasi Program Akuakultur yang dibiayai oleh NCIA adalah kurang memuaskan kerana terdapat kolam, sangkar dan kemudahan lain tidak digunakan secara optimum serta tidak dapat beroperasi seperti yang dirancang. Objektif Program Akuakultur untuk meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi serta menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat tidak tercapai.

2.4.2 Penunjuk Prestasi Utama Tidak Selaras Dengan Objektif Program

2.4.2.1 Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2005 menyatakan sasaran prestasi yang ditetapkan untuk mengukur Penunjuk Prestasi Utama (KPI) mestilah memenuhi ciri-ciri boleh diukur, dicapai, realistik, spesifik dan mempunyai tempoh masa bagi menjamin kesinambungan pengukuran produktiviti.

2.4.2.2 NCIA menetapkan syarat dalam perjanjian sebagai KPI seperti pembinaan kemudahan, pelaksanaan model kerja dan bayaran balik dana fasilitasi. Bagaimanapun, KPI tersebut tidak boleh mengukur prestasi syarikat seperti pengeluaran hasil sangkar/kolam dan kilang, bilangan peladang kontrak dan usahawan akua dan kawalan biosekuriti. Selain itu, NCIA juga tidak menetapkan KPI untuk pelaksanaan program ini selaras dengan objektif program seperti jumlah peningkatan pendapatan penduduk, bilangan penduduk setempat yang akan mendapat pekerjaan dan bilangan usahawan yang dapat diwujudkan.

2.4.2.3 Semakan Audit terhadap kertas pembentangan Makmal Pemandu Koridor dan Bandar (C&C Lab) mendapati 2 program akuakultur (Program Akuakultur Sungai Menghulu Fasa 3 dan Program Ikan Hiasan di Sungai Tengah) yang dibiayai oleh dana PEMANDU mempunyai KPI yang terperinci. KPI bagi Program Akuakultur Sungai Menghulu Fasa 3 merangkumi bilangan sangkar yang dibina, hasil pengeluaran setahun, bilangan pekerja dan jumlah bot yang akan dibeli manakala bagi Program Ikan Hiasan di Sungai Tengah merangkumi bilangan kolam, hasil pengeluaran setahun dan bilangan penternak. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati program yang dilaksanakan di bawah *C&C Lab* tidak mencapai KPI yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.8: KPI DAN PENCAPAIAN PROGRAM AKUAKULTUR
DI BAWAH C&C LAB**

PROGRAM	KPI		PENCAPAIAN
Program Akuakultur Sungai Menghulu Fasa 3			
Sangkar Dibina	Tahun	Bil.	
	2012	800	800
	2013	800	-
	2014	800	-
	2015	800	-
Hasil Pengeluaran Setahun	800,000 tan metrik setahun		Tiada maklumat
Bilangan Pekerja	132		Tiada maklumat
Jumlah Bot Dibeli	4		2
Program Ikan Hiasan Di Sungai Tengah			
Bilangan Kolam	3000		30
Hasil Pengeluaran Setahun	3000 tan metrik setahun		Tiada pengeluaran
Bilangan Penternak	100		1

Sumber: Kertas Pembentangan Makmal Pemandu Koridor Dan Bandar (C&C Lab)
dan Laporan Pemantauan NCIA

2.4.2.4 Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Bersama Program Akuakultur Sungai Kerang Bilangan 2/2013 bertarikh 19 Ogos 2013 mendapati syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB) ada menetapkan KPI syarikat untuk pengeluaran ladang ternakan udang sebanyak 10 tan metrik sebulan atau 380 tan metrik bagi tempoh bulan September 2011 sehingga Oktober 2014. Bagaimanapun, KPI syarikat AFISB tidak tercapai bagi tempoh September 2011 sehingga 31 Oktober 2014 iaitu jumlah pengeluaran adalah sebanyak 226.92 tan metrik atau 59.7%.

2.4.2.5 Pihak Audit telah menyemak perjanjian Skim Pertanian NKEA untuk *Entry Point Project* (EPP#6) sebagai penanda aras dan mendapati KPI syarikat telah ditetapkan merangkumi sasaran pengeluaran dan perincian tahap kemajuan. Selain itu, perjanjian tersebut juga telah menetapkan tarikh mula dan siap pembinaan infrastruktur. Oleh itu, prestasi projek pada setiap peringkat pelaksanaan dapat dinilai dari aspek kewangan, kemajuan fizikal dan pengeluaran hasil seperti yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, penetapan KPI yang realistik dan menyeluruh bagi setiap program adalah penting bagi mengukur pencapaian objektif program. Selain itu, ia memudahkan proses pemantauan oleh NCIA terhadap Program Akuakultur.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Bahagian Pertanian & Industri Bio NCIA telah mengambil langkah menambah baik format KPI bagi setiap projek mulai bulan Januari 2015. Berdasarkan bilangan sangkar/kolam dan sistem operasi yang sedia ada, NCIA melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama akan menambah baik format KPI bagi setiap program.

2.4.3 Perancangan Program Yang Lemah

2.4.3.1 Asas Penetapan Jumlah Pembiayaan Dan Kadar Bayaran Balik

- a. Perjanjian antara NCIA dan syarikat pelaksana telah menetapkan jumlah pembiayaan bagi program yang dilaksanakan. Syarikat pelaksana perlu membayar balik semua atau sebahagian daripada jumlah pembiayaan kepada NCIA mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Bagaimanapun, setiap syarikat pelaksana diluluskan dengan kadar pembiayaan dan bayaran balik yang berbeza. Semakan Audit mendapati jumlah pembiayaan bagi 5 Program Akuakultur adalah sejumlah RM79.60 juta dan sejumlah RM40.40 juta atau 50.8% daripada pembiayaan tersebut merupakan bayaran balik kepada NCIA. Kadar bayaran balik bagi 5 program tersebut adalah di antara 17% hingga 100% dan baki pembiayaan sejumlah RM39.20 juta merupakan geran. Perbezaan ini disebabkan NCIA tidak mewujudkan garis panduan yang merangkumi kaedah agihan dan kadar bayaran balik pembiayaan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.9 : PEMBIAYAAN DAN PEMBAYARAN BALIK KEPADA NCIA

PROGRAM	SYARIKAT PELAKSANA	PEMBIAYAAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK		GERAN (RM Juta)
			RM (Juta)	%	
Akuakultur Sungai Menghulu	POSB	23.10	17.90	77	5.20
Ternakan Ikan Sangkar Marin	ANAZA	1.50	1.50	100	-
Akuakultur Sungai Kerang	AFISB	14.00	10.00	71	4.00
Ikan Hiasan	EATSB	5.00	5.00	100	-
Akuakultur Selinsing, Perak	HCSB	36.00	6.00	17	30.00
JUMLAH		79.60	40.40	51	39.20

Sumber: Dokumen Perjanjian

Pada pendapat Audit, ketiadaan asas penetapan jumlah pembiayaan dan kadar bayaran balik oleh setiap syarikat pelaksana menyebabkan perbezaan kadar bayaran balik yang ketara bagi setiap syarikat pelaksana.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 17 dan 24 April 2015

NCIA mengambil maklum cadangan Audit dan sedang mengambil tindakan lanjut melalui pemurnian Polisi dan Prosedur NCIA serta memaklumkan pemberian dana fasilitasi tersebut bukan dalam bentuk pinjaman tetapi terma tersebut merupakan hasil persetujuan antara NCIA dan syarikat pelaksana.

NCIA telah berbincang dengan syarikat pelaksana pada 15 dan 17 April 2015 bagi mewujudkan pelan pemulihan secara keseluruhan.

Garis panduan yang jelas akan dinyatakan di dalam pemurnian Polisi dan Prosedur NCIA yang sedang dikaji semula (termasuk Polisi dan Prosedur NEM). Garis panduan ini dijangka siap pada bulan Julai 2015.

2.4.3.2 Kadar Sumbangan Berdasarkan Jualan Kasar

- a. Perjanjian antara NCIA dan syarikat pelaksana telah menetapkan kadar sumbangan kepada NCIA berdasarkan jumlah jualan kasar yang dipersetujui oleh syarikat pelaksana untuk dibayar mengikut tempoh yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit terhadap perjanjian mendapati kadar sumbangan yang ditetapkan di antara 1.5% hingga 16% setahun atas jualan kasar syarikat. Bagaimanapun, syarat yang berbeza dikenakan oleh NCIA terhadap syarikat HCSB iaitu pembayaran sumbangan hanya akan dibuat apabila syarikat HCSB mencapai jualan kasar melebihi RM50 juta setahun. Sekiranya jualan kasar syarikat HCSB melebihi RM50 juta hingga RM70 juta kadar sumbangan yang dikenakan adalah 4% manakala 2% dikenakan bagi jualan kasar melebihi RM70 juta. Semakan Audit mendapati NCIA tidak mempunyai garis panduan atau polisi dalam ketetapan kadar sumbangan atas jualan kasar yang konsisten bagi syarikat HCSB dan syarikat lain.
- c. Semakan selanjutnya mendapati NCIA hanya menerima sumbangan sejumlah RM66,629 daripada syarikat POSB dan syarikat AFISB sehingga tahun 2014 manakala tiada bayaran sumbangan diterima daripada 2 syarikat pelaksana yang lain iaitu syarikat ANAZA dan syarikat EATSB. Semakan Audit mendapati bagi syarikat ANAZA tiada tindakan kutipan dibuat oleh NCIA. Syarikat EATSB pula masih belum mempunyai sebarang hasil jualan daripada ikan yang ditenak sejak tahun 2011 walaupun pada amnya ikan kelisa boleh membiak secara semulajadi sekali dalam setahun. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.10 : KADAR SUMBANGAN TAHUNAN SYARIKAT PELAKSANA

PROGRAM	SYARIKAT PELAKSANA	KADAR SUMBANGAN TAHUNAN (%)	TEMPOH SUMBANGAN (Tahun)	JUMLAH SUMBANGAN (RM)	CATATAN
Akuakultur Sungai Menghulu	POSB - FASA 1	16	7	46, 629	4% setiap suku tahun.
	POSB - FASA 2	2.5	15	-	-
Akuakultur Sungai Kerang	AFISB	8	12	20,000	2% setiap suku tahun.
Ternakan Ikan Sangkar Marin	ANAZA	2.5	5	-	
Ikan Hiasan	EATSB – BUKIT MERAH	1.5	10	-	
Akuakultur Selinsing, Perak	HCSB	Dikecualikan	10	-	Bagi jualan kasar kurang daripada RM50 juta setahun.
		4		-	Berdasarkan jualan kasar di antara RM 50 juta sehingga RM70 juta setahun.
		2		-	Berdasarkan jualan kasar melebihi RM70 juta setahun.
JUMLAH				66,629	

Sumber: Dokumen Perjanjian dan Lejar Am

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA telah mengeluarkan invoice kepada syarikat pelaksana dan akan terus memantau serta mewujudkan program pemulihan bagi memastikan syarikat mematuhi perjanjian.

- d. Semakan Audit mendapati syarikat EATSB menggunakan pembiayaan NCIA untuk membeli 70 ekor induk ikan kelisa bernilai RM600,000 yang bersaiz 40 hingga 46 cm pada bulan November 2011. Sumbangan syarikat EATSB adalah berdasarkan hasil jualan keseluruhan yang dinisbahkan terhadap 70 ekor induk ikan kelisa. Pihak Audit mendapati syarikat EATSB tidak mengemukakan Penyata Kewangan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia semenjak tahun 2011. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan hasil jualan syarikat dan sumbangan yang perlu dibuat. Lawatan Audit pada 13 Oktober 2014 mendapati induk ikan milik syarikat EATSB dan induk ikan yang dibeli menggunakan dana NCIA tidak diasingkan. Selain itu, tiada kaedah ditetapkan untuk membezakan induk tersebut. Perkara ini menyukarkan NCIA untuk mengenal pasti kewujudan dan pengeluaran benih daripada induk.

Pada pendapat Audit penetapan kadar sumbangan yang tidak seragam ke atas setiap syarikat menunjukkan NCIA tidak mengamalkan polisi yang konsisten. Selain itu, prestasi kutipan sumbangan daripada syarikat pelaksana adalah

tidak memuaskan kerana NCIA tidak menyelenggara rekod jualan kasar setiap syarikat bagi memastikan tindakan kutipan dapat dilaksanakan.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA mengambil maklum cadangan Audit dan sedang mengambil tindakan lanjut melalui pemurnian Polisi dan Prosedur NCIA serta memaklumkan pemberian dana fasilitasi tersebut bukan dalam bentuk pinjaman tetapi terma tersebut merupakan hasil persetujuan antara NCIA dan syarikat pelaksana.

Garis panduan yang jelas akan dinyatakan didalam pemurnian Polisi dan Prosedur NCIA yang sedang dikaji semula (termasuk Polisi dan Prosedur NEM). Garis panduan ini dijangka siap pada bulan Julai 2015.

2.4.3.3 Pemilihan Syarikat Pelaksana

- a. Mengikut Seksyen 8 Akta 687, NCIA boleh melaksanakan apa-apa fungsi lain, menjalankan apa-apa kuasa lain dan membelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud yang ditugaskan atau diberikan kepadanya oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri dengan kelulusan Perdana Menteri.
- b. Pemilihan syarikat pelaksana bagi sesuatu program adalah berdasarkan kepada kertas cadangan perniagaan yang dikemukakan kepada NCIA untuk mendapatkan pembiayaan oleh syarikat yang ditawarkan atau syarikat yang berminat. Kertas cadangan perniagaan tersebut merangkumi latar belakang syarikat, pengalaman kerja, pencapaian dan kedudukan kewangan syarikat.
- c. Semakan Audit mendapati Bahagian Pertanian NCIA menyediakan kertas pembentangan cadangan perniagaan daripada syarikat pelaksana untuk kelulusan Ketua Eksekutif. Bagaimanapun, NCIA tidak mempunyai asas dan prosedur perolehan yang khusus untuk pemilihan syarikat pelaksana.
- d. Pihak Audit mendapati NCIA menggunakan kaedah *New Engagement Model* (NEM) untuk pemilihan syarikat pelaksana berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012. Kaedah ini diluluskan dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara kali ke-7 pada 26 Ogos 2011. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 5 daripada 8 dokumen perjanjian syarikat terlibat telah ditandatangani sebelum NEM diluluskan. Pihak Audit dimaklumkan NCIA tidak mengguna pakai prosedur perolehan Kerajaan dalam pemilihan 5 syarikat pelaksana Program Akuakultur

kerana perlu mempercepatkan pelaksanaan program dan mengurangkan karenah birokrasi.

Pada pendapat Audit, tanpa asas pemilihan syarikat pelaksana boleh memberi ruang kepada risiko penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa. Selain itu, pemilihan syarikat adalah tidak telus kerana tidak melibatkan sebarang Jawatankuasa yang dianggotai oleh individu berpengalaman berkaitan projek untuk menilai keupayaan dan prestasi syarikat.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Draf penambahbaikan Polisi dan Prosedur (P&P) NEM telah disediakan dan sedang diperhalusi serta dijangka selesai pada bulan Mei 2015. Penambahbaikan P&P NEM ini akan dibincangkan dalam mesyuarat bersama Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan yang dijangka diadakan pada minggu ke-3 Mei 2015. P&P NEM akan dibentangkan di Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada bulan Julai 2015 untuk kelulusan.

Berdasarkan Blueprint dan laporan Rabobank, NCIA membuat penilaian ke atas kertas cadangan dan seterusnya membuat pemilihan berdasarkan pengalaman syarikat, lokasi yang dicadangkan, unjuran pengeluaran, jualan dan peluang pekerjaan yang diberikan oleh syarikat yang membuat cadangan tersebut.

Dalam tempoh 2008 sehingga awal 2010, NCIA diminta menunjukkan momentum yang ketara dalam menerajui perkembangan industri. Pada masa yang sama NCIA diminta untuk melaksanakan program/projek yang telah diluluskan dengan kadar segera memandangkan program Economic Transformation Programme (ETP) telah dilancarkan pada tahun 2010 dan kesinambungan diperlukan.

Prosedur NEM yang dibangunkan oleh NCIA berdasarkan Akta 687 telah diperhalusi oleh Ernst & Young sejak tahun 2010. Disebabkan faktor-faktor program transformasi seperti ETP yang menekankan penglibatan sektor swasta dan keperluan untuk menyegerakan projek yang telah diumumkan oleh Kerajaan. NCIA telah menggunakan prosedur NEM terlebih dahulu memandangkan mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara hanya bersidang 2 kali setahun.

Walaupun NCIA diminta untuk melaksanakan program/projek yang diluluskan dengan segera, peruntukan yang disalurkan sejumlah RM79.60 juta perlu menghasilkan outcome dan mencapai objektif yang ditetapkan.

2.4.4 Pematuhan Syarat Perjanjian

Perjanjian merupakan dokumen penting bagi menjamin kepentingan Kerajaan dipelihara, mengikat kedua-dua pihak dalam melaksanakan peranan masing-masing serta wang awam dapat dibelanjakan dengan berhemat. Perjanjian yang lengkap dan jelas memudahkan pelaksanaan serta pemantauan. Semakan Audit mendapati dokumen perjanjian NCIA mengandungi kelemahan seperti berikut:

2.4.4.1 Syarat Terdahulu Perjanjian (*Condition Precedent*) Tidak Dipatuhi

- a. Perjanjian di antara syarikat pelaksana dan NCIA menyatakan mengenai klausa Syarat Terdahulu perjanjian (*Condition Precedent*) iaitu syarat yang perlu dipatuhi sebelum pelaksanaan terma utama atau obligasi pihak yang terlibat dengan perjanjian dan syarat tersebut merupakan keperluan undang-undang. Tertakluk kepada terma perjanjian dan sesuatu syarat adalah mandatori, kegagalan mematuhi syarat terdahulu dan pelanjutan tempoh pematuhan akan menjejaskan pelaksanaan perjanjian.
- b. Semakan Audit terhadap 8 dokumen perjanjian mendapati 5 perjanjian mempunyai syarat terdahulu yang perlu dipatuhi. Perjanjian tersebut melibatkan Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM) Fasa 1 dan 3, Program Akuakultur Sungai Kerang (PASK), E-AROWANA dan Program Akuakultur Selingsing Perak (PASP). Semua syarat terdahulu yang ditetapkan dalam perjanjian telah dipatuhi oleh syarikat pelaksana kecuali syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB) untuk program PASM dan syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB) untuk program PASK. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.11 : SYARAT TERDAHULU PERJANJIAN YANG TIDAK DIPATUHI

PROGRAM	SYARAT TERDAHULU	CATATAN
PASM Fasa 1	1. Selaras dengan syarikat POSB membayar premium dan pembayaran lain, kos dan perbelanjaan, Jabatan Perikanan Negeri Kedah menjamin dan berjanji bahawa lesen Sistem Kultur Laut (SKL) akan dikeluarkan dan syarikat POSB menjamin dan berjanji bahawa lesen SKL adalah sah sepanjang kewujudan perjanjian ini.	Jabatan Perikanan Negeri Kedah mengesahkan lesen SKL syarikat POSB tidak diperbaharui sejak 13 Mac 2013 melalui surat Prk.K.09/728/6 bertarikh 8 Januari 2015.
PASM Fasa 3	1. Syarikat POSB perlu menyediakan dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Bersama (JC) untuk pertimbangan dan pengesyoran dan kelulusan NCIA bagi terma seperti berikut: - Mekanisme dan pelaksanaan umum untuk peladang kontrak. - Hubungan pelaksanaan umum syarikat POSB dan peladang kontrak termasuk tetapi tidak terhad kepada penyelesaian pertikaian. - Terma dan syarat yang mengawal hubungan di antara syarikat POSB dan peladang kontrak termasuk tetapi tidak terhad kepada prosedur operasi yang dikeluarkan oleh syarikat POSB untuk proses penternakan bagi melancarkan operasi skim jaminan beli balik. - Syarat dan peraturan skim jaminan beli balik iaitu syarikat POSB menjamin untuk membeli hasil dari setiap peladang kontrak. - Manfaat kewangan atau sebaliknya yang mungkin diterima oleh peladang kontrak termasuk tetapi tidak terhad kepada insurans yang diambil oleh setiap peladang kontrak. 2. Syarat terdahulu mengenai peserta ladang kontrak adalah seperti berikut: - Menghantar sekurang-kurangnya 16 nama peserta ladang kontrak - Penyediaan terma pelaksanaan peladang kontrak yang perlu dikemukakan untuk kelulusan NCIA dalam tempoh sebulan dari tarikh perjanjian. - Syarat kontrak rasmi secara bertulis dengan setiap peladang kontrak berkaitan program PASM hendaklah dipatuhi dalam tempoh 3 bulan dari tarikh perjanjian ini. - Kegagalan mematuhi syarat ini menyebabkan, perjanjian ini hendaklah dianggap terbatal dari awal (<i>void ab initio</i>) dan kedua-dua pihak serta merta terlepas daripada tanggungjawab mereka dalam peruntukan perjanjian ini.	Semakan terhadap minit mesyuarat JC bertarikh 18 Julai 2012 mendapati syarikat POSB tidak mengemukakan terma seperti yang ditetapkan kepada JC untuk pertimbangan dan pengesyoran. Tidak dapat mengesahkan syarat tersebut telah dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan.
PASK	- Pajakan lokasi akuakultur diberikan oleh Kerajaan Negeri Perak untuk NCIA dan disokong Pejabat Tanah yang berkaitan. - Semua kos dan perbelanjaan untuk mendapatkan dan mengekalkan pajakan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran guaman dan perbelanjaan peguam yang dilantik oleh NCIA (jika berkaitan) yuran pendaftaran pihak berkuasa tempatan dan/atau negeri, premium, cukai tanah dan taksiran hendaklah dibayar oleh syarikat AFISB bagi pihak NCIA dan kekal sebagai pembayar selama syarikat AFISB yang merupakan pemegang lesen lokasi akuakultur. - Syarat terdahulu dianggap telah dipenuhi sekiranya NCIA mendapatkan geran pajakan dengan namanya disahkan sebagai pemegang pajakan dan salinan yang sama diberikan kepada AFISB. - Jika syarat terdahulu mengenai geran pajakan dan juga perjanjian jual beli lokasi pemprosesan tidak dipenuhi dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh perjanjian ini, kedua-dua pihak adalah bebas sama ada untuk melanjutkan tempoh pematuan secara bertulis atau bersetuju secara bertulis untuk menamatkan perjanjian dan menganggap perjanjian ini tidak sah di mana semua pihak adalah terlepas daripada tanggungjawab mereka dalam peruntukan perjanjian ini selepas itu.	NCIA masih belum mendapatkan geran pajakan atas namanya walaupun syarikat AFISB telah mengusahakan tanah tersebut. Tidak dapat disahkan kerana geran pajakan masih belum diperolehi.

Sumber: Dokumen Perjanjian dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bersama

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Perjanjian adalah dalam bentuk mudah cara dan bukan perjanjian binaan fizikal. Walaupun terdapat syarat terdahulu dalam perjanjian tersebut, kedua-dua pihak bersetuju untuk memberi pelepasan (waive) terhadap syarat terdahulu demi pelaksanaan program secara lancar:

Syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB)

Syarikat POSB telah melantik 16 orang peserta yang diberi latihan dan dibayar gaji. Syarikat POSB tidak gagal dalam memenuhi syarat terdahulu namun operasi tidak berjalan lancar kerana kerosakan sangkar disebabkan oleh ribut. Perancangan awal berkenaan konsep latihan kepada usahawan dibincangkan dalam mesyuarat Jawantankuasa Bersama Ke-7 pada 18 Januari 2011.

Syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad

Kebenaran merancang akan dipohon oleh NCIA kerana ia diperlukan untuk permohonan geran tanah.

2.4.4.2 Proses Permohonan Hak Milik Tanah Tidak Dilaksanakan

- a. Perjanjian program PASK menetapkan NCIA perlu mendapatkan geran pajakan tanah bagi lokasi akuakultur dengan namanya disahkan sebagai pemegang pajakan bagi memenuhi kehendak syarat terdahulu perjanjian.
- b. Semakan Audit mendapati pada 6 Mei 2009 Pejabat Daerah Dan Tanah Larut, Matang dan Selama telah meluluskan cadangan program pembangunan oleh NCIA bagi pembangunan semula untuk keluarga miskin tegar seluas 70 ekar di wilayah Sungai Kerang, Mukim Sungai Tinggi, Daerah Larut, Matang dan Selama. Semakan lanjut dengan pejabat tanah berkaitan mendapati hak milik belum dikeluarkan kepada NCIA kerana NCIA masih belum mengemukakan pelan susunatur yang diluluskan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa. Oleh itu, NCIA tidak mematuhi kehendak syarat terdahulu perjanjian walaupun syarikat AFISB telah mengusahakan tanah tersebut.

Pada pendapat Audit, syarat terdahulu yang ditetapkan oleh NCIA dalam perjanjian adalah baik. Bagaimanapun, pelaksanaan syarat terdahulu kurang memuaskan kerana terdapat syarat yang tidak dipatuhi oleh syarikat pelaksana dan NCIA.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA dalam proses melantik juru ukur dan perancang bandar pada 6 Mei 2015 untuk mendapatkan kebenaran merancang daripada Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa bagi proses mendapatkan geran hak milik. NCIA melaksanakan projek ini dengan segera bagi mengelakkan setinggan kembali ke tapak projek. Ini adalah nasihat daripada Kerajaan Negeri Perak.

NCIA mempunyai hak untuk melepaskan syarat terdahulu selepas menerima surat keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak meluluskan pajakan selama 99 tahun. Memandangkan situasi ini adalah di luar kawalan pihak yang terlibat, NCIA telah melepaskan syarat terdahulu secara by conduct untuk meneruskan pelaksanaan projek. Jawatankuasa pelantikan perunding akan bersidang pada 15 Mei 2015 dan dijangka selesai pada bulan Julai 2016.

Sebarang pindaan terhadap syarat perjanjian hendaklah dibuat secara bertulis dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

2.4.4.3 Model Kerja Program Tidak Dapat Dilaksanakan Dengan Baik

- a. Perjanjian di antara NCIA dengan syarikat POSB, AFISB dan HCSB telah menetapkan model kerja bagi pelaksanaan program termasuk menguruskan peladang kontrak atau usahawan akua. Melalui model kerja ini, syarikat perlu menguruskan perjalanan program dan Jawatankuasa Bersama perlu mengenal pasti serta melantik peserta iaitu peladang kontrak atau usahawan akua. Syarikat bertanggungjawab menandatangani perjanjian dengan setiap peserta selepas pelantikan dibuat. Terma dan syarat perjanjian tersebut hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh NCIA dan antara terma serta syarat model kerja adalah seperti berikut:
 - i. Pembahagian kolam atau sangkar untuk penternakan;
 - ii. Pembahagian benih, makanan, ubatan dan peralatan kepada peladang kontrak atau usahawan akua untuk melaksanakan aktiviti penternakan;
 - iii. Gaji atau elaun sara hidup pada tempoh permulaan atau pusingan pertama tuaian; dan
 - iv. Jaminan beli balik hasil tuaian oleh syarikat.
- b. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat *Task Force* program bertarikh 23 Disember 2014 mendapati syarikat HCSB masih belum melaksanakan model kerja ini kerana beberapa masalah yang dihadapi oleh syarikat. Seterusnya, pihak Audit dimaklumkan syarikat AFISB tidak menggunakan model kerja

peladang kontrak seperti yang ditetapkan dalam perjanjian sebaliknya telah melantik peserta kolam yang diberi gaji pokok dan bonus mengikut keuntungan pengeluaran kolam. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan persetujuan pertukaran model kerja kerana tidak diminitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Bersama.

- c. Pada 9 April 2012, syarikat AFISB telah mengeluarkan surat lantikan kepada 6 peserta projek ternakan udang dan dipersetujui melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama pada 10 April 2012. Temuduga telah dijalankan pada 15 April 2012 oleh wakil Pejabat Daerah, NCIA dan syarikat AFISB. Semakan Audit terhadap surat lantikan peserta projek ternakan udang mendapati pelantikan peserta berkuat kuasa mulai 2 Mei 2012. Bagaimanapun, laporan gaji bulan Oktober 2014 menunjukkan hanya 4 peserta kolam yang masih mengusahakan ternakan udang. Model kerja yang dilaksanakan tidak menyumbang kepada produktiviti kilangnya kerana hasil tuaian udang tidak memuaskan. Selain itu, syarikat AFISB menanggung kerugian disebabkan pelaburan dan kos operasi yang tinggi serta masih belum berupaya untuk membuat pembayaran balik pembiayaan kepada NCIA.
- d. Semakan Audit terhadap senarai pekerja dan peserta projek POSB Sungai Menghulu mendapati 30 peladang kontrak telah terlibat mulai tahun 2011. Syarikat POSB tidak membuat perjanjian dengan setiap peladang kontrak seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh sebenar pelantikan peladang kontrak, pembahagian sangkar dan bahan mentah serta perjanjian jaminan beli balik hasil tuaian. Pihak Audit mendapati syarikat POSB telah memberi gaji tetap, caruman KWSP, caruman PERKESO dan insentif jualan kepada peladang kontrak yang terlibat. Syarikat POSB terpaksa menanggung komitmen bulanan yang tinggi akibat tidak mematuhi terma dan syarat iaitu pembayaran gaji atau elaun sara hidup hanya pada tempoh permulaan atau pusingan pertama tuaian. Sehubungan itu, syarikat POSB masih belum berupaya untuk membuat pembayaran balik pembiayaan kepada NCIA. Pihak Audit dimaklumkan bahawa semua peladang kontrak telah diberi cuti tanpa gaji secara berperingkat mulai tahun 2012 kerana kekurangan pengeluaran hasil dan kerosakan sebahagian sangkar akibat ribut.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan model kerja program untuk syarikat HCSB, AFISB dan POSB adalah kurang memuaskan kerana pengurusan program dan pelantikan peserta tidak dilaksanakan sepenuhnya. Antara terma dan syarat perjanjian seperti penyediaan perjanjian peladang kontrak, pembahagian sangkar/kolam, benih, makanan dan jaminan beli balik hasil tidak dipatuhi oleh syarikat pelaksana.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Secara amnya, program usahawan mengambil masa antara 7 hingga 10 tahun. Pelaksanaan program usahawan dan peladang kontrak akan dipantau dengan rapi tertakluk kepada isu-isu seperti masalah EMS.

Syarikat HCSB

Program latihan usahawan di syarikat HCSB kurang lancar kerana masalah penyakit EMS yang menyebabkan pengeluaran hasil kurang. Bagaimanapun, program usahawan ini telah bermula dengan mengenal pasti peserta bagi program tersebut. Seramai 7 orang usahawan sedang menjalani program ini di syarikat HCSB iaitu mereka akan diberi pilihan untuk mengusahakan kolam sendiri mengguna pakai peruntukan sendiri atau bekerjasama dengan syarikat pelaksana untuk mengusahakan kolam syarikat.

Syarikat AFISB

NCIA bersama Jabatan Perikanan akan turut sama memberi input terhadap usaha mengatasi masalah EMS dan akan menggunakan kawasan ini sebagai model untuk mengatasi masalah penyakit. Program ini telah dilaksanakan dimana seramai 5 orang daripada 23 orang calon telah dipilih. Bagaimanapun, kesemua peserta telah gagal semasa tempoh percubaan tersebut. Program ini akan diteruskan setelah masalah dapat diatasi.

Syarikat POSB

Selepas selesai proses perundangan, projek akan diteruskan berdasarkan kajian semula model perniagaan yang bersesuaian untuk projek ini.

2.4.4.4 Hak Pemilikan Dan Insurans Terhadap Kemudahan Serta Peralatan Tidak Menepati Terma Perjanjian**a. Syarikat Progressive Ocean Sdn. Berhad**

- i. Klausula 5.9 perjanjian PASM Fasa 1 menetapkan bahawa NCIA memegang hak pemilikan terhadap semua kemudahan dan peralatan yang dibeli sepanjang tempoh perjanjian. Klausula 5.10 menetapkan syarikat POSB berperanan dan bertanggungjawab memastikan kemudahan dan peralatan yang dibeli diinsuranskan atas nama NCIA sepanjang tempoh perjanjian dan perlanjutan. Klausula 6.7 perjanjian PASM Fasa 3 menetapkan NCIA mempunyai hak pemilikan yang sama terhadap semua aset alih dan syarikat POSB memberi jaminan bahawa aset tersebut tidak akan dilupuskan,

diberikan atau dicagarkan untuk kemudahan pembiayaan sepanjang tempoh perjanjian berkuat kuasa.

- ii. Syarikat POSB telah membina sebuah Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan bagi Fasa 1 bernilai RM900,000. Semakan Audit mendapati hak pemilikan Pusat Transit Dan Kuarantin serta kemudahan pemprosesan makanan masih bukan milik NCIA kerana geran tanah belum diperoleh. Permohonan telah dibuat oleh syarikat POSB pada 26 September 2010 dan ditolak oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi kerana sedang menunggu keputusan Kerajaan Negeri Kedah untuk permohonan daripada individu lain di lokasi yang sama. Pihak Audit dimaklumkan NCIA juga telah membuat permohonan pada 21 Ogos 2011 tetapi belum diluluskan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi. Selain itu, pusat ini tidak diinsuranskan seperti yang ditetapkan dalam klausa 5.10 perjanjian PASM Fasa 1.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA akan membuat permohonan tanah daripada Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi untuk mendapatkan TOL/hak milik.

Syarikat POSB menghadapi masalah untuk mendapatkan syarikat insurans yang sanggup memberi perlindungan insurans terhadap peralatan sangkar laut dan fasiliti berkaitan. Ini adalah berkaitan dengan status tanah yang masih belum diselesaikan.

- iii. Semakan Audit terhadap tuntutan pembayaran mendapati syarikat POSB telah membeli 5 buah bot Kelas B daripada 5 orang individu dengan menggunakan pembiayaan NCIA sejumlah RM1.15 juta. Bagaimanapun, Buku Dasar dan Perlesenan Vesel menetapkan hak pemilikan bot Kelas B hanya boleh dibuat atas nama individu yang berstatus nelayan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.12 : SENARAI BOT DAN HAK PEMILIKAN INDIVIDU

NO. BOT	NO. LESEN	TEMPOH SAH LESEN	PEMBIAYAAN NCIA (RM)	CATATAN
KHF 244	EA 001223	01.02.2015 - 31.01.2016	250,000	
PK 3072 F	E 009653	11.02.2015 - 10.02.2016	250,000	
KF 5528	EA 001282	23.03.2015 - 21.04.2016	150,000	
KF 2464	EA 001094	25.01.2014 - 24.01.2015	250,000	Lesen digantung selama setahun kerana menunda di bawah 5 batu nautika dari pantai.
KHF 1198	EA 001125	11.02.2015 - 10.02.2016	250,000	
JUMLAH KESELURUHAN			1,150,000	

Sumber: Senarai Penerima Subsidi Diesel Di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Maklumat daripada Jabatan Perikanan Putrajaya.

Pada pendapat Audit, NCIA tidak sepatutnya membiayai perolehan 5 bot kelas B bernilai RM1.15 juta yang tidak boleh ditukar hak milik kepada NCIA.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA telah mendapatkan pandangan daripada Jabatan Perikanan selepas teguran Audit dan dimaklumkan oleh Jabatan Perikanan bahawa bot kelas B tidak boleh ditukar hak milik kepada syarikat.

NCIA akan membuat permohonan kepada Jabatan Perikanan supaya bot berkenaan ditukarkan kepada kelas C bagi membolehkan hak milik ditukar kepada NCIA.

Jabatan Perikanan Putrajaya menggalakkan pertukaran kelas bot dari kelas B ke kelas C. Bagaimanapun, pertukaran 5 buah bot yang dibiayai oleh NCIA akan melibatkan anggaran kos sejumlah RM3 juta sedangkan kos perolehan 5 bot tersebut hanya berjumlah RM1.15 juta.

2.4.5 Prestasi Pembayaran Balik Pembiayaan

2.4.5.1 Perjanjian antara NCIA dengan syarikat pelaksana menetapkan tempoh dan jumlah pembayaran balik pembiayaan tanpa faedah perlu dibuat mulai tahun 2013. Semakan Audit mendapati tiada bayaran balik pembiayaan oleh syarikat pelaksana sehingga 31 Disember 2014. Bayaran balik yang perlu dikutip adalah sejumlah RM10.82 juta iaitu tunggakan bayaran balik tahun 2013 sejumlah RM5.12 juta dan tahun 2014 sejumlah RM5.70 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.13 : JUMLAH BAYARAN BALIK YANG PERLU DIKUTIP SETAKAT 31 DISEMBER 2014

SYARIKAT PELAKSANA		BAYARAN BALIK			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK		
		BIL. TAHUN	TARIKH MULA – TARIKH AKHIR	JUMLAH (RM Juta)			
					2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
POSB	Fasa 1	5	31.12.2013 - 31.12. 2017	6.80	1.36	1.36	2.72
	Fasa 2	7	30.06.2013 - 31.12. 2019	3.00	0.42	0.42	0.84
	Fasa 3	5	31.12.2013 - 31.12.2017	8.10	1.62	1.62	3.24
ANAZA		5	01.03.2013 - 01.03.2018	1.50	0.25	0.30	0.55
AFISB		6	31.12. 2013 - 31.12. 2018	10.00	0.50	1.00	1.50
EATSB	Sg. Tengah	5	30.06.2013 - 31.12. 2017	4.00	0.80	0.80	1.60
	Bukit Merah	5	01.03.2013 - 01.03.2018	1.00	0.17	0.20	0.37
HCSB		6	31.12.2015 - 31.12.2020	6.00	-	-	-
JUMLAH				40.40	5.12	5.70	10.82

Sumber: Dokumen Perjanjian

2.4.5.2 Pihak Audit mendapati NCIA telah mengeluarkan Nota Debit untuk mengutip semula pembiayaan tersebut tetapi disusuli Nota Kredit pada penghujung tahun apabila tiada bayaran balik diterima. Selain itu, tiada tindakan susulan dibuat oleh NCIA untuk mendapatkan semula jumlah pembiayaan.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA tidak menganggap syarikat pelaksana sebagai peminjam tetapi mereka adalah pelaksana kepada projek bersama NCIA untuk pembangunan sosio ekonomi Koridor Utara.

Pada pendapat Audit, perjanjian yang ditandatangani telah mengikat syarikat pelaksana untuk membayar balik pembiayaan kepada NCIA mengikut jumlah dan tempoh yang ditetapkan.

2.4.6 Pembinaan Bangunan Di Tanah TOL

2.4.6.1 Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kerian menyatakan bahawa tanah yang diberikan lesen ini tidak boleh digunakan untuk maksud selain daripada yang dinyatakan dalam lesen, menanam tanaman kekal dan mendirikan bangunan kekal atau binaan kekal yang lain. Perlanggaran syarat di dalam lesen boleh menyebabkan lesen ini terbatal.

2.4.6.2 Semakan Audit mendapati syarikat HCSB telah melaksanakan perniagaan berasaskan ternakan udang di dalam kolam yang menepati maksud menduduki tanah tersebut iaitu pertanian dan akuakultur. Bagaimanapun, lawatan Audit ke Selinsing mendapati syarikat HCSB telah membina bangunan pentadbiran,

makmal, surau dan kantin. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Bersama Program Kompleks Akuakultur Selinsing Kali Ke-7 pada 6 Disember 2011 menyatakan syarikat HCSB telah memohon kelulusan daripada pejabat tanah untuk membina bangunan kekal di kawasan tersebut tetapi kelulusan mengenainya masih belum diperoleh. Sekiranya pembinaan dibuat tanpa kelulusan yang sewajarnya, NCIA akan mengalami kerugian kerana telah membuat pembayaran TOL sejumlah RM366,000 untuk tempoh 10 tahun dan projek akan gagal sekiranya lesen dibatalkan. Antara bangunan yang dibina oleh syarikat HCSB adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.15



Lokasi: Selinsing, Perak
Tarikh: 13 Oktober 2014

GAMBAR 2.16



Lokasi: Selinsing, Perak
Tarikh: 13 Oktober 2014

Bangunan Kekal Dibina Atas Tanah TOL

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA memaklumkan kelulusan daripada Pejabat Daerah dan Tanah Kerian telah diperoleh pada 14 April 2015. Bagaimanapun, NCIA diarahkan untuk memohon Lesen Menduduki Sementara (TOL) yang berasingan bagi tapak yang telah dibina bangunan supaya tidak berlaku pelanggaran syarat TOL.


NCIA akan memohon kepada Pejabat Menteri Besar untuk pelepasan syarat TOL dan dijangka selesai 6 bulan dari tarikh surat permohonan (hujung bulan Mei 2015).

2.4.7 Peralatan Tidak Disenggara

2.4.7.1 Mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan KP2.5/2013, setiap kemudahan dan peralatan memerlukan penyenggaraan sama ada secara pencegahan atau pemulihan atau kedua-duanya sekali bagi memelihara dan memanjangkan jangka hayat peralatan.

2.4.7.2 Lawatan Audit ke Sungai Menghulu pada 20 Oktober 2014 mendapati syarikat POSB telah membeli peralatan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Bagaimanapun, bilik sejuk beku didapati telah berkarat, mesin membuat palet makanan ikan tidak digunakan dan mesin pemprosesan makanan telah rosak kerana tidak disenggara dengan baik. Selain itu, 2 mesin mencuci pukot yang dibiayai oleh NCIA sejumlah RM80,000 sepatutnya ditempatkan di Sungai Menghulu telah ditempatkan di Kilang Pemprosesan Tanjung Dawai. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada mesin tersebut disenggara dengan baik. Syarikat POSB memaklumkan mesin tersebut tidak digunakan kerana memerlukan pembaikan untuk kegunaan luar jangka. Antara peralatan tersebut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.17
Bilik Sejuk Yang Tidak Disenggarakan Dengan Baik Dan Berkarat



Lokasi: Pusat Transit dan Kuarantin Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 2.18
Mesin Pemprosesan Makanan Bernilai RM25,000 Yang Rosak



Lokasi: Pusat Transit dan Kuarantin Sungai Menghulu, Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 2.19
2 Mesin Mencuci Pukat Bernilai RM80,000 Yang Tidak Digunakan Dan Tidak Berada Di Sungai Menghulu



Lokasi: Kilang Pemprosesan Tanjung Dawai, Kedah
Tarikh: 9 Disember 2014
Sumber: Syarikat POSB

Pada pendapat Audit, peralatan yang tidak diuruskan dengan baik boleh meningkatkan kos penyenggaraan dan baik pulih peralatan serta menjejaskan produktiviti.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Pihak NCIA akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengurangkan karat seperti cat semula, tampalan atau dibaiki.

2.4.8 Kemudahan Dan Peralatan Tidak Digunakan Secara Optimum

Mengikut 1Pekeliling Perbendaharaan KP2.4/2013, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos dan mencapai jangka hayat.

2.4.8.1 Penggunaan Kemudahan Kolam Dan Sangkar

- a. Lawatan Audit ke setiap lokasi program pada bulan Oktober 2014 mendapati syarikat telah membina kolam udang putih dan sangkar ikan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian kecuali syarikat HCSB hanya membina 168 daripada 360 kolam di Pulau Gula. Pihak Audit mendapati syarikat EATSB telah menggunakan sepenuhnya kolam yang dibina manakala penggunaan kolam dan sangkar bagi 3 syarikat lain adalah di antara 4.2% hingga 41.7%. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan penggunaan sangkar milik syarikat ANAZA kerana telah diusahakan oleh syarikat lain. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.14 : PENGGUNAAN KOLAM DAN SANGKAR

PROGRAM	SYARIKAT	LOKASI	KOLAM/SANGKAR (Bil.)	PENGGUNAAN KOLAM/SANGKAR (Bil.)	PENGGUNAAN (%)	CATATAN
PIH	EATSB	Bukit Merah, Perak	44	44	100	Kolam digunakan sepenuhnya
		Sungai Tengas, Kedah	30	30	100	
PASK	AFISB	Sungai Kerang, Perak	28	10	35.7	4 kolam mempunyai udang, 6 kolam dalam penyediaan untuk kemasukan benih udang dan 18 kolam lagi tidak digunakan.
PASM	POSB	Sungai Menghulu, Langkawi	1200	400	34	Syarikat memaklumkan hanya 100 sangkar yang mempunyai ikan semasa lawatan Audit pada 20 Oktober 2014.
PASP	HCSB	Selinsing, Perak	140	35	25	Pihak Audit dimaklumkan 20 kolam digunakan untuk rawatan air manakala 15 kolam sedang beroperasi.

PROGRAM	SYARIKAT	LOKASI	KOLAM/SANGKAR (Bil.)	PENGUNAAN KOLAM/SANGKAR (Bil.)	PENGUNAAN (%)	CATATAN
		Pulau Gula, Perak	168	7	4.2	Hanya 168 kolam daripada 360 kolam telah siap dibina.
PTISM	ANAZA	Penarak, Langkawi	275	Tiada Maklumat		Sangkar telah diusahakan oleh syarikat lain.

Sumber: Dokumen Perjanjian, Laporan Pemantauan NCIA dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bersama.

- b. Pihak Audit dimaklumkan antara faktor kolam dan sangkar tidak digunakan sepenuhnya adalah kerana kekurangan benih udang putih dan ikan yang berkualiti, kadar kematian udang yang tinggi disebabkan penyakit *Early Mortality Syndrome* dan faktor cuaca seperti ribut yang merosakkan sangkar ikan. Oleh itu, penggunaan kolam dan sangkar yang tidak optimum telah menjejaskan pengeluaran dan hasil jualan. Ini menyebabkan syarikat tidak dapat membuat sumbangan dan pembayaran balik pembiayaan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

Syarikat Hannan Corporation Sdn. Berhad

NCIA memaklumkan 2 isu yang menyebabkan kurangnya penggunaan kolam di Pulau Gula iaitu bekalan elektrik dan isu logistik. Bagi isu bekalan elektrik, syarikat Hannan Corporation Sdn. Berhad menggunakan generator dengan bekalan diesel yang tidak menguntungkan. Bagi isu kebenaran penggunaan tanah rizab hutan untuk jalan masuk ke tapak pembangunan, ianya adalah berkaitan dengan laluan masa kini adalah bergantung kepada pasang surut air. Kebergantungan kepada keadaan ini menjadikan pergerakan kakitangan tidak menguntungkan. Berdasarkan kepada 2 masalah ini, Jawatankuasa Bersama mencadangkan pembinaan 192 kolam ditangguhkan.

Syarikat Anaza Sdn. Berhad

NCIA sedang merancang untuk membaik pulih Program Penternakan Ikan Marin dan akan mengambil alih 200 sangkar yang dibiayai oleh NCIA. Selain itu, perjanjian telah ditamatkan melalui surat tuntutan yang dikeluarkan oleh peguam NCIA pada 16 Mac 2015 dan dijangka selesai pada bulan Disember 2015.

Syarikat Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB)

Syarikat AFISB telah memulakan penghasilan benih udang putih dan sebuah lagi syarikat telah memulakan penghasilan benih udang harimau. Penghasilan benih yang berkualiti bukan sahaja menjamin kualiti bekalan tetapi dapat menangani isu penyakit.

2.4.8.2 Penggunaan Kemudahan Dan Peralatan

- a. Lawatan Audit ke syarikat POSB di Sungai Menghulu dan Tanjung Dawai serta syarikat AFISB di Kamunting pada bulan Oktober 2014 mendapati syarikat telah membeli dan membina kemudahan serta peralatan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.
- b. Pihak Audit mendapati kemudahan pemprosesan di syarikat AFISB dilengkapi dengan peralatan yang berkeadaan baik tetapi tidak digunakan. Syarikat AFISB memaklumkan operasi kemudahan pemprosesan telah dihentikan sementara waktu mulai bulan Ogos 2014 kerana kekurangan pengeluaran hasil daripada kolam. Bagaimanapun, peralatan tersebut telah disenggara dengan baik untuk mengelak daripada pengumpulan habuk dan dimasuki serangga yang boleh merosakkan peralatan. Antara peralatan tersebut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.20

Peralatan Tidak Digunakan Sejak Dihentikan Operasi Mulai bulan Ogos 2014



Lokasi: Kamunting, Perak
Tarikh: 14 Oktober 2014

GAMBAR 2.21



Lokasi: Kamunting, Perak
Tarikh: 14 Oktober 2014

- c. Syarikat POSB telah membina kemudahan Pusat Transit Dan Kuarantin untuk menempatkan benih ikan sebelum dilepaskan ke sangkar. Pusat ini dilengkapi dengan bangunan pentadbiran, tangki asuhan, tangki penetasan, tangki makanan hidup, tangki induk dan tangki takungan. Semakan Audit mendapati penggunaan 4 jenis tangki yang dibiayai oleh NCIA sejumlah RM1.13 juta adalah di antara 4.4% hingga 45%. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.15 : PENGGUNAAN TANGKI DI PUSAT TRANSIT DAN KUARANTIN SYARIKAT POSB

BUTIRAN	KEMUDAHAN (Bil.)	PENGGUNAAN (Bil.)	PENGGUNAAN (%)
Tangki Penetasan	40	18	45
Tangki Makanan Hidup	40	15	37.5
Tangki Induk	4	1	25
Tangki Asuhan	160	7	4.4

Sumber: Rekod Tangki Asuhan dan Penetasan Syarikat POSB

GAMBAR 2.22
Tangki Makanan Hidup Tidak Digunakan



Lokasi: Pusat Transit dan Kuarantin Sungai Menghulu,
Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 2.23
Tangki Penetasan Yang Tidak Digunakan



Lokasi: Pusat Transit dan Kuarantin Sungai Menghulu,
Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 2.24
Tangki Asuhan Yang Tidak Digunakan



Lokasi: Pusat Transit dan Kuarantin Sungai Menghulu,
Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 2.25
Tangki Asuhan Yang Tidak Digunakan



Lokasi: Pusat Transit dan Kuarantin Sungai Menghulu,
Langkawi, Kedah
Tarikh: 20 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, penggunaan kemudahan dan peralatan kurang daripada 50% adalah tidak memuaskan. Penggunaan kemudahan dan peralatan yang tidak optimum telah menjejaskan pengeluaran hasil dan jangka hayat peralatan.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA memaklumkan projek akan diteruskan berdasarkan kajian semula model perniagaan yang bersesuaian untuk projek ini selepas selesai proses perundangan.

2.4.9 Kawalan Biosekuriti dan Pensijilan Akuakultur Yang Tidak Memuaskan

2.4.9.1 Mengikut Amalan Terbaik Akuakultur, biosekuriti merupakan komponen pengurusan yang penting bagi mencegah kewujudan agen penyakit. Antara kawalan biosekuriti akuakultur yang perlu dilakukan adalah memastikan kenderaan melalui *wheel dip*, kaki dan tangan pekerja atau pelawat dibasuh dengan cecair *omnicide*. Lawatan Audit ke program akuakultur pada bulan Oktober 2014 mendapati syarikat POSB dan EATSB tidak menyediakan kawalan biosekuriti tersebut.

2.4.9.2 Selain itu, Jabatan Perikanan Malaysia telah memperkenalkan satu skim sukarela yang memberi pengiktirafan rasmi kepada pengusaha ladang akuakultur melalui Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) yang telah dijenamakan semula sebagai *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP). Semakan Audit mendapati hanya syarikat AFISB yang memperoleh sijil tersebut sementara 4 syarikat yang lain tidak mempunyai sebarang pengiktirafan.

Pada pendapat Audit, amalan biosekuriti dan MyGAP yang baik dapat mencegah penyakit yang boleh menjejaskan pengeluaran akuakultur.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA telah bekerjasama dengan Jabatan Perikanan menganjurkan seminar kesedaran dan promosi MyGAP di Perak dan Pulau Pinang. Seterusnya NCIA akan menganjurkan seminar ini di Kedah dan Perlis pada suku ketiga tahun 2015.

NCIA kini telah meletakkan syarat bahawa kesemua program berkaitan pertanian untuk mempraktikkan pelaksanaan prosedur kawalan biosekuriti berdasarkan amalan MyGap.

2.4.10 Prestasi Kewangan Terhadap 5 Syarikat Pelaksana Bagi Tahun 2011 Sehingga 2013

Analisis Audit hanya dibuat terhadap 3 daripada 5 syarikat iaitu syarikat POSB, AFISB dan HCSB berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2011 sehingga 2013. Bagaimanapun, analisis kewangan terhadap syarikat EATSB dan ANAZA tidak dapat dibuat kerana syarikat tidak mengemukakan penyata kewangan beraudit kepada NCIA dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

2.4.10.1 Analisis Nisbah Kewangan

Analisis terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2011 sehingga 2013 bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan syarikat pelaksana meliputi Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih, Pulangan Atas Ekuiti, Pulangan Atas Aset dan Nisbah Hutang. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.16 : ANALISIS NISBAH KEWANGAN SYARIKAT PELAKSANA BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA 2013

PERKARA	BUTIRAN								
	SYARIKAT POSB			SYARIKAT AFISB			SYARIKAT HCSB		
	2011	2012	2013	2011	2012	2013	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	0.54 : 1	0.10 : 1	0.07 : 1	3.66 : 1	1.86 : 1	3.46 : 1	1.63 : 1	0.51 : 1	0.03 : 1
Margin Untung Bersih (%)	0	(422)	(218)	10	8	(3)	0	(244)	(17)
Pulangan Atas Ekuiti (%)	35	(1179)	(879)	134	209	(8)	900	(72)	(69)
Pulangan Atas Aset (%)	1	(31)	(21)	1	2	(1)	82	(5)	(2)
Nisbah Hutang (%)	95	121	141	98	96	83	8	98	101

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Syarikat Pelaksana

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa syarikat POSB bagi tahun kewangan 2011 sehingga 2013 adalah pada tahap kurang memuaskan iaitu kurang daripada 1. Ini menunjukkan syarikat POSB sangat bergantung kepada pinjaman luar untuk menguruskan operasinya.

Bagaimanapun, kadar nisbah semasa syarikat AFISB pada tahun 2011 sehingga 2013 dan syarikat HCSB pada tahun 2011 adalah baik kerana Nisbah Semasa syarikat lebih daripada 1.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan daripada pendapatan yang diperoleh. Margin untung bersih syarikat pelaksana adalah tidak memuaskan. Syarikat POSB dan HCSB telah mengalami kerugian menyebabkan margin untung bersih adalah negatif. Selain itu, syarikat AFISB telah mencatatkan penurunan margin untung bersih daripada 10% pada tahun 2011 kepada 8% pada tahun 2012 dan memperoleh margin untung bersih yang negatif sebanyak 3% pada tahun 2013.

c. Pulangan Atas Ekuiti

Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang diguna, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati syarikat POSB, AFISB dan HCSB telah mengalami kerugian pada tahun 2013 mengakibatkan peratus pulangan ke atas ekuiti adalah negatif.

d. Pulangan Atas Aset

Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik keupayaan syarikat untuk menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati syarikat POSB, AFISB dan HCSB telah mengalami kerugian pada tahun 2013 mengakibatkan peratus pulangan ke atas aset adalah negatif.

e. Nisbah Hutang

Analisis Nisbah Hutang dibuat bagi menilai kestabilan syarikat pelaksana dengan membandingkan jumlah liabiliti dan jumlah aset syarikat. Mengikut piawaian industri, jika peratus Nisbah Hutang adalah kurang daripada 50%, sesebuah syarikat boleh dianggap stabil. Nisbah Hutang syarikat POSB, AFISB dan HCSB adalah kurang memuaskan kerana Nisbah Hutang syarikat terus meningkat dan melebihi 50% bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2013 disebabkan oleh peningkatan jumlah liabiliti berbanding jumlah aset. Semua 3 syarikat akan menghadapi masalah untuk membayar hutangnya kerana Nisbah Hutang yang tinggi.

Pada pendapat Audit, prestasi syarikat AFISB, POSB dan HCSB pada tahun 2013 adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian selepas cukai. Ini telah menjejaskan nisbah kewangan seperti pulangan atas ekuiti dan pulangan atas aset. Kerugian terkumpul syarikat POSB dan HCSB bagi tahun 2013 telah melebihi modal saham dan Nisbah Semasa kurang daripada 1 menyebabkan syarikat tidak mampu menjelaskan hutang jangka pendek.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA akan berbincang dengan syarikat pelaksana melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama bagi mewujudkan pelan pemulihan secara keseluruhan. Pihak NCIA akan terus menggesa syarikat pelaksana untuk mengemukakan penyata kewangan beraudit. Sekiranya gagal, NCIA akan mendapatkan pandangan perundangan untuk tindakan lanjut.

Sejak penubuhan Jawatankuasa Pelaburan pada tahun 2012, pihak NCIA telah menetapkan kriteria kekukuhan kewangan sebagai salah satu kriteria utama dalam pemilihan syarikat. Selain itu, Pengurus Risiko telah dilantik sejak bulan Oktober 2012 untuk memberi input dalam pemilihan syarikat peneraju.

2.4.11 Pengesahan Kemampuan Syarikat Pelaksana Mengeluarkan Dana Sendiri Untuk Melaksanakan Program Tidak Dilakukan

2.4.11.1 Perjanjian di antara NCIA dan syarikat pelaksana menetapkan bahawa sejumlah RM328.80 juta atau 80.5% daripada RM408.40 juta akan dibiayai oleh syarikat pelaksana untuk menubuhkan, memulakan, melaksanakan dan menyenggara ternakan akuakultur. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati NCIA telah membiayai sejumlah RM79.60 juta atau 19.5% untuk pelaksanaan program akuakultur ini. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.17 : KOS DAN PEMBIAYAAN PROGRAM AKUAKULTUR

SYARIKAT PELAKSANA	PROGRAM	KOS PROGRAM (RM Juta)	PEMBIAYAAN NCIA (RM Juta)	PEMBIAYAAN SYARIKAT (RM Juta)
E-Arowana Trading Sdn. Berhad (EATSB)	Program Ikan Hiasan (PIH) • Ternakan Ikan Hiasan (Kelisa) Di Bukit Merah, Perak dan Sungai Tengas, Kedah.	189.50	5.00 (2.6%)	184.50 (97.4%)
Hannan Corporation Sdn. Berhad (HCSB)	Program Akuakultur Selinsing, Perak (PASP) • Ternakan Udang Putih Di Selinsing Dan Pulau Gula, Perak	150.00	36.00 (24%)	114.00 (76%)
Progressive Ocean Sdn. Berhad (POSB)	Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM) • Ternakan Ikan Air Masin, Pusat Transit Dan Kuarantin Serta Kilang Pemprosesan Makanan.	41.90	23.10 (55%)	18.80 (45%)

SYARIKAT PELAKSANA	PROGRAM	KOS PROGRAM (RM Juta)	PEMBIAYAAN NCIA (RM Juta)	PEMBIAYAAN SYARIKAT (RM Juta)
Ace Front Industries Sdn. Berhad (AFISB)	Program Akuakultur Sungai Kerang (PASK) • Ternakan Udang Putih Dan Kemudahan Pemprosesan	25.00	14.00 (56%)	11.00 (44%)
Anaza Sdn. Berhad (ANAZA)	Program Ternakan Ikan Sangkar Marin (PTISM) • Ternakan Ikan Air Masin di Penarak, Langkawi.	2.00	1.50 (75%)	0.50 (25%)
JUMLAH		408.40	79.60 (19.5%)	328.80 (80.5%)

Sumber : Dokumen perjanjian

2.4.11.2 Semakan Audit terhadap penyata kewangan syarikat pelaksana mendapati prestasi kewangan syarikat kurang memuaskan kerana 2 syarikat pelaksana telah mengalami kerugian terkumpul melebihi modal saham untuk tahun 2013. Selain itu, kertas cadangan pembangunan program tidak dikemukakan kepada pihak Audit bagi mengesahkan kos keseluruhan projek sejumlah RM408.40 juta.

Pada pendapat Audit, kemampuan syarikat pelaksana untuk membiayai kos program adalah tidak jelas dan diragui.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA akan berbincang dengan syarikat pelaksana melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama bagi mewujudkan pelan pemulihan secara keseluruhan. Secara amnya, program pertanian dan akuakultur mengambil masa antara 7 hingga 10 tahun untuk menstabilkan kedudukan kewangan dan mendapatkan pulangan modal maka analisis kewangan tahun permulaan perniagaan tidak menggambarkan situasi yang sebenar. Tambahan pula risiko seperti penyakit EMS, kekurangan benih dan ribut boleh menyusutkan lagi kewangan syarikat.

2.4.12 Pemantauan

2.4.12.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal supaya tindakan segera dapat diambil. Pemantauan yang sistematik menjamin aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sempurna serta mencapai objektif yang ditetapkan. NCIA menetapkan Laporan Kemajuan Program hendaklah dibentangkan kepada Ketua Eksekutif setiap bulan di dalam War Room.

2.4.12.2 Semakan Audit terhadap Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) mendapati NCIA telah mengemas kini maklumat di dalam sistem tersebut untuk tujuan pemantauan oleh Unit Kerjasama Awam dan Swasta dan Unit Perancang Ekonomi. Selain itu, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM juga telah memantau kemajuan

program pada bulan Oktober 2014 dan melaporkan semua program akuakultur dilaksanakan dengan baik.

2.4.12.3 Semakan Audit mendapati Bahagian Pertanian dan Bioteknologi NCIA telah menyediakan Laporan Kemajuan Bulanan yang melaporkan kemajuan program dan prestasi kewangan. Mulai bulan Julai 2014, bahagian ini telah menambah baik kaedah pemantauan dengan membuat laporan berkaitan program dan tindakan penyelesaian secara mingguan. Pihak Audit juga mendapati laporan ini akan dibentangkan kepada Ketua Eksekutif melalui *War Room* setiap bulan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan keputusan dan tindakan yang diambil.

2.4.12.4 Semakan lanjut terhadap laporan kemajuan mingguan sehingga 31 Oktober 2014 mendapati perbezaan hasil tuaian di antara rekod NCIA dengan syarikat pelaksana. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.18 : HASIL TUAIAN SEHINGGA 31 OKTOBER 2014

SYARIKAT PELAKSANA	REKOD HASIL TUAIAN NCIA (METRIK TAN)	REKOD HASIL TUAIAN SYARIKAT PELAKSANA (METRIK TAN)	PERBEZAAN (METRIK TAN)	CATATAN
POSB	43.36	103.30	(59.94)	
AFISB	200.65	226.92	(26.27)	
HCSB	712.00	521.54	190.46	
ANAZA	0.73	Tiada Maklumat	-	
EATSB	-	-	-	Tiada hasil tuaian. NCIA hanya melaporkan mengenai bilangan induk dan bayaran balik.

Sumber: Laporan Kemajuan NCIA dan Laporan Hasil Tuaian Syarikat Pelaksana

2.4.12.5 Semakan Audit terhadap Laporan Lawatan Pengesahan Kemajuan Program Pembangunan Akuakultur mendapati NCIA menjalankan pemantauan fizikal terhadap setiap program sebelum bayaran kemajuan dibuat. Bagaimanapun, lawatan fizikal oleh Bahagian Pertanian Dan Bioteknologi secara berkala selepas keseluruhan pembayaran pembiayaan dibuat tidak didokumenkan. Selain itu, NCIA juga tidak mewujudkan prosedur pemantauan. Pemantauan fizikal yang kurang memuaskan menyebabkan terma kontrak tidak dipatuhi sepenuhnya seperti hak milik aset dipegang oleh syarikat pelaksana, aset diinsuranskan atas nama syarikat pelaksana dan program ladang kontrak tidak dilaksanakan. Kelemahan pemantauan ini juga menyebabkan NCIA tidak dapat melaporkan kedudukan sebenar penggunaan, penyenggaraan kemudahan dan peralatan yang dibiayai kepada syarikat pelaksana. Prestasi kewangan syarikat pelaksana juga tidak dipantau untuk memastikan syarikat pelaksana mengemukakan penyata kewangan tahunan.

2.4.12.6 Semakan lanjut terhadap minit mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan Jawatankuasa Pengurusan mendapati program akuakultur hanya dibincangkan pada peringkat awal pelaksanaan pada tahun 2011 sehingga 2012. Bagaimanapun, pembentangan mengenai status terkini, masalah dan impak program daripada tahun 2013 sehingga 2014 hanya dimaklumkan kepada Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan oleh NCIA adalah kurang berkesan. Ini adalah berdasarkan kepada masalah pelaksanaan program dari aspek ketidakpatuhan syarat perjanjian oleh syarikat pelaksana, hasil tuaian dan hasil jualan kurang memuaskan serta bayaran balik pembiayaan tidak dibuat kepada NCIA.

Maklum Balas Daripada NCIA Diterima Pada 24 April 2015

NCIA memaklumkan semua mesyuarat dan lawatan akan direkodkan. NCIA telah menubuhkan Bahagian Pemantauan dan Koordinasi Program pada bulan Februari 2015 untuk melakukan pemantauan secara berkala.

2.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan NCIA mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1 NCIA perlu mengoptimumkan penggunaan kolam dan sangkar yang sedia ada sehingga mencapai objektif yang ditetapkan serta mendapat pulangan sewajarnya sebelum program tersebut diperluaskan dan diperkembangkan.

2.5.2 NCIA perlu menetapkan Penunjuk Prestasi Program (KPI) bagi setiap program selaras dengan objektif program dan penubuhannya.

2.5.3 NCIA hendaklah memastikan justifikasi pemilihan syarikat pelaksana dibuat secara telus dengan menitikberatkan keupayaan teknikal dan kewangan supaya syarikat pelaksana berkemampuan melaksanakan program dengan baik dan mampu membuat pembayaran balik pembiayaan serta memberikan sumbangan kepada NCIA secara konsisten. Proses pemilihan syarikat perlu melibatkan individu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang yang berkenaan.

2.5.4 NCIA hendaklah menetapkan asas kadar bayaran balik pembiayaan dan sumbangan atas jualan kasar yang akan memudahkan proses pemantauan dan kutipan.

2.5.5 NCIA hendaklah tegas dalam menguatkuasakan terma perjanjian dan mengambil tindakan terhadap syarikat pelaksana yang melanggar syarat perjanjian.

2.5.6 NCIA hendaklah membuat susulan terhadap status permohonan tanah dan memastikan hak milik tanah diperoleh terlebih dahulu sebelum meluluskan sesuatu program.

2.5.7 NCIA perlu mengambil langkah proaktif untuk memastikan rekod jualan diselenggara oleh syarikat pelaksana bagi tujuan pengiraan kadar sumbangan atas jualan kasar dan memastikan tindakan kutipan sumbangan dapat dilaksanakan.

2.5.8 NCIA perlu memantau secara berkala bagi memastikan pengeluaran hasil tuaian mencapai sasaran dan semua keperluan perjanjian dipatuhi selain mengenal pasti kelemahan serta punca masalah pada peringkat awal supaya tindakan penyelesaian dapat diambil. Pemantauan berkala juga perlu dilaksanakan terhadap semua kemudahan dan peralatan yang dibiayai oleh NCIA bagi memastikan ia digunakan serta diselenggara dengan cekap dan teratur untuk mengelakkan pembaziran.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.

3

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
Pengurusan Perolehan
3.1 LATAR BELAKANG

3.1.1 Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bermula dengan penubuhan Akademi Tentera Malaysia (ATMA) pada 1 Jun 1995 sebagai organisasi yang bertanggungjawab menjalankan program pengajian di peringkat Sarjana Muda dan latihan ketenteraan kepada Pegawai Kadet Angkatan Tentera Malaysia. Peranan ATMA kemudian diperluaskan dengan menjadikannya sebagai UPM dan diwartakan sebagai sebuah pertubuhan pemerbadanan pada 10 November 2006. Objektif penubuhan UPM adalah untuk menyediakan asas pengetahuan yang kukuh dan seimbang dalam bidang kemanusiaan, pengurusan, sains dan teknologi serta menerapkan daya usaha intelektual melalui pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan usaha kesarjanaan yang bertaraf antarabangsa dan menanam semangat kesetiaan serta patriotisme yang tinggi untuk berbakti kepada negara dengan berbekalkan ilmu, kemahiran dan kecekapan asas ketenteraan.

3.1.2 UPM telah diperuntukkan sejumlah RM171.50 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 untuk perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan melalui pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Perolehan yang dilaksanakan oleh UPM dari tahun 2012 sehingga 2014 berjumlah RM137.73 juta adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.1: PEROLEHAN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

KAEDAH PEROLEHAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Pembelian Terus	10.51	11.40	20.44	42.35
Sebut Harga	9.48	9.17	6.62	25.27
Tender	11.36	20.19	37.18	68.73
Rundingan Terus	0.70	0.68	-	1.38
JUMLAH	32.05	41.44	64.24	137.73

Sumber: Pejabat Bendahari

3.1.3 Pejabat Bendahari bertanggungjawab dalam mengurus perolehan dan keperluan kewangan bagi kaedah pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Setiap fakulti merupakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang bertanggungjawab untuk memastikan penggunaan, penyimpanan dan keselamatan peralatan yang dibeli supaya berada dalam keadaan baik, boleh digunakan dan selamat. Bahagian Perolehan bertanggungjawab menguruskan perolehan di UPM.

3.2 OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan perolehan di UPNM telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

3.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan UPNM bagi tahun 2012 sehingga 2014. Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan. Selain itu, perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab serta pemeriksaan fizikal terhadap sampel yang dipilih. *Exit Conference* telah diadakan pada 17 April 2015 dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan. Antara pegawai yang hadir adalah Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pegawai kanan universiti serta wakil Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Peguam Negara.

3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September sehingga Disember 2014 dan susulan Audit pada 24 Mac dan 2 April 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan UPNM adalah kurang memuaskan. Terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan yang perlu ditambah baik iaitu pengurusan projek pembinaan di Kem Kongkoi, Jelevu, Negeri Sembilan dan pengurusan aset. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- i. Perolehan bagi 6 projek pembinaan di Kem Kongkoi bernilai RM2.49 juta telah dipecah kecil secara sebut harga.
- ii. Sebanyak 6 kontrak bernilai RM2.29 juta ditandatangani selepas tamat tempoh kontrak antara 17 hingga 190 hari dan 10 kontrak bernilai RM12.93 juta lewat ditandatangani antara 1 hingga 9 bulan.
- iii. Kelemahan Pengurusan Projek Pembinaan Di Kem Kongkoi:
 - Dua projek pembinaan iaitu Projek Pembinaan Bangunan yang mengandungi Klinik, Kedai Cenderamata Dan Bilik Jurulatih bernilai RM496,800 dan Kerja-kerja Menyediakan Fasiliti Dan Kemudahan Untuk Lapang Sasar di International Pistol Shooting Centre bernilai RM305,000 dilaksanakan sebelum proses perolehan.
 - Kerja pembinaan Bilik Pameran Dan Stor Pusat, Kawasan Tapak Tinjau VIP 1 dan 2 serta Pengubahsuaian Stor Kepada Rumah Tukang Masak bernilai RM277,884 dijalankan tanpa proses perolehan.

- Kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi.
- Kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan seperti pembinaan longkang tidak bertingkat, kaedah penyambungan antara paip konduit elektrik yang tidak sesuai serta pendawaian untuk sistem lampu dan sistem kuasa tidak diasingkan.
- Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 25 Julai 2014 walaupun kerja belum disempurnakan setakat 1 Oktober 2014.
- Permohonan Kebenaran Merancang untuk membangunkan Kem Kongkoi daripada Majlis Daerah Jelebu tidak dibuat.

iv. Pelupusan peralatan hak milik Akademi Tentera Malaysia masih belum dilaksanakan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

3.4.1 Prestasi Pengurusan Perolehan

3.4.1.1 Tatacara Pengurusan Perolehan

- Tatacara Pengurusan Perolehan UPNM telah dinyatakan dalam Garis Panduan Pengurusan Kewangan UPNM dan dikemas kini dari semasa ke semasa melalui Pekeliling Bendahari. UPNM juga mengguna pakai semua pekeliling Kerajaan seperti Arahan Perbendaharaan (AP), Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan. Pegawai Pengawal telah menurunkan kuasa kepada semua ketua PTJ bagi menjalankan tugas pengurusan perolehan di PTJ masing-masing termasuk mengawal peruntukan, meluluskan pembelian terus sehingga RM50,000 dan menandatangani kontrak perolehan.
- UPNM telah mengeluarkan Pekeliling Bendahari Bilangan 1 Tahun 2014 berkaitan Pelaksanaan Jawatankuasa Sebut Harga B UPNM Bagi Perolehan Melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun selaras dengan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Pihak berkuasa melulus yang bertanggungjawab bagi perolehan UPNM adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.2 : PIHAK BERKUASA MELULUS PEROLEHAN UPNM

KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	PIHAK BERKUASA MELULUS
Pembelian Terus	Sehingga RM20,000 (Pindaan Tahun 2014)	Ketua Pusat Tanggungjawab
Sebut Harga	Melebihi RM20,000 hingga RM50,000 (Pindaan Tahun 2014)	Jawatankuasa Sebutharga B
	Melebihi RM50,000 hingga RM500,000	Jawatankuasa Sebutharga Universiti (JSU)

KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	PIHAK BERKUASA MELULUS
Tender Terhad	Melebihi RM500,000 hingga RM10 juta	Lembaga Perolehan B
	Melebihi RM10 juta	Kementerian Kewangan
Tender Terbuka	Melebihi RM500,000 hingga RM20 juta	Lembaga Perolehan B
	Melebihi RM20 juta hingga RM100 juta	Lembaga Perolehan A
	Melebihi RM100 juta	Kementerian Kewangan

Sumber : Garis Panduan Pengurusan Kewangan

Pada pendapat Audit, tatacara pengurusan perolehan yang ditetapkan dan diguna pakai oleh UPNM adalah teratur dan telah dikemas kini dari semasa ke semasa berdasarkan kepada peraturan yang berkuat kuasa.

3.4.1.2 Perolehan Yang Dipecah Kecil

- Garis Panduan Pengurusan Kewangan UPNM menyatakan PTJ dilarang untuk memecahkecilkan perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja bagi mengelakkan pelawaan sebut harga atau tender. Selain itu, Garis Panduan ini juga menetapkan perolehan yang bernilai melebihi RM500,000 perlu dilaksanakan secara tender.
- UPNM telah merancang bagi membangunkan Kem Kongkoi untuk dijadikan pusat latihan bagi pelajar dan pegawai UPNM dengan menggunakan sumber daripada wang rizab UPNM dan telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3/2013, 1/2014, 2/2014 dan 3/2014. Semakan Audit mendapati perolehan bagi 6 projek pembinaan di Kem Kongkoi berjumlah RM2.49 juta telah dipecah kecil secara sebut harga yang diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti. Perolehan ini sepatutnya dibuat secara tender melalui Lembaga Perolehan B. Semakan lanjut mendapati 4 projek mempunyai tarikh mula kerja yang sama iaitu 1 April 2014 dan 2 projek lagi bermula pada 8 April 2014. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.3 : PECAH KECIL SECARA SEBUT HARGA BAGI PROJEK PEMBINAAN DI KEM KONGKOI

BIL.	PEROLEHAN	KONTRAKTOR	TARIKH KONTRAK	TEMPOH KONTRAK	NILAI (RM)
1.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Surau	MNJ Samudera Resources	05.06.2014	01.04.2014 hingga 19.05.2014	260,000
2.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Asrama Lelaki	My Miza Enterprise	08.07.2014	01.04.2014 hingga 26.05.2014	496,880
3.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Asrama Perempuan	Sri Paroi Enterprise	30.06.2014	01.04.2014 hingga 19.05.2014	243,140
4.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Dewan Makan	Miba Jaya Bina	08.07.2014	01.04.2014 hingga 06.05.2014	498,176

BIL.	PEROLEHAN	KONTRAKTOR	TARIKH KONTRAK	TEMPOH KONTRAK	NILAI (RM)
5.	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan, Longkang, Lurang Dan Kolong Untuk Latihan Lasak	MTSB Construction & Services	27.06.2014	08.04.2014 hingga 19.05.2014	495,876
6.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Parade Square, Parking Bay Dan Planter Box Untuk Latihan Lasak	Arza Urusbina Enterprise	27.06.2014	08.04.2014 hingga 19.05.2014	496,175
JUMLAH					2,490,247

Sumber: Daftar Perolehan Pejabat Bendahari

Pada pendapat Audit, walaupun perolehan UPNM menggunakan wang rizab dan pelaksanaan projek diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti, pengurusan perolehan masih tertakluk tatacara pengurusan perolehan UPNM yang berkuat kuasa. Perolehan yang dilaksanakan secara teratur, telus dan adil membuka peluang UPNM memperoleh harga yang kompetitif dan mendapat *value for money*.

Maklum Balas Daripada UPNM Diterima Pada 16 dan 21 April 2015

Perolehan perlu dibuat secara sebut harga supaya semua projek boleh dilaksanakan serentak bagi memenuhi keperluan menjadikan Kem Kongkoi sebagai pusat latihan dan pusat penyelidikan Tropicalisation. UPNM perlu mempercepatkan projek pembinaan Kem Kongkoi bagi membolehkan perasmian dibuat pada 14 Oktober 2014. Bagaimanapun, perasmian ini telah ditangguhkan. Draf Garis Panduan Penggunaan Wang Rizab telah disediakan selepas teguran Audit dan akan dikemukakan kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti untuk kelulusan. Selain itu, kertas pertimbangan projek pembangunan di Kem Kongkoi akan dikemukakan untuk kelulusan LPU pada 29 Mei 2015.

Semakan Audit mendapati majlis perasmian Kem Kongkoi ini masih belum dilaksanakan sehingga bulan April 2015.

3.4.2 Pengurusan Dokumen Kontrak

3.4.2.1 Kontrak Lewat Ditandatangani

- Arahan Perbendaharaan 200.1 menyatakan semua kontrak hendaklah dibuat atas nama Kerajaan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120). Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 176.1(c), agensi hendaklah mengadakan satu kontrak formal bagi perolehan bekalan/perkhidmatan bermasa atau perolehan kerja untuk ditandatangani. Mengikut 1PP PK4/2013 - Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan

Kerajaan, kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST).

- b. Semakan Audit mendapati 6 kontrak bernilai RM2.29 juta bagi Projek Pembinaan di Kem Kongkoi **ditandatangani dan dimatikan setem selepas tamat tempoh kontrak** antara 11 hingga 190 hari. Semua projek berkenaan juga telah siap dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.4 : KONTRAK PROJEK PEMBINAAN DI KEM KONGKOI DITANDATANGANI SELEPAS TAMAT TEMPOH KONTRAK

BIL.	KONTRAKTOR /PROJEK	TARIKH TAMAT KONTRAK (a)	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI DAN DIMATIKAN SETEM (b)	TEMPOH KELEWATAN (b-a)	TARIKH CPC/ BEKALAN DITERIMA	NILAI (RM)
1.	Tunggak Kuasa Enterprise Cadangan Membina Dan Menyiapkan Rempuh Halangan	19.05.2014	05.06.2014	17 hari	19.05.2014	496,740
2.	MTSB Construction & Services Cadangan Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan, Longkang, Lurang Dan Kolong Untuk Latihan Lasak	19.05.2014	27.06.2014	39 hari	19.05.2014	495,876
3.	Arza Urusbina Enterprise Cadangan Membina Dan Menyiapkan Parade Square, Parking Bay Dan Planter Box Untuk Latihan Lasak	19.05.2014	27.06.2014	39 hari	19.05.2014	496,175
4.	Green Earth Enterprise Kerja-kerja Membekal, Menghantar Dan Memasang Meja Dan Kerusi 'Solid Surface' Untuk Dewan Makan	16.06.2014	24.09.2014	92 hari	16.06.2014	250,000
5.	Kabimas Manufacturing Kerja-kerja Membekal, Menghantar, Memasang dan Menyusunatur Wardrobe CC	02.06.2014	09.12.2014	190 hari	23.07.2014	59,128
6.	M Tech Intergrated Projek Pembinaan Bangunan Yang Mengandungi Klinik, Kedai Cenderamata dan Bilik Jurulatih, Peningkatan Sistem Bekalan Air Dan Tandas Untuk Tapak Perkhemahan Kadet Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan	22.09.2014	03.10.2014	11 hari	30.09.2014	496,800
JUMLAH						2,294,719

Sumber: Kontrak Pembinaan Di Kem Kongkoi

- c. Selain itu, semakan lanjut mendapati 10 kontrak bernilai RM12.93 juta **lewat ditandatangani** dan dimatikan setem antara 21 hingga 292 hari dari tarikh SST seperti jadual berikut:

JADUAL 3.5 : KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

BIL.	KONTRAKTOR/ PROJEK	TARIKH SST	TARIKH KONTRAK SEPATUT DITANDATANGANI (a)	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI/ DIMATIKAN SETEM (b)	KELEWATAN (HARI) (a-b)	NILAI (RM Juta)
1.	Selayang Cekap Sdn Bhd Cadangan Mereka Bentuk, Membina Dan Menyiapkan Blok Tambahan (Blok C) Fakulti Perubatan Dan Kesihatan Pertahanan Di UPNM, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur	11.09.2012	11.01.2013	22.03.2013	70	4.20
2.	BNPP Konsortium Sdn Bhd Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Perabot Terbina Dan Mudah Alih Untuk Institut Pengajian Eksekutif Di Aras Bawah Dan Satu Serta Menaiktaraf Bilik Penginapan Aras 2 Hingga 5	09.04.2012	09.08.2012	07.02.2013	182	0.41
3.	Felda Prodata Systems Sdn Bhd Tender Membekal, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Terima, Mentauliah, dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Rangkaian Tanpa Wayar Setempat (WLAN) Bagi Kampus UPNM	26.11.2013	26.03.2014	12.01.2015	292	1.62
4.	Syarikat Halilintar Cadangan Kerja-Kerja Landskap, Penyelenggaraan Pokok Dan Perkhidmatan Pemotongan Rumput, Penyelenggaraan Padang, Pembersihan Longkang Dan Kawasan Serta Pembasmian Jentik-Jentik Di Kampus UPNM, Kem Sg. Besi, Kuala Lumpur (1 Tahun)	28.01.2014	28.05.2014	18.06.2014	21	1.79
5.	Pukat Emas Resources Membekal, Menghantar, Memasang, Mengujitauliah, Latihan Dan Menyelenggara Peralatan <i>Thermal Analyzer</i> Bagi Fakulti Kejuruteraan, UPNM	27.05.2014	27.09.2014	14.11.2014	48	0.23
6.	Lukut Jati Enterprise Cadangan Kerja-Kerja Memasang Pagar " <i>Anti Climb</i> " Di Sempadan UPNM Dengan Kem Sungei Besi Di Sebahagian Lot PT 2807	02.06.2014	02.10.2014	15.12.2014	74	0.48
7.	Melangit Enterprise Perkhidmatan Sewaan Dan Senggara "Water Cooler" Di Bangunan-Bangunan Asrama, Akademik, Dan Bangunan-Bangunan Lain Berkaitan UPNM Selama 2 Tahun.	30.01.2014	30.05.2014	30.06.2014	30	0.44
8.	Felda Prodata Systems Sdn Bhd Menaik Taraf, Membekal, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Terima, Mentauliah Dan Menyelenggara Infrastruktur Pusat Data Di UPNM	17.04.2014	17.08.2014	12.01.2015	148	1.84

BIL.	KONTRAKTOR/ PROJEK	TARIKH SST	TARIKH KONTRAK SEPATUT DITANDATANGANI (a)	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI/ DIMATIKAN SETEM (b)	KELEWATAN (HARI) (a-b)	NILAI (RM Juta)
9.	KFK Vision Sdn Bhd Menaiktaraf, Membekal, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Terima, Mentauliah Dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Kabel Rangkaian UTP Dan Fibre Multi-Mode / Single-Mode Backbone Bagi Kampus UPNM	20.05.2014	20.09.2014	12.11.2014	53	1.22
10.	Felda Prodata Systems Sdn Bhd Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan, Pengujian, Pentauliah Dan Penyelenggaraan Komputer Peribadi Kepada UPNM Untuk Tahun 2014	17.04.2014	17.08.2014	12.01.2015	148	0.70
JUMLAH						12.93

Sumber: Kontrak Serta Fail Sebut Harga Dan Tender
TM - Tiada Maklumat

Maklum Balas Daripada UPNM Diterima Pada 16 April 2015

Kelewatan menandatangani dokumen kontrak disebabkan kontraktor lewat menyediakan polisi insurans dan membayar duti setem. Antara justifikasi kelewatan menandatangani kontrak bagi setiap kontrak yang dinyatakan seperti berikut:

BIL.	KONTRAKTOR/ PROJEK	JUSTIFIKASI KELEWATAN
1.	Selayang Cekap Sdn Bhd Cadangan Mereka Bentuk, Membina Dan Menyiapkan Blok Tambahan (Blok C) Fakulti Perubatan Dan Kesihatan Pertahanan Di UPNM, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur	- Kontrak ini adalah reka dan bina (design and build). - Draf perjanjian disediakan oleh pihak perunding Jurukur Bahan syarikat dalam tempoh yang panjang. - Tempoh masa yang lama untuk memuktamadkan klausa-klausa di dalam perjanjian antara syarikat dan UPNM kerana format yang digunakan adalah berbeza dengan klausa yang sedia ada digunakan oleh UPNM.
2.	BNPN Konsortium Sdn Bhd Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Perabot Terbina Dan Mudah Alih Untuk Institut Pengajian Eksekutif Di Aras Bawah Dan Satu Serta Menaiktaraf Bilik Penginapan Aras 2 Hingga 5	- Syarikat mengambil masa yang lama untuk hadir bagi mengambil perjanjian untuk ditandatangani walaupun telah dimaklumkan. - Kelewatan juga disebabkan pihak syarikat lambat menyediakan polisi insurans dan membayar duti setem.
3.	Felda Prodata Systems Sdn Bhd Tender Membekal, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Terima, Mentauliah, dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Rangkaian Tanpa Wayar Setempat (WLAN) Bagi Kampus UPNM	- Draf perjanjian disediakan oleh pihak syarikat dalam tempoh yang panjang. - Tempoh masa yang lama untuk memuktamadkan klausa-klausa di dalam perjanjian antara syarikat dan UPNM kerana format yang digunakan adalah berbeza dengan klausa yang sedia ada digunakan oleh UPNM.
4.	Syarikat Halilintar Cadangan Kerja-Kerja Landskap, Penyelenggaraan Pokok Dan Perkhidmatan Pemotongan Rumput, Penyelenggaraan Padang, Pembersihan Longkang Dan Kawasan Serta Pembasmian Jentik-Jentik Di Kampus UPNM, Kem Sg. Besi, Kuala Lumpur (1 Tahun).	- Syarikat mengambil masa yang lama untuk hadir bagi mengambil perjanjian untuk ditandatangani walaupun telah dimaklumkan. - Kelewatan juga disebabkan pihak syarikat lambat menyediakan polisi insurans dan membayar duti setem.

BIL.	KONTRAKTOR/ PROJEK	JUSTIFIKASI KELEWATAN
5.	Pukat Emas Resources Membekal, Menghantar, Memasang, Mengujitauliah, Latihan Dan Menyelenggara Peralatan Thermal Analyzer Bagi Fakulti Kejuruteraan, UPNM	- Tempoh masa yang panjang oleh PTJ untuk melengkapkan dokumen Borang BGP-01. - Syarikat mengambil masa yang lama untuk hadir bagi mengambil perjanjian untuk ditandatangani dan stamping walaupun telah dimaklumkan.
6.	Lukut Jati Enterprise Cadangan Kerja-Kerja Memasang Pagar "Anti Climb" Di Sempadan UPNM Dengan Kem Sungei Besi Di Sebahagian Lot PT 2807	- Syarikat mengambil masa yang lama untuk hadir bagi mengambil perjanjian untuk ditandatangani walaupun telah dimaklumkan. - Kelewatan juga disebabkan pihak syarikat lambat menyediakan polisi insurans dan membayar duti setem.
7.	Melangit Enterprise Perkhidmatan Sewaan Dan Senggara "Water Cooler" Di Bangunan-Bangunan Asrama, Akademik, Dan Bangunan-Bangunan Lain Berkaitan UPNM Selama 2 Tahun.	- Syarikat mengambil masa yang lama untuk hadir bagi mengambil perjanjian untuk ditandatangani walaupun telah dimaklumkan. - Kelewatan juga disebabkan pihak syarikat lambat menyediakan polisi insurans dan membayar duti setem.
8.	Felda Prodata Systems Sdn Bhd Menaik Taraf, Membekal, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Terima, Mentauliah Dan Menyelenggara Infrastruktur Pusat Data Di UPNM	- Draf perjanjian disediakan oleh pihak syarikat dalam tempoh yang panjang. - Tempoh masa yang panjang untuk memuktamadkan klausa-klausa di dalam perjanjian antara syarikat dan UPNM kerana format yang digunakan adalah berbeza dengan klausa yang sedia ada digunakan oleh UPNM.
9.	KFK Vision Sdn Bhd Menaiktaraf, Membekal, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Terima, Mentauliah Dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Kabel Rangkaian UTP Dan Fibre Multi-Mode / Single-Mode Backbone Bagi Kampus UPNM	- Draf perjanjian disediakan oleh pihak syarikat dalam tempoh yang panjang. - Tempoh masa yang panjang untuk memuktamadkan klausa-klausa di dalam perjanjian antara syarikat dan UPNM kerana format yang digunakan adalah berbeza dengan klausa yang sedia ada digunakan oleh UPNM.
10.	Felda Prodata Systems Sdn Bhd Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan, Pengujian, Pentauliah Dan Penyelenggaraan Komputer Peribadi Kepada UPNM Untuk Tahun 2014	- Draf perjanjian disediakan oleh pihak syarikat dalam tempoh yang panjang. - Tempoh masa yang panjang untuk memuktamadkan klausa-klausa dalam perjanjian antara syarikat dan UPNM kerana format yang digunakan adalah berbeza dengan klausa yang sedia ada digunakan oleh UPNM.

3.4.3 Kelemahan Pengurusan Projek Pembinaan Di Kem Kongkoi

Kem Kongkoi yang terletak di Jelebu, Negeri Sembilan merupakan kem yang pada awalnya berada di bawah pentadbiran Markas 1 Briged Infantri Malaysia. Pada 30 September 2009, Kem Kongkoi secara rasminya telah diserahkan kepada UPNM. UPNM telah bersetuju supaya infrastruktur kem dibangunkan dan ditambah baik bagi membolehkan latihan staf dan pelajar dapat dijalankan. Pembangunan di Kem Kongkoi menggunakan wang rizab UPNM. Kem ini juga akan dibuka kepada organisasi luar termasuk agensi Kerajaan dan syarikat korporat yang berminat untuk mengadakan program latihan, seminar atau *team building* dengan kadar bayaran yang kompetitif. Semakan Audit terhadap pengurusan Projek Pembinaan Di Kem Kongkoi mendapati perkara seperti berikut:

3.4.3.1 Projek Pembinaan Dilaksanakan Sebelum Proses Perolehan

a. Projek Pembinaan Bangunan Yang Mengandungi Klinik, Kedai Cenderamata dan Bilik Jurulatih

- i. Pada 14 Ogos 2014, Jawatankuasa Sebut Harga telah melantik syarikat M Tech Intergrated bagi Projek Pembinaan Bangunan Yang Mengandungi Klinik, Kedai Cenderamata, Bilik Jurulatih, Peningkatan Sistem Bekalan Air Dan Tandas Untuk Tapak Perkhemahan Kadet Serta Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Kem Kongkoi bernilai RM496,800. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.6 : KRONOLOGI PROJEK PEMBINAAN

TARIKH	BUTIRAN
16.05.2014	Bangunan Telah Dibina Berdasarkan Laporan Kemajuan Kerja No 1 Dan 2 bagi Projek Menaik Taraf Jalan, Longkang, Lurang Dan Kolong Untuk Latihan Lasak (Gambar 3.1 dan Gambar 3.3)
03.06.2014	
30.06.2014	Tarikh Pelawaan Sebut Harga Lawatan Tapak
14.07.2014	Tarikh Tutup Pelawaan Sebut Harga
05.08.2014	Laporan Penilaian Sebut Harga
14.08.2014	Kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga
22.08.2014	Surat Setuju Terima dikeluarkan oleh UPNM
25.08.2014	Mesyuarat Penyerahan Tapak
03.09.2014	Mesyuarat Tapak 1
22.09.2014	Tarikh siap projek
30.09.2014	Sijil Perakuan Siap Kerja
03.10.2014	Tarikh Perjanjian

Sumber: Fail Sebut Harga

- ii. Semakan Audit mendapati projek pembinaan telah dilaksanakan sebelum pemilihan dan pelantikan kontraktor dibuat. Perkara ini disahkan melalui Laporan Kemajuan Kerja No. 1 dan 2 bagi Projek Menaik Taraf Jalan, Longkang, Lurang Dan Kolong Untuk Latihan Lasak Di Kem Kongkoi yang bertarikh 16 Mei 2014 dan 3 Jun 2014 mendapati Projek Pembinaan Bangunan Yang Mengandungi Klinik, Kedai Cenderamata, Bilik Jurulatih **telah dibina**. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 3.7 : LAPORAN KEMAJUAN NO 1 DAN 2 BAGI KERJA PROJEK MENAIK TARAF JALAN, LONGKANG, LURANG DAN KOLONG UNTUK LATIHAN LASAK DI KEM KONGKOI

TARIKH	PERKARA
16.05.2014	Laporan Kemajuan No 1 Bagi Kerja Projek Menaik Taraf Jalan, Longkang, Lurang Dan Kolong Untuk Latihan Lasak Di Kem Kongkoi bertarikh 16 Mei 2014 mendapati Projek Pembinaan Bangunan Yang Mengandungi Klinik, Kedai Cenderamata, Bilik Jurulatih telah dibina (Gambar 3.1)
03.06.2014	Laporan Kemajuan No 2 Bagi Kerja Projek Menaik Taraf Jalan, Longkang, Lurang Dan Kolong Untuk Latihan Lasak Di Kem Kongkoi Bertarikh 3 Jun 2014 mendapati Projek Pembinaan Bangunan Yang Mengandungi Klinik, Kedai Cenderamata, Bilik Jurulatih telah dibina. (Gambar 3.3)

Sumber: Fail Sebut Harga

GAMBAR 3.1

**Projek Pembinaan Bangunan Yang Mengandungi Klinik, Kedai Cenderamata, Bilik Jurulatih
Telah Dibina Sebelum Proses Perolehan**



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 16 Mei 2014
Sumber : Laporan Kemajuan Kerja No. 1 Bagi Projek
Menaik Taraf Jalan, Longkang, Lurang dan Kolong
Untuk Latihan Lasak.


GAMBAR 3.2



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 24 Mac 2015
Sumber : Jabatan Audit Negara

GAMBAR 3.3

**Projek Pembinaan Bangunan Yang Mengandungi Klinik, Kedai Cenderamata, Bilik Jurulatih
Telah Dibina Sebelum Proses Perolehan**



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 3 Jun 2014
Sumber : Laporan Kemajuan Kerja No. 2 Bagi Projek
Menaik Taraf Jalan, Longkang, Lurang dan Kolong
Untuk Latihan Lasak.

GAMBAR 3.4



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015
Sumber : Jabatan Audit Negara

Maklum Balas Daripada UPNM Diterima Pada 16 Dan 21 April 2015

Projek pembinaan yang merangkumi klinik, kedai cenderamata dan bilik jurulatih, sistem bekalan air dan tandas untuk tapak perkhemahan kadet adalah keperluan segera untuk Latihan Tunas Wira yang perlu dijalankan pada 14 hingga 27 Jun 2014. Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan telah mengesyorkan projek

berkenaan diberikan kepada Syarikat M Tech Integrated dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Universiti pada 14 Ogos 2014.

Walaupun mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Universiti telah meluluskan pemilihan kontraktor pada 14 Ogos 2014, bangunan telah dibina pada bulan Mei dan Jun 2014.

b. Kerja-Kerja Menyediakan Fasiliti Dan Kemudahan Untuk Lapang Sasar International Pistol Shooting Centre (IPSC) Di Kem Kongkoi

- i. Lawatan Audit pada 1 dan 14 Oktober 2014 mendapati Projek Pembinaan Fasiliti Dan Kemudahan Untuk Lapang Sasar IPSC Di Kem Kongkoi sedang dijalankan. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan pemilihan kontraktor masih belum dibuat dan dalam proses pelawaan sebut harga. Semakan lanjut terhadap fail sebut harga mendapati Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga belum bermesyuarat. Kerja pembinaan telah dilaksanakan oleh Syarikat Inaly Enterprise.
- ii. Semakan lanjut mendapati sebut harga bagi Kerja-Kerja Menyediakan Fasiliti Dan Kemudahan Untuk Lapang Sasar IPSC Di Kem Kongkoi telah dibatalkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Universiti Bil. 8/2014 bertarikh 9 Oktober 2014. Ini kerana Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pembangunan Bil. 3/2014 bertarikh 26 Ogos 2014 telah memutuskan kerja berkenaan dilaksanakan sebagai kerja segera untuk Majlis Perasmian *Tropicalisation Testing Centre*. (Sehingga tarikh lawatan Audit pada 2 April 2015, majlis perasmian belum dilaksanakan). Permohonan untuk bayaran terus bagi projek segera yang bernilai RM305,000 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti pada 26 Februari 2015 kepada kontraktor yang membina IPSC Range. Bagaimanapun, **surat tawaran kepada kontraktor tersebut tidak dikeluarkan oleh UPNM walaupun kerja telah siap dan sehingga 3 April 2015 bayaran belum dibuat.** Lawatan Audit pada 2 April 2015 mendapati projek berkenaan telah siap. Keadaan di tapak pembinaan adalah seperti berikut:

GAMBAR 3.5

Fasiliti dan Kemudahan Untuk Lapang Sasar IPSC Siap Dibina Tetapi Surat Tawaran Kepada Kontraktor Tidak Dikeluarkan



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 14 Oktober 2014

GAMBAR 3.6



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015

Maklum Balas Daripada UPNM Diterima Pada 16 Dan 21 April 2015

Kerja pembinaan fasiliti dan kemudahan kepada IPSC perlu dilaksanakan segera bagi majlis perasmian Tropicalisation Testing Centre yang dijadualkan pada 14 Oktober 2014. Sekiranya projek dilaksanakan secara konvensional, UPNM akan menanggung risiko kenaikan kos, tempoh penyiapan projek yang lebih lama serta prestasi kontraktor yang belum dapat dipastikan di samping beberapa komplikasi lain yang berkaitan. UPNM telah mengeluarkan surat tawaran kepada kontraktor Inaly Enterprise pada 18 April 2015. Perkara ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Universiti pada 9 Oktober 2014.

c. Pembinaan Bilik Pameran Dan Stor Pusat Serta Dataran Anjung Tinjau

- i. Lawatan Audit pada 24 Mac dan 2 April 2015 mendapati kerja pembinaan Bilik Pameran dan Stor Pusat serta Dataran Anjung Tinjau bernilai RM277,884 telah siap dibina. Semakan Audit mendapati proses sebut harga tidak dibuat bagi projek ini kerana ia telah dilaksanakan sebagai kerja segera untuk digunakan semasa majlis perasmian *Tropicalisation Testing Centre* yang dijadualkan pada 14 Oktober 2014. Kerja pembinaan ini termasuk pengubahsuaian stor kepada rumah tukang masak walaupun tidak dinyatakan di dalam spesifikasi projek ini.
- ii. Semakan lanjut mendapati Jawatankuasa Sebut Harga Universiti telah meluluskan permohonan bayaran terus sejumlah RM277,884 pada 26 Mac 2015. Bagaimanapun, **surat tawaran kepada kontraktor yang berjaya tidak dikeluarkan oleh UPNM walaupun kerja telah siap dilaksanakan**

dan bayaran masih belum dijelaskan. Keadaan tapak adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.7

**Kawasan Tapak Tinjau VIP 1 Dan VIP 2 Telah Siap
Tetapi Surat Tawaran Kepada Kontraktor Tidak Dikeluarkan**



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 24 Mac 2015

GAMBAR 3.8



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 24 Mac 2015

GAMBAR 3.9

**Bilik Pameran, Stor Pusat dan Pengubahsuaian Stor Kepada Rumah Tukang Masak Telah
Siap Tetapi Surat Tawaran Kepada Kontraktor Tidak Dikeluarkan**



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 24 Mac 2015

GAMBAR 3.10



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015

Pada pendapat Audit, UPNM tidak mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan kerana kerja dilaksanakan sebelum proses perolehan dibuat dan tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa melulus.

Maklum Balas Daripada UPNM Diterima Pada 16 Dan 21 April 2015

Kerja Pembinaan Bilik Pameran dan Stor, Kawasan Tapak Tinjau VIP 1 dan 2 serta Pengubahsuaian Stor Kepada Rumah Tukang Masak dilaksanakan secara kerja

segera dan sebagai kerja tambahan kepada kontraktor sedia ada. UPNM telah mengeluarkan surat tawaran kepada kontraktor Miba Jaya Bina pada 18 April 2015.

UPNM telah menjalankan beberapa program pembangunan insan dan kepimpinan serta kursus dalaman sejak pembinaan kemudahan dan fasiliti di Kem Kongkoi. Ini membolehkan penjimatan kos penganjuran program dan kursus sejumlah RM1.95 juta.

3.4.3.2 Kerja Pembinaan Tidak Mengikut Spesifikasi


Kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak dan perubahan kerja yang diluluskan dari semasa ke semasa. Lawatan Audit pada 2 April 2015 mendapati kerja pembinaan bagi 2 perolehan kerja iaitu Cadangan Membina Dan Menyiapkan Asrama Lelaki bernilai RM496,880 dan Cadangan Membina Dan Menyiapkan Dewan Makan bernilai RM498,176 tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 25 Julai 2014 bagi kedua-dua projek ini dan masih dalam tempoh tanggungan kecacatan sehingga 25 Julai 2015. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.11


Saiz Rasuk Yang Dibina Berukuran 150mm X 380mm Tidak Seperti Di Dalam Lukisan Pembinaan Yang Menyatakan Saiz 150mm X 600mm



Lokasi : Dewan Makan, Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015



Lokasi : Dewan Makan, Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015



Lukisan Pembinaan Menyatakan Saiz 150mm X 600mm

Lokasi : Dewan Makan, Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015
Sumber : Lukisan Dewan Makan

GAMBAR 3.12

Saiz Tiang Yang Dibina Berukuran 230mm X 230mm Tidak Seperti Di Dalam Lukisan Pembinaan Yang Menyatakan Saiz 250mm X 250mm



Lokasi : Dewan Makan, Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015

Lokasi : Dewan Makan, Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015


COLUMN SCHEDULE			
COLUMN LEVEL	COLUMN MARK	ALL OTHER COLUMNS	CL
ROOF TO GROUND FLOOR LEV.			
SIZE	250 x 250	150 x 250	
REINFORCEMENT	4Y12	4Y12	
LINKS	R8-150/U	R8-150/U	
GROUND FLOOR LEV. TO STUMP			
SIZE	250 x 250	150 x 250	
REINFORCEMENT	4Y12	4Y12	
LINKS	R8-150/U	R8-150/U	

Lukisan Pembinaan Menyatakan Saiz 250mm X 250mm


Lokasi : Dewan Makan, Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015
Sumber : Lukisan Dewan Makan

GAMBAR 3.13

Saiz Tiang Yang Dibina Berukuran 250mm X 250mm Tidak Seperti Di Dalam Lukisan Pembinaan Yang Menyatakan Saiz 300mm X 300mm



Lokasi : Asrama Lelaki, Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015



Lokasi : Asrama Lelaki, Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015

COLUMN SCHEDULE			
COLUMN LEVEL	COLUMN MARK	ALL OTHER COLUMN	CI
ROOF TO 1st FLOOR LEV.			
SIZE	300 x 300		
REINFORCEMENT	4Y12		
LINKS	R6-150c/c		
1st FLOOR LEV. TO GROUND FLOOR LEV.			
SIZE	300 x 300		

Lukisan Pembinaan Menyatakan Saiz 300mm X 300mm


Lokasi : Asrama Lelaki, Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015
Sumber : Lukisan Asrama Lelaki

GAMBAR 3.14

Pembinaan Dinding Parapet Yang Rendah Di Aras 1 Boleh Menyebabkan Kemalangan. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 Menyatakan Dinding Parapet Hendaklah Tidak Kurang Dari Ketinggian 1000 mm



Lokasi : Asrama Lelaki, Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 201



Lokasi : Asrama Lelaki, Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015

Pada pendapat Audit, kerja yang tidak dibuat dengan sempurna perlu dinilai dengan tepat dan dilaraskan di dalam akaun muktamad. Ini bagi mengelakkan Kerajaan terpaksa menanggung kos penyenggaraan/ ubah suai akibat daripada penyediaan reka bentuk yang tidak mengikut spesifikasi.

Maklum Balas Daripada UPNM Diterima Pada 16 Dan 21 April 2015

Kerja pembinaan dilaksanakan mengikut reka bentuk yang disediakan dan dipantau oleh Jurutera Profesional yang dilantik oleh kontraktor. Lukisan terbina yang disediakan didapati tidak mengikut pembinaan yang dilaksanakan. Kontraktor telah dimaklumkan untuk membetulkan lukisan terbina mengikut pembinaan sebenar. Jurutera Profesional dikehendaki mengeluarkan surat aku janji terhadap keselamatan bangunan yang dibina. Surat aku janji tersebut dan lukisan terbina telah disediakan oleh Jurutera Profesional bertarikh 20 April 2015. Kontraktor juga telah bersetuju untuk menambah ketinggian dinding parapet dengan gelungsur keluli tanpa peningkatan kos. Selain itu, kerja pembaikan sedang dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan.

Jurutera Profesional telah membetulkan lukisan terbina mengikut pembinaan sebenar yang tidak bersamaan dengan lukisan pembinaan.

3.4.3.3 Kualiti Kerja Pembinaan Kurang Memuaskan

- a. Lawatan Audit pada 1 dan 14 Oktober 2014 mendapati kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan. Pihak Audit mendapati kerja pembinaan tersebut telah siap dan masih dalam tempoh Tanggungan Kecacatan antara bulan Mei 2014 hingga September 2015. Keterangan lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.15

Paip Air Tidak Sesuai Digunakan Bagi Mengalirkan Air Larian Longkang Ke Sump Tepi Jalan Dan Menyebabkan Air Melimpah Ke Kawasan Sekitarnya Apabila Hujan Lebat



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 14 Oktober 2014

GAMBAR 3.16



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 14 Oktober 2014

GAMBAR 3.17

Pembinaan Longkang Tidak Bertingkat Tidak Sesuai Di Kawasan Cerun Dan Mengakibatkan Air Larian Longkang Mengalir Deras Apabila Hujan Lebat Ini Boleh Menyebabkan Sump dan Longkang Jalan Dipenuhi Air dan Kawasan Rendah Sekitarnya Banjir



Lokasi : Laluan Utama, Kem Kongkoi
Tarikh : 14 Oktober 2014

GAMBAR 3.18



Lokasi : Laluan Utama, Kem Kongkoi
Tarikh : 14 Oktober 2014

GAMBAR 3.19

Kaedah Penyambungan Antara Paip Konduit Elektrik Yang Tidak Sesuai Tanpa Penggunaan *Trunking*



Lokasi : Asrama Lelaki, Kem Kongkoi
Tarikh : 14 Oktober 2014



Lokasi : Asrama Lelaki, Kem Kongkoi
Tarikh : 14 Oktober 2014

GAMBAR 3.20

Pendawaian Untuk Sistem Lampu Dan Sistem Kuasa Tidak Diasingkan Boleh Menyebabkan Gangguan Bekalan Dan Litar Pintas Pada Pepasangan



Lokasi : Asrama Lelaki, Kem Kongkoi
Tarikh : 14 Oktober 2014

GAMBAR 3.21



Lokasi : Surau, Kem Kongkoi
Tarikh : 14 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, kualiti kerja kontraktor kurang sempurna disebabkan pemantauan yang kurang berkesan. UPNM hendaklah memastikan kontraktor mengambil tindakan pembaikan dengan segera bagi memastikan kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Maklum Balas Daripada UPNM Diterima Pada 16 Dan 21 April 2015

Kesemua ketidakpatuhan, ketidaksempurnaan, kecacatan dan kerosakan di tapak projek telah dikenal pasti dan direkodkan semasa lawatan pemeriksaan dan akan dilaksanakan sebelum tempoh tanggungan kecacatan (DLP) berakhir.

3.4.3.4 Sijil Perakuan Siap Kerja Telah Dikeluarkan Walaupun Kerja Pengubahsuaian Sedang Dilaksanakan

- a. UPNM telah menandatangani kontrak dengan Syarikat Arza Urusbina Enterprise pada 27 Jun 2014 bagi Projek Cadangan Membina Dan Menyiapkan *Parade Square, Parking Bay* Dan *Planter Box* Untuk Latihan Lasak Di Kem Kongkoi yang bernilai RM496,175. Tempoh kontrak bermula dari 8 April 2014 sehingga 19 Mei 2014 dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 25 Julai 2014.
- b. Semakan Audit mendapati kerja ubah suai pejabat komandan dan pentadbiran Kem Kongkoi yang merupakan sebahagian kerja bagi projek ini telah disahkan siap sebanyak 75% berdasarkan Perakuan Bayaran Kemajuan No. 1. Bayaran berjumlah RM35,250 daripada RM47,000 telah dibuat pada 10 Julai 2014. Bagaimanapun, lawatan Audit pada **1 Oktober 2014 mendapati kerja pengubahsuaian sedang dilaksanakan walaupun CPC telah dikeluarkan pada 25 Julai 2014**. Bayaran kemajuan No. 2 berjumlah RM7,050 telah dibuat pada 21 November 2014 menjadikan bayaran 90% terhadap kemajuan kerja keseluruhan. Lawatan Audit pada 24 Mac 2015 mendapati kerja pengubahsuaian telah selesai dijalankan oleh kontraktor. Butiran lanjut seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 3.8 : KRONOLOGI BAYARAN TERHADAP KERJA UBAH SUAI PEJABAT KOMANDAN DAN PENTADBIRAN KEM KONGKOI

TARIKH	BUTIRAN
31.03.2014	Surat Setuju Terima dikeluarkan oleh UPNM
19.05.2014	Tarikh Tamat Kontrak
27.06.2014	Tarikh Tandatangan Kontrak
10.07.2014	Bayaran Kemajuan Kerja No. 1 Berjumlah RM35,250 (75% Kemajuan Kerja)
25.07.2014	Sijil Perakuan Siap Kerja Dikeluarkan
01.10.2014	Lawatan Audit - Kerja Pengubahsuaian Sedang Dilaksanakan
21.11.2014	Bayaran Kemajuan Kerja No. 2 Berjumlah RM7,050 (90% Kemajuan Kerja)

Sumber: Fail Sebut Harga

GAMBAR 3.22

Kerja Ubahsuai Pejabat Komandan dan Pentadbiran Sedang Dilaksanakan



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 1 Oktober 2014

GAMBAR 3.23

Kerja Ubahsuai Pejabat Komandan dan Pentadbiran Yang Telah Siap
(Antaranya *Plaster Ceiling Cornice, Tiles, Kipas, Lampu Termasuk Pendawaian Elektrik*)



Lokasi : Kem Kongkoi
Tarikh : 2 April 2015

Pada pendapat Audit, pembayaran sejumlah RM35,250 (75% daripada kos kerja) dibuat sebelum kerja dilaksanakan adalah *improper payment*. Selain itu, Sijil Perakuan Siap Kerja yang telah dikeluarkan walaupun kerja belum dilaksanakan. Perkara ini adalah tidak mematuhi tatacara perolehan UPNM yang berkuat kuasa dan ini boleh mengakibatkan kerugian sekiranya kontraktor enggan/gagal menyiapkan kerja.

Maklum Balas Daripada UPNM Diterima Pada 21 April 2015

Pembayaran kerja ubah suai bagi kerja pejabat komandan dan pentadbiran Kem Kongkoi berdasarkan nilai bahan di tapak bina (90% daripada harga bahan), membekal tenaga buruh untuk memindahkan perabot sedia ada dan pembuangan sampah dan kerja-kerja lain yang berkaitan. Penambahbaikan akan dibuat terhadap Bill of Quantities yang lebih terperinci dengan kerja yang akan dilaksanakan di tapak bina pada masa akan datang.

Berdasarkan pengesahan pihak ketiga bagi bekalan barang binaan mendapati dokumen sokongan yang dikemukakan oleh UPNM adalah tidak wujud dan tiada bekalan dibuat kepada Syarikat Arza Urusbina Enterprise pada 30 Mei 2014.

3.4.3.5 Tiada Kelulusan Daripada Pihak Berkuasa Tempatan Untuk Membangunkan Kawasan

- a. Seksyen 19 (1) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) menetapkan larangan terhadap pemajuan tanpa kebenaran merancang. Seksyen

20A pula menyatakan menjadi kewajipan bagi setiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri mengenai apa-apa aktiviti pemajuan yang ingin dijalankan dalam Negeri itu.

- b. Semakan Audit mendapati UPNM tidak membuat permohonan kebenaran merancang bagi Projek Pembinaan di Kem Kongkoi kepada Majlis Daerah Jelevu (MDJ). Pengesahan yang diperoleh daripada MDJ pada 13 Januari 2015 menyatakan MDJ tidak menerima permohonan atau meluluskan Permohonan Kebenaran Merancang bagi projek ini.

Pada pendapat Audit, projek pembinaan di Kem Kongkoi tidak mematuhi akta yang ditetapkan boleh menyebabkan UPNM dikenakan tindakan undang-undang.

Maklum Balas Daripada UPNM Diterima Pada 16 Dan 21 April 2015

UPNM telah memohon untuk mengadakan perbincangan dengan pihak MDJ melalui surat bertarikh 21 April 2015 bagi mengenal pasti tindakan yang perlu diambil bagi mendapatkan kelulusan merancang. Selepas teguran Audit, perbincangan bersama Yang Dipertua Majlis Jelevu telah diadakan dan MDJ bersetuju memberikan kerjasama dalam membantu UPNM memohon kebenaran merancang tanpa dikenakan sebarang tindakan undang-undang. Permohonan tersebut hendaklah dibuat dengan menggunakan khidmat perunding Arkitek Perancang Bertauliah. Kos lantikan perunding tersebut dianggarkan sejumlah RM150,000.

3.4.4 Pelupusan Peralatan Hak Milik Akademi Tentera Malaysia Masih Belum Dilaksanakan

Lawatan Audit pada 11 Disember 2014 mendapati peralatan yang tidak boleh digunakan masih belum dilupuskan. Pihak Audit dimaklumkan peralatan tersebut merupakan hak milik Akademi Tentera Malaysia (ATMA) dan UPNM tidak mempunyai kuasa untuk melupuskan peralatan tersebut. UPNM telah mengambil tindakan untuk mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertahanan sejak tahun 2012 dan menghantar surat susulan bagi pelaksanaan pelupusan aset ATMA. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2014, aset tersebut masih belum dilupuskan kerana tiada persetujuan dan keputusan bertulis daripada Kementerian Pertahanan. Keadaan aset seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.24

Peralatan Teknologi Maklumat Milik ATMA Sejak Tahun 2006
Masih Belum Dilupuskan



Lokasi : Bangunan Lestari
Tarikh : 11 Disember 2014

GAMBAR 3.25



Lokasi : Kawasan Tangki Air UPNM
Tarikh : 11 Disember 2014

Pada pendapat Audit, kelewatan melupuskan peralatan milik ATMA akan menyebabkan ruang penyimpanan terhad dan mencacatkan pandangan. Selain itu, nilai aset juga akan berkurangan dari semasa ke semasa.

Maklum Balas Daripada UPNM Diterima Pada 16 April 2015

Isu pindahan aset ATMA adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF). Proses kelulusan pindahan daripada MINDEF kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan seterusnya kepada UPNM sebagai pengguna akhir perlu diselesaikan terlebih dahulu. Selepas itu, UPNM boleh melupuskan aset ATMA yang telah rosak dan usang. UPNM telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membantu proses pelupusan yang sepatutnya dibuat oleh MINDEF.

UPNM telah menghadiri satu mesyuarat yang dianjurkan oleh Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menyelesaikan isu aset alih ATMA pada 18 Mac 2015. Mesyuarat telah memutuskan bahawa:

- i. Cawangan Pelupusan Aset, Bahagian Kewangan, MINDEF perlu mengemukakan permohonan kelulusan pindahan aset alih ATMA kepada KPM;*
- ii. KPM akan mengemukakan permohonan kelulusan pindahan aset alih ATMA daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) selepas mendapat kelulusan pindahan daripada MINDEF;*

- iii. KPM akan memaklumkan kelulusan pindahan aset alih ATMA kepada Bahagian Aset, Jabatan Bendahari UPNM, selepas mendapat kelulusan daripada MOF; dan*
- iv. Bahagian Aset, Jabatan Bendahari UPNM perlu mendaftarkan aset alih ATMA yang masih boleh digunakan dan dalam keadaan baik serta melaksanakan proses pelupusan bagi aset alih ATMA yang telah rosak, usang dan tidak boleh digunakan.*

3.4.5 Pemantauan

3.4.5.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan membolehkan tindakan diambil dengan kadar segera untuk memperbaiki atau menyelesaikannya.

3.4.5.2 Semakan Audit mendapati UPNM telah mewujudkan mekanisme pemantauan melalui mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta Jawatankuasa Induk Pembangunan. Selain itu, UPNM telah menubuhkan jawatankuasa bagi pengurusan aset iaitu Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih, Jawatankuasa Pelupusan Aset dan Jawatankuasa Penyiasat Aset Alih Kehilangan. UPNM telah melantik Ketua Bahagian Aset sebagai Pegawai Aset dan Ketua PTJ bagi menguruskan hal ehwal pengurusan kewangan di peringkat PTJ. Mesyuarat Jawatankuasa ada membincangkan mengenai laporan perolehan bagi setiap suku tahun, status pelaksanaan projek dan pengurusan aset di UPNM. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati laporan prestasi dan peruntukan projek bagi Kem Kongkoi tidak dilaporkan dengan lengkap dan tepat.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat oleh UPNM kurang berkesan walaupun UPNM telah mewujudkan mekanisme pemantauan dan melaksanakannya secara berkala. Ini berdasarkan kelemahan pengurusan perolehan, pengurusan projek pembinaan dan pengurusan aset.

Maklum Balas Daripada UPNM Diterima Pada 16 April 2015

Cadangan pembangunan di Kem Kongkoi telah dilaporkan secara berkala dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan. UPNM akan menambahbaik sistem pemantauan dan pelaporan sebagaimana yang disyorkan.

3.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan UPNM mengambil tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:

3.5.1 UPNM hendaklah memastikan perancangan perolehan diuruskan dengan teratur dan proses perolehan dibuat mengikut peraturan bagi memastikan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan menguntungkan.

3.5.2 UPNM hendaklah sentiasa membuat pemantauan terhadap kerja pembinaan bagi memastikan kualiti kerja pembinaan adalah memuaskan. Tindakan segera memperbaiki kecacatan kerja hendaklah dibuat bagi memastikan kemudahan yang disediakan adalah sempurna.

3.5.3 UPNM hendaklah mengemas kini tatacara/garis panduan pengurusan perolehan dengan mengambil kira peraturan semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta perolehan yang menggunakan wang rizab daripada sumber dalaman.

3.5.4 UPNM hendaklah mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang bagi projek pembinaan di Kem Kongkoi daripada Majlis Daerah Jelevu. Ini bagi mengelakkan UPNM dikenakan tindakan di bawah Seksyen 27, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

3.5.5 UPNM perlu membuat susulan secara berterusan dengan pihak Kementerian Pertahanan supaya tindakan pelupusan aset dapat diambil dengan segera bagi peralatan milik ATMA.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.

4

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Pengurusan Perolehan

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Universiti Sains Malaysia (USM) atau sebelumnya dikenali sebagai Universiti Pulau Pinang ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1969 melalui resolusi yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada tahun 1962. Universiti Pulau Pinang ditukar nama kepada USM setelah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 berkuat kuasa pada 4 Oktober 1971. Objektif penubuhan USM adalah untuk menjaga, mempromosi dan menguruskan pendidikan tinggi dalam bidang sains tulen, sains aplikasi, sains farmasi, sains bangunan dan teknologi, sains masyarakat dan kemanusiaan serta pendidikan dalam bentuk penyelidikan, kemajuan dan penyebaran ilmu pengetahuan. Pada 3 September 2008, USM telah dipilih sebagai sebuah Universiti Berintensifkan Penyelidikan (APEX). Selain Kampus Induk di Pulau Pinang, USM mempunyai 2 kampus cawangan iaitu Kampus Kejuruteraan di Nibong Tebal, Pulau Pinang dan Kampus Kesihatan di Kubang Kerian, Kelantan.

4.1.2 Pengurusan perolehan dibuat berdasarkan kepada Tatacara Perolehan USM yang dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari USM pada bulan Julai 2013 dan pekeliling Bendahari USM yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. USM juga mempunyai Sistem Pengurusan Kualiti Perolehan bagi memastikan proses dan tatacara perolehan universiti diurus dan dilaksanakan dengan telus, teratur dan mematuhi peraturan kewangan universiti dan Kerajaan. Selain itu, USM juga menerima pakai peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa.

4.1.3 USM mempunyai 280 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang merancang dan menguruskan perolehan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Bagi perolehan secara pembelian terus dan sebut harga, keseluruhan proses awal sehingga kelulusan diuruskan di peringkat PTJ manakala kelulusan bagi perolehan secara tender dan rundingan terus dibuat oleh Jawatankuasa Perolehan di Jabatan Bendahari, Kampus Induk.

4.1.4 Perolehan USM diuruskan melalui kaedah perolehan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Setiap kaedah mempunyai 3 jenis perolehan iaitu kerja, perkhidmatan dan bekalan. Jumlah keseluruhan perolehan yang diuruskan oleh USM dari tahun 2012 sehingga 2014 adalah berjumlah RM954.78 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 4.1 : PEROLEHAN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

KAEDAH PEROLEHAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Pembelian Terus	185.59	217.12	195.72	598.43
Sebut Harga	35.70	31.20	66.82	133.72
Tender	38.94	73.31	93.40	205.65
Rundingan Terus	2.26	12.19	2.53	16.98
JUMLAH	262.49	333.82	358.47	954.78

Sumber: Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari

4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan di USM dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

4.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan USM bagi tahun 2012 sehingga bulan Oktober 2014. Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod kewangan, kontrak dan dokumen berkaitan serta analisis data perolehan di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan. Lawatan fizikal juga telah dibuat ke 25 PTJ dan temu bual diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan perolehan. *Exit Conference* telah diadakan pada 22 April 2015 di USM yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara pegawai yang hadir adalah Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pegawai kanan USM dan wakil Kementerian Kewangan serta Jabatan Peguam Negara.

4.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September sehingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan USM adalah memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan USM adalah seperti berikut:

- i. Penyelarasan *Standard Operating Procedures* Kewangan yang terdiri daripada perubahan had nilai dan kuasa melulus belum dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Gabenor Universiti.
- ii. Pecah kecil perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melibatkan 19 item berjumlah RM3.83 juta yang sepatutnya dilaksanakan secara sebut harga dan tender.

- iii. Perolehan peralatan *Autoclave* bernilai RM1.28 juta di Kampus Kesihatan lewat diterima. Klausula kontrak yang menetapkan tempoh denda lewat sehingga maksimum 100 hari tidak menjaga kepentingan USM.
- iv. Sebanyak 2 kontrak bernilai RM3.72 juta lewat ditandatangani selama 86 dan 154 hari serta 9 kontrak berjumlah RM1.83 juta ditandatangani selepas tamat tempoh kontrak dengan kelewatan antara 18 sehingga 98 hari.
- v. Sebanyak 9 peralatan bernilai RM686,635 tidak digunakan antara 148 sehingga 576 hari dari tarikh penerimaan peralatan.
- vi. Tindakan pelupusan terhadap 31 perkakasan komputer di Kampus Induk dan 19 peralatan di Kampus Kejuruteraan belum diambil.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

4.4.1 Prestasi Pengurusan Perolehan

4.4.1.1 Tatacara Perolehan

- a. USM menggunakan Tatacara Perolehan USM yang disediakan pada tahun 2010 sebagai rujukan utama bagi menguruskan perolehan di USM. Pada 23 November 2012, Kementerian Kewangan telah bersetuju membenarkan USM menggunakan pakai *Standard Operating Procedures* (SOP) sendiri dengan peluasan had nilai yang diputuskan oleh Kementerian Kewangan. SOP ini perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Gabenor Universiti (LGU) dan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk makluman dan rekod. Sebarang pindaan SOP pada masa hadapan hendaklah dibentangkan dan diluluskan di peringkat LGU. Pada 16 April 2013, LGU telah meluluskan SOP mengikut had nilai yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan memberi kuasa kepada Naib Canselor untuk membuat pindaan mengikut kesesuaian USM.
- b. Semakan Audit mendapati pindaan SOP telah dibuat dan dipersetujui oleh Naib Canselor pada 31 Mei 2013 dan Tatacara Perolehan USM yang sedia ada dikemaskinikan. Pindaan ini melibatkan perubahan pada kuasa melulus dan had nilai perolehan berbanding dengan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan seperti had kuasa melulus Rundingan Terus dan mengekalkan perolehan lantikan terus kerja sehingga RM50,000 selaras dengan kelulusan LGU pada 19 Disember 2008. Bagaimanapun, surat Kementerian Kewangan bertarikh 23 November 2012 hanya membenarkan perolehan lantikan terus kerja sehingga RM20,000. Berikutan perbezaan had nilai tersebut, USM telah membuat ketetapan untuk mengekalkan had nilai perolehan lantikan terus kerja sehingga RM50,000.

- c. Semakan lanjut mendapati tiada rekod yang mengesahkan pindaan SOP ini telah dibentangkan dan diluluskan semula oleh LGU serta dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Butiran pindaan yang dibuat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.2 : SOP BAGI PEROLEHAN USM

KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI KEMENTERIAN KEWANGAN	KELULUSAN LGU PADA 16 APRIL 2013	PENYELARASAN USM PADA 31 MEI 2013
RUNDINGAN TERUS			
Perolehan peralatan dan perkhidmatan penyelidikan	Sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Rundingan Terus - Dekan sebagai Pengerusi, kuorum 3 orang termasuk pengerusi	Dilaksanakan melalui Jawatankuasa Rundingan Terus USM Pengerusi (secara bergilir): a. Profesor Dato' Mafauzy Mohamed b. Profesor Abd. Aziz Tajudin Ahli: NC diminta mencadangkan 2 pegawai berkaitan.
	Melebihi RM500 ribu – RM1 juta	Jawatankuasa Rundingan Terus - Naib Canselor atau Timbalan naib Canselor sebagai Pengerusi, kuorum 3 orang termasuk pengerusi	Dilaksanakan melalui Jawatankuasa Rundingan Terus USM Pengerusi: Timbalan NC (P&I/HEPP) Ahli: a. NC diminta mencadangkan 2 pegawai berkaitan. b. Bendahari/wakil
	Melebihi RM1 juta – RM5 juta	Jawatankuasa Perolehan A	Jawatankuasa Perolehan B
	Melebihi RM5 juta – RM10 juta	Lembaga Gabenor Universiti	Jawatankuasa Perolehan A
	Melebihi RM10 juta	Kementerian Kewangan	Kekal seperti kelulusan Kementerian Kewangan
Peralatan dan Perkhidmatan Perubatan untuk hospital Latihan (selain penyelidikan)	Sehingga RM5 juta	Lembaga Gabenor Universiti	Sehingga RM500 ribu (Jawatankuasa Sebut Harga sedia ada) Melebihi RM500 ribu – RM5 juta (Jawatankuasa Perolehan B)
	Melebihi RM5 juta	Kementerian Kewangan	Kekal seperti kelulusan Kementerian Kewangan
TENDER TERBUKA			
Bekalan/perkhidmatan/ kerja	Melebihi RM500 ribu - RM20 juta	Jawatankuasa Perolehan B	Kekal seperti kelulusan Kementerian Kewangan
	Melebihi RM20 juta - RM100 juta	Jawatankuasa Perolehan A	
	Melebihi RM100 juta - RM300 juta	Lembaga Gabenor Universiti	
	Melebihi RM300 juta	Kementerian Kewangan	
TENDER TERHAD			
Bekalan/perkhidmatan/ kerja	Sehingga RM10 juta	Jawatankuasa Perolehan A	Sehingga RM5 juta (Jawatankuasa Perolehan B) Sehingga RM10 juta (Jawatankuasa Perolehan A)

KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI KEMENTERIAN KEWANGAN	KELULUSAN LGU PADA 16 APRIL 2013	PENYELARASAN USM PADA 31 MEI 2013
	Melebihi RM10 juta	Kementerian Kewangan	Kekal seperti kelulusan Kementerian Kewangan
SEBUT HARGA			
Bekalan Dan Perkhidmatan	RM50 ribu – RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga USM	Kekal seperti kelulusan Kementerian Kewangan
Kerja	RM20 ribu – RM500 ribu		
PEMBELIAN TERUS			
Bekalan dan perkhidmatan (Pembelian terus)	Sehingga RM50 ribu	Ketua Jabatan atau pegawai yang diturunkan kuasa oleh pegawai pengawal.	Kekal seperti kelulusan Kementerian Kewangan
Kerja (Lantikan Terus)	Sehingga RM20 ribu	Ketua Jabatan atau pegawai yang diturunkan kuasa oleh pegawai pengawal.	Mengekalkan lantikan terus kerja sehingga RM50 ribu di bawah kuasa Ketua PTJ iaitu dengan pelarasan terhadap bekalan dan perkhidmatan.

Sumber : Minit Mesyuarat LGU dan Surat Pengemaskinian SOP Peringkat Naib Canselor

Pada pendapat Audit, Tatacara Perolehan USM adalah baik kerana lengkap dan telah dikemas kini dengan sewajarnya kecuali pindaan SOP belum dibentang dan diluluskan oleh LGU.

Maklum Balas Daripada USM Diterima Pada 24 April 2015

USM telah melaksanakan perolehan kerja secara lantikan terus sehingga RM50,000 berdasarkan kelulusan LGU pada 19 Disember 2008 dan membuat pelarasan terhadap had nilai kuasa melulus bagi rundingan terus. Bagaimanapun, USM mengambil maklum saranan Audit dan untuk mengukuhkan tadbir urus pengurusan perolehan, kertas kerja penyelarasan SOP ini telah dibentangkan untuk kelulusan LGU selepas teguran Audit dan tarikh kuat kuasa SOP adalah mulai 16 April 2013.

4.4.1.2 Perolehan Tidak Mengikut Tatacara

a. Pecah Kecil Sebut Harga

Tatacara Perolehan USM menetapkan pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan melebihi RM50,000 sehingga RM100,000 untuk setiap jenis item hendaklah dibuat dengan mempelawa sebut harga daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan. Bagi perolehan melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan melebihi RM100,000 sehingga RM500,000 pula hendaklah dibuat dengan mempelawa sebut harga

daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan. Semakan Audit mendapati perolehan bernilai RM826,220 di Kampus Induk, RM80,000 di Kampus Kejuruteraan dan RM343,353 di Kampus Kesihatan bagi tahun 2012 sehingga bulan Oktober 2014 yang sepatutnya dibuat secara sebut harga telah dipecahkecilkan secara pembelian terus. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

i. Kampus Induk

Semakan Audit terhadap 27,712 sampel mendapati 12 (0.04%) perolehan bagi 9 item telah dipecah kecil bernilai antara RM50,750 sehingga RM94,146 di Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju (IPPT), Jabatan Pembangunan (JPMB) dan Jabatan Keselamatan (JKES). Item yang dipecah kecil adalah seperti program latihan kepada kakitangan, *warming mattress*, kamera litar tertutup, membalut semula (*seater*) dan penghawa dingin. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.3 : PECAH KECIL SEBUT HARGA DI KAMPUS INDUK

TAHUN	PTJ	PEROLEHAN	TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. PESANAN TEMPATAN	PEMBEKAL	BIL. BAUCAR	NILAI (RM)
2012	IPPT	1. Latihan Kakitangan Untuk Kursus Bina Pasukan IPPT (Siri 1) dan (Siri 2)	04.09.2012	PSCIPPT1000000006526	Abid Samudra Sdn. Berhad	2	91,290
			08.10.2012	PSCIPPT1000000006767			
		2. - <i>Warming Mattress, INDITHERM</i> - <i>Warmer Patient Air Blanket Come With Adult and Paed Blanket, Breeze</i>	04.10.2012	PACIPPT1000000000634	Bijak Keemasan (M) Sdn. Berhad	4	55,800
			05.10.2012	PACIPPT1000000000648			
				PACIPPT1000000000646			
				PACIPPT1000000000647			
		3. - <i>Atorvastatin 20mg Tab Lipitor</i> - <i>Atorvastatin 10mg Tab Lipitor</i>	18.04.2012	PSCIPPT10000000005312	M.S. Ally Pharma Sdn. Berhad	2	82,540
				PSCIPPT10000000005313			
		4. <i>Pump Infusion Volumetric, B BRAUN</i>	27.09.2012	PACIPPT1000000000609	Pharmaniaga Logistics Sdn. Berhad	3	50,750
				PACIPPT1000000000622			
				PACIPPT1000000000623			
		5. - <i>Docetaxel 20mg/0.5ml, Mfr : Kabi</i> - <i>Docetaxel 120mg/3ml, Mfr : Kabi</i> - <i>Docetaxel 80mg/2ml, Mfr : Kabi</i>	29.06.2012	PSCIPPT10000000006078	Tamasetia Resources Sdn. Berhad	3	54,790
				PSCIPPT10000000006079			
				PSCIPPT10000000006080			
	JPMB	6. - <i>Membalut Semula (Seater), Back (Lpywood) Alas For B/Chair C/W Batik Design Foam As Per Sample</i> - <i>Membalut Semula (Seater), Back (Lpywood) Alas For B/Chair C/W Orange Pvc Foam As Per Sample</i>	19.01.2012	PSAJPEMB1000000000520	Awind Enterprise	11	94,146
			13.03.2012	PSAJPEMB1000000000611			
			12.04.2012	PSAJPEMB1000000000657			
			27.04.2012	PSAJPEMB1000000000681			
			02.05.2012	PSAJPEMB1000000000687			

TAHUN	PTJ	PEROLEHAN	TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. PESANAN TEMPATAN	PEMBEKAL	BIL. BAUCAR	NILAI (RM)
			23.05.2012	PSAJPEMB1000000000738			
			16.06.2012	PSAJPEMB1000000000757			
			23.06.2012	PSAJPEMB1000000000777			
			28.08.2012	PSAJPEMB1000000000850			
			26.09.2012	PSAJPEMB1000000000873			
			02.11.2012	PSAJPEMB1000000000922			
2013	JPEMB	7. - Membekal dan Memasang Kotak Papan Suis Utama 1600A di Pencawang No. 8 - Membekal dan Memasang Kotak Kawalan Kapasitor Bank di Pencawang No. 8	05.12.2013	PFAJPEMB1000000018790	Amsay Letrik Sdn. Berhad	2	88,770
				PFAJPEMB1000000018791			
	JPEMB	8. Membalut Semula (Seater), Back (Plywood) Alas For B/Chair C/W Orange Pvc Foam As Per Sample	13.02.2013	PSAJPEMB1000000000990	Awind Enterprise	8	54,498
			16.05.2013	PSAJPEMB1000000001104			
			04.06.2013	PSAJPEMB1000000001139			
			09.07.2013	PSAJPEMB1000000001199			
			23.09.2013	PSAJPEMB1000000001253			
			23.10.2013	PSAJPEMB1000000001298			
			31.10.2013	PSAJPEMB1000000001314			
			14.11.2013	PSAJPEMB1000000001327			
	JPEMB	9. Penyaman Udara, ACSON - Penyaman Udara 1 HP Split Unit - Penyaman Udara 1.5 HP Wall Type - Penyaman Udara 2 HP Wall Type - Penyaman Udara 2.5 HP Wall Split - Penyaman Udara 3 HP Hung Split	04.07.2013	PBAJPEMB100000000111 - 115	Nizam Sejati Enterprise	23	77,500
			05.07.2013	PBAJPEMB100000000116 - 119			
			05.07.2013	PAAJPEMB100000000105 - 110			
			05.07.2013	PAAJPEMB100000000101 - 104			
			26.09.2013	PAAJPEMB100000000126 - 129			
			26.09.2013	PBAJPEMB100000000129			
	JKES	10. Kamera Litar Tertutup (CCTV), INDIGO VISION IB BX600 HD BULLET CAMERA	12.07.2013	PAJKES1000000000004	Visi Dinamik	2	68,426
				PAJKES1000000000005			
2014	JPEMB	11. Penghawa Dingin, YORK - Penghawa Dingin 1 HP Wall Mounted - Penghawa Dingin 1.5 HP Wall Mounted - Penghawa Dingin 2 HP Wall Mounted - Penghawa Dingin 2.5 HP Ceiling Exposed	14.04.2014	PAAJPEMB100000000139	FAFA Coolair Services	13	55,210
			14.04.2014	PAAJPEMB100000000140			
			15.04.2014	PAAJPEMB100000000141			
			30.04.2014	PAAJPEMB100000000145			
			05.05.2014	PBAJPEMB100000000144			
			09.05.2014	PAAJPEMB100000000148			
			21.05.2014	PAAJPEMB100000000149			
			23.05.2014	PBAJPEMB100000000145			
			23.05.2014	PAAJPEMB100000000150			

TAHUN	PTJ	PEROLEHAN	TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. PESANAN TEMPATAN	PEMBEKAL	BIL. BAUCAR	NILAI (RM)
			26.05.2014	PAAJPEMB1000000000151			
			05.08.2014	PBAJPEMB1000000000148			
			05.08.2014	PBAJPEMB1000000000149			
			05.08.2014	PBAJPEMB1000000000150			
		12. Alat Hawa Dingin, YORK - To Take Out and Relocate 2 Unit, 30 HP Acpu From Masjid To C08 - To Supply Labor, Tools and Material To Install 2 Unit, 30 HP ACPU At C08	15.05.2014	PFAJPEMB1000000021994		3	52,500
			15.05.2014	PFAJPEMB1000000021995			
			25.05.2014	PFAJPEMB1000000022161			
JUMLAH							826,220

Sumber: Baucar Bayaran Dan Daftar Pembelian Terus Tahun 2012 Sehingga Bulan Oktober 2014

ii. Kampus Kejuruteraan

Semakan Audit terhadap 1,416 sampel mendapati 2 perolehan *Miling Machine* atau 0.14% di Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam berjumlah RM80,000 telah dipecah kecil seperti jadual berikut:

JADUAL 4.4 : PECAH KECIL SEBUT HARGA DI KAMPUS KEJURUTERAAN

TAHUN	PTJ	PEROLEHAN	TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. PESANAN TEMPATAN	PEMBEKAL	BIL. BAUCAR	NILAI (RM)
2012	Kejuruteraan Awam	Milling Machine	04.05.2012	PAPAWAM3000000000103	Wendy General Electrical Refg. Air Cond Engineering	2	80,000
			09.07.2012	PAPAWAM3000000000134			
JUMLAH							80,000

Sumber: Baucar Bayaran Dan Daftar Pembelian Terus Tahun 2012 Sehingga Bulan Oktober 2014

iii. Kampus Kesihatan

Semakan Audit terhadap 338 sampel mendapati 5 item atau 1.48% telah dipecah kecil bernilai antara RM59,646 sehingga RM79,200 di Pusat Pengajian Pergigian dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM). Antara Item yang dipecah kecil adalah seperti kamera, *minor oral set* dan penyaman udara seperti jadual berikut:

JADUAL 4.5 : PECAH KECIL SEBUT HARGA DI KAMPUS KESIHATAN

TAHUN	PTJ	PEROLEHAN	TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. PESANAN TEMPATAN	PEMBEKAL	BIL. BAUCAR	NILAI (RM)
2012	Pusat Pengajian Pergigian	1. Kamera, CANON - Kamera Dslr + Lens [Pengajaran] - Kamera Dslr + Lens [Perkhidmatan]	26.06.2012	PAPPSG2000000000035	Capitol Photo Studio	2	69,807
				PAPPSG2000000000036			
		2. - Minor Oral Set	08.07.2012	PAPPSG2000000000044	NHS Enterprise	2	59,646

TAHUN	PTJ	PEROLEHAN	TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. PESANAN TEMPATAN	PEMBEKAL	BIL. BAUCAR	NILAI (RM)
		[Pengajaran] - Minor Oral Set [Perkhidmatan]		PAPPSG2000000000045			
		3. - Suture Set - Suture Set [Pengajaran]	08.07.2012	PAPPSG2000000000046 PAPPSG2000000000047	RAF Synergy Sdn. Berhad	2	69,400
		4. - Amalgam Mixer - Amalgam Mixer [Pengajaran]	08.07.2012	PAPPSG2000000000048 PAPPSG2000000000049		2	79,200
2014	HUSM	5. Penyaman udara, YORK Membekal Menghantar Memasang dan Komisyon Air Cooled Split Air Conditioning Model: YSL15C3/YWM15L YSL20C3/YWM20L YSL25C3/YWM25L	08.05.2014	PBHUSM2000000000291 PBHUSM2000000000292 PBHUSM2000000000293	ASA Cool Enterprise	3	65,300
JUMLAH							343,353

Sumber: Baucar Bayaran Dan Daftar Pembelian Terus Tahun 2012 Sehingga Bulan Oktober 2014

b. Pecah Kecil Tender

Tatacara Perolehan USM menetapkan perolehan yang melebihi had nilai RM500,000 hendaklah dibuat secara tender. Semakan Audit mendapati perolehan bernilai RM1.98 juta di Kampus Induk dan RM0.59 juta di Kampus Kesihatan yang sepatutnya dibuat secara tender telah dipecahkecilkan secara sebut harga seperti berikut:

i. Kampus Induk

Semakan Audit terhadap 37 sampel mendapati sebanyak 10 kontrak perolehan atau 27% telah dipecah kecil iaitu:

- Perolehan bagi bekalan dan penyenggaraan *Video Conference* dan *Audio Visual System* berjumlah RM804,183 telah dipecah kecil kepada 4 kontrak berasingan.
- Perolehan bagi perkhidmatan pencucian dan pembersihan bangunan Zon A dan B di IPPT, Kampus Induk berjumlah RM660,000 dipecah kecil kepada 2 kontrak berasingan.
- Perolehan bagi kerja ubah suai Lot 4, 8, 10 dan 13 berjumlah RM519,604 di IPPT, Kampus Induk telah dipecah kecil kepada 4 kontrak berasingan.

Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.6 : PECAH KECIL TENDER DI KAMPUS INDUK

BIL.	TAHUN PEROLEHAN	PEROLEHAN	NO. KONTRAK	NAMA PEMBEKAL	TEMPOH KONTRAK	NILAI (RM)	JUMLAH (RM)
1.	2012	Membekal, Menghantar, Memasang dan Komisyen <i>Video Conference dan Audio Visual System</i> untuk Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari, Kampus Kejuruteraan dan Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari Kampus Kesihatan.	12/1/B/78/B/ JBEND	Visi Dinamik Enterprise	19.12.2012 - 23.04.2013 dan 23.11.2012 - 29.03.2013	189,412	804,183
2.		Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Komisyen dan Menguji terima Komisyen Sistem Telesidang Video dan Visual untuk Bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar USM	12/05/B/56/B/ JBEND		27.11.2012 - 19.02.2013	122,699	
3.		Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Komisyen dan Pos <i>Maintenance and support for Multi Conferencing and Support For Multi Conferencing System</i> ke Pusat Pengetahuan Komunikasi Dan Teknologi, USM.	12/14(S)/B/53/B/ PPKT		19.11.2012 - 11.12.2012	179,354	
4.		<i>Upgrading and Maintenance Contract For Video Conferencing System For</i> Pusat Pengetahuan Komunikasi Dan Teknologi, USM.	12/16/B/63/B/ PPKT		23.11.2012 - 15.03.2013	312,718	
5.	2013	Perkhidmatan Mencuci dan Membersihkan Bangunan Lot 45 (Zon A), IPPT	13/05/B/94/B/ IPPT	Rosidah Trading & Enterprise	01.01.2014 - 31.12.2015	330,000	660,000
6.		Perkhidmatan Mencuci dan Membersihkan Bangunan Lot 45 (Zon B), IPPT	13/06/B/87/B/ IPPT		01.01.2014 - 31.12.2015	330,000	
7.	2014	Cadangan Kerja Ubah Suai Lot 4 Dengan Membaiki Semula Kerosakan dan Kerja-kerja Berkaitan Untuk Penyerahan Semula Kepada Pemunya Premis, di IPPT.	13/15/B/113/B/ IPPT	Rasda Jati Enterprise	24.02.2014 - 19.05.2014	86,879	519,604
8.		Cadangan Kerja Ubah Suai Lot 8 Dengan Membaiki Semula Kerosakan dan Kerja-kerja Berkaitan Untuk Penyerahan Semula Kepada Pemunya Premis, di IPPT.	13/16/B/114/B/ IPPT	Rencom Enterprise	24.02.2014 - 19.05.2014	112,990	
9.		Cadangan Kerja Ubah Suai Lot 10 Dengan Membaiki Semula Kerosakan dan Kerja-kerja Berkaitan Untuk Penyerahan Semula Kepada Pemunya Premis, di IPPT.	13/17/B/115/B/ IPPT	Artcon Enterprise	24.02.2014 - 19.05.2014	135,860	
10.		Cadangan Kerja Ubah Suai Lot 13 Dengan Membaiki Semula Kerosakan dan Kerja-kerja Berkaitan Untuk Penyerahan Semula Kepada Pemunya Premis, di IPPT	13/18/B/116/B/ IPPT	WR Contruction	24.02.2014 - 19.05.2014	183,875	
JUMLAH							1,983,787

Sumber: Dokumen Kontrak, Baucar Bayaran Dan Daftar Perolehan Sebut Harga

ii. Kampus Kesihatan

Semakan Audit terhadap 15 sampel mendapati sebanyak 4 kontrak perolehan atau 26.7% iaitu Pembekalan *Rack Ivc Cages For Mice* dan *Rack Ivc Cages For Rat* berjumlah RM595,400 di Pusat Penyelidikan Dan Perkhidmatan Haiwan (ARASC) pada tahun 2012 telah dipecah kecil kepada 4 sebut harga seperti jadual berikut:

JADUAL 4.7 : PECAH KECIL TENDER DI KAMPUS KESIHATAN

PEROLEHAN	NO. KONTRAK	TAHUN PEROLEHAN	NAMA PEMBEKAL	TEMPOH KONTRAK	NILAI (RM)
Membekal, Memasang dan Komisyen 1 Set <i>Rack Ivc 120 Cages For Mice</i> ke Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan (ARASC) Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan	B/30CARAS/7415 10/12USMKK	2012	Bumi Jiwa Sdn. Berhad	22.11.2012 - 21.03.2013	82,500
Membekal, Memasang dan Komisyen 4 Set <i>Rack Ivc 80 Cages For Mice</i> ke Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan (ARASC) Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan	B/20CARAS/7415 10/15/12USMKK			22.11.2012 - 21.02.2013	246,600
Membekal, Memasang dan Komisyen 5 Set <i>Rack Ivc 28 Cages For Rat</i> ke Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan (ARASC) Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan	B/21CARAS/7415 10/17/12USMKK			22.11.2012 - 21.03.2013	157,500
Membekal, Memasang dan Komisyen 2 Set <i>Rack Ivc 56 Cages For Rat</i> ke Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan (ARASC) Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan	B/22CARAS/7415 10/12USMKK			22.11.2012 - 21.04.2013	108,800
JUMLAH					595,400

Sumber: Dokumen Kontrak Dan Baucar Bayaran

Pada pendapat Audit, USM tidak mematuhi Tatacara Perolehan yang telah ditetapkan dan tidak merancang perolehan dengan teliti menyebabkan berlakunya pecah kecil perolehan.

Pihak Kementerian Kewangan telah bersetuju dengan penemuan Audit berkaitan pecah kecil sebut harga dan tender semasa mesyuarat *exit conference* yang diadakan pada 22 April 2015.

Maklum Balas Daripada USM Diterima Pada 24 April 2015

Perolehan item yang sama dibuat disebabkan beberapa faktor seperti kursus adalah berbeza tarikh dan kumpulan, jenis alat yang berlainan fungsi, tujuan penyeragaman, perbezaan spesifikasi alat, perbezaan dos ubat, skop kerja yang berbeza, kerosakan alat, penyebut harga terendah dan memenuhi perincian, bagi tujuan memudahkan pemantauan dan kawalan risiko, memberi peluang kepada lebih ramai kontraktor dan melancarkan kerja. Bagaimanapun, USM mengambil

maklum terhadap saranan Audit untuk penambahbaikan perancangan dalam pengurusan perolehan di masa hadapan. USM akan merancang perolehan universiti secara sistematik dengan mewujudkan panel pembekal yang akan dilaksanakan mulai bulan Mei 2015, memperkenalkan konsep Just In Time dan mengkaji semula serta menambah baik Sistem Kewangan USM.

4.4.2 Kelemahan Pengurusan Peralatan/Bekalan

4.4.2.1 Kelewatan Pembekalan

- a. Mengikut kontrak, kontraktor boleh diberi lanjutan masa (EOT) atas budi bicara Pegawai Penguasa dengan memohon secara bertulis 1 bulan sebelum tamat tempoh kontrak manakala permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan. Kontraktor yang gagal menyiapkan penghantaran bekalan dan pemasangan barangan dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan denda kelewatan 0.25% sehari ke atas harga peralatan bagi tempoh yang lewat dibekalkan tertakluk kepada maksimum 100 hari kelewatan atau ditamatkan kontrak.
- b. Semakan Audit mendapati perolehan seunit *Autoclave* bernilai RM1.28 juta di ARASC, Kampus Kesihatan yang dibuat secara tender lewat dibekalkan. Peralatan tersebut sepatutnya siap dibekalkan dan dipasang pada 20 Disember 2013. Bagaimanapun, ia gagal disiapkan walaupun EOT telah diberikan sehingga 10 Jun 2014 dengan tempoh kelewatan selama 161 hari. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan, peralatan siap dipasang setakat 70% dan tiada permohonan EOT kedua dibuat. Semakan lanjut mendapati syarat kontrak yang menetapkan tempoh lewat dibekalkan tertakluk kepada maksimum 100 hari kelewatan adalah tidak menjamin kepentingan USM. Berdasarkan perkiraan Audit denda lewat yang boleh dikenakan untuk tempoh 100 hari adalah berjumlah RM320,550 seperti jadual berikut:

JADUAL 4.8 : KELEWATAN PEMBEKALAN PEROLEHAN AUTOCLAVE

PEROLEHAN	PEMBEKAL	NILAI (RM)	TARIKH SIAP ASAL	EOT		TEMPOH LEWAT (Hari)	DENDA LEWAT (RM)
				TEMPOH LULUS (Hari)	TARIKH TAMAT EOT		
Membekal, Menghantar, Memasang dan Komisen 1 Unit <i>Autoclave</i> seperti Gambar 4.1	Stemcell Technologies (M) Sdn. Berhad	1,282,200	20.12.2013	171	10.06.2014	161	320,550

Sumber: Dokumen Kontrak, Baucar Bayaran Dan Kelulusan EOT

Nota: Pengiraan Tempoh Lewat Adalah Dari Tarikh Tamat EOT Sehingga Tarikh Pengauditan Pada 18 November 2014

GAMBAR 4.1
Peralatan Autoclave Yang Belum Siap Dipasang



Lokasi: ARASC, Kampus Kesihatan
Tarikh: 18 November 2014

Pada pendapat Audit, kelewatan pembekalan peralatan tersebut boleh menjejaskan pengajaran, pembelajaran dan perkhidmatan. Syarat kontrak yang menetapkan tempoh lewat dibekalkan tertakluk kepada maksimum 100 hari kelewatan tidak menjaga kepentingan USM.

Maklum Balas Daripada USM Diterima Pada 24 April 2015

Penghantaran Autoclave telah dibuat pada 18 September 2014. Bagaimanapun, proses pemasangan alatan belum disempurnakan sepenuhnya sehingga tarikh pengauditan dijalankan dan ini menyebabkan alatan tidak boleh ditauliahkan untuk tujuan pembayaran. Oleh itu, denda lewat akan dikenakan kepada pembekal berjumlah RM320,550 semasa proses pembayaran. Berdasarkan Penasihat Undang-undang USM, kontrak pembekalan ini akan disemak segera bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. USM turut memperkemas kriteria pemilihan pembekal dari segi keupayaan menyempurnakan bekalan.

4.4.3 Pengurusan Kontrak

Tatacara Perolehan USM menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani selepas semua terma dan syarat dipersetujui selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST).

4.4.3.1 Kontrak Lewat Ditandatangani Selepas Tarikh Tamat Kontrak

Semakan Audit mendapati kontrak bagi 8 sebut harga bernilai RM1.33 juta dan satu tender bernilai RM504,900 ditandatangani selepas tarikh tamat kontrak antara 18 sehingga 98 hari seperti jadual berikut:

JADUAL 4.9 : KONTRAK DITANDATANGANI SELEPAS TARIKH TAMAT KONTRAK

PEROLEHAN	PTJ	KAEDAH PEROLEHAN	TARIKH SST/PT	TARIKH TAMAT KONTRAK/ SIAP KERJA	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	LEWAT (Hari)	NILAI (RM)
Cadangan Mengubahsuai Makmal 254, Bangunan G09	Pusat Pengajian Sains Kimia, Kampus Induk	Sebut harga	11.05.2012	20.07.2012	07.08.2012	18	157,125
Membekal, Menghantar, Memasang dan Komisyon <i>Tablet Operating Major Electric Ortho With Accessories</i>	Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju, Kampus Induk		05.11.2012	05.03.2013	28.05.2013	84	163,700
Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Komisyon dan Pos <i>Maintenance and Support For Multi Conference Unit (MCU) For Video Conferencing System</i>	Pusat Pengetahuan Komunikasi Dan Teknologi, Kampus Induk		19.11.2012	11.02.2013	14.03.2013	31	179,354
Membekal, Menghantar, Memasang dan Komisyon <i>Video Conference dan Audio Visual System</i> Untuk Bilik Mesyuarat, Jabatan Bendahari	- Jabatan Bendahari, Kampus Induk - Kampus Kejuruteraan - Kampus Kesihatan		23.11.2012 dan 19.12.2012	29.03.2013 dan 23.04.2013	27.05.2013	34	189,412
Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Komisyon dan Menguji Terima Sistem Telesidang Video dan Visual Untuk Bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Pejabat Pendaftar, Kampus Induk		27.11.2012	19.02.2013	14.03.2013	23	122,699
Membekal, Menghantar, Memasang dan Komisyon <i>Endoscopic-High Definition Camera System, Image and Data Archiving System</i>	Pusat Pengajian Sains Perubatan, Kampus Kesihatan		02.05.2013	24.07.2013	26.08.2013	33	249,000
Membekal dan Menghantar <i>Safety Shoes</i> Untuk Pakaian Seragam Tahun 2013 dan 2014	Jabatan Pendaftar, Kampus Induk		13.02.2014	14.05.2014	20.08.2014	98	131,488
Cadangan Kerja Ubahsuai Lot 10 Dengan Membaiki Semula Kerosakan dan Kerja-kerja Berkaitan Untuk Penyerahan Semula Kepada Pemunya Premis, di Bandar Putra Bertam, Kepala Batas	Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju, Kampus Induk		18.02.2014	19.05.2014	10.06.2014	22	135,860
Membekal, Menghantar, Memasang dan Komisyon <i>Chromatography Equipment, Gas Chromatography Mass Spectrometer</i>	HUSM, Kampus Kesihatan	Tender	06.03.2012	15.05.2012	14.08.2012	91	504,900
JUMLAH							1,833,538

Sumber: Dokumen Kontrak, Surat Setuju Terima Dan Pesanan Tempatan (PT)

4.4.3.2 Kontrak Lewat Ditandatangani Melebihi 4 Bulan

Semakan Audit mendapati 2 kontrak tender bernilai RM3.72 juta lewat ditandatangani selama 86 dan 154 hari seperti jadual berikut:

JADUAL 4.10 : KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI MELEBIHI 4 BULAN

PEROLEHAN	PTJ	NAMA SYARIKAT	TARIKH SST	TARIKH KONTRAK	TARIKH KONTRAK SEPATUT DITANDATANGANI	LEWAT (Hari)	NILAI (RM Juta)
Memberi Perkhidmatan Mengurus dan Melupuskan Sisa-sisa Klinik Bagi Tempoh 2 Tahun 2012 Sehingga 2014	HUSM, Kampus Kesihatan	Radicare (M) Sdn. Berhad	30.10.2012	01.08.2013	28.02.2013	154	3.20
Cadangan Ubahsuai dan Naik Taraf Makmal Sains Tanah Sedia Ada, Tingkat 1, Bangunan G08	Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat, Kampus Induk	AXEC Services & Trading Sdn. Berhad	29.11.2013	25.06.2014	29.03.2013	86	0.52
JUMLAH							3.72

Sumber: Dokumen Kontrak

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak di USM masih ada ruang penambahbaikan kerana kontrak lewat ditandatangani dan kontrak ditandatangani selepas tarikh tamat kontrak. Ini menyebabkan kepentingan USM tidak dapat dilindungi dan USM tidak dapat mengambil sebarang tindakan sekiranya kontraktor gagal melaksanakan tanggungjawabnya.

Maklum Balas Daripada USM Diterima Pada 24 April 2015

Kontrak ditandatangani selepas tarikh tamat kontrak dan kontrak lewat ditandatangani melebihi 4 bulan disebabkan oleh pembekal yang lewat menandatangani kontrak, kontrak hilang dalam simpanan pembekal dan pembekal tidak menyempurnakan kontrak. Tindakan serta merta telah diambil untuk memantapkan pengurusan kontrak dan pemantauan seperti setiap susulan yang dibuat dengan pembekal mestilah secara bertulis, memantapkan senarai semak pengeluaran pesanan tempatan yang dikeluarkan oleh PTJ dan makluman akan disampaikan kepada PTJ untuk memastikan pesanan tempatan yang bernilai melebihi RM50,000 perlu diberikan salinan bertandatangan. Struktur Unit Pengurusan Kontrak telah diperkemas dan dimantapkan dengan penambahan sumber manusia khusus untuk mentadbir pengurusan kontrak.

4.4.4 Pengurusan Aset

4.4.4.1 Peralatan Tidak Digunakan

Setiap peralatan yang diterima perlu digunakan mengikut fungsi dan tujuan sebenar peralatan tersebut dibeli. Peralatan tersebut hendaklah digunakan secara optimum dan sebaik mungkin bagi mendapat *value for money*. Lawatan Audit di 6 PTJ mendapati 9 peralatan bernilai RM686,635 tidak digunakan antara 148 sehingga 576 hari dari tarikh penerimaan peralatan. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 4.11 : PEROLEHAN BEKALAN/PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN

PEROLEHAN	PTJ	BILANGAN TIDAK DIGUNAKAN	TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN (Hari)	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN	NILAI (RM)
Kamera Litar Tertutup (CCTV) seperti Gambar 4.2	Jabatan Keselamatan, Kampus Induk	4 unit	202	Masalah 'storage' data rakaman 'overload'.	66,666
Safety Shoes Tahun 2013 dan 2014 seperti Gambar 4.4	Jabatan Pendaftar, Kampus Induk	2013 : 135 pasang 2014 : 145 pasang	2013 : 291 2014 : 148	USM mengambil kira mark-up sebanyak 9 hingga 10 peratus daripada anggaran keperluan sebenar untuk tujuan simpanan.	24,030
Advanced DC Drives seperti Gambar 4.6	Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik, Kampus Kejuruteraan	1 unit	369	Kursus EEK468, Pacuan Mesin Elektrik tidak ditawarkan pada Semester Pertama, Sidang Akademik 2014/2015 disebabkan perubahan kurikulum bagi memenuhi saranan Engineering Accreditation Council.	112,000
Menaik Taraf Ruang Makmal K319 Makmal Penyelidikan Bahagian Kimia Analisis di Bangunan G09A seperti Gambar 4.8	Pusat Pengajian Sains Kimia, Kampus Induk	1 makmal	576	Semester Pertama, Sidang Akademik 2014/2015 Program Sarjana Sains (Peralatan Kimia Mod Campuran) ditawarkan adalah pada bulan September 2014.	109,681
Penyaman Udara seperti Gambar 4.10	Gudang Jabatan Pembangunan IPPT, Kampus Induk	Indoor : 75 unit Outdoor : 77 unit	Tiada Maklumat	Lebih disebabkan oleh perpindahan pejabat IPPT.	55,008
Kerusi seperti Gambar 4.12		28 unit		Lebih disebabkan penutupan rumah kedai.	1,100
Rack Ivc 120 Cages For Mice seperti Gambar 4.14	Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan (ARASC), Kampus Kesihatan	1 set	493	Pembelian dibuat semasa mempunyai peruntukan.	82,500
Rack Ivc 80 Cages For Mice seperti Gambar 4.16		1 set			61,650
Non-Human Primate Cages seperti Gambar 4.18		8 unit	551		174,000
JUMLAH					686,635

Sumber: Dokumen Kontrak, Baucar Bayaran Dan Rekod Penggunaan Peralatan

GAMBAR 4.2
Kamera Litar Tertutup Belum Digunakan



Lokasi: Jabatan Keselamatan, Kampus Induk
Tarikh: 21 Oktober 2014

GAMBAR 4.3
**Kamera Litar Tertutup Telah Dipasang
Selepas Teguran Audit**



Lokasi: Persimpangan Jalan Bersebelahan Pusat
Pengajian Bahasa, Literasi Dan Terjemahan
Tarikh: 1 April 2015

GAMBAR 4.4
Safety Shoes Belum Digunakan



Lokasi: Jabatan Pendaftar, Kampus Induk
Tarikh: 21 Oktober 2014

GAMBAR 4.5
**Safety Shoes Diagihkan Kepada Pegawai
USM Selepas Teguran Audit**



Lokasi: Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju
Tarikh: 23 April 2015

GAMBAR 4.6
Advanced DC Drives Hanya Digunakan Sekali Pada Tahun 2013



Lokasi: Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik, Kampus Kejuruteraan
Tarikh: 12 November 2014

GAMBAR 4.7
Advanced DC Drives Telah Digunakan Selepas Teguran Audit



Lokasi: Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik, Kampus Kejuruteraan
Tarikh: 30 Mac 2015

GAMBAR 4.8
Makmal Penyelidikan Bahagian Kimia Analisis Tidak Digunakan



Lokasi: Pusat Pengajian Sains Kimia, Kampus Induk
Tarikh: 21 Oktober 2014

GAMBAR 4.9
Makmal Penyelidikan Bahagian Kimia Analisis Telah Digunakan Selepas Teguran Audit



Lokasi: Pusat Pengajian Sains Kimia, Kampus Induk
Tarikh: 24 April 2015

GAMBAR 4.10
Penyaman Udara Tidak Digunakan



Lokasi: Gudang Jabatan Pembangunan IPPT, Kampus Induk
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 4.11
Penyaman Udara Telah Digunakan Selepas Teguran Audit




Lokasi: Makmal ARC, IPPT
Tarikh: 12 Mac 2015

GAMBAR 4.12
Kerusi Tidak Digunakan



Lokasi: Gudang Jabatan Pembangunan IPPT,
Kampus Induk
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 4.13
Kerusi Telah Digunakan
Selepas Teguran Audit




Lokasi: Klinik Mata, IPPT
Tarikh: 23 April 2015

GAMBAR 4.14
Rack Ivc 120 Cages For Mice
Tidak Digunakan



Lokasi: ARASC, Kampus Kesihatan
Tarikh: 18 November 2014

GAMBAR 4.15
Rack Ivc 120 Cages For Mice
Telah Digunakan Selepas Teguran Audit



Lokasi: ARASC, Kampus Kesihatan
Tarikh: 23 April 2015

GAMBAR 4.16
Rack Ivc 80 Cages For Mice
Tidak Digunakan



Lokasi: ARASC, Kampus Kesihatan
Tarikh: 18 November 2014

GAMBAR 4.17
Rack Ivc 80 Cages For Mice
Telah Digunakan Selepas Teguran Audit



Lokasi: ARASC, Kampus Kesihatan
Tarikh: 23 April 2015



GAMBAR 4.18
Non-Human Primate Cages
Tidak Digunakan

Lokasi: ARASC, Kampus Kesihatan
 Tarikh: 18 November 2014

Pada pendapat Audit, USM tidak membuat perancangan yang teliti semasa perolehan peralatan berjumlah RM686,635. Peralatan yang tidak digunakan boleh menyebabkan pembaziran dan objektif pembelian peralatan tidak tercapai.

Maklum Balas Daripada USM Diterima Pada 24 April 2015

Tindakan bagi menggunakan bekalan/peralatan adalah seperti membeli peralatan baru bagi mengatasi storage data rakaman overload, mengagihkan safety shoes kepada pegawai USM, menggunakan sepenuhnya peralatan, menempatkan dan memasang peralatan di PTJ lain dan memulakan program atau kursus supaya makmal dapat digunakan. Peralatan Non-Human Primate Cages akan digunakan bagi projek penyelidikan di USM.

4.4.4.2 Pelupusan Peralatan

- a. Tatacara Pengurusan Aset Alih USM menetapkan Perakuan Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-16) perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelupusan Aset dan Barang (JKAB) dan Jawatankuasa Pelupusan Peralatan Komputer (JPPK). JKAB dan JPPK akan menimbang dan membuat kelulusan bagi aset dan barang/peralatan komputer yang bersamaan atau tidak melebihi RM100,000 setiap satu atau jumlah keseluruhan di setiap PTJ bersamaan atau tidak melebihi RM500,000. Jawatankuasa ini juga akan menimbang dan memperakukan untuk kelulusan Bendahari bagi aset dan barang/peralatan komputer yang melebihi RM100,000 setiap satu atau jumlah keseluruhan di setiap PTJ melebihi RM500,000. Pelupusan dibuat dalam tempoh 3 bulan selepas kelulusan melalui kaedah pelupusan seperti jualan secara tender/sebut harga/lelong, tukar beli, pindahan, dimusnahkan secara buang/bakar dan kaedah lain yang difikirkan sesuai.

- b. Pemeriksaan Audit mendapati 31 peralatan komputer seperti *LCD Monitor*, *CPU* dan pencetak belum dilupuskan serta disimpan di Stor Seksyen IT, IPPT. Sebanyak 21 peralatan ini tidak dapat dikesan nombor harta manakala 19 peralatan tidak dapat dipastikan tarikh pembelian. Permohonan pelupusan dihantar pada bulan Oktober 2014 dan kelulusan pelupusan akan dibawa ke JPPK pada 15 April 2015. Peralatan tersebut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 4.19
LCD Monitor Dan CPU Belum Dilupuskan



Lokasi: Stor Seksyen IT, IPPT, Kampus Induk
Tarikh: 20 Oktober 2014

GAMBAR 4.20
Pencetak Belum Dilupuskan



Lokasi: Stor Seksyen IT, IPPT, Kampus Induk
Tarikh: 20 Oktober 2014

- c. Semakan Audit mendapati permohonan pelupusan bagi 19 peralatan dengan nilai perolehan asal berjumlah RM707,925 di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik telah dibuat pada bulan Jun 2014. Bagaimanapun, JKAB hanya meluluskan permohonan bagi 18 peralatan pada bulan Disember 2014 selepas lawatan Audit pada bulan November 2014 dan pelupusan masih belum dilaksanakan. Selain itu, peralatan *Rapid Prototyping System FDM 3000* dengan nilai perolehan asal berjumlah RM478,800 masih belum diluluskan untuk pelupusan kerana JKAB perlu meneliti perincian peralatan tersebut. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.12 : SENARAI PELUPUSAN DI PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MEKANIK

BIL.	NAMA PERALATAN	NO. HARTA/ NO. SIRI	TAHUN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)
1.	<i>Sanderson Thin Cylinder</i>	3AK00001098	1990	15,043
2.	<i>Air Compressor Ingersoll Rand</i>	123AK620500002	1990	4,700
3.	<i>Gear Apparatus C/W Masses</i>	3AK00000970	1990	16,863
4.	<i>Digital Strain Gauge</i>	123AK332400007	1991	5,350
5.	<i>Solarhart Solar Hot Water System</i>	123AK680200001	1992	4,650
6.	<i>Switch and Balance Unit</i>	3AK00002213	1992	5,500
7.	<i>Electrodynamic Vibration W Hs Ctr</i>	AK00003241	1993	34,726
8.	<i>Analyser/Balancer W/Acc IRD</i>	123AK321800004	1993	42,700
9.	<i>Whirling of Shafts (Norwood)</i>	123AK300100002	1994	29,627
10.	<i>Octave Band Filter Cel 278</i>	123AK321800009	1994	3,890
11.	<i>Centrifuge Force Apparatus</i>	123AK333400003	1994	12,732
12.	<i>Governor Apparatus Norwood</i>	123AK310200003	1994	22,854
13.	<i>Rapid Prototyping System FDM 3000</i>	123AK305400001	2001	478,800
14.	<i>Enjin Saito FA-300T-TDP</i>	AK00000766	2001	4,000
15.	<i>Airfoils and Fuselage Composite Model</i>	AK00001727	2002	9,990
16.	<i>Fast Fourier Trans Form Module Software</i>	AK00002386	Tiada Maklumat	16,500
17.	<i>Air Compressor (Jenama Swan 85 Liter)</i>	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
18.	<i>Air Compressor (Jenama Fini)</i>	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
19.	<i>Air Compressor (Uno Air)</i>	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat
JUMLAH				707,925

Sumber: Senarai Pelupusan Dan KEW.PA-16

Pada pendapat Audit, kelewatan tindakan pelupusan boleh mendedahkan kepada risiko kehilangan, kemerosotan nilai dan menghadkan ruang penyimpanan.

Maklum Balas Daripada USM Diterima Pada 24 April 2015

Sijil Pelupusan telah dikeluarkan dan semua peralatan telah dilupuskan selepas teguran Audit. Pengurusan mesyuarat JKAB telah diperkemas dan makluman serta panduan kepada PTJ turut disediakan untuk penambahbaikan.

4.4.5 Pemantauan

Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaikannya. Semakan Audit terhadap pemantauan yang dijalankan bagi pengurusan perolehan adalah seperti berikut:

4.4.5.1 Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia

Pemantauan terhadap pengurusan perolehan USM telah dilaksanakan oleh Kementerian melalui pembentangan laporan pengurusan perolehan serta pengurusan aset dan stor di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun peringkat Kementerian. Laporan pengurusan perolehan menerangkan bilangan perolehan mengikut jenis dan laporan pengurusan aset menerangkan bilangan peralatan dan jumlah peralatan bagi setiap suku tahun.

4.4.5.2 Peringkat USM

Pemantauan oleh USM dibuat melalui pembentangan laporan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih USM, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Jawatankuasa Tetap Kewangan. Selain itu, setiap perolehan secara tender dan rundingan terus di peringkat PTJ diurus dan diluluskan oleh Jabatan Bendahari, Kampus Induk. Jabatan Bendahari juga bertanggungjawab mengeluarkan peraturan terkini berkaitan perolehan untuk diguna pakai dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pemantauan pengurusan perolehan adalah memuaskan.

4.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan USM mengambil tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:

4.5.1 USM hendaklah memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan bagi mengelakkan pecah kecil perolehan untuk mendapatkan perkhidmatan yang terbaik dan *value for money*.

4.5.2 USM hendaklah memastikan setiap perolehan dibekalkan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya bekalan/peralatan dapat digunakan secara optimum oleh pengguna dan tidak menjejaskan pengajaran, pembelajaran dan perkhidmatan.

4.5.3 USM hendaklah memastikan pengurusan kontrak diurus dengan teratur dan segala dokumen kontrak perlu disediakan dan ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan. USM perlu mengkaji semula klausa mengenakan denda lewat sehingga maksimum 100 hari. Ini bagi memastikan kepentingan Kerajaan dan USM dilindungi.

4.5.4 USM hendaklah mengambil tindakan segera untuk melupuskan aset yang tidak digunakan/dalam tindakan pelupusan supaya ia tidak mengalami kemerosotan nilai.

Setiap PTJ perlu membuat pemeriksaan berkala bagi mengenal pasti peralatan yang tidak lagi ekonomik untuk dibaiki dan telah usang supaya tindakan pelupusan dapat dilaksanakan. Selain itu, aset yang hendak dilupuskan perlu disimpan di tempat yang sepatutnya dan selamat.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.

5

UNIVERSITI MALAYA
Pengurusan Perolehan

5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Universiti Malaya (UM) adalah universiti tertua di Malaysia yang ditubuhkan pada 8 Oktober 1949 hasil gabungan Fakulti Perubatan King Edward VII dengan Kolej Raffles di Singapura. Pada tahun 1957, UM memulakan operasinya di premis sementara Kolej Teknikal Kuala Lumpur sebagai Jabatan Kesenian. Jabatan ini kemudiannya dibangunkan sebagai Fakulti Kejuruteraan dan dipindahkan ke lokasinya sekarang di Lembah Pantai, Kuala Lumpur pada tahun 1958. Universiti Malaya dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan tertakluk di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Objektif penubuhannya adalah untuk menjalankan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di peringkat Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi.

5.1.2 Pada 11 Oktober 2006, UM telah diiktiraf oleh Jemaah Menteri sebagai Universiti Penyelidikan di Malaysia yang memerlukan UM mengambil bahagian secara aktif dalam penerokaan idea baru, menawarkan pengajian yang berfokuskan kepada penyelidikan, menguji kaedah yang inovatif dan mengambil inisiatif secara intelek untuk terus mengembangkan ilmu dan mengukuhkan kedudukan Institut Pengajian Tinggi Awam di peringkat antarabangsa.

5.1.3 Selaras dengan objektif penubuhannya, UM telah diluluskan peruntukan perolehan berjumlah RM1,060.94 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 di mana sejumlah RM808.37 juta atau 76.2% telah dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan yang diluluskan untuk tahun 2012 sehingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.1 : PRESTASI PERBELANJAAN PEROLEHAN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN PEROLEHAN (%)
2012	428.40	243.05	56.7
2013	306.29	293.47	95.8
2014	326.25	271.85	83.3
JUMLAH	1,060.94	808.37	76.2

Sumber: Jabatan Bendahari

Nota: Peruntukan Dan Perbelanjaan Meliputi Geran Mengurus, Pembangunan Dan Penyelidikan

5.1.4 Universiti Malaya melaksanakan perolehan secara elektronik sepenuhnya melalui Sistem *e-Procurement* yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat UM dan mula diguna pakai pada 1 Mac 2011.

5.1.5 Bahagian yang bertanggungjawab secara langsung dengan pengurusan perolehan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.2 : BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB BAGI PEROLEHAN UM

PERKARA	TANGGUNGJAWAB	
	PENYEDIA/TINDAKAN	PENYEMAK/TINDAKAN
A. PEMBELIAN TERUS		
1. Pencarian Sebut Harga	Pusat Tanggungjawab (PTJ)	Ketua PTJ
2. Keputusan Sebut Harga	Ketua PTJ	
B. SEBUT HARGA		
1. Dokumentasi	PTJ menguruskan menerusi Sistem <i>e-Procurement</i>	Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari
2. Pencarian Sebut Harga		
3. Tutup Sebut harga	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga Yang Dilantik	
4. Penilaian (Spesifikasi & Teknikal/Harga)	Jawatankuasa Penilaian Yang Dilantik	
5. Keputusan Sebut Harga	Jawatankuasa Sebut Harga UM	
C. TENDER		
1. Dokumentasi	Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari menguruskan menerusi Sistem <i>e-Procurement</i>	
2. Pengiklanan Tender		
3. Tutup Tender		
4. Penilaian (Spesifikasi & Teknikal/Harga)	Jawatankuasa Penilaian Yang Dilantik	
5. Keputusan Tender	Lembaga Perolehan A dan B	
D. RUNDINGAN TERUS	Jawatankuasa Rundingan Terus Yang Dilantik	

Sumber: Manual Perolehan UM

5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di UM telah dirancang dan dilaksanakan secara cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

5.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang dilaksanakan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Selain itu, penerimaan, penyimpanan, penggunaan, penyenggaraan, pelupusan dan penyelenggaraan rekod peralatan turut diaudit. Pemeriksaan telah dijalankan terhadap fail, rekod kewangan dan kontrak bagi tahun 2012 sehingga 2014 di Bahagian Perolehan, Bahagian Pengurusan Dan Pembayaran, Jabatan Bendahari serta Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB). Pemeriksaan fizikal turut dilakukan terhadap perolehan yang dibuat oleh Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains, Fakulti Pergigian, Fakulti Perubatan dan Pusat Sukan. Selain itu, temu bual dan perbincangan turut diadakan

dengan pegawai UM yang terlibat. *Exit Conference* telah diadakan pada 20 April 2015 dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha II, Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara pegawai yang hadir adalah Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), pegawai kanan universiti dan wakil Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Peguam Negara.

5.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan UM adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan UM seperti berikut:

- i. Perolehan penganjuran majlis/acara rasmi sejumlah RM610,835 telah dilaksanakan tanpa mempelawa sebut harga, tidak menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dan tiada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga.
- ii. Denda kelewatan sejumlah RM11,608 tidak dikenakan kepada pembekal yang lewat menghantar bekalan/perkhidmatan.
- iii. Kelemahan Pengurusan Projek/Bekalan:
 - Projek pembinaan bangunan bengkel dan makmal bernilai RM21.30 juta yang sepatutnya siap pada bulan September 2012 telah mengalami kelewatan selama 2 tahun 4 bulan dan belum siap setakat bulan Februari 2015. UM perlu menanggung peningkatan kos sejumlah RM839,290 untuk melantik kontraktor penyiap.
 - Perolehan peralatan makmal bernilai RM4.25 juta tidak dapat dipasang dan disimpan di dalam kontena berikutan bangunan bengkel dan makmal belum siap. Ini menyebabkan UM perlu menanggung peningkatan kos sejumlah RM416,700 yang berpunca daripada kos penyewaan gudang di Pelabuhan Klang sejumlah RM284,000, penyewaan kontena sejumlah RM112,700 dan peningkatan kos bahan binaan sejumlah RM20,000.
 - Perakuan Siap Kerja bagi projek pengubahsuaian bangunan lewat dikeluarkan antara 33 hingga 207 hari berbanding tarikh siap projek yang dinyatakan dalam perjanjian/surat setuju terima. Kontraktor tidak membuat permohonan lanjutan masa dan tiada denda kelewatan dikenakan. Denda kelewatan yang boleh dikenakan kepada kontraktor adalah sejumlah RM87,250.
- iv. Peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran berjumlah RM203,335 tidak digunakan secara optimum.
- v. Pemeriksaan aset tahunan tidak dijalankan menyebabkan aset berjumlah RM12.92 juta dalam senarai aset yang diselenggara oleh Bahagian Akaun tidak dapat dikesan semasa pengauditan.

- vi. Peralatan rosak tidak dibaiki dan peralatan rosak yang tidak ekonomi untuk dibaiki tidak dilupuskan.

5.4.1 Prestasi Pengurusan Perolehan

5.4.1.1 Tatacara Perolehan

- a. Selaras dengan pelaksanaan autonomi dalam bidang pengurusan kewangan, UM telah menyediakan manual perolehan yang menerangkan tatacara, peluasan had nilai dan pihak berkuasa melulus dalam urusan perolehan. Manual perolehan ini mengandungi syarat dan peraturan mengenai perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang perlu dipatuhi oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). Manual Perolehan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 13 Disember 2012.
- b. Semakan Audit terhadap Manual Perolehan UM mendapati tatacara perolehan telah disediakan dengan lengkap mengikut pekeliling yang berkuat kuasa. Manual ini sentiasa dikemas kini selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Dalaman UM yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Ia merangkumi kaedah perolehan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus untuk 3 jenis perolehan iaitu bekalan, perkhidmatan dan kerja. Pihak Berkuasa Melulus mengikut kaedah perolehan adalah seperti berikut:

JADUAL 5.3 : PIHAK BERKUASA MELULUS MENGIKUT KAEDAH PEROLEHAN

KAEDAH PEROLEHAN	PEROLEHAN	HAD NILAI	PIHAK BERKUASA MELULUS
Pembelian Terus	Bekalan Dan Perkhidmatan	Sehingga RM50,000	Jawatankuasa Sebut Harga PTJ
	Kerja	Sehingga RM20,000	
Sebut Harga	Bekalan Dan Perkhidmatan	Melebihi RM50,000 Sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga Universiti
	Kerja	Melebihi RM20,000 Sehingga RM500,000	
Tender	Bekalan/Perkhidmatan/ Kerja	Melebihi RM500,000 Sehingga RM20 juta	Lembaga Perolehan B
		Melebihi RM20 juta Sehingga RM100 juta	Lembaga Perolehan A
Rundingan Terus	Peralatan/Perkhidmatan Penyelidikan	Sehingga RM500,000	Jawatankuasa Rundingan Terus B
		Melebihi RM500,000 Sehingga RM1 juta	Jawatankuasa Rundingan Terus A
		Melebihi RM1 juta Sehingga RM5 juta	Lembaga Perolehan A

Sumber: Manual Perolehan UM

Pada pendapat Audit, UM mempunyai manual perolehan yang lengkap dan jelas sebagai rujukan oleh PTJ dalam urusan perolehan.

5.4.1.2 Penggunaan Sistem *e-Procurement*

- a. UM telah mengguna pakai Sistem *e-Procurement* bermula pada 1 Mac 2011. Melalui sistem ini, pelawaan sebut harga dibuat kepada bilangan pembekal/kontraktor yang lebih meluas secara atas talian bagi memperoleh harga yang lebih kompetitif serta mendapat nilai faedah terbaik. Semua pelawaan perolehan sebut harga melebihi RM1,000 diwajibkan menggunakan Sistem *e-Procurement* melainkan mendapat kelulusan daripada Pengawal Kewangan. Semua pembekal/kontraktor yang ingin menyertai pelawaan sebut harga/tender UM dikehendaki mendaftar secara atas talian melalui Portal Pendaftaran Pembekal/Kontraktor. Makluman pembukaan sebut harga dan tender akan dihantar melalui emel dan sistem pesanan ringkas.
- b. Secara keseluruhannya, pelaksanaan perolehan melalui Sistem *e-Procurement* adalah baik. Sebanyak 20,641 perolehan dengan perbelanjaan berjumlah RM496.65 juta telah dilaksanakan melalui Sistem *e-Procurement* dari tahun 2012 sehingga 2014. Semakan Audit mendapati sebanyak 379 atau 1.8% perolehan berjumlah RM3.26 juta tidak melalui proses pelawaan sebut harga dalam Sistem *e-Procurement*. Analisis Audit mendapati antara sebab PTJ memohon pengecualian Sistem *e-Procurement* adalah kerana kurang memahami Sistem *e-Procurement* dan kekangan masa. Antara jenis perolehan yang tidak melalui Sistem *e-Procurement* adalah perolehan penganjuran majlis/acara rasmi, tempahan makanan/minuman, penginapan, bilik persidangan/mesyuarat dan tiket kapal terbang. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.4 : PEROLEHAN YANG TIDAK MELALUI SISTEM *e-PROCUREMENT*

PEROLEHAN YANG TIDAK MELALUI SISTEM <i>e-PROCUREMENT</i>	TAHUN		
	2012 (Bilangan)	2013 (Bilangan)	2014 (Bilangan)
Tempahan Tiket Kapal Terbang	39	16	14
Pakej Latihan / Bengkel / Mesyuarat / Kursus / Persidangan	38	11	12
Tempahan Makanan dan Minuman	18	19	12
Pengurusan Majlis (Khemah/Cenderahati/Hamper/Sewa Lampu)	11	9	9
Tempahan Penginapan	7	5	8
Penyenggaraan	10	3	2
Lain-lain	66	35	35
JUMLAH	189	98	92
JUMLAH BESAR	379		

Sumber: Bahagian Perolehan

Pada pendapat Audit, penggunaan Sistem *e-Procurement* telah membantu UM menyalurkan maklumat perolehan kepada pihak yang terlibat dengan cepat dan tepat, mengurangkan birokrasi dalam proses perolehan dan menjimatkan kos pengiklanan tawaran sebut harga. Bagaimanapun, penggunaan Sistem *e-Procurement* yang dibangunkan pada tahun 2011 belum mencapai sepenuhnya objektif sistem iaitu bagi memperoleh harga yang lebih kompetitif serta mendapat nilai faedah terbaik.

Maklum Balas UM Diterima Pada 23 April 2015

Bahagian Perolehan ada memberi latihan dan taklimat secara berkala berkaitan Sistem e-Procurement dan pematuhan terhadap tatacara perolehan kepada PTJ. Manual Pengguna Sistem e-Procurement boleh dicapai secara terus menerusi sistem sebagai panduan. Surat peringatan telah dikeluarkan pada 22 April 2015 kepada semua PTJ supaya melaksanakan perolehan menggunakan Sistem e-Procurement dan tidak memohon pengecualian kecuali bagi keadaan kecemasan. Surat tunjuk sebab akan dikeluarkan kepada pegawai yang bertanggungjawab sekiranya tidak mematuhi tatacara perolehan. Sistem e-Procurement versi baru telah dilancarkan pada 10 April 2015 dan semua jenis perolehan perlu melalui sistem ini bagi mengelak kes pengecualian penggunaan sistem semasa proses perolehan.

5.4.1.3 Perolehan Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Tanpa Kelulusan

- a. Berdasarkan Manual Perolehan UM, perolehan perkhidmatan melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 hendaklah diuruskan dengan mempelawa sebut harga melalui Sistem *e-Procurement*. Permohonan pengecualian menggunakan Sistem *e-Procurement* hendaklah dikemukakan kepada Pengawal Kewangan dan PTJ masih perlu menguruskan sebut harga secara manual. Ketua PTJ dikehendaki melantik ahli Jawatankuasa Penilaian Spesifikasi dan Teknikal serta Jawatankuasa Penilaian Harga bagi perolehan perkhidmatan ini untuk disyorkan kepada Jawatankuasa Sebut Harga. Keahlian Jawatankuasa Sebut Harga terdiri daripada Pengawal Kewangan sebagai Pengerusi, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Ahli Akademik dan Ketua Penolong Bendahari Bahagian Perolehan sebagai Setiausaha.
- b. Semakan Audit mendapati 9 daripada 25 perolehan perkhidmatan penginapan, makan minum dan sewaan dewan/bilik mesyuarat bagi penganjuran majlis rasmi di UM yang bernilai RM610,835 telah dilaksanakan tanpa mematuhi tatacara perolehan secara sebut harga. Pihak Audit mendapati PTJ tidak memohon pengecualian Sistem *e-Procurement*, tidak mempelawa sebut harga dan telah berunding terus dengan pihak pembekal. Jawatankuasa Penilaian Spesifikasi

dan Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga juga tidak ditubuhkan bagi menilai kemampuan pembekal serta harga yang ditawarkan. Selain itu, syor oleh Jawatankuasa Penilaian tidak dibawa untuk perakuan Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH). Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.5 : PEROLEHAN PENGANJURAN MAJLIS/ACARA RASMI TANPA MEMATUHI TATACARA PEROLEHAN

PEROLEHAN	NILAI (RM)	PENGECUALIAN SISTEM <i>e-PROCUREMENT</i>	PELAWAAN SEBUT HARGA MANUAL	JAWATAN KUASA PENILAIAN	KELULUSAN JKSH
		ADA (✓) TIADA (X)			
<i>Inaugural Conference On Student Affairs Governance: Issues, Challenges And Opportunities</i> pada 25 hingga 28 Februari 2013.	110,674	✓	X	X	X
<i>Primary Care Conference Meeting</i> pada 6 hingga 7 Julai 2012.	87,790	✓	✓	✓	X
Penginapan sempena Kejohanan Golf UM-NUS Tahun 2013 pada 11 hingga 13 Jun 2013.	54,656	✓	X	X	X
Projek Rintis Program UMAST-GO Sempena Program Kemahiran Insaniah Dan Kemahiran Kebolehpasaran UM pada 18 hingga 26 Januari 2013.	53,416	✓	X	X	X
<i>Asian Law Conference</i> 2014 pada 29 hingga 30 Mei 2014 Yang Dianjurkan Oleh Fakulti Undang-undang.	112,105	✓	X	X	X
Tempahan Hotel Untuk Majlis Malam Anugerah Tuanku Bahiyah Sesi 2012/13 pada 30 April 2013.	72,180	X	✓	✓	X
Tempahan Makanan dan Minuman Bagi Majlis Perasmian Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) pada 26 Januari 2013.	59,514	X	X	X	X
Mereka bentuk dan membekal brosur dan <i>handout</i> bagi KPTN dari 26 Januari 2013 hingga 14 April 2013.	60,500	✓	✓	X	X
JUMLAH	610,835				

Sumber: Fail Sebut Harga

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan yang tidak mematuhi tatacara perolehan yang berkuatkuasa boleh menyebabkan UM tidak melaksanakan perolehan secara telus bagi mendapat nilai faedah terbaik.

Maklum Balas UM Diterima Pada 23 April 2015

Surat edaran berkaitan tatacara perolehan penganjuran majlis/acara rasmi dan perkhidmatan kemudahan secara pakej telah dikeluarkan pada 16 Januari 2014 kepada PTJ. Surat peringatan dan surat tunjuk sebab bertarikh 22 April 2015 telah

diberikan kepada PTJ terlibat kerana tidak mematuhi tatacara perolehan. Perkara ini telah dibawa kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga selepas program berlangsung.

5.4.2 Pengurusan Kontrak

5.4.2.1 Denda Lewat Tidak Dikenakan

- a. Mengikut klausa 14.1(c) dan 15.1(c) kepada perjanjian perolehan, apabila barang lewat dibekalkan melebihi 8 sehingga 30 hari, pembekal akan dikenakan denda sebanyak 1% daripada nilai barang. Bagi kelewatan melebihi 30 hari denda tambahan sebanyak 1% bagi setiap 15 hari tetapi tidak melebihi 5% daripada nilai barang yang dipesan.
- b. Semakan Audit terhadap 30 perolehan bekalan secara sebut harga mendapati pembekal lewat membekalkan 5 bekalan berjumlah RM964,774 mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian. Tempoh kelewatan pembekalan adalah antara 13 sehingga 53 hari dan denda yang sepatutnya dikenakan terhadap pembekal adalah berjumlah RM11,608. Bagaimanapun, tiada denda dikenakan oleh UM terhadap kelewatan pembekalan seperti jadual berikut:

JADUAL 5.6 : DENDA KELEWATAN TIDAK DIKENAKAN BAGI PERALATAN/PERISIAN YANG LEWAT DIBEKALKAN

SEBUT HARGA	NO. PESANAN TEMPATAN/ TARIKH	TARIKH PATUT DIBEKALKAN	TARIKH NOTA PENYERAHAN	LEWAT (HARI)	AMAUN (RM)	DENDA PATUT DIKENAKAN (RM)
Pembelian Van untuk Pusat Sukan	000002-00 20.04.2011	20.05.2011	17.06.2011	28	145,282	1,453
Pembelian <i>Imaging System Vectra M5 Cranio-3 D</i> dan yang setaraf, Fakulti Pergigian	001594-00 26.12.2012	06.02.2013	05.03.2013	27	255,000	2,550
Pembelian Perisian Analisis Permainan <i>Elite Pro V8</i> oleh Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS)	000285-00 31.01.2013	14.02.2013	06.03.2013	20	186,000	1,860
Membekal dan Mentauliah 1 unit mesin 'Metabolic Analyser' untuk Pusat Sukan	000360-02 15.05.2013	06.08.2013	19.08.2013	13	182,500	1,825
Membekal, dan Mentauliah 1 unit mesin <i>Portable Cardiopulmonary Metabolic Analyser</i> untuk Pusat Sukan	000393-00 27.06.2013	19.09.2013	11.11.2013	53	195,992	3,920
JUMLAH					964,774	11,608

Sumber: Baucar Pembayaran Sebut Harga

Pada pendapat Audit, kelewatan penerimaan peralatan boleh mengakibatkan UM tidak dapat menggunakan peralatan mengikut tempoh yang sepatutnya bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Maklum Balas UM Diterima Pada 23 April 2015

UM hanya akan mengenakan denda kelewatan kepada pembekal sekiranya punca kelewatan dan justifikasi yang diberikan tidak munasabah. Semakan terhadap 5 perolehan yang dibangkitkan mendapati kelewatan bukan berpunca dari pembekal secara langsung dan pelanjutan penghantaran barang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Surat edaran berkaitan pelaksanaan denda kelewatan pembekalan, perkhidmatan dan kerja telah dikeluarkan pada 10 Januari 2012 dan surat peringatan telah diberi kepada PTJ pada 22 April 2015.

5.4.3 Kelemahan Pengurusan Projek/Bekalan

5.4.3.1 Projek Pembinaan Tidak Siap

- a. Pada tahun 2011, Lembaga Perolehan A telah meluluskan permohonan Fakulti Kejuruteraan terhadap cadangan meroboh dan membina semula satu bangunan 7 tingkat untuk bengkel dan makmal. Projek ini bernilai RM21.30 juta menggunakan peruntukan Tabung Straits Trading UM. Kelulusan projek adalah berdasarkan justifikasi seperti berikut:
 - i. Selaras dengan keperluan Majlis Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (EAC), Fakulti Kejuruteraan UM telah melaksanakan kurikulum berteraskan *outcome-based education* mulai sesi pembelajaran 2005/06. Elemen penting semasa proses akreditasi semula program kejuruteraan adalah penyediaan prasarana pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi, sesuai dan kondusif.
 - ii. Bilangan makmal sedia ada di Fakulti Kejuruteraan tidak mencukupi disebabkan pertambahan program baru iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Prostetik dan Ortotik.
 - iii. Mendapatkan pengiktirafan antarabangsa melalui akreditasi EAC dan Washington Accord.
- b. JPPHB telah menguruskan perolehan projek ini secara tender terbuka dan sebanyak 54 tawaran telah diterima. Lembaga Perolehan A telah meluluskan tawaran daripada syarikat Local Engineering (M) Sdn. Berhad berdasarkan keupayaan teknikal, pengalaman kerja dan harga yang ditawarkan. Pegawai Penguasa bagi projek ini adalah Naib Canselor dan diwakilkan kuasa kepada Timbalan Naib Canselor (Pembangunan). Maklumat kontrak adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.7 : KONTRAK CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA 1
BLOK 7 TINGKAT BANGUNAN BENGKEL DAN
MAKMAL, FAKULTI KEJURUTERAAN**

PERKARA	KETERANGAN
Kontraktor Utama	Local Engineering (M) Sdn. Berhad
Sub Kontraktor	Crystalfield Resources Sdn. Berhad (CRSB)
Nilai Kontrak	RM21.30 juta
Bon Pelaksanaan	RM1.06 juta (Sah sehingga 28 Februari 2016)
Tarikh Milik Tapak	17 Jun 2011
Tempoh Siap Kerja	15 Bulan
Tarikh Siap Asal	17 September 2012
Status Terkini	Belum Siap Setakat Bulan Februari 2015
Status Fizikal	Mengikut Bayaran Kemajuan Kerja 97% Siap
Ganti Rugi Tidak Siap (LAD)	RM3,684.12 sehari
Permohonan Lanjutan Masa	Lanjutan Masa No.1 – 27 Oktober 2012
	Lanjutan Masa No. 2 – 30 Disember 2012
	Lanjutan Masa No. 3 – 8 Mei 2013
	Lanjutan Masa No. 4 – 24 Ogos 2013
	Lanjutan Masa No. 5 – 31 Disember 2013
	Lanjutan Masa No. 6 – 28 Februari 2014

Sumber: Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan

- c. Pihak Audit mendapati penilaian tender dikategorikan sebagai projek besar kerana anggaran peruntukan melebihi RM10 juta. Penilaian tender telah dibuat pada 28 April 2011 berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya Bilangan 4 Tahun 1993. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
- Salah satu proses penilaian peringkat pertama adalah analisis prestasi kerja semasa yang bertujuan memastikan prestasi kerja semasa kontraktor adalah baik dan bebas daripada projek sakit. Semakan Audit terhadap analisis yang dilakukan oleh UM dan Jurutera Perunding (Awam dan Struktur) pada 28 April 2011 menunjukkan syarikat Local Engineering (M) Sdn. Berhad tidak mempunyai projek lain pada masa itu berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh syarikat tersebut.
 - Bagaimanapun, didapati syarikat Local Engineering (M) Sdn. Berhad sebenarnya telah dilantik sebagai kontraktor penyiap kepada projek pembinaan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Arau, Perlis pada 23 Oktober 2008. Projek MRSM yang sepatutnya siap pada 22 September 2010 telah gagal disiapkan dan mempunyai 8 lanjutan masa. Tarikh akhir lanjutan masa yang ke-8 adalah pada 28 Februari 2013 tetapi kontraktor masih gagal menyiapkan projek tersebut. MARA telah mengambil tindakan menamatkan kontrak syarikat Local Engineering (M) Sdn. Berhad pada 9 Oktober 2013. Ini menunjukkan analisis yang dibuat oleh UM dan Jurutera Perunding (Awam

dan Struktur) pada 28 April 2011 bahawa Local Engineering (M) Sdn. Berhad tidak mempunyai projek lain adalah tidak tepat.

- d. Semakan selanjutnya terhadap prestasi pelaksanaan projek mendapati perkara berikut:
- i. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2006, sesuatu projek adalah dikategorikan sebagai projek sakit sekiranya kelewatan penyiapan melebihi 3 bulan dari tarikh ia sepatutnya siap. Berdasarkan surat setuju terima, bangunan bengkel dan makmal ini sepatutnya disiapkan dalam tempoh 15 bulan (458 hari) iaitu dari 17 Jun 2011 sehingga 17 September 2012. Pemeriksaan Audit pada bulan Disember 2014 mendapati kontraktor yang dilantik masih gagal menyiapkan projek pembinaan ini walaupun telah mengalami kelewatan selama 2 tahun 4 bulan. Projek ini sepatutnya dikategorikan sebagai projek sakit kerana pelaksanaannya mengalami kelewatan melebihi 3 bulan.
 - ii. Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa bertanggungjawab menimbang dan meluluskan permohonan lanjutan masa daripada kontraktor. Semakan Audit mendapati kontraktor telah diluluskan 6 lanjutan masa menjadikan jumlah keseluruhan lanjutan masa selama 529 hari atau 115.5% berbanding tempoh siap asal selama 458 hari. Bagaimanapun, projek ini masih tidak dapat disiapkan sehingga tarikh pengauditan pada 31 Disember 2014 iaitu kelewatan selama 306 hari dari tarikh akhir kelulusan lanjutan masa ke-6. Justifikasi lanjutan masa yang diluluskan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.8 : JUSTIFIKASI LANJUTAN MASA BAGI PEMBINAAN BANGUNAN BENGKEL DAN MAKMAL

LANJUTAN MASA	TEMPOH	JUMLAH HARI	KLAUSA	SEBAB LANJUTAN MASA
1	17.09.2012 hingga 27.10.2012	40	43(e)	Arahan larangan menjalankan aktiviti semasa Majlis Konvokesyen UM
			43(f)	Kelewatan akibat tempoh penentuan saiz <i>pre-bore</i> *
			43(e)	Kelewatan kerja pengalihan kabel elektrik
2	28.10.2012 hingga 30.12.2012	64	43(e)	Kelewatan Pelantikan NSC Lif
			43.1(e), 5.1 (e)	Pertambahan ketebalan <i>ground slab</i> *
			43(e)	Pertambahan bilangan cerucuk
			43.1(e)	Pemindahan lokasi <i>sheet pile</i> yang telah siap
			43.1(f)	Proses mendapat kelulusan cerucuk
3	31.12.2012	129	43(e)	Tempoh penentuan saiz <i>pre-bore</i> yang lama disebabkan keadaan tanah*
				Majlis Konvensyen 2012

LANJUTAN MASA	TEMPOH	JUMLAH HARI	KLAUSA	SEBAB LANJUTAN MASA
	hingga 08.05.2013		43(e)	Lawatan Setiausaha Politik Perdana Menteri
			43.1(e), 5.1 (e)	Pertambahan kuantiti import semula tanah untuk kerja penambahan di belakang <i>basement wall</i>
			43.1(e), 5.1 (e)	Pertambahan kuantiti kerja <i>waterproofing</i> di <i>basement wall</i>
			43(e)	Larangan kenderaan barangan semasa Penguatkuasaan Hari Raya dan penutupan <i>batching plant</i>
			43(e)	Kerja- NSC <i>lift</i>
4	09.05.2013 hingga 24.08.2013	108	43(e)	Kelewatan pelantikan NSC elektrik
5	25.08.2013 hingga 31.12.2013	129	43(e)	Arahan larangan menjalankan aktiviti semasa Majlis Konvokesyen UM
			-	Kerja penyasatan, baik pulih dan menambah baik sistem pembentungan di Blok D Kejuruteraan
6	01.01.2014 hingga 28.02.2014	59	-	Pengesahan semula skim warna cat luaran bangunan
			-	Kerja infrastruktur di sisi kiri bangunan
01.03.2014			Perakuan Tidak Siap Kerja Dikeluarkan	
JUMLAH		529		

Sumber: Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

Nota: * Justifikasi Lanjutan Masa Yang Berpunca Dari Kerja Tanah

Klausu 43(e) – Justifikasi Lanjutan Masa Yang Bukan Timbul Dari Kesilapan Kontraktor

- e. Berdasarkan Garis Panduan Pentadbiran Kontrak, Jabatan Kerja Raya, penyasatan tapak bina dan tanah yang lengkap mesti dijalankan untuk mendapatkan data yang terkini dan tepat bagi membolehkan kerja reka bentuk dibuat dan mengelakkan kelewatan projek. Penyasatan tapak bina hendaklah termasuk penyasatan terhadap adanya batu, kabel, saluran paip, paip kumbahan dan halangan lain. Semakan Audit mendapati sebelum projek dimulakan, perunding awam dan struktur telah melantik Kumpulan IKRAM Sdn. Berhad untuk melaksanakan penyasatan tapak bina dan tanah di tapak projek. Penyasatan tapak bina dan tanah ini telah dilaksanakan pada 28 Januari 2010 sehingga 17 Februari 2010 dengan kos sejumlah RM42,000. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati antara justifikasi lanjutan masa yang dikemukakan oleh kontraktor adalah berkaitan kerja tanah seperti penentuan saiz *pre-bore* mengambil tempoh masa yang lama dan pertambahan ketebalan *ground slab*. Justifikasi yang dikemukakan adalah tidak munasabah kerana laporan penyasatan tapak bina dan tanah telah disediakan dengan lengkap oleh badan profesional yang dilantik.
- f. Pemantauan kemajuan projek hendaklah dibuat supaya sebarang penyimpangan dari jadual dapat diketahui. Pihak Audit mendapati UM telah melaksanakan pemantauan projek melalui mesyuarat tapak yang diadakan sebulan sekali. Bagaimanapun, didapati kontraktor utama telah gagal hadir ke mesyuarat tapak bermula dari Mesyuarat Tapak Bilangan 40 pada 25 Mac 2013 sehingga

Mesyuarat Tapak Bilangan 50 pada 21 Oktober 2013. UM hanya mengeluarkan surat peringatan pada 30 Oktober 2013 kepada kontraktor dan tiada tindakan selanjutnya diambil. UM telah mengeluarkan Perakuan Tidak Siap Kerja kepada kontraktor pada 1 Mac 2014 apabila permohonan lanjutan masa yang ke-7 tidak diluluskan. Selain itu, didapati kemajuan kerja kontraktor telah terkebelakang dari jadual tetapi UM tidak mengambil sebarang tindakan atau mengeluarkan arahan kepada kontraktor supaya mempergiatkan lagi kerja di tapak projek.

- g. Semakan selanjutnya mendapati Jabatan Insolvency Malaysia telah mengeluarkan Perintah Penggulangan pada 26 Jun 2014 terhadap kontraktor utama iaitu Local Engineering (M) Sdn. Berhad. Bagaimanapun, UM hanya mengambil tindakan penamatan kontrak terhadap kontraktor utama sebulan selepas pengisytiharan. Berikut adalah tindakan yang diambil oleh UM selepas pengisytiharan penggulangan kontraktor utama:

JADUAL 5.9 : TINDAKAN UM SELEPAS PENGISYTIHARAN PENGGULUNGAN KONTRAKTOR UTAMA

TARIKH	PERKARA
26 Jun 2014	Jabatan Insolvency telah mengeluarkan perintah penggulangan/resolusi kepada kontraktor utama, Local Engineering (M) Sdn. Berhad. Bagaimanapun, sub kontraktor iaitu CRSB tetap meneruskan pembinaan di tapak projek.
25 Julai 2014	Selaras dengan Fasal 51 Syarat-syarat Kontrak, UM telah mengeluarkan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor kepada kontraktor utama pada 25 Julai 2014 iaitu kelewatan selama sebulan .
11 September 2014	UM mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk melantik CRSB secara terus sebagai kontraktor penyiap dan menyambung khidmat NSC di bawah kontraktor baru.
13 Oktober 2014	Kementerian Kewangan meluluskan permohonan UM dengan syarat harga dirunding ke paras yang terendah. Harga hendaklah dimuktamadkan oleh Pihak Berkuasa Melulus UM.
22 Disember 2014	Lembaga Perolehan A telah bersetuju memuktamadkan harga kontrak kepada kontraktor penyiap dengan nilai kontrak sejumlah RM5.10 juta.

Sumber: Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan

- h. Pada 22 Disember 2014, Lembaga Perolehan A telah memperakukan lantikan kontraktor penyiap iaitu CRSB dengan nilai kontrak sejumlah RM5.10 juta bagi menyelesaikan baki kerja pembinaan dalam tempoh 4 bulan. Pihak Audit mendapati kos asal pembinaan telah meningkat dari RM21.30 juta kepada RM22.13 juta iaitu sejumlah RM839,290 atau sebanyak 3% seperti jadual berikut:

JADUAL 5.10 : PENINGKATAN HARGA KONTRAK PEMBINAAN BANGUNAN BENGKEL DAN MAKMAL

PERKARA	RM
Jumlah Pembayaran Dari Interim No. 1 hingga No. 18 (Pembayaran kepada Kontraktor Utama, NSC dan Sub Kontraktor melalui <i>Deed Of Assignment</i> sebelum penamatan kontrak pada 26 Jun 2014)	16,790,530
Caj Duti Setem	23,460
Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan (59 hari x RM3,684.12)	217,365

PERKARA	RM
JUMLAH YANG DIPERAKUKAN UNTUK PEMBAYARAN (SEBELUM PENAMATAN KONTRAK)	17,031,355
Nilai Kontrak Baru (Kontraktor Penyiap)	5,103,452
NILAI PROJEK SEBENAR	22,134,807
NILAI PROJEK ASAL	21,295,517
PENINGKATAN KOS	839,290

Sumber: Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan

- i. Berdasarkan laporan kemajuan projek yang terakhir (sebelum projek dihentikan), baki kerja belum siap yang dinyatakan hanya 3%. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Disember 2014 mendapati kerja-kerja pembinaan masih belum siap seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.1

Pembinaan Longkang Perimeter Dan Pembinaan Blok Bengkel Belum Siap Walaupun Telah Mengalami Kelewatan 2 Tahun 4 Bulan




Lokasi: Bangunan Blok C, Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 27 November 2014



Lokasi: Bangunan Blok C, Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 27 November 2014

GAMBAR 5.2

Kerja Pemasangan Papan Suis Dan Pintu Hose Reel/ Belum Siap Sepenuhnya Walaupun Projek Pembinaan Telah Mengalami Kelewatan 2 Tahun 4 Bulan



Lokasi: Bangunan Blok C, Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 27 November 2014



Lokasi : Bangunan Blok C, Fakulti Kejuruteraan
Tarikh : 27 November 2014

GAMBAR 5.3

Saluran Paip Air Hujan Bocor Dan Menyebabkan Air Bertakung Dan Berlumut Di Balkoni



Lokasi: Bangunan Blok C, Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 27 November 2014



Lokasi: Bangunan Blok C, Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 27 November 2014

GAMBAR 5.4

**Pembinaan Laluan Berbumbung Belum Siap
Walaupun Kemajuan Kerja Menyatakan
Telah Mencapai 97%**



Lokasi: Bangunan Blok C, Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 27 November 2014

GAMBAR 5.5

**Kerja Pemasangan Siling Gantung/Lampu
Kalimantang/Penghawa Dingin Belum Siap
Walaupun Kemajuan Kerja Menyatakan
Telah Mencapai 97%**



Lokasi: Bangunan Blok C, Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 27 November 2014

Pada pendapat Audit, projek pembinaan yang tidak dapat disiapkan mengikut tempoh perjanjian telah menjejaskan objektif Fakulti Kejuruteraan untuk mendapat akreditasi semula dari EAC. Kelewatan penyiapan projek selama 2 tahun 4 bulan menunjukkan mekanisme pemantauan projek adalah lemah berdasarkan prestasi kemajuan projek dan kontraktor. Selain itu, pelantikan kontraktor telah dibuat terhadap syarikat yang tidak mempunyai prestasi kerja yang baik. Ini menyebabkan UM menanggung kos tambahan sejumlah RM839,290 untuk menyiapkan projek tersebut.

Maklum Balas UM Diterima Pada 23 April 2015

Perunding yang dilantik tidak membuat kajian terperinci tentang latar belakang dan prestasi kontraktor dengan pihak luar sebelum pelantikan dibuat pada tahun 2011. Permohonan lanjutan masa oleh kontraktor akan disemak oleh perunding mengikut bidang kepakaran masing-masing dan kemudian disyorkan kepada UM untuk pertimbangan dan kelulusan. Permohonan lanjutan masa berkaitan kerja tanah telah disemak oleh perunding civil & structural dan diluluskan oleh UM. UM dan perunding telah memberi amaran kepada kontraktor dalam mesyuarat tapak tetapi kemajuan projek tetap perlahan disebabkan masalah kewangan kontraktor. Semasa projek dibangunkan, Jabatan Insolvensi telah mengeluarkan Perintah Penggulangan kepada kontraktor pada 26 Jun 2014. UM perlu mendapatkan maklumat sahih dan meminta nasihat perunding untuk tindakan selanjutnya. Justeru itu, Notis Penamatan Pengambilan Kerja hanya dikeluarkan kepada kontraktor pada 25 Julai 2014. Pelantikan sub kontraktor sebagai kontraktor penyiap adalah mengikut kadar harga asal supaya dapat meminimumkan kerugian UM. Sekiranya pelantikan kontraktor baru dibuat, tambahan kos akan meningkat lebih 50% dan tempoh siap yang lama.

Sehingga bulan April 2015, prestasi kontraktor penyiap adalah memuaskan. Kemajuan sebenar projek adalah 82% mendahului 2% dari jadual iaitu 80%. UM telah membuat tuntutan jaminan bank sejumlah RM1.06 juta daripada pihak Affin Bank Berhad pada 4 Disember 2014 yang merupakan cagaran kontrak oleh kontraktor utama. UM akan memastikan semakan terhadap pengalaman kerja dibuat semasa proses penilaian perunding dan kontraktor. Peringatan juga akan dikeluarkan kepada perunding dan kontraktor apabila menghampiri tempoh siap bagi memastikan projek tidak tertangguh dan disiapkan mengikut tempoh. Berikut adalah gambar terkini pembinaan blok bengkel dan makmal:

GAMBAR 5.6
Pemasangan *Honeycomb* Di Siling Ruang
Legar Telah Siap Dan Sistem Lif Kini
Menunggu Kelulusan Permit Mesin Angkut



Lokasi: Bangunan Blok C, Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 20 April 2015

GAMBAR 5.7
Keadaan Blok Bengkel Dan Makmal Yang
Kini Telah Mencapai Kemajuan Kerja Yang
Dijadualkan Semula iaitu 82% Berbanding
Laporan Kemajuan Kerja Asal 97%



Lokasi: Bangunan Blok C, Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 20 April 2015

GAMBAR 5.8
Pembinaan Laluan Berbumbung Sedang
Disiapkan Oleh Kontraktor Penyiap



Lokasi: Bangunan Blok C, Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 20 April 2015

GAMBAR 5.9
Kerja Pemasangan Siling Gantung/Lampu
Kalimantang/Penghawa Dingin Sedang
Dilaksanakan Oleh Kontraktor Penyiap



Lokasi: Bangunan Blok C, Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 20 April 2015

5.4.3.2 Peralatan Makmal Belum Dipasang, Diuji dan Ditauliah

- a. Fakulti Kejuruteraan telah membuat perolehan peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik bernilai RM4.25 juta pada bulan November 2013 bagi tujuan kelengkapan makmal baru. Mengikut perjanjian, syarikat pembekal iaitu Rahmat Dagangan Sdn. Berhad perlu membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah satu unit peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik bagi Fakulti Kejuruteraan dalam tempoh setahun bermula pada 3 Februari 2014 hingga 2 Februari 2015. Sehingga bulan Februari 2015, bangunan bengkel dan makmal Blok C masih belum siap.

- b. Semakan Audit pada bulan Disember 2014 terhadap perolehan peralatan ini mendapati perkara berikut:

i. Peralatan Makmal Telah Diterima Tetapi Bangunan Belum Siap Dibina

- Pada bulan Jun 2014, UM telah menerima sebanyak 4 kontena mengandungi peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik manakala 3 lagi kontena pada bulan Disember 2014.
- Semakan Audit mendapati peralatan import yang bernilai RM4.25 juta tersebut tidak dapat dipasang kerana UM masih tidak dapat menyediakan tempat disebabkan projek pembinaan bangunan bengkel dan makmal belum siap. Perbincangan antara UM dengan syarikat pembekal telah memutuskan supaya peralatan yang masih dalam kontena ditempatkan dalam kawasan UM bagi mengurangkan kos penyewaan gudang di Pelabuhan Klang.

Maklum Balas UM Diterima Pada 23 April 2015

Peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik adalah peralatan spesifik dan dipesan dengan kaedah made-to-order. Perolehan peralatan telah dibuat berdasarkan tempoh siap bangunan tanpa menjangkakan kontraktor pembinaan bangunan dikenakan Perintah Penggulangan.

ii. Kos Penyewaan Gudang dan Kontena

- Lawatan Audit pada bulan Disember 2014 mendapati 7 kontena tersebut diletakkan di kawasan parkir berdekatan Kolej Kediaman Pertama. Kontena tersebut dipindahkan dari Pelabuhan Klang ke kawasan UM kerana UM telah dikenakan caj perkhidmatan gudang sejumlah RM284,000 untuk menyimpan peralatan. UM juga perlu menanggung kos penyewaan kontena sejumlah RM16,100 sebulan bermula pada bulan November 2014. Mengikut pengiraan Audit, kos penyewaan kontena sehingga bulan Mei 2015 dianggarkan berjumlah RM112,700. Syarikat pembekal juga mengenakan kos tambahan sejumlah RM20,000 untuk menampung peningkatan kos bahan binaan semasa pemasangan peralatan di bangunan bengkel dan makmal yang dijangka siap pada bulan Mei 2015. Butiran peningkatan kos adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.11 : KOS PENYEWAAN GUDANG DAN KONTENA
SERTA KOS BAHAN BINAAN**

PERKARA	KOS (RM)
Caj Perkhidmatan Gudang Di Pelabuhan Klang	284,000
Penyewaan 7 Kontena Dari Bulan November 2014 Sehingga Mei 2015 (RM16,100 x 7 bulan)	112,700
Peningkatan Kos Bahan Binaan Semasa Pemasangan Peralatan	20,000
JUMLAH	416,700

Sumber: Fakulti Kejuruteraan UM

- Lawatan Audit bersama pegawai UM selepas mesyuarat *exit conference* pada 20 April 2015 mendapati 2 daripada 7 kontena hanya menyimpan meja dan rak seperti di gambar 5.10, 3 kontena menyimpan peralatan seperti di gambar 5.11 dan 2 lagi kontena tidak dibuka. Penyimpanan meja dan rak dalam 2 kontena telah melibatkan anggaran perbelanjaan sejumlah RM113,343 bagi penyewaan gudang di Pelabuhan Klang (bulan Jun sehingga Oktober 2014) dan penyewaan kontena. Perbelanjaan ini dapat dielakkan jika UM dapat menempatkan meja dan rak di tempat yang sesuai di kawasan UM. Gambar peralatan dalam kontena adalah seperti berikut:

GAMBAR 5.10

Kontena Yang Menyimpan Rak dan Meja Yang Disimpan Di Pelabuhan Klang Dari Bulan Jun Sehingga Disember 2014 Dengan Anggaran Kos RM113,343



Lokasi: Kawasan Parkir Kolej Kediaman 1, UM
Tarikh: 20 April 2015



Lokasi: Kawasan Parkir Kolej Kediaman 1, UM
Tarikh: 20 April 2015

GAMBAR 5.11

Kontena Yang Menyimpan Peralatan Biomekanik, Prostetik Dan Ortotik Bernilai RM4.25 Juta Yang Telah Diterima Oleh UM Pada Bulan Jun 2014



Lokasi: Kawasan Parkir Kolej Kediaman 1, UM
Tarikh: 20 April 2015



Lokasi: Kawasan Parkir Kolej Kediaman 1, UM
Tarikh: 20 April 2015

Maklum Balas UM Diterima Pada 23 April 2015

UM telah mengambil inisiatif penjimatan dengan meletakkan kontena mengandungi peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik di dalam kawasan UM berikutan pelanjutan siap kerja bangunan bengkel dan makmal. Sekiranya kontena terus disimpan di gudang pelabuhan, UM perlu menanggung kos penyewaan berjumlah RM284,000 dan tambahan kos sejumlah RM420,000 lagi.

iii. Penerimaan Dan Penyimpanan Peralatan Tidak Teratur

- Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan – KP 2.4/2013, peralatan yang diterima perlu dibuat pemeriksaan dengan teliti bagi memastikan ia menepati spesifikasi yang ditetapkan dan memastikan kewujudannya. Pegawai yang bertauliah hendaklah melaksanakan pemeriksaan terhadap peralatan teknikal. Sekiranya pengesahan peralatan tidak dapat dilakukan dengan serta-merta maka dokumen penerimaan seperti nota serahan hendaklah dicatatkan “diterima dengan syarat ianya disahkan kemudian secara diperiksa, dikira, diukur, ditimbang atau diuji”. Peralatan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sesuai.
- Semakan Audit mendapati pemeriksaan fizikal secara terperinci dan mengikut spesifikasi masih belum dilakukan terhadap peralatan tersebut. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan kontena telah dibuka pada bulan November 2014 bagi mengesahkan kewujudan peralatan. Pegawai kewangan Fakulti Kejuruteraan yang tidak mempunyai kelulusan teknikal telah mengesahkan bahawa peralatan yang diterima adalah mengikut

spesifikasi bagi tujuan pembayaran. Lawatan Audit pada bulan November dan Disember 2014 mendapati kontena yang berkunci seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.12
Empat Kontena Yang Menyimpan Peralatan Biomekanik, Prostetik Dan Ortotik Dari Bulan Jun 2014 Sehingga Kini



Lokasi: Kawasan Parkir Kolej Kediaman 1, UM
Tarikh: 27 November 2014

GAMBAR 5.13
Tambahan 3 Kontena Yang Menyimpan Peralatan Biomekanik, Prostetik, Ortotik, Meja Dan Rak Dari Bulan Disember 2014 Sehingga Kini



Lokasi: Kawasan Parkir Kolej Kediaman 1, UM
Tarikh: 1 Disember 2014

Maklum Balas UM Diterima Pada 23 April 2015

Pemeriksaan fizikal secara terperinci mengikut spesifikasi akan dilakukan semasa pemasangan peralatan yang dijangka akan dilaksanakan pada 30 Jun 2015. Pengesahan yang dibuat oleh pegawai kewangan Fakulti Kejuruteraan adalah berdasarkan penghantaran barang ke UM bagi tujuan pembayaran.

iv. Pembayaran Tidak Mengikut Perjanjian

- Mengikut klausa 22 kepada perjanjian, UM hendaklah membuat pembayaran ke atas harga peralatan dalam tempoh 30 hari selepas peralatan diterima, dipasang, diuji dan ditauliahkan dengan sempurna dan memuaskan.
- Semakan Audit mendapati UM telah menjelaskan pembayaran sebanyak 70% daripada harga kontrak berjumlah RM2.97 juta pada 22 Julai 2014 dan 28 Oktober 2014 kepada syarikat pembekal walaupun peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik masih belum dipasang, diuji dan ditauliah dengan memuaskan. Pembayaran sebanyak 70% telah dibuat berdasarkan permohonan daripada syarikat pembekal dan mengambil kira pandangan Penasihat Undang-undang UM yang menyatakan

peralatan tersebut tidak dapat dipasang kerana UM lewat menyiapkan bangunan makmal. Semakan lanjut mendapati perjanjian pembekalan peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik telah tamat pada 2 Februari 2015 dan tiada perjanjian baru dibuat.

Maklum Balas UM Diterima Pada 23 April 2015

Syarikat pembekal telah membuat permohonan pembayaran sebanyak 70% daripada nilai perolehan apabila peralatan telah sampai di tapak melalui surat bertarikh 14 Ogos 2013. UM telah bersetuju dengan permohonan tersebut. Surat permohonan ini merupakan supplemen kepada dokumen perjanjian yang ditandatangani pada 3 Februari 2014. Bagaimanapun, UM akan memastikan terma pembayaran akan dimasukkan secara terperinci dalam perjanjian bagi perolehan akan datang. Selepas teguran Audit, UM telah melanjutkan tempoh perjanjian dan jaminan bank sehingga bulan September 2015.

Pada pendapat Audit, UM telah membuat perolehan peralatan biomekanik, prostetik dan ortotik tanpa merujuk kepada laporan kemajuan pembinaan blok C yang mengalami kelewatan selama 2 tahun. Ini mengakibatkan UM perlu menanggung kos tambahan sejumlah RM416,700 bagi penyewaan gudang di Pelabuhan Klang, penyewaan kontena dan peningkatan kos bahan binaan. Kos tambahan ini termasuk kos penyewaan untuk 2 kontena yang hanya menyimpan meja dan rak.

5.4.3.3 Kelewatan Mengeluarkan Perakuan Siap Kerja Bagi Projek Renovasi Dan Naik Taraf Bangunan

- a. Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JPPHB bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan terhadap kualiti kerja kontraktor yang melaksanakan projek renovasi dan naik taraf bangunan. Bahagian ini akan menyediakan Laporan Prestasi Kontraktor dan seterusnya mengeluarkan Laporan Tamat Kerja yang mempunyai fungsi yang sama seperti Perakuan Siap Kerja (CPC) bagi mengesahkan kerja telah diperiksa, diterima dan diuji dalam keadaan baik. Mengikut perjanjian, Laporan Tamat Kerja hendaklah dikeluarkan sebaik sahaja kerja renovasi dan naik taraf bangunan disiapkan dengan sempurna serta memuaskan. Permohonan lanjutan masa hendaklah diperakukan oleh Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa sekiranya kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh perjanjian. Perakuan Tidak Siap Kerja perlu dikeluarkan sekiranya kontraktor masih gagal menyiapkan kerja.

- b. Semakan Audit terhadap 16 projek renovasi dan naik taraf bangunan di UM mendapati Perakuan Siap Kerja lewat dikeluarkan antara 33 sehingga 207 hari berbanding tarikh siap projek yang dinyatakan dalam perjanjian/surat setuju terima. Semakan selanjutnya mendapati tiada sebarang permohonan lanjutan masa dikemukakan. Kontraktor juga tidak dikenakan sebarang denda dan gantirugi kelewatan (LAD). Mengikut pengiraan Audit, LAD yang boleh dikenakan terhadap kelewatan kontraktor menyiapkan projek renovasi dan naik taraf bangunan adalah sejumlah RM87,250. Butiran 16 projek renovasi dan naik taraf yang lewat dikeluarkan laporan tamat kerja adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.12 : PERAKUAN SIAP KERJA LEWAT DIKELUARKAN BAGI PROJEK RENOVASI/NAIK TARAF BANGUNAN

BIL.	PROJEK	NILAI PROJEK (RM)	TARIKH SIAP MENGIKUT PERJANJIAN	TARIKH SIAP SEBENAR (LAPORAN TAMAT KERJA)	TEMPOH KELEWATAN	DENDA YANG PATUT DIKENAKAN (RM)
1.	Kerja Menaiktaraf Tandas Semua Aras Di Blok C, Makmal Sains Baru, Institut Sains Biologi, Fakulti Sains	147,715	19.08.2013	24.09.2013	36 hari @ RM100	3,600
2.	Cadangan Kerja Menaiktaraf Tandas, Bilik Mandi Serta Ruang Basuh Untuk Semua Aras Blok C, Kolej Ketiga	481,000	02.09.2013	11.10.2013	39 hari @ RM150	5,850
3.	Mengubahsuai Dan Menaiktaraf Tandas Dan Bilik Mandi, Bilik Gosok Dan Bilik Basuh, Di Blok Sri Melor – Asrama Siswi, Kolej Kediaman Ke Sembilan	275,000	26.08.2013	24.10.2013	59 hari @ RM150	8,850
4.	Kerja Renovasi Pejabat Kluster Lama Kepada Pejabat Baru Seksyen Kewangan & Pembangunan Pelajar Termasuk Membekal Perabot Di Aras 3, Blok D, Institut Pengajian Siswazah	97,000	28.05.2013	12.07.2013	45 hari @ RM50	2,250
5.	Kerja- Menukar Kemasan Bumbung Termasuk Kerja Mekanikal dan Elektrikal Serta Yang Berkaitan Di Perpustakaan Za'ba	291,565	18.12.2013	28.01.2014	41 hari @ RM100	4,100
6.	Mengubahsuai Bilik Mesyuarat Fakulti, Fakulti Undang-undang	45,000	03.05.2013	18.07.2013	76 hari	Tiada klausa denda*
7.	Kerja Mengubahsuai Dan Menaiktaraf Tandas Dan Bilik Mandi Serta Ruang Basuh Semua Tingkat Di Blok B – Asrama Siswi, Kolej Kediaman Ke 4	304,000	26.08.2013	11.10.2013	46 hari @ RM150	6,900
8.	Mengubahsuai Bilik Mesyuarat Dekan, Fakulti Undang-undang	36,900	05.04.2013	29.10.2013	207 hari	Tiada klausa denda*

BIL.	PROJEK	NILAI PROJEK (RM)	TARIKH SIAP MENGIKUT PERJANJIAN	TARIKH SIAP SEBENAR (LAPORAN TAMAT KERJA)	TEMPOH KELEWATAN	DENDA YANG PATUT DIKENAKAN (RM)
9.	Renovasi Pejabat Lama UPGP Kepada Pejabat Baru Seksyen Kewangan dan Pembangunan Pelajar Termasuk Pembekalan Perabot, Institut Pengajian Siswazah	107,110	12.06.2013	03.12.2013	174 hari @ RM100	17,400
10.	Kerja Renovasi Pejabat Citra Tingkat 12, Wisma R&D	23,700	24.05.2013	15.07.2013	52 hari @ RM50	2,600
11.	Cadangan Kerja Menaiktaraf Gelanggang Gimnasium (Belakang Kolej Kediaman Pertama) Dan Gelanggang Gimnasium 2 (Belakang Kolej Kediaman Kedua) Untuk Pusat Sukan	168,500	02.09.2013	21.10.2013	49 hari @ RM100	4,900
12.	Menaiktaraf Studio Tari Sedia Ada Kepada Makmal Komputer Dan Ruangan Pendaftaran Pelajar, Aras 4, Blok D, Institut Pengajian Siswazah	429,355	01.04.2014 (Tarikh siap mengikut lanjutan masa)	12.06.2014	72 hari @ RM150	10,800
13.	Pengubahsuaian Kafeteria, Institut Pasca Siswazah	152,000	05.02.2014	08.05.2014	92 hari @ RM100	9,200
14.	Kerja Ubahsui Pejabat Kejuruteraan Elektrik Lama Kepada Unit-unit Di Bawah Timbalan Dekan Penyelidikan	114,114	30.06.2014 (Tarikh siap mengikut lanjutan masa)	03.08.2014	34 hari @ RM100	3,400
15.	Kerja Menaiktaraf Bilik Sedia Ada Kepada Bilik Serbaguna (CUBE) Termasuk Kerja Berkaitan Di Tingkat Bawah Blok A Di Fakulti Pendidikan	121,355	17.07.2014	27.08.2014	41 hari @ RM100	4,100
16.	Kerja Renovasi Termasuk Mekanikal Dan Elektrikal Di Blok B, Aras 7 (B-7-5, B-7-6 & B-7-7), Plaza Pantai, Kuala Lumpur Untuk Ruang Pejabat, Student Centre Dan Perpustakaan Pelajar UMCCED	138,000	28.05.2014	30.06.2014	33 hari @ RM100	3,300
	JUMLAH	2,932,314				87,250

Sumber: Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan

Nota:* Tiada klausa denda kerana nilai perolehan kurang RM50,000

Pada pendapat Audit, Perakuan Siap Kerja yang tidak dikeluarkan mengikut tarikh siap kerja sebenar telah memberi kesan terhadap tempoh tanggungan kecacatan serta pengenaan denda kelewatan.

Maklum Balas Diterima Pada 23 April 2015

Secara keseluruhannya, 16 projek pengubahsuaian yang dibangkitkan telah siap sebelum atau pada tarikh siap dalam perjanjian. Kerja pengubahsuaian yang siap mengikut tarikh perjanjian boleh dirujuk pada surat dan emel daripada kontraktor yang memaklumkan kerja pengubahsuaian telah siap. Laporan Tamat Kerja (LTK)

disediakan bagi tujuan pembayaran akhir kepada kontraktor setelah kerja kecacatan selesai dilaksanakan. Penambahbaikan pada format LTK sedia ada akan dibuat bagi menyatakan tarikh siap sebenar.

Tiada bukti pengesahan dibuat sama ada kerja telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan di Laporan Tamat Kerja oleh Jurutera/Perunding terlibat menyebabkan tempoh tanggungan kecacatan tidak dapat dikenal pasti.

5.4.4 Pengurusan Aset

5.4.4.1 Peralatan Tidak Digunakan Secara Optimum

- a. Pengurusan aset merupakan antara aspek penting dalam pengurusan kewangan Kerajaan dan wajar diberi keutamaan oleh setiap Agensi Kerajaan. Sehubungan itu, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap dan teratur bagi mengelakkan pembaziran, menjimatkan kos dan mencapai jangka hayat. Pemeriksaan Audit di Fakulti Kejuruteraan mendapati 6 peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran tidak digunakan kerana pegawai bertanggungjawab tidak lagi berkhidmat di UM dan tiada keperluan dalam bidang penyelidikan semasa pengauditan dijalankan. Peralatan yang tidak digunakan secara optimum adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 5.13 : PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN SECARA OPTIMUM

ITEM	HARGA PERALATAN (RM)	TARIKH TERIMA	RUJUKAN GAMBAR
<i>Instrumentation Amplifier</i>	2,458	12.10.1996	Gambar 5.14
<i>Torque Transducer</i>	5,778	12.10.1996	Gambar 5.15
<i>Induction Heating Machine & Accessories Easyheat</i>	39,000	25.02.2014	Gambar 5.16
<i>Atmospheric Consistometer</i>	54,700	15.05.2009	Gambar 5.17
<i>Gas Chromatograph</i>	94,899	12.10.1996	Gambar 5.18
<i>Melt Flow Index</i>	6,500	14.10.1996	Gambar 5.19
JUMLAH	203,335		

Sumber : Pemeriksaan Fizikal Dan Sistem Maklumat Harta Bersepadu

GAMBAR 5.14
Instrumentation Amplifier Bernilai RM2,458
Tidak Pernah Digunakan Sejak 1996



Lokasi: Makmal Pengujian Plastik, Jabatan Kejuruteraan Kimia
Tarikh: 10 Disember 2014

GAMBAR 5.15
Torque Transducer Bernilai RM5,778 Tidak
Pernah Digunakan Sejak 1996



Lokasi: Makmal Pengujian Plastik, Jabatan Kejuruteraan Kimia
Tarikh: 10 Disember 2014

GAMBAR 5.16
Induction Heating Machine Bernilai
RM39,000 Tidak Berfungsi Sejak
Penerimaan Pada Februari 2014



Lokasi: Bilik Penyediaan Makmal Penyelidikan BioBahan, Fakulti Pergigian
Tarikh: 10 Disember 2014

GAMBAR 5.17
Atmospheric Consistometer Bernilai
RM54,700 Tidak Diguna Sejak Tahun
2012



Lokasi: Makmal Pengujian Plastik, Jabatan Kejuruteraan Kimia
Tarikh: 26 November 2014

GAMBAR 5.18
Gas Chromatograph Bernilai RM94,899
Tidak Diguna Sejak Tahun 2012



Lokasi: Makmal Pengujian Plastik, Jabatan Kejuruteraan
Kimia
Tarikh: 10 Disember 2014

GAMBAR 5.19
Melt Flow Index Bernilai RM6,500 Tidak
Diguna Sejak Tahun 2012



Lokasi: Makmal Pengujian Plastik, Jabatan
Kejuruteraan Kimia
Tarikh: 26 November 2014

Pada pendapat Audit, peralatan yang tidak digunakan secara optimum menyebabkan pembaziran dan peralatan menjadi usang.

Maklum Balas Diterima Pada 23 April 2015

Tindakan mengemaskini rekod peralatan sedang diambil dan UM akan memastikan penggunaan peralatan yang dibangkitkan oleh pihak Audit.

5.4.4.2 Pemeriksaan Aset Tidak Dijalankan

- a. Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan – Pengurusan Aset (KP 2.4/2013), pemeriksaan aset hendaklah dilakukan ke atas fizikal, rekod dan penempatan. Tujuan pemeriksaan adalah untuk mengetahui keadaan dan prestasinya, memastikan setiap aset mempunyai daftar/rekod yang lengkap, tepat dan kemas kini serta memastikan aset berada di lokasi sama seperti yang tercatat dalam daftar. Pegawai Pengawal hendaklah melantik sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Pemeriksa yang tidak terlibat secara langsung dalam pengurusan aset untuk membuat pemeriksaan ke atas harta modal dan inventori. Pemeriksaan hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya 1 kali setahun.
- b. Pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan fizikal di 3 Fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains dan Fakulti Pergigian dengan menggunakan senarai aset yang diselenggara oleh Bahagian Akaun, Jabatan Bendahari. Pihak Audit mendapati aset yang tidak dapat dikenal pasti lokasinya, tiada dalam Sistem Maklumat Harta Bersepadu dan tiada rekod pelupusan. Pegawai aset di PTJ memaklumkan aset tidak dapat dikenal pasti disebabkan aset tersebut telah lama

dan pegawai yang bertanggungjawab tidak lagi berkhidmat di UM. Bilangan aset yang tidak dapat dikenal pasti adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.14 : ASET YANG TIDAK DAPAT DIKENAL PASTI BERDASARKAN SENARAI ASET UM

LOKASI	TAHUN	BILANGAN PERALATAN	NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)
Fakulti Kejuruteraan – Jabatan Kejuruteraan Mekanikal	1995	6	862,347
	1996	3	666,148
	1998	2	273,166
Fakulti Kejuruteraan – Jabatan Kejuruteraan Awam	1995	4	1,698,121
Fakulti Kejuruteraan – Jabatan Kejuruteraan Elektrik	1995	10	2,885,404
	1996	1	232,200
Fakulti Kejuruteraan – Jabatan Kejuruteraan Kimia	1995	30	4,751,282
	1998	1	114,994
Fakulti Pergigian	1995	1	249,000
Fakulti Sains – Jabatan Kimia	1996	3	1,190,440
JUMLAH		61	12,923,102

Sumber: Senarai Aset Bahagian Akaun dan Pengesahan oleh Pusat Tanggungjawab

Pada pendapat Audit, pemeriksaan aset yang tidak dilaksanakan dan penyelenggaraan rekod yang tidak lengkap menyebabkan peralatan lama yang masih bernilai sukar dikesan.

Maklum Balas Diterima Pada 23 April 2015

UM telah mengambil tindakan mengenal pasti 61 peralatan yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Sebanyak 29 peralatan telah dilupuskan tetapi peralatan tersebut masih wujud dalam senarai aset di Bahagian Akaun, Jabatan Bendahari. Berikut adalah status peralatan selepas semakan UM berdasarkan pemerhatian Audit:

STATUS PERALATAN	BILANGAN PERALATAN	NILAI PEROLEHAN (RM)
<i>Peralatan Masih Digunakan</i>	23	4,753,912
<i>Taraf Peralatan Dinyatakan Telah Lupus Berdasarkan Sistem Maklumat Harta Bersepadu</i>	13	2,174,402
<i>Telah Dilupuskan Antara Tahun 2005 Sehingga 2014</i>	16	3,869,603
<i>Pelupusan Baru Dibuat Pada Tahun 2015</i>	3	440,617
<i>Laporan Polis Telah Dibuat Kerana Peralatan Tidak Dapat Dikenal Pasti</i>	3	1,190,440
<i>Pemohonan Lupus Telah Dibuat</i>	3	494,128
JUMLAH	61	12,923,102

5.4.4.3 Peralatan Rosak Tidak Dibaiki Dan Tidak Ekonomi Dibaiki Tidak Dilupuskan

- a. Mengikut 1Pekeiling Perbendaharaan – Pengurusan Aset (KP 2.5/2013 dan KP 2.6/2013), penyenggaraan hendaklah dilaksanakan terhadap aset yang rosak supaya aset tersebut dapat beroperasi mengikut fungsi yang ditetapkan. Aset yang rosak dan tidak ekonomi dibaiki hendaklah dilupuskan bertujuan untuk memastikan agensi Kerajaan tidak menyimpan aset yang tidak boleh digunakan, menjimatkan ruang simpanan/pejabat, memastikan pelupusan boleh menjana hasil kepada Kerajaan dan memastikan kaedah pelupusan yang dipilih bersifat mesra alam dan lestari.
- b. Pemeriksaan fizikal terhadap aset di 4 Fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains, Fakulti Pergigian dan Fakulti Perubatan mendapati peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran yang telah rosak tidak dibaiki kerana kekurangan peruntukan manakala peralatan tidak ekonomi dibaiki masih disimpan. Peralatan tersebut juga direkod berkeadaan baik melalui semakan dalam Sistem Maklumat Harta Bersepadu. Peralatan rosak tidak dibaiki dan tidak ekonomi dibaiki adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 5.15 : PERALATAN ROSAK TIDAK DIBAIKI DAN YANG TIDAK EKONOMI DIBAIKI MASIH DISIMPAN

TAHUN PEROLEHAN	NAMA PERALATAN	JABATAN	AMAUN (RM)	PEMERIKSAAN FIZIKAL	TINDAKAN UM SELEPAS TEGURAN AUDIT
FAKULTI KEJURUTERAAN (FAK. KEJURUTERAAN)					
1995	Automatic Mercury Porocimeter (Rujuk Gambar 5.20)	Awam	151,050	Rosak	Tindakan Pelupusan
	Testing Machine Tensile 10KN	Awam	10,855		
	Inductively Couple Plasma (ICP) (Rujuk Gambar 5.21)	Awam	499,247		
	Digital Tritest	Awam	37,600		
	Data Logger (Rujuk Gambar 5.22)	Mekanikal	29,920	Usang	
1996	Dranets Power Platform (Rujuk Gambar 5.23)	Mekanikal	47,931	Rosak	Telah Dibaiki
	Hardness Test	Kimia	36,137		Telah Dibaiki
	Double Distiller	Awam	10,890		
	Viscometer	Kimia	9,250		
1998	Gerbang Parabola Berengsel - 16 unit (Rujuk Gambar 5.24)	Awam	302,160	Usang	Tindakan Pelupusan
	Machine- CNC Vertical Machining Center (Rujuk Gambar 5.25)	Mekanikal	370,000	Rosak	
1999	Mesin Pemotongan Laser (Rujuk Gambar 5.26)	Mekanikal	441,000		
JUMLAH			1,946,040		

TAHUN PEROLEHAN	NAMA PERALATAN	JABATAN	AMAUN (RM)	PEMERIKSAAN FIZIKAL	TINDAKAN UM SELEPAS TEGURAN AUDIT
FAKULTI SAINS					
1994	<i>Beckman Optima Ultracentrifuge (Rujuk Gambar 5.27)</i>	ISB	180,000	Rosak Sejak Tahun 2012	<i>Akan Dibaiki</i>
1995	<i>Multimeter Auto Ranging (2 unit)</i>	Fizik	6,240	Rosak	<i>Tindakan Pelupusan</i>
	<i>XY Decoder Dan CPU</i>	Fizik	6,530		
	<i>RCS High Voltage Power Supply</i>	Fizik	13,300		
	<i>Argon Laser</i>	Fizik	46,525		
	<i>Steven Rank Shearometer</i>	Kimia	49,050		
	<i>Atomic Force Microscope (Rujuk Gambar 5.28)</i>	Kimia	406,160		
	<i>KRUSS Processor Tensiometer</i>	Kimia	165,860		
1996	<i>Cell Robotics Laser Microscope System (Rujuk Gambar 5.29)</i>	ISB	773,400	Rosak Dan Tidak Ekonomi Dibaiki	<i>Tindakan Pelupusan</i>
	<i>KRUSS Site Spining Drop</i>	Kimia	137,595	Rosak	
1999	<i>Heavy Duty Drying Oven</i>	Fizik	9,799	Rosak Dan Tidak Ekonomi Dibaiki	<i>Akan Dibaiki</i>
2000	<i>Ice Maker</i>	ISB	7,800	Rosak	
	<i>Milling Machine (Rujuk Gambar 5.30)</i>	Fizik	377,290	Rosak Dan Tidak Ekonomi Dibaiki	<i>Tindakan Pelupusan</i>
2002	<i>Lathe N/C (Rujuk Gambar 5.31)</i>	Fizik	279,628	Rosak Dan Tidak Ekonomi Dibaiki	
JUMLAH			2,459,177		
JUMLAH BESAR			4,405,217		

Sumber: Sistem Maklumat Harta Bersepadu dan Pemeriksaan Fizikal

GAMBAR 5.20
Automatic Mercury Porocimeter Yang Rosak
- RM151,050



Lokasi: Jabatan Kejuruteraan Awam,
Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 27 November 2014

GAMBAR 5.21
Inductively Couple Plasma (ICP) Yang Rosak
- RM499,247



Lokasi: Jabatan Kejuruteraan Awam,
Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 27 November 2014

GAMBAR 5.22
Data Logger Yang Usang – RM29,920



Lokasi: Jabatan Kejuruteraan Mekanikal,
Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 24 November 2014

GAMBAR 5.23
Dranets Power Platform Usang – RM47,931



Lokasi: Jabatan Kejuruteraan Mekanikal,
Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 24 November 2014

GAMBAR 5.24
Gerbang Parabola Berengsel (16 Unit) Yang Usang - RM302,160



Lokasi: Jabatan Kejuruteraan Awam,
Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 26 November 2014

GAMBAR 5.25
CNC Vertical Machining Center Yang Rosak – RM370,000



Lokasi: Jabatan Kejuruteraan Mekanikal,
Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 24 November 2014

GAMBAR 5.26
Mesin Pemotongan Laser Yang Rosak – RM441,000



Lokasi: Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti
Kejuruteraan
Tarikh : 24 November 2014

GAMBAR 5.27
Beckman Optima Ultracentrifuge Yang Rosak – RM180,000



Lokasi: Institut Sains Biologi, Fakulti Sains
Tarikh : 2 Disember 2014

GAMBAR 5.28

**Atomic Force Microscope Yang Rosak –
RM406,160**



Lokasi: Jabatan Kimia, Fakulti Sains
Tarikh: 1 Disember 2014

GAMBAR 5.29

**Cell Robotics Laser Microscope System
Rosak Dan Tidak Ekonomi Dibaiki -
RM773,400**



Lokasi: Institut Sains Biologi, Fakulti Sains
Tarikh: 26 November 2014

GAMBAR 5.30

**Milling Machine Rosak Dan Tidak
Ekonomi Dibaiki – RM377,290**



Lokasi: Jabatan Fizik, Fakulti Sains
Tarikh: 1 Disember 2014

GAMBAR 5.31

**Lathe N/C Rosak Dan Tidak Ekonomi
Dibaiki – RM279,628**



Lokasi: Jabatan Fizik, Fakulti Sains
Tarikh: 1 Disember 2014

Pada pendapat Audit, tindakan pembaikan dan pelupusan yang tidak diambil terhadap peralatan rosak dan tidak ekonomi dibaiki menyebabkan ruang makmal terhad dan tidak teratur.

Maklum Balas UM Diterima Pada 23 April 2015

UM telah mengambil tindakan pelupusan terhadap peralatan rosak yang tidak ekonomi dibaiki dan membaiki peralatan yang rosak supaya boleh digunakan semula. Jawatankuasa Pelupusan Harta akan bermesyuarat pada 16 Jun 2015 bagi meneliti permohonan pelupusan terhadap peralatan yang rosak.

5.4.5 Pemantauan

5.4.5.1 Pemantauan adalah elemen penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaikannya.

5.4.5.2 Semakan Audit mendapati UM ada menubuhkan Bahagian Pengurusan Risiko dan Pematuan yang bertanggungjawab membuat pemeriksaan terhadap pengurusan kewangan di setiap PTJ. Selain itu, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JPPHB bertanggungjawab memantau projek pembinaan termasuk projek renovasi dan naik taraf bangunan. UM akan melaksanakan pemantauan projek melalui mesyuarat tapak yang diadakan sebulan sekali. Bagaimanapun masih terdapat PTJ yang tidak mematuhi peraturan perolehan yang berkuatkuasa. UM tidak menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Universiti tetapi pengurusan aset alih berkaitan pendaftaran dan pelupusan diuruskan oleh Unit Pengurusan Aset di bawah JPPHB. Penyimpanan dan penggunaan aset pula diselia oleh pegawai aset yang dilantik di setiap PTJ.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat oleh UM hendaklah dipertingkatkan walaupun mekanisme pemantauan terhadap pengurusan perolehan telah diwujudkan. Ini berdasarkan kelemahan pengurusan perolehan, kelewatan projek pembinaan dan kelemahan pengurusan aset.

Maklum Balas Diterima Pada 23 April 2015

UM akan meningkatkan pemantauan dengan melaksanakan pemeriksaan yang lebih kerap ke Pusat Tanggungjawab oleh Bahagian Pengurusan Risiko, Jabatan Bendahari. Pemeriksaan meliputi pematuan terhadap peraturan kewangan dan pengurusan aset universiti. Pihak JPPHB sebagai pusat teknikal UM akan melaksanakan pemantauan secara berkala dan melaporkan kemajuan projek kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan yang dipengerusikan oleh Naib Canselor. UM juga akan memberi pendedahan pengurusan aset kepada pegawai aset di PTJ.

5.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan UM mengambil tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:

5.5.1 UM hendaklah memastikan PTJ menggunakan 1Pekeliling Perbendaharaan - PK 7/2013 yang membenarkan agensi untuk menguruskan perolehan perkhidmatan penginapan, makan minum, sewaan dewan/bilik mesyuarat dan kemudahan berkaitan

secara rundingan terus dan diperakukan kepada pihak berkuasa melulus supaya pengurusan penganjuran majlis/acara rasmi diuruskan dengan teratur.

5.5.2 UM hendaklah mengenakan denda kelewatan terhadap pembekal/kontraktor yang gagal memenuhi syarat perjanjian bagi menjaga kepentingan UM.

5.5.3 UM hendaklah membuat semakan secara terperinci semasa proses penilaian tender terhadap keupayaan kontraktor untuk melaksanakan projek pembinaan.

5.5.4 UM dan perunding hendaklah memantau pelaksanaan projek oleh kontraktor dengan rapi supaya projek dilaksanakan mengikut spesifikasi, berkualiti dan siap dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh siap yang munasabah juga perlu dikaji dengan mengambil kira aktiviti tahunan universiti supaya projek pembinaan tidak mengalami kelewatan.

5.5.5 UM hendaklah merancang perolehan peralatan supaya selari dengan kemajuan kerja projek pembinaan bagi menjamin peralatan dapat digunakan sepenuhnya, mengelakkan kerosakan dan UM tidak menanggung kos tambahan di luar jangkaan.

5.5.6 UM hendaklah mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Universiti bagi memastikan pengurusan aset alih dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.

6

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
Pengurusan Perolehan

6.1 LATAR BELAKANG

6.1.1 Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) ditubuhkan pada 1 Januari 2006 di bawah Akta Kolej Dan Universiti 1971. Objektif utama penubuhannya adalah untuk mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang Pengajian Islam, Sains, Sains Kesihatan Bersekutu, Perubatan, Sains Makanan, Pertanian dan Bioteknologi, Teknologi Maklumat Komunikasi dan bidang pengajian yang perlu. Selain itu, UniSZA melaksanakan penyelidikan, pengumpulan, pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian tersebut. UniSZA beroperasi di 3 Kampus Universiti iaitu Kampus Gong Badak, Kampus Perubatan dan Kampus Tembila.

6.1.2 UniSZA telah membuat perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan bagi tujuan pengembangan operasi universiti, aktiviti penyelidikan dan penawaran bidang pengajian tambahan. Perolehan yang dilaksanakan oleh UniSZA dari tahun 2012 sehingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.1 : PEROLEHAN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

KAEDAH PEROLEHAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Pembelian Terus	1.27	3.49	7.03	11.79
Sebut Harga	20.40	23.77	31.22	75.39
Tender	19.64	4.57	22.92	47.13
Rundingan Terus	-	2.49	-	2.49
JUMLAH	41.31	34.32	61.17	136.80

Sumber: Bahagian Perolehan

6.1.3 UniSZA telah menerima peruntukan mengurus dan pembangunan berjumlah RM684.97 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014. Peruntukan pembangunan meliputi pelaksanaan projek *Private Finance Initiative* bagi pembinaan kemudahan kampus dan asrama di Tembila, Besut di bawah RMKe-9 dan beberapa projek di bawah RMKe-10 meliputi projek pembinaan Hospital Pengajar, pembinaan bangunan akademik dan pentadbiran serta perolehan peralatan. Peruntukan mengurus dan pembangunan UniSZA adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.2 : PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN
BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	
	MENGURUS	PEMBANGUNAN
2012	137.28	81.00
2013	154.18	78.46
2014	169.05	65.00
JUMLAH	460.51	224.46

Sumber: Bahagian Belanjawan dan Kewangan Am

6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan UniSZA telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

6.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan UniSZA bagi tahun 2012 sehingga bulan September 2014 di Kampus Gong Badak, Kampus Perubatan dan Kampus Tembila. Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan. Selain itu, perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab serta pemeriksaan fizikal terhadap sampel yang dipilih. *Exit Conference* telah diadakan pada 16 April 2015 dan dipengerusikan oleh Naib Canselor UniSZA. Antara pegawai yang hadir adalah Timbalan Naib Canselor dan Pegawai kanan Universiti serta wakil daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

6.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan dari bulan Oktober sehingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan di UniSZA adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan UniSZA adalah seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal tidak dilantik untuk menyediakan spesifikasi teknikal secara menyeluruh dalam perancangan perolehan sebagaimana yang ditetapkan di dalam Tatacara Kewangan dan Perakaunan UniSZA.
- ii. Kelemahan pengurusan kerja/bekalan:
 - Perolehan kerja berjumlah RM437,125 tidak mengikut spesifikasi yang diluluskan menyebabkan kerugian di pihak UniSZA. Ini kerana pengurangan dalam spesifikasi kerja yang dilaksanakan tanpa

pengurangan kos dan pertambahan kerja yang dilaksanakan tidak memberi nilai tambah kepada UniSZA.

- Perolehan CCTV berjumlah RM648,894 dilaksanakan tanpa perancangan yang teliti menyebabkan objektif utama pemasangan CCTV tidak tercapai. Pemantauan yang kurang berkesan juga menyebabkan perubahan spesifikasi *Storage System* tidak dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Perolehan B terlebih dahulu sebelum pembekalan dilaksanakan.

iii. Kelemahan pengurusan kontrak:

- Dokumen kontrak tidak disediakan bagi 28 sebut harga dan 3 tender berjumlah RM8.62 juta.
- Satu kontrak bernilai RM4.11 juta ditandatangani melebihi 4 bulan dan kontrak bernilai RM2.30 juta belum ditandatangani.
- Tempoh bon pelaksanaan bagi satu perolehan sebut harga bernilai RM496,000 tidak meliputi tempoh kontrak.
- Kelewatan permohonan lanjutan masa (EOT) antara 34 sehingga 60 hari dan kelulusan EOT mengambil tempoh antara 13 sehingga 27 hari bagi 2 sebut harga.
- Tempoh EOT yang diberikan melebihi tempoh asal penawaran kerja/bekalan antara 123.8% sehingga 154.8%.
- Pembayaran bagi penyenggaraan Sistem ILMU PERDANA berjumlah RM30,000 dibuat pada 16 April 2014 sebelum perkhidmatan penyenggaraan diterima sepenuhnya pada bulan Disember 2014.

iv. Kelemahan pengurusan aset/peralatan:

- Mesin pemerah susu lembu serta bekas susu aluminium berjumlah RM32,780 tidak digunakan secara optimum sejak tahun 2012 berikutan perolehan ternakan lembu hanya dilaksanakan pada tahun 2014 dan belum diperoleh sehingga akhir tahun 2014.
- Peralatan pembelajaran dan penyelidikan berjumlah RM786,458 tidak diletakkan di lokasi yang bersesuaian berikutan makmal yang khusus masih dalam pembinaan menyebabkan peralatan tidak digunakan untuk aktiviti pembelajaran dan penyelidikan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

6.4.1 Prestasi Pengurusan Perolehan

6.4.1.1 Tatacara Pengurusan Perolehan

- a. Tatacara Pengurusan Perolehan UniSZA telah dinyatakan dalam Tatacara Kewangan UniSZA dan dikemas kini dari semasa ke semasa melalui Pekeliling Pejabat Bendahari. UniSZA juga tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan yang diterima pakai dari semasa ke semasa.
- b. Bagi memastikan pengurusan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja dapat dilaksanakan secara teratur dan terancang, UniSZA juga telah mewujudkan Manual Perolehan. Manual ini menerangkan secara terperinci proses kerja bagi pelaksanaan proses perolehan termasuklah pembelian terus, sebut harga, tender, rundingan terus serta perolehan melalui perkhidmatan perunding. Nilai perolehan dan kuasa kelulusan bagi pengurusan perolehan UniSZA adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.3 : NILAI DAN KUASA KELULUSAN BAGI PEROLEHAN UniSZA

KAEDAH PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN	JAWATANKUASA/KELULUSAN
Pembelian Terus	Perolehan Bekalan/Perkhidmatan sehingga RM20,000	Ketua Pusat Tanggungjawab
	Perolehan Kerja sehingga RM20,000	Pengarah Pembangunan, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan
Sebut Harga	Perolehan Bekalan/Perkhidmatan melebihi RM20,000 hingga RM50,000	Jawatankuasa Sebut Harga B
	Perolehan Bekalan/Perkhidmatan melebihi RM50,000 hingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga A
	Perolehan Kerja bernilai RM20,000 hingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga A
Tender	Perolehan Bekalan/Kerja/Perkhidmatan melebihi RM500,000 hingga RM20 juta	Lembaga Perolehan B
	Perolehan Bekalan/Kerja/Perkhidmatan melebihi RM20 juta hingga RM300 juta	Lembaga Perolehan A
	Perolehan Bekalan/Kerja/Perkhidmatan melebihi RM300 juta	Kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia
Rundingan Terus	Perolehan Bekalan/Kerja/Perkhidmatan sehingga RM50,000	Jawatankuasa Sebut Harga A
	Perolehan Bekalan/Kerja/Perkhidmatan melebihi RM50,000	Kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia

Sumber: Tatacara Kewangan dan Manual Perolehan UniSZA

Pada pendapat Audit, tatacara pengurusan perolehan yang ditetapkan dan diguna pakai oleh UniSZA adalah teratur dan telah dikemas kini dari semasa ke semasa berdasarkan kepada peraturan yang berkuat kuasa.

6.4.1.2 Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal

- a. Mengikut Tatacara Kewangan dan Perakaunan UniSZA, satu Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal yang dilantik oleh Bendahari hendaklah diwujudkan bagi menyediakan spesifikasi teknikal setiap barang yang hendak dibeli. Ahli Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 pegawai yang mahir dan berkelayakan di dalam bidang berkenaan termasuk wakil daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ) lain yang berkaitan.
- b. Semakan Audit mendapati tiada dokumen berkaitan pelantikan dan pelaksanaan fungsi Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal bagi kesemua tender dan sebut harga perolehan yang disemak seperti Surat Pelantikan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa, Agenda dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa dan Laporan Jawatankuasa. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan kajian pasaran yang dibuat bagi penentuan anggaran jabatan serta maklumat terperinci mengenai pecahan harga yang dijangkakan berikutan tiada laporan Jawatankuasa yang diberikan kecuali penyediaan spesifikasi tender kerja melalui pelantikan perunding.

Pada pendapat Audit, UniSZA tidak mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan kerana Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal tidak ditubuhkan. Perancangan perolehan yang teliti termasuklah penyediaan spesifikasi serta justifikasi sesuatu perolehan amat penting dalam pengurusan perolehan yang sistematik.

Maklum Balas Daripada UniSZA Diterima Pada 14 April 2015

PTJ mempraktikkan penyediaan spesifikasi teknikal bagi penyediaan dokumen sebut harga dan tender sahaja tetapi tidak dibuat pelantikan secara rasmi atas nama Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal. Bahagian Perolehan telah mewajibkan setiap ahli penyediaan spesifikasi teknikal dilantik secara rasmi dan mematuhi kriteria dan prosedur berkaitan.

6.4.2 Kelemahan Pengurusan Kerja/Bekalan

6.4.2.1 Kerja/Bekalan Tidak Mengikut Spesifikasi

a. Cadangan Hiasan Dalaman Untuk Autrium Dan Bilik Mesyuarat Perpustakaan Kampus Gong Badak

- i. Jawatankuasa Sebut Harga Universiti (JSU) telah meluluskan permohonan perolehan kerja oleh Jabatan Pengurusan Pembangunan pada 7 Mei 2012 bagi Kerja Hiasan Dalaman Untuk Autrium Dan Bilik Mesyuarat Perpustakaan, Kampus Gong Badak bernilai RM437,125.
- ii. Lawatan Audit pada 24 Disember 2014 mendapati kerja hiasan dalaman bagi autrium dan bilik mesyuarat perpustakaan UniSZA tidak menepati spesifikasi yang telah diluluskan oleh JSU seperti di dokumen sebut harga. Semakan lanjut mendapati Perakuan Serahan Kerja Siap telah diperaku oleh Pegawai Penguasa UniSZA dan wakil perunding pada 10 Oktober 2012. Bayaran muktamad telah dibuat selepas tempoh Tanggungan Kecacatan dan telah menerima Perakuan Siap Membaiki Kecacatan pada 20 Oktober 2013. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 6.4 : KERJA HIASAN DALAMAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

LOKASI	ITEM	PERKARA	SPESIFIKASI YANG DITETAPKAN	KIRAAN AUDIT	PERBEZAAN LEBIH/(KURANG)
Bilik Mesyuarat	Roller Blind (RM15,000)	Bilangan (Unit)	5	Panel A Panel B Panel C Jumlah : 3	(2)
		Lebar	3,300 mm Jumlah: 3,300 x 5 = 16,500 mm	Panel A :5,350 mm Panel B :3,210 mm Panel C :1,660 mm Jumlah : 10,220 mm	(6,280mm)
		Tinggi	3,300 mm Jumlah: 3,300 x 5 = 16,500 mm	Panel A :12,100 mm Panel B :7,650 mm Panel C :4,800 mm Jumlah :24,550 mm	8,050mm
	Meja Mesyuarat (RM6,000)	Bilangan (Unit)	3	3	-
		Panjang	5,500 mm/nos Jumlah: 5,500 x 3 = 16,500 mm	4,920 mm Jumlah: 4,920 x 3 = 14,760 mm	(1,740mm)
Autrium	Pigeonhole (RM40,000)	Lebar	4,400 mm (10 pigeonhole)	3,925 mm (9 pigeonhole)	(475 mm)

Sumber: Dokumen Sebut Harga Dan Lawatan Audit Pada 24 Disember 2014


GAMBAR 6.1

***Roller Blind* Tidak Mengikut Spesifikasi Yang Diluluskan**



Lokasi: Bilik Mesyuarat Perpustakaan
Tarikh: 24 Disember 2014


GAMBAR 6.2



Lokasi: Bilik Mesyuarat Perpustakaan
Tarikh: 24 Disember 2014

GAMBAR 6.3

Panjang Meja Mesyuarat Tidak Mengikut Spesifikasi Yang Diluluskan



Lokasi: Bilik Mesyuarat Perpustakaan
Tarikh: 24 Disember 2014

GAMBAR 6.4

Bilangan *Pigeonhole* Tidak Mengikut Spesifikasi Yang Diluluskan



Lokasi: Autrium, Perpustakaan
Tarikh: 24 Disember 2014

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam penentuan spesifikasi dan pemantauan kerja telah menyebabkan UniSZA mengalami kerugian bagi kerja yang tidak menepati spesifikasi dalam aspek pengurangan dalam spesifikasi ubahsuai tanpa pengurangan kos perolehan. Pertambahan dalam kerja yang dilaksanakan berbanding spesifikasi asal pula tidak memberi nilai tambah kepada UniSZA.

Maklum Balas Daripada UniSZA Diterima Pada 14 April 2015

Satu Mesyuarat Pemantauan Siap Kerja bagi perkara di atas telah diadakan pada 19 September 2012 bagi membincangkan dan sekaligus mempersetujui Perubahan Saiz Meja Mesyuarat dan juga Perubahan Skop Kerja PigeonHole tanpa sebarang perubahan kos.

b. Membekal, Memasang, Menguji Dan Mentauliah 200 Unit Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Peralatan *Unified Multiprotocol Storage Area Network*

- i. Pada tahun 2014, UniSZA telah membuat perolehan secara tender bagi Membekal, Memasang, Menguji Dan Mentauliah 200 unit CCTV Dan Peralatan *Unified Multiprotocol Storage Area Network* bernilai RM648,894. Lembaga Perolehan B (LPB) telah meluluskan permohonan perolehan bekalan oleh Pusat Teknologi Maklumat (PTM) pada 2 Januari 2014 dengan tempoh siap kerja selama 4 hingga 6 minggu. Komponen bagi perolehan ini adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.5 : KOMPONEN SISTEM CCTV

ITEM	SPESIFIKASI YANG DITETAPKAN	PEMBEKALAN SEBENAR
<i>Bullet Camera Network</i> (RM138,000)	Brand: VIVOTEK Model: IP8331 Kuantiti: 120	Brand: VIVOTEK Model: IP8331 Kuantiti: 120
<i>Bullet Camera Network</i> (RM104,000)	Brand: VIVOTEK Model: IP8332-C Kuantiti: 80	Brand: VIVOTEK Model: IP8332-C Kuantiti: 80
<i>Display Panel include with bracket</i> (RM20,994)	Saiz: 46" LED Brand: Samsung Model: UA46F5000 Kuantiti: 6	Saiz: 46" LED Brand: Samsung Model: UA46F5000 Kuantiti: 6
Storage System (RM84,000)	Brand: EonNas Model: 3016ST Kuantiti: 1	Brand: EonNas Model: 3012R Kuantiti: 1
<i>Server</i> (RM74,400)	IBM x 3650 M4 Kuantiti: 3	IBM x 3650 M4 Kuantiti: 3
<i>Video Management Software</i> (RM100,000)	Brand: Aimetis Standard Edition Kuantiti : 200	Brand: Aimetis Standard Edition Kuantiti : 200
<i>Client PC for CCTV Monitoring System</i> (RM43,500)	Brand : Apple Imac 27" Kuantiti : 3	Brand : Apple Imac 27" Kuantiti : 3
Komponen Lain (RM84,000)	<i>Supply, install, testing and commission</i>	<i>Supply, install, testing and commission</i>

Sumber : Dokumen Tender


- ii. Lawatan Audit pada 24 Disember 2014 mendapati pembekalan bagi *Storage System* bernilai RM84,000 tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan seperti di dokumen tender. Semakan Audit mendapati perubahan spesifikasi ini tidak dikemukakan untuk kelulusan LPB sebelum pembekalan dilaksanakan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa perubahan spesifikasi daripada model EonNas 3016ST kepada EonNas 3012R disebabkan oleh masalah pengeluaran model EonNas 3016ST dengan tempoh penghantaran tambahan antara 3 sehingga 4 bulan. Teknologi model EonNas 3012R yang ditawarkan adalah lebih tinggi berbanding model asal dengan tiada perubahan kos.
- iii. Lawatan Audit pada 24 Disember 2014 mendapati peralatan *Storage System* yang telah diubah spesifikasi masih tidak boleh digunakan kerana memerlukan satu komponen tambahan untuk berfungsi. Semakan lanjut mendapati peralatan tersebut dibekalkan pada 7 Mei 2014 dan telah diakui terima dalam keadaan baik serta disahkan telah menepati spesifikasi. Pembayaran sejumlah RM346,994 telah dibuat pada 10 Jun 2014 termasuk bayaran peralatan *Storage System* ini. Lawatan Audit pada 16 April 2015 (selepas *Exit Conference*) bersama dengan pegawai kanan Kementerian Pendidikan dan Universiti mendapati peralatan *Storage System* telah berfungsi dengan baik setelah komponen tambahan dibekalkan oleh pembekal tanpa pertambahan kos. Bagaimanapun, lawatan Audit di Bilik Pemantauan Operasi CCTV pada tarikh yang sama mendapati 51 daripada 100 imej skrin CCTV mengalami masalah *viewing* CCTV dimana imej tidak dipaparkan di 4 panel TV. Semakan lanjut mendapati kualiti video yang dipaparkan juga bergerak perlahan dan tersekat-sekat serta tidak berkesan untuk pemantauan secara *real time* seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.5
51 Daripada 100 Skrin CCTV Tidak
Memaparkan Imej



Lokasi: Bilik Pemantauan CCTV, Jabatan Keselamatan
Tarikh: 16 April 2015

GAMBAR 6.6
Imej Gelap Pada Paparan CCTV di Salah
Satu Skrin TV



Lokasi: Bilik Pemantauan CCTV, Jabatan Keselamatan
Tarikh: 16 April 2015

- iv. Pihak Audit dimaklumkan masalah *viewing* tersebut berlaku disebabkan semasa perolehan CCTV, keperluan bagi terminal komputer berprestasi tinggi tidak diambilkira untuk ditempatkan di lokasi pemantauan CCTV. Juga, selepas teguran Audit, PTM telah mengarahkan pembekal pada 19 April 2015 untuk membuat semakan dan konfigurasi semula sistem CCTV ini serta menyelesaikan masalah ini seberapa segera. Selain itu, PTM telah membuat permohonan peruntukan bagi perolehan terminal komputer berprestasi tinggi untuk 3 lokasi pemantauan CCTV iaitu bagi Kampus Gong Badak, Kampus Perubatan dan Kampus Tembila dengan anggaran nilai perolehan tambahan berjumlah RM20,000 bagi mengatasi masalah yang dibangkitkan.
- v. Semakan Audit juga mendapati PTM telah melaksanakan *User Acceptance Test* pada bulan Disember 2014 bagi kesemua lokasi iaitu Kampus Gong Badak, Kampus Tembila, Kampus Perubatan, Balai Cerap dan Asrama MAIDAM. Keseluruhan kos projek berjumlah RM648,894 telah dibayar penuh kepada pembekal dengan bayaran akhir berjumlah RM81,000 telah dibayar pada 2 April 2015.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam perancangan awal bagi menentukan spesifikasi CCTV dan keupayaan sistem bagi menyokong paparan semua CCTV secara *real time* telah menyebabkan tambahan kos bagi perolehan peralatan tambahan. Pemantauan keselamatan yang tidak dapat dilaksanakan secara berkesan telah menjejaskan objektif utama pemasangan CCTV tersebut. Selain itu, pemantauan yang kurang berkesan mengakibatkan perubahan kepada spesifikasi pembekalan peralatan yang diperolehi dan dibuat tanpa kelulusan Lembaga Perolehan B walaupun tidak melibatkan perubahan kos.

Maklum Balas Daripada UniSZA Diterima Pada 14 April 2015

Beberapa sesi perbincangan dan surat menyurat telah dilakukan antara Pusat Teknologi Maklumat dan juga pembekal iaitu Libsys Solution (M) Sdn. Berhad bagi menyelesaikan isu pertukaran model EonNas 3016ST kepada EonNas 3012R. Pada 12 Mac 2015, permohonan pertukaran model EonNas 3016ST kepada EonNas 3012R telah pun diluluskan oleh Lembaga Perolehan B.

Selepas teguran Audit, Pusat Teknologi Maklumat telah membuat perolehan bagi terminal komputer berprestasi tinggi bagi pemantauan CCTV dengan nilai perolehan berjumlah RM19,928 untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan.

6.4.3 Pengurusan Kontrak

6.4.3.1 Kontrak Tidak/Lewat Disediakan

- a. Tatacara Kewangan dan Perakaunan UniSZA menetapkan pengurusan dan pentadbiran kontrak perlu diberi perhatian bagi menjaga kepentingan Universiti dan melicinkan urusan berhubung kait pelaksanaan sesuatu perolehan. Surat tawaran yang dikeluarkan oleh UniSZA kepada pembida berjaya juga ada menyatakan bahawa 3 salinan perjanjian akan dibuat sebaik sahaja UniSZA menerima Surat Setuju Terima (SST) daripada pembida yang berjaya. Pembida yang berjaya hendaklah menandatangani perjanjian tersebut serta memamatkan setem mengikut Undang-Undang Setem 1949.
- b. Semakan Audit mendapati 28 sebut harga dan 3 tender berjumlah RM8.62 juta tidak disediakan dokumen kontrak. Semakan lanjut mendapati satu dokumen kontrak telah ditandatangani melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh SST manakala dokumen kontrak bagi satu tender lagi masih di peringkat draf walaupun telah melebihi 4 bulan dari tarikh surat tawaran. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.6 : DOKUMEN KONTRAK DITANDATANGAN MELEBIHI TEMPOH 4 BULAN DAN DOKUMEN KONTRAK BELUM MUKTAMAD

BUTIRAN	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TARIKH SST/SURAT TAWARAN	TARIKH KONTRAK	TEMPOH TANDATANGAN KONTRAK (Bulan)
Cadangan Pindaan Dan Tambahan Ke Atas Asrama Bilal Untuk Dijadikan Blok Akademik Dan Mendirikan Bangunan Dewan Baru Di Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak.	4.11	11.01.2012	28.06.2012	6
Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Peralatan Virtual Computing Lab Untuk Fakulti Informatik Dan Komputeran, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Tembila, Besut, Terengganu.	2.30	13.07.2014	Kontrak belum muktamad	6

Sumber: Daftar Perolehan

Nota: (*) Tempoh sehingga 31 Disember 2014

Pada pendapat Audit, kegagalan UniSZA mematuhi peraturan perolehan iaitu tidak/lewat menyediakan kontrak menyebabkan kepentingan UniSZA tidak dilindungi.

Maklum Balas Daripada UniSZA Diterima Pada 14 April 2015

Sebelum ini, UniSZA hanya membuat kontrak perjanjian dengan pembekal mengguna pakai contoh format Institut Pengajian Tinggi Awam lain kerana UniSZA belum mempunyai Penasihat Undang-Undang (PUU). Bermula penghujung tahun

2014, UniSZA telah mula membuat kontrak perjanjian bersama-sama dengan Pejabat PUU yang baru ditubuhkan bagi memastikan kontrak yang dibuat adalah menyeluruh dan menjamin kepentingan akauntabiliti awam. Bahagian Perolehan juga telah membuat penyusunan semula kakitangan termasuk menerima kakitangan tambahan bagi mengukuhkan lagi proses dan prosedur perolehan UniSZA.

6.4.3.2 Bon Pelaksanaan Tidak Meliputi Tempoh Kontrak

- a. Mengikut surat tawaran sebut harga, pembekal hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebagai cagaran kontrak dalam bentuk Jaminan Bank dengan kadar 2.5% daripada harga tawaran bagi menjamin pelaksanaan kontrak. Tempoh Bon Pelaksanaan hendaklah meliputi keseluruhan kontrak dan dikira mulai tarikh Bon Pelaksanaan dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau obligasi terakhir.
- b. UniSZA telah meluluskan perolehan secara sebut harga bagi cadangan Program Pembangunan Usahawan Agro (Agropreneurs - Pembinaan Reban Ayam) bernilai RM496,000 pada 19 September 2012. Semakan Audit mendapati kontraktor telah mengemukakan Bon Pelaksanaan berjumlah RM12,400 kepada UniSZA berkuat kuasa pada 24 September 2012 sehingga 24 September 2013. Bagaimanapun tempoh Bon Pelaksanaan ini tidak dilanjutkan selepas UniSZA meluluskan lanjutan masa (EOT) mulai 24 Mac 2013 sehingga 24 Jun 2013. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.7 : JAMINAN BANK TIDAK MELIPUTI TEMPOH KONTRAK

TARIKH SURAT TAWARAN	TARIKH SIAP KERJA		TEMPOH JAMINAN BANK	TEMPOH TIDAK DILIPUTI
	ASAL	SELEPAS EOT (1)		
24.09.2012	24.01.2013	24.06.2013	24.09.2012 – 24.09.2013	25.09.2013 – 24.06.2014 (9 Bulan)

Sumber: Dokumen Sebut Harga dan Jaminan Bank

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap tempoh bon pelaksanaan adalah kurang memuaskan kerana tidak menepati tempoh jaminan yang telah ditetapkan. Ini boleh menyebabkan UniSZA terdedah kepada kerugian akibat daripada tiada perlindungan jaminan bank daripada kontraktor sekiranya berlaku kerosakan atau kecacatan pada kerja yang dilaksanakan dalam tempoh kecacatan yang ditetapkan.

Maklum Balas Daripada UniSZA Diterima Pada 14 April 2015

Pemantauan terhadap tempoh asal jaminan bank dan juga tempoh pelanjutan masa bagi jaminan bank berdasarkan EOT akan dibuat bagi memastikan kepentingan UniSZA terjamin. Pemantauan ini diharap dapat dijalankan dengan baik melalui penstrukturan semula Bahagian Perolehan seperti mana yang dicadangkan.

6.4.3.3 Permohonan dan Kelulusan Lanjutan Masa Selepas Tarikh Siap Kerja Asal

- Mengikut amalan terbaik, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada Pegawai Penguasa bagi memohon lanjutan masa (EOT) sekiranya terdapat kelewatan dalam kemajuan kerja. Pegawai Penguasa pula hendaklah meluluskan permohonan tersebut sebelum tarikh siap kerja atau EOT yang ditetapkan tamat.
- Semakan Audit mendapati kontraktor telah mengemukakan permohonan EOT bagi 2 sebut harga selepas tarikh siap kerja asal antara 34 sehingga 60 hari. Semakan lanjut mendapati UniSZA mengambil masa meluluskan EOT antara 13 sehingga 27 hari daripada tarikh penerimaan permohonan EOT sebut harga tersebut. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.8 : PERMOHONAN DAN KELULUSAN LANJUTAN MASA SELEPAS TARIKH SIAP KERJA ASAL

BUTIRAN SEBUT HARGA	NILAI (RM)	TARIKH SIAP KERJA ASAL	PERMOHONAN EOT		KELULUSAN EOT	
			TARIKH	KELEWATAN (Hari)	TARIKH	TEMPOH (Hari)
Cadangan Program Pembangunan Usahawan Agro (Agropreneurs-Pembinaan Reban Ayam)	496,000	24.01.2013	27.02.2013	34	26.03.2013	27
Cadangan Memfabrikasi, Membekal, Menghantar Dan Memasang Serta Menyusun Atur Perabot Meja Komputer dan Kerusi Untuk Makmal-Makmal Komputer PTM	138,221	12.07.2012	10.9.2012	60	23.09.2012	13

Sumber: Dokumen Sebut Harga dan Fail Jawatankuasa Sebut Harga

Pada pendapat Audit, kontraktor gagal mematuhi peraturan yang menetapkan permohonan EOT perlu dibuat dengan segera. Pemantauan oleh UniSZA juga tidak dilaksanakan dengan berkesan menyebabkan kelewatan dalam kelulusan EOT.

Maklum Balas Daripada UniSZA Diterima Pada 14 April 2015

Bahagian Perolehan pada asasnya telah mengeluarkan surat peringatan kepada PTJ memaklumkan bahawa sesuatu proses EOT hendaklah dimohon awal. Bagaimanapun, mesyuarat terpaksa meluluskan kelewatan kerja ini di atas sebab yang difikirkan munasabah melalui perakuan PTJ yang berkaitan.

6.4.3.4 Tempoh Lanjutan Masa Melebihi Tempoh Asal Kerja/Bekalan

- a. Semakan Audit mendapati tempoh lanjutan masa yang diluluskan bagi 2 sebut harga adalah lebih lama daripada tempoh asal sebut harga yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Sebut Harga (JSU) dan dipersetujui oleh kontraktor. Analisis Audit terhadap tempoh lanjutan masa yang diluluskan ini mendapati tempoh lanjutan masa melebihi 100% dari tempoh siap kerja yang sepatutnya. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.9 : TEMPOH EOT MELEBIHI TEMPOH SIAP KERJA ASAL

BUTIRAN SEBUT HARGA	AMAUN (RM)	TEMPOH SIAP KERJA ASAL (Hari)	TEMPOH LANJUTAN MASA DILULUSKAN		JUSTIFIKASI PERMOHONAN EOT
			Hari	Perbezaan (%)	
Cadangan Program Pembangunan Usahawan Agro (Agropreneurs-Pembinaan Reban Ayam)	496,000	122	151	123.8	- Kerja-kerja aras tapak tidak disempurnakan mengakibatkan projek pembinaan reban tidak dapat dijalankan. - Pertambahan Skop Kerja. Kerja-kerja pembinaan jalan masuk menghubungkan tapak bangunan reban ke jalan sedia ada. - Faktor cuaca meliputi taburan hujan yang berlebihan pada bulan November 2012 sehingga Januari 2013.
Cadangan Memfabrikasi, Membekal, Menghantar Dan Memasang Serta Menyusun Atur Perabot Meja Komputer dan Kerusi Untuk Makmal-Makmal Komputer PTM	138,221	42	65	154.8	- Perubahan kepada lukisan reka bentuk meja yang baru. - Keperluan membuat satu <i>mock-up</i> sampel sebelum kerja-kerja memfabrikasi. - Proses pemasangan sistem ICT dan perpindahan perabot.

Sumber: Dokumen Sebut Harga dan Fail JSU

Pada pendapat Audit, tempoh lanjutan masa yang terlalu lama boleh menyebabkan matlamat perolehan tersebut tidak tercapai serta tidak mencerminkan ketelusan dalam proses perolehan terutama dalam pemilihan kontraktor yang layak untuk diberikan kontrak.

Maklum Balas Daripada UniSZA Diterima Pada 14 April 2015

Bahagian Perolehan pada asasnya telah mengeluarkan surat peringatan kepada PTJ memaklumkan bahawa sesuatu proses EOT hendaklah dimohon awal dan sesuatu pelanjutan itu hendaklah mengambil kira faktor had masa yang munasabah dan tidak melebihi tempoh asal siap kerja. Walau bagaimanapun, mesyuarat terpaksa meluluskan kelewatan kerja ini di atas sebab-sebab yang difikirkan munasabah melalui perakuan PTJ yang berkaitan.

6.4.3.5 Pembayaran Dibuat Sebelum Perkhidmatan Diterima Sepenuhnya

- a. Perpustakaan UniSZA menggunakan Sistem ILMU (*Integrated Library Management Utility*) bagi pengurusan sistem automasi perpustakaan yang disokong oleh 8 modul yang berintegrasi. Sistem ILMU PERINTIS telah mula digunakan pada bulan September 2002 sebelum dinaik taraf kepada Sistem ILMU PERDANA pada bulan November 2006 sehingga kini. Proses menaik taraf kepada Sistem ILMU PERDANA dengan kos RM260,000 dilaksanakan berikutan keperluan untuk melaksanakan rangkaian sistem yang boleh dihubungkan melalui pemprosesan satelit bagi menghubungkan semua kampus yang ada.
- b. Perjanjian penyenggaraan sistem ILMU PERINTIS bermula pada tahun 2005 sehingga 31 Disember 2006, manakala penyenggaraan bagi sistem ILMU PERDANA bermula pada bulan April 2008 sehingga kini. Terma pembayaran yang dipersetujui adalah meliputi pembayaran penuh yuran penyenggaraan tahunan berjumlah RM30,000 pada suku pertama tahun penyenggaraan dan ia adalah *non-refundable* serta tidak termasuk semua media yang dihantar kepada UniSZA.
- c. Semakan Audit mendapati satu Pesanan Tempatan berjumlah RM30,000 bagi lawatan penyenggaraan diagnostik pemeriksaan keupayaan Sistem ILMU PERDANA bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014 telah dikeluarkan pada 16 Februari 2014 dan pembayaran penuh telah dibuat pada 16 April 2014. Ini bermaksud pembayaran telah dibuat awal sebelum perkhidmatan diberikan sepenuhnya sehingga bulan Disember 2014.

Pada pendapat Audit, pembayaran yang dibuat sebelum perkhidmatan diterima sepenuhnya tidak mencerminkan kawalan dalaman yang baik dalam pengurusan pembayaran sesuatu perjanjian/kontrak kerana UniSZA akan terdedah kepada risiko yang tinggi sepanjang tempoh perkhidmatan yang belum diterima.

Maklum Balas Daripada UniSZA Diterima Pada 16 April 2015

Setelah berakhirnya tempoh kontrak penyenggaraan pada 30 Mac 2012, UniSZA mengambil keputusan untuk tidak menyambung kontrak penyenggaraan. Penyenggaraan baharu bermula pada 1 November 2012 sehingga 31 Oktober 2013. Disebabkan kelewatan pembekal menyediakan surat sebagai agen tunggal kepada sistem ini, UniSZA memohon untuk menganjakkan tarikh permulaan penyenggaraan bermula 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014. Penyenggaraan berkala sebanyak 2 kali masih lagi dilakukan pada 5 Mei 2014 dan 18 Ogos 2014. UniSZA juga bersetuju untuk menyemak semula terma kontrak.

6.4.4 Pengurusan Aset/Peralatan

6.4.4.1 Peralatan Tidak Diguna Secara Optimum

- a. Pada tahun 2012, UniSZA telah membuat perolehan secara pembelian terus bagi pembekalan mesin pemerah susu lembu dan kambing serta bekas susu aluminium bernilai RM32,780. Perolehan adalah bagi tujuan praktikal tenusu di Fakulti Pertanian, Bioteknologi dan Sains Makanan. Pembekalan telah disempurnakan pada 28 Mac 2012 dan pembayaran telah dibuat kepada pembekal pada 24 Mei 2012. Butiran berkaitan perolehan tersebut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.10 : BUTIRAN PEROLEHAN BAGI MESIN PEMERAH SUSU LEMBU DAN KAMBING SERTA BEKAS SUSU ALUMINIUM

BUTIRAN ITEM	UNIT	NILAI PER UNIT (RM)	JUMLAH (RM)
Portable Machine Milking – Kambing	2	7,300	14,600
Portable Machine Milking – Lembu	2	7,300	14,600
Chum Susu Aluminium (50 LT)	4	400	1,600
Chum Susu Aluminium (40 LT)	6	330	1,980
JUMLAH	14		32,780

Sumber: Baucar Bayaran

- b. Lawatan Audit pada 3 November 2014 di Ladang Pasir Akar mendapati ladang tersebut hanya menempatkan haiwan ternakan kambing yang diletakkan di 2 kandang berasingan serta sebuah reban ayam manakala tiada lembu yang ditenak. Semakan lanjut mendapati perolehan haiwan ternakan lembu serta beberapa haiwan ternakan lain hanya dibuat pada tahun 2014 secara sebut harga berjumlah RM194,100. Butiran pembekalan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.11 : HAIWAN TERNAKAN YANG PERLU DIBEKALKAN

JENIS TERNAKAN	ASAL	KUANTITI	HARGA SEEKOR (RM)	JUMLAH (RM)
Kambing Boer Betina	Australia	18	1,800	32,400
Kambing Boer Jantan	Australia	2	2,000	4,000
Bebiri Dorper Betina	Australia	18	2,300	41,400
Bebiri Dorper Jantan	Australia	2	2,500	5,000
Lembu Brahman Jantan (Berat 200-250kg)	Thailand	10	3,000	30,000
Lembu Brahman Betina (Berat 200-250kg)	Thailand	10	3,050	30,500
Lembu Brahman Jantan (Berat 150-200kg)	Thailand	10	2,300	23,000
Lembu Brahman Betina (Berat 150-200kg)	Thailand	10	2,380	23,800
Kos Penghantaran				4,000
JUMLAH		80		194,100

Sumber: Dokumen Sebut Harga

- c. Semakan Audit juga mendapati tempoh penghantaran bagi haiwan ternakan tersebut adalah 12 minggu daripada tarikh Surat Tawaran dikeluarkan pada 18 Mei 2014 di mana penghantaran perlu disempurnakan selewat-lewatnya pada 9 Ogos 2014. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit didapati pembekalan haiwan ternakan ini masih belum diterima.
- d. Kelewatan perolehan dan pembekalan haiwan ternakan lembu ini menyebabkan latihan amali Kursus Produksi Lembu Tenusu bagi para pelajar UniSZA dengan kekerapan sekali setahun terpaksa dilaksanakan di agensi luar. Pihak Audit dimaklumkan latihan amali ini hanya dilaksanakan 2 kali dalam tempoh 3 tahun iaitu pada bulan November 2012 dan Disember 2014. Namun, tiada latihan amali dilaksanakan pada tahun 2013. Ini menyebabkan mesin pemerah susu lembu serta bekas susu aluminium tidak digunakan secara optimum sejak diterima pada 28 Mac 2012 dan diletakkan di kandang kambing di Ladang Pasir Akar, Besut, Terengganu seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.7
Bekas Susu Aluminium Yang Tidak
Digunakan Secara Optimum Sejak Diterima
Pada 28 Mac 2012



Lokasi: Ladang Pasir Akar, Besut, Terengganu
Tarikh: 3 November 2014

GAMBAR 6.8
Mesin Pemerah Susu Lembu Yang Tidak
Digunakan Secara Optimum Sejak Diterima
Pada 28 Mac 2012



Lokasi: Ladang Pasir Akar, Besut, Terengganu
Tarikh: 3 November 2014

- e. Semakan Audit juga mendapati mesin pemerah susu lembu dan kambing serta bekas susu aluminium diletakkan di lokasi yang tidak sesuai iaitu di tingkat atas kandang kambing yang menyebabkan peralatan terdedah kepada perubahan cuaca serta debu kotoran yang melekat pada mesin serta salur perahan susu seperti gambar berikut:



GAMBAR 6.9
Kesan Debu Kotoran Pada Mesin
Dan Salur Perahan Susu

Lokasi: Ladang Pasir Akar, Besut, Terengganu
Tarikh: 3 November 2014

Pada pendapat Audit, UniSZA tidak membuat perancangan yang teliti sebelum perolehan dilaksanakan. Kelewatan pembekalan haiwan ternakan menyebabkan latihan amali Kursus Produksi Lembu Tenusu oleh pelajar terpaksa dilaksanakan di agensi luar dengan kekerapan sekali setahun. Peralatan yang telah diperolehi awal tidak dapat digunakan secara optimum dan lokasi penyimpanan aset yang tidak sesuai kerana terdedah kepada perubahan cuaca.

Maklum Balas Daripada UniSZA Diterima Pada 14 April 2015

UniSZA memaklumkan perkara berikut:

Portable Machine Milking – Kambing

Alat ini telah diguna pakai sepenuhnya secara berkala oleh Unit Ladang bagi keperluan Kursus Produksi Ruminan Kecil.

Portable Machine Milking – Lembu

Alat ini belum diguna pakai di Unit Ladang Pasir Akar namun ia telah digunakan bagi keperluan sesi amali pelajar bertempat di agensi luar. Mesin ini di bawa bersama oleh pelajar bagi mengikuti amali Kursus Produksi Lembu Tenusu yang telah dijalankan di beberapa agensi luar bermula tahun 2012.

Churn Susu Aluminium 40 dan 50 Liter

Alat ini juga digunakan bersama semasa sesi amali oleh pelajar di agensi luar.

Kelewatan pembekalan haiwan ternakan kerana lambat mendapat kelulusan Jabatan Pembangunan Haiwan Thailand. Walau bagaimanapun, pembekalan ini telah selesai pada penghujung Mac 2015 dan ditempatkan di Ladang Pasir Akar.

6.4.4.2 Penyimpanan Aset Di Lokasi Yang Tidak Sesuai Dan Tidak Selamat

- a. UniSZA telah membuat perolehan secara sebut harga bagi pembekalan peralatan pembelajaran dan penyelidikan pada tahun 2013 dan 2014 berjumlah RM5.80 juta untuk ditempatkan di Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) di Kampus Tembila.
- b. Lawatan Audit pada 23 Disember 2014 di Kampus Tembila mendapati 5 peralatan untuk pembelajaran dan penyelidikan bernilai RM786,458 telah ditempatkan di salah sebuah makmal pembelajaran guna sama di Kampus Tembila. Semakan Audit mendapati lokasi penempatan peralatan ini tidak sesuai untuk peralatan tersebut berfungsi dengan berkesan dan peralatan terdedah kepada akses oleh pelajar/pengguna makmal yang lain kerana makmal tersebut juga digunakan untuk pembelajaran umum. Ini menyebabkan peralatan tersebut tidak digunakan untuk aktiviti pembelajaran dan penyelidikan sejak dibekalkan pada akhir tahun 2013 dan awal tahun 2014.

- c. Pihak Audit dimaklumkan bahawa penempatan peralatan tersebut di makmal pembelajaran guna sama adalah secara sementara kerana makmal yang sepatutnya digunakan untuk penempatan peralatan tersebut masih dalam proses pembinaan. Butiran peralatan tersebut dan tarikh pembekalan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 6.12 : PERALATAN YANG DITEMPATKAN DI LOKASI TIDAK SESUAI

NAMA PERALATAN	TARIKH DIBEKAL	NILAI (RM)
Differential Scanning Calorimetry	31.12.2013	195,000
Automated Discrete Analyzer	31.12.2013	199,500
Baked Product Volume Measurement	26.02.2014	96,380
Automated Hydrolysis System	06.01.2014	152,578
Double Arm Texture Analyzer	26.02.2014	143,000
JUMLAH		786,458

Sumber: Dokumen Tender dan Lawatan Fizikal

GAMBAR 6.10

Penempatan Peralatan Secara Sementara Kerana Makmal Dalam Proses Pembinaan

*Automated Discrete Analyzer – RM199,500
(Terima 31 Disember 2013)*



Lokasi: Makmal Tembila
Tarikh: 23 Disember 2014

GAMBAR 6.11

*Baked Product Volume Measurement – RM96,380
(Terima 26 Februari 2014)*



Lokasi: Makmal Tembila
Tarikh: 23 Disember 2014

GAMBAR 6.12

Penempatan Peralatan Secara Sementara Kerana Makmal Dalam Proses Pembinaan

Automated Hydrolysis System - RM152,578
(Terima 6 Januari 2014)



Lokasi: Makmal Tembila
Tarikh: 23 Disember 2014

GAMBAR 6.13

Double Arm Texture Analyzer – RM143,000
(Terima 26 Februari 2014)



Lokasi: Makmal Tembila
Tarikh: 23 Disember 2014

- d. Semakan lanjut mendapati mesin *Differential Scanning Calorimetry* yang beroperasi dengan disokong oleh gas Nitrogen dan Oksigen yang disimpan di dalam 2 tong yang berasingan pula tidak mempunyai sebarang label dan ciri-ciri keselamatan serta diletakkan di tempat terbuka. Selepas teguran Audit, tindakan pembaikan telah diambil seperti gambar berikut:



GAMBAR 6.14
Tong Gas Nitrogen dan Oksigen Yang Diletakkan Tanpa Ciri Keselamatan Bagi Peralatan *Differential Scanning Calorimetry* – RM195,000 (Terima 31 Disember 2013)

Lokasi: Makmal Tembila
Tarikh: 23 Disember 2014

GAMBAR 6.15


Tong Gas Nitrogen dan Oksigen Yang Telah Ditanda Label Keselamatan Di Luar Makmal dan Dipasang Sistem Piping Yang Teratur



Lokasi: Makmal Tembila
Tarikh: 16 April 2015

GAMBAR 6.16

Peralatan Differential Scanning Calorimetry Di Dalam Makmal dilengkapi dengan Sistem Piping Yang Teratur



Lokasi: Makmal Tembila
Tarikh: 16 April 2015

Pada pendapat Audit, pengurusan lokasi penempatan aset adalah kurang memuaskan kerana penempatan aset tidak mengambil kira aspek *practicality* dan keselamatan kepada pelajar dan pengguna peralatan tersebut. Ini akan mengakibatkan aset tidak dapat digunakan secara optimum serta membahayakan keselamatan pengguna makmal.

Maklum Balas Daripada UniSZA Diterima Pada 14 April 2015

UniSZA memaklumkan kebanyakan peralatan di FBIM baru sahaja dipindahkan daripada Kampus Gong Badak ke Kampus Tembila secara sepenuhnya pada penghujung September 2014. Pada bulan September 2014, FBIM beroperasi sepenuhnya di Kampus Tembila yang menempatkan Pejabat Pentadbiran dan Pusat Pengajian Pertanian dan Bioteknologi di Blok F6 manakala Pusat Pengajian Industri Makanan di F4 dan Pusat Pengajian Sains Haiwan di F2.

Memandangkan Blok F4 (kegunaan Pusat Pengajian Industri Makanan) pada ketika itu masih belum boleh digunakan, Peralatan makmal 'Differential Scanning Calorimetry (DSC)' sepatutnya diletakkan di Makmal Analisis Makanan (Blok F4) terpaksa dipasang terlebih dahulu pada 24 Januari 2014 di Makmal Kimia (Blok F5) yang mana makmal tersebut adalah Makmal Pengajaran (Teaching Lab). Penempatan alatan makmal adalah untuk sementara waktu sehingga Makmal Analisis Makanan siap sepenuhnya dan diserahkan kepada fakulti.

FBIM telah mengambil tindakan segera dengan memohon agar pihak Jabatan Pembangunan dan Pengurusan untuk menguruskan sebut harga bagi kerja

pemasangan paip gas untuk beberapa peralatan Makmal Analisis Makanan dan Makmal Alat Peka.

6.4.5 Pemantauan

6.4.5.1 Pemantauan pengurusan perolehan adalah penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan seterusnya membolehkan tindakan diambil dengan kadar segera untuk menyelesaikannya.

6.4.5.2 Semakan Audit mendapati pemantauan pengurusan perolehan ada dilaksanakan di peringkat Pejabat Bendahari oleh Bahagian Perolehan dan menerusi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA). Manakala pengurusan aset ada dilaporkan di Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti. Unit Audit Dalam juga ada melaksanakan pengauditan berkaitan perolehan dan dilaporkan di dalam Jawatankuasa Audit. Bagaimanapun, pemantauan pengurusan perolehan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pengurus Projek perlu ditambah baik terutama di peringkat perancangan dan pelaksanaan perolehan memandangkan pengurusan perolehan adalah tidak berpusat.

6.4.5.3 Semakan Audit juga mendapati UniSZA telah menangguhkan pengumpulan maklumat perolehan ke dalam *Government Procurement Information System* (GPIS) bagi perolehan bernilai RM50,000 ke bawah pada tahun 2014 bagi memberi ruang penambahbaikan GPIS yang difikirkan tidak mesra pengguna.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang diwujudkan oleh UniSZA adalah memuaskan. Bagaimanapun, pelaksanaan pemantauan adalah kurang berkesan kerana terdapat ketidakpatuhan kepada peraturan perolehan dan kelemahan pentadbiran kontrak.

Maklum Balas Daripada UniSZA Diterima Pada 14 April 2015

Khidmat Unit Audit Dalam dalam membantu pemantauan pengurusan perolehan di PTJ diteruskan dengan perancangan pengauditan tahun 2015 bagi beberapa PTJ. Audit Dalam juga mengeluarkan skala status risiko PTJ bagi tujuan perancangan pengauditan. PTJ yang berisiko tinggi akan lebih kerap di audit. Pejabat Bendahari juga dalam proses mengeluarkan beberapa garis panduan khusus yang berkaitan dengan Pengurusan Perolehan PTJ di samping mengemaskinikan prosedur yang sedia ada.

6.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan UniSZA mengambil tindakan seperti berikut bagi menambahbaik pengurusan perolehan:

6.5.1 UniSZA hendaklah mengukuhkan perancangan perolehan dengan melantik Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal bagi setiap perolehan tender dan sebut harga untuk memastikan perancangan perolehan dilaksanakan dengan teratur.

6.5.2 UniSZA hendaklah memastikan perancangan perolehan diuruskan dengan teratur bagi mengelakkan pembaziran.

6.5.3 UniSZA hendaklah mempertingkatkan kawalan dalaman pembayaran dengan menilai semula proses kerja pembayaran dan kelulusan, memastikan spesifikasi kerja/bekalan dipatuhi sebelum bayaran dibuat serta mengkaji semula terma pembayaran di dalam kontrak supaya perkhidmatan diberikan sepenuhnya sebelum pembayaran dibuat.

6.5.4 UniSZA hendaklah mewujudkan mekanisma terbaik dalam pemantauan penyediaan kontrak/perjanjian dan Pengurus Projek terhadap perolehan di setiap PTJ.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.

7.1 LATAR BELAKANG

7.1.1 Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ditubuhkan pada 1 September 2006 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. UMK mula beroperasi pada 1 Julai 2007 di Kampus Sementara, Taman Bendahara melibatkan pengambilan seramai 295 pelajar. Falsafah kurikulum pengajian UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan perusahaan dalam semua program pengajian. Antara objektif penubuhan UMK adalah untuk menyediakan kursus pengajian yang berteraskan ciri keusahawanan, membangun modal insan yang berkualiti serta menyediakan infrastruktur dan sistem sokongan yang kondusif sebagai asas kepada pembangunan universiti bertaraf dunia. Sehingga bulan Disember 2014, bilangan pelajar UMK adalah seramai 8,853 pelajar yang terdiri daripada 8,202 pelajar prasiswazah dan 651 pelajar pascasiswazah.

7.1.2 Bahagian Perolehan, Pejabat Bendahari bertanggungjawab terhadap pengurusan perolehan UMK secara sebut harga dan tender. Pusat Tanggungjawab (PTJ) bertanggungjawab bagi merancang dan menguruskan perolehan secara pembelian terus dan sebut harga bernilai kurang daripada RM100,000. UMK telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan Perolehan dan Pekeliling Bendahari selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan (kini dikenali sebagai 1PP) bagi memastikan pengurusan perolehannya dilaksanakan dengan teratur, telus dan memberi nilai faedah terbaik (*value for money*).

7.1.3 UMK telah diperuntukkan sejumlah RM314.50 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 untuk perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan. UMK telah membelanjakan sejumlah RM230.56 juta atau 73.3% bagi perolehan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus dalam tempoh tersebut. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.1 : PEROLEHAN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

KAEDAH PEROLEHAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Pembelian Terus	13.08	18.85	12.79	44.72
Sebut Harga	19.62	23.84	30.59	74.05
Tender	12.82	15.55	81.54	109.91
Rundingan Terus	1.88	-	-	1.88
JUMLAH	47.40	58.24	124.92	230.56

Sumber: Bahagian Perolehan, Pejabat Bendahari

7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan UMK dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

7.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan UMK bagi tahun 2012 sehingga bulan September 2014. Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan. Selain itu, pemeriksaan fizikal, temu bual, perbincangan dengan pegawai bertanggungjawab serta lawatan ke tapak projek di Kampus Kota, Kampus Bachok dan Kampus Jeli telah dijalankan. *Exit Conference* telah diadakan pada 19 April 2015 di UMK yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Pembangunan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara pegawai yang hadir adalah Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pegawai kanan KPM dan UMK.

7.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober sehingga Disember 2014 mendapati pengurusan perolehan UMK secara tender adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan perolehan secara pembelian terus dan sebut harga adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan UMK adalah seperti berikut:

- i. Garis Panduan Pengurusan Perolehan UMK tidak lengkap kerana prosedur bagi perolehan kerja dan pentadbiran kontrak tidak disediakan.
- ii. Sebanyak 31 perolehan bekalan/perkhidmatan berjumlah RM243,613 telah dipecahkecilkan bagi mengelakkan pelawaan secara sebut harga.
- iii. Sebanyak 33 perolehan secara pembelian terus berjumlah RM904,216 telah melebihi had nilai yang ditetapkan iaitu RM10,000.
- iv. Sebanyak 18 pesanan tempatan berjumlah RM267,713 dikeluarkan selepas bekalan/perkhidmatan diterima antara 1 hingga 28 hari.
- v. Sebanyak 3 perolehan kerja bagi Projek Pembangunan Taman Riadah Dan Rekreasi Tasik Universiti di Kampus Bachok berjumlah RM946,520 telah dipecahkecilkan bagi mengelakkan pelawaan secara tender. Bon pelaksanaan dan polisi insurans tanggungan awam serta pampasan pekerja tidak disediakan bagi perolehan kerja tersebut. Selain itu, denda sejumlah RM36,990 tidak dikenakan ke atas kegagalan kontraktor menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan. Pelanjutan masa dan perubahan kerja

- bagi kontrak juga tidak dikemukakan untuk kelulusan Pegawai Penguasa/Jawatankuasa Sebutharga Universiti.
- vi. Dokumen kontrak tidak disediakan untuk 6 perolehan secara sebut harga yang berjumlah RM1.42 juta bagi perkhidmatan pembersihan bermasa.
 - vii. Polisi insurans tanggungan awam tidak disediakan bagi perolehan pembekalan perabot secara sewaan berjumlah RM1.21 juta. Selain itu, polisi insurans tidak dilanjutkan selaras dengan lanjutan masa yang diluluskan bagi 2 perolehan kerja berjumlah RM11.86 juta.
 - viii. Prosedur kelulusan perubahan kerja bagi projek Pembinaan Asrama Sementara Pelajar Menggunakan Kaedah IBS, Kampus Bachok dan Kampus Jeli UMK yang bernilai RM9.98 juta tidak dipatuhi.

7.4.1 Prestasi Pengurusan Perolehan

7.4.1.1 Prosedur Perolehan Kerja Tidak Disediakan

- a. UMK mengguna pakai Garis Panduan Pengurusan Perolehan UMK dan Pekeliling Bendahari UMK serta peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan berkaitan perolehan. Ringkasan kaedah, had nilai dan kelulusan perolehan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.2 : KAEDAH PEROLEHAN

KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	KELULUSAN
Pembelian Terus	Sehingga RM10,000	Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Sebut Harga	Melebihi RM10,000 sehingga RM100,000	Jawatankuasa Sebut Harga Peringkat PTJ
	Melebihi RM100,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga Peringkat Universiti
Tender	Melebihi RM500,000 sehingga RM20 juta	Lembaga Perolehan B
	Melebihi RM20 juta	Lembaga Perolehan A

Sumber: Garis Panduan Pengurusan Perolehan

- b. Semakan Audit mendapati UMK ada menyediakan prosedur/proses kerja bagi semua kaedah perolehan. Bagaimanapun, prosedur ini hanya meliputi jenis perolehan berkaitan bekalan dan perkhidmatan tetapi tidak menyediakan prosedur yang meliputi perolehan kerja dan pentadbiran kontrak.

Pada pendapat Audit, Garis Panduan Pengurusan Perolehan tidak lengkap dan tidak menyeluruh kerana prosedur bagi perolehan kerja dan pentadbiran kontrak tidak disediakan untuk rujukan pegawai perolehan UMK.

Maklum Balas Daripada UMK Diterima Pada 21 April 2015

Penyediaan manual prosedur untuk perolehan kerja sedang disediakan dan dijangka selesai pada bulan Jun 2015.

7.4.1.2 Perolehan Yang Dipecah Kecil

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 2007 dan Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan 2/2013 menyatakan agensi dilarang memecah kecilkan perolehan tahunan untuk mengelakkan daripada pelawaan secara sebut harga dan tender. Mengikut Garis Panduan Pengurusan Perolehan UMK, pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan melebihi RM10,000 hendaklah dilaksanakan secara sebut harga.
- b. Semakan Audit mendapati 31 perolehan bekalan/perkhidmatan bagi jenis item yang sama berjumlah RM243,613 telah dipecah kecil secara pembelian terus. Kebanyakan pesanan tempatan yang dikeluarkan adalah pada tarikh dan pembekal yang sama serta jumlah melebihi had pembelian terus. Perolehan tersebut sepatutnya dilaksanakan secara sebut harga seperti jadual berikut:

JADUAL 7.3 : PECAH KECIL PEROLEHAN BAGI JENIS ITEM YANG SAMA DALAM SETAHUN

JENIS ITEM	PEMBEKAL	PESANAN TEMPATAN		
		NOMBOR	TARIKH	NILAI (RM)
Membekal dan menghantar peralatan dapur untuk kegunaan lab	Pengedar Tiga Sdn. Bhd.	004714-00	16.05.2012	9,896
		004715-00	16.05.2012	8,469
		004869-00	21.06.2012	9,977
		JUMLAH		28,342
Membekal dan memasang papan tanda arah	Ada Agency Sdn. Bhd.	005148-00	27.08.2012	7,200
		005149-00	27.08.2012	9,360
		JUMLAH		16,560
Pemasangan CCTV	MNH-Zuan Enterprise	005209-00	05.09.2012	5,300
		005213-00	05.09.2012	5,300
		JUMLAH		10,600
Membekal kayu getah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan	M Ekspresi Enterprise	005441-00	16.10.2012	7,700
		005729-00	12.12.2012	9,900
		JUMLAH		17,600
Sewaan sebuah bas untuk pelajar	Doremi Travel & Tours Sdn. Bhd.	006228-00	19.03.2013	3,200
		006216-00	19.03.2013	5,600
		006213-00	19.03.2013	8,000
		JUMLAH		16,800

JENIS ITEM	PEMBEKAL	PESANAN TEMPATAN		
		NOMBOR	TARIKH	NILAI (RM)
Membekal dan menghantar keperluan program Sinar ECER	Two S Printing & Advertising R	006794-00	30.05.2013	9,880
		006795-00	30.05.2013	1,500
		006796-00	30.05.2013	9,000
		JUMLAH		20,380
Membekal keperluan program Menabur Budi Menuai Bakti	Two S Printing & Advertising R	007062-00	11.07.2013	6,000
		007063-00	11.07.2013	9,300
		JUMLAH		15,300
Membekal dan memasang keperluan perpustakaan yang rosak	Serasi Design	007581-00	06.10.2013	7,033
		007582-00	06.10.2013	9,883
		JUMLAH		16,916
Perkhidmatan pengangkutan lori untuk majlis konvokesyen	SSD Indah Resources	007727-00	24.10.2013	5,000
		007728-00	24.10.2013	7,200
		JUMLAH		12,200
Perkhidmatan memotong kayu getah, menyiapkan dan syelek bangku untuk lanskap	Pakatan Acutera Sdn. Bhd.	007981-00	26.11.2013	9,000
		007982-00	26.11.2013	7,200
		JUMLAH		16,200
Membekal dan menghantar barangan cenderahati	Eam Maju Enterprise	008266-00	15.12.2013	8,900
		008267-00	15.12.2013	8,850
		JUMLAH		17,750
Membekal, menghantar dan memasang <i>network points</i> di Kampus Kota dan Bachok	Wildan Prima Sdn. Bhd.	008534-00	28.01.2014	9,103
		008535-00	28.01.2014	8,666
		JUMLAH		17,769
Membekal dan memasang perabot pejabat dan meja peperiksaan di Kampus Jeli	Muzlya Enterprise	008683-00	03.03.2014	9,313
		008685-00	03.03.2014	10,000
		JUMLAH		19,313
Membekal dan memasang kabinet siap bina/fail	AZ Mega Plus Trading	009114-00	23.04.2014	9,699
		009115-00	23.04.2014	8,184
		JUMLAH		17,883
JUMLAH BESAR				243,613

Sumber: Pesanan Tempatan dan Baucar Bayaran

Pada pendapat Audit, UMK tidak mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan. Antara sebab perolehan dipecah kecil adalah UMK tidak merancang dengan teliti perolehan tahunan selaras dengan prinsip perolehan Kerajaan serta peraturan perolehan semasa.

Maklum Balas Daripada UMK Diterima Pada 21 April 2015

Mulai 2015, PTJ diarahkan menyediakan perancangan perolehan PTJ bagi setiap suku tahun berserta sebut harga. Bagi memastikan kawalan dalaman yang lebih baik, dicadangkan supaya diwujudkan satu sistem panel bagi perolehan yang kebiasaannya dilaksana oleh PTJ. UMK bersetuju untuk menaikkan had perolehan terus PTJ daripada RM10,000 kepada RM20,000 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada bulan Jun 2015.

7.4.1.3 Perolehan Melebihi Had Pembelian Terus

- a. Garis Panduan Pengurusan Perolehan UMK menetapkan pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM10,000 dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal sama ada yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf bumiputera atau bukan bumiputera. Perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan perbelanjaan tahunan melebihi RM10,000 hendaklah dilaksanakan secara sebut harga.
- b. Semakan Audit mendapati 33 perolehan berjumlah RM904,216 bagi tahun 2012 sehingga bulan September 2014 telah melebihi had nilai antara RM10,070 hingga RM204,453 melibatkan perolehan pengiklanan, kenderaan, perabot dan aktiviti majlis konvokesyen. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.4 : PEROLEHAN PEMBELIAN TERUS YANG MELEBIHI HAD NILAI RM10,000

BIL.	BORANG PESANAN BELIAN		PERIHAL PEROLEHAN	NILAI (RM)
	NO.	TARIKH		
1.	004284-00	27.02.2012	Penyewaan booth karnival	15,000
2.	004948-00	04.07.2012	Perkhidmatan pengiklanan UMK	10,070
3.	005049-00	31.07.2012	Bayaran pengiklanan Sinar Harian	19,347
4.	005605-00	22.11.2012	Perkhidmatan iklan UMK dalam akhbar Sinar	12,898
5.	005915-00	22.01.2013	Perkhidmatan membekal berita <i>online</i> Universiti	16,000
6.	006251-00	21.03.2013	Membekal pengiklanan promosi UMK - hot fm	20,025
7.	006322-00	03.04.2013	Membekal kasut kawad	10,150
8.	006518-00	21.04.2013	Membekal Toyota Hilux	204,453
9.	006571-00	07.05.2013	Tempahan pengiklanan The Star	29,680
10.	006852-00	09.06.2013	Perkhidmatan pembaharuan insurans bas	31,769
11.	006866-00	10.06.2013	Perkhidmatan pencarian paten	10,300
12.	006941-00	24.06.2013	Perkhidmatan pengiklanan UMK	28,620
13.	007107-00	23.07.2013	Membekal keperluan pejabat	19,980

BIL.	BORANG PESANAN BELIAN		PERIHAL PEROLEHAN	NILAI (RM)
	NO.	TARIKH		
14.	007282-00	25.08.2013	Membekal iPad mini	19,980
15.	007284-00	25.08.2013	<i>Premier listing on easyuni</i>	12,000
16.	007432-00	18.09.2013	Membekal iPad untuk pensyarah	19,892
17.	007516-00	29.09.2013	Perkhidmatan menyediakan bilik tetamu Universiti	12,607
18.	007546-00	01.10.2013	Membekal perabot di rumah Felo	10,089
19.	007636-00	13.10.2013	Perkhidmatan pengiklanan UMK	26,500
20.	007687-00	24.10.2013	Tempahan iklan sempena majlis Konvokesyen UMK	28,620
21.	007708-00	24.10.2013	Perkhidmatan pengiklanan sempena Konvokesyen UMK	12,355
22.	007873-00	17.11.2013	Sewa <i>paintball court</i>	11,000
23.	007885-00	17.11.2013	Perkhidmatan pengiklanan UMK	12,898
24.	007902-00	19.11.2013	Perkhidmatan sewaan <i>booth expo education Iran</i>	29,800
25.	008021-00	28.11.2013	Perkhidmatan pengiklanan sempena kemasukan pelajar	23,066
26.	008214-00	10.12.2013	Perkhidmatan pengiklanan	100,000
27.	008566-00	06.02.2014	Sewaan tapak pameran Malaysia Technology Expo	53,156
28.	008649-00	23.02.2014	Sewaan <i>booth</i> penyertaan pameran	18,050
29.	009325-00	22.05.2014	Perkhidmatan pengiklanan sebagai platform media	10,350
30.	009670-00	13.07.2014	<i>Advertisement space order</i>	14,925
31.	009892-00	10.08.2014	Tempahan iklan bagi tujuan promosi	13,435
32.	010253-00	24.09.2014	Perkhidmatan perlindungan dan keselamatan	27,267
33.	010281-00	24.09.2014	Perkhidmatan iklan di radio bawah seliaan Astro Radio Sdn. Bhd.	19,934
JUMLAH				904,216

Sumber: Pesanan Tempatan dan Baucar Bayaran

Pada pendapat Audit, perolehan secara pembelian terus adalah kurang memuaskan kerana melebihi had yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pengurusan Perolehan UMK.

Maklum Balas Daripada UMK Diterima Pada 21 April 2015

Pembelian terus yang melebihi had nilai RM10,000 dilaksanakan berdasarkan surat jemputan daripada agensi yang menganjurkan program dan kertas kerja program dimana harga telah ditetapkan oleh pihak penganjur/pembekal.

Bagi memastikan proses perolehan dilaksanakan tidak menyalahi prosedur yang ditetapkan, UMK telah menyediakan kertas kerja berkaitan pengecualian pematuhan kepada tatacara dan prosedur perolehan dan akan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada bulan Mei 2015.

7.4.1.4 Pesanan Tempatan Dikeluarkan Selepas Bekalan/Perkhidmatan Diterima

Arahan Perbendaharaan 176.1(d) menyatakan pesanan tempatan hendaklah disediakan pada masa barang atau perkhidmatan dipesan. Semakan Audit terhadap perolehan secara pembelian terus mendapati 18 pesanan tempatan berjumlah RM267,713 hanya dikeluarkan selepas bekalan/perkhidmatan diterima. Pesanan tempatan dikeluarkan antara 1 hingga 28 hari selepas bekalan/perkhidmatan diterima seperti jadual berikut:

JADUAL 7.5 : PESANAN TEMPATAN DISEDIAKAN SELEPAS BEKALAN/PERKHIDMATAN DITERIMA BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2014

BIL.	PERIHAL	PESANAN TEMPATAN		BEKALAN/ PERKHIDMATAN DITERIMA	TEMPOH (HARI)	NILAI (RM)
		NOMBOR	TARIKH			
1.	Penyewaan <i>air cooler</i> Majlis Hari Raya	005218-00	06.09.2012	05.09.2012	1	2,000
2.	Perkhidmatan memungkah barangan Jabatan Canselori	005450-00	16.10.2012	22.09.2012	24	3,800
3.	Membekal rak barang bertingkat untuk Jabatan Canselori	005451-00	16.10.2012	24.09.2012	22	9,000
4.	Perkhidmatan memungkah barangan Bahagian Pengurusan Akademik	005452-00	16.10.2012	22.09.2012	24	3,500
5.	Mencetak dan menghantar buku jawapan peperiksaan pelajar	005789-00	20.12.2012	12.12.2012	8	8,000
6.	Membekal dan mencetak kain untuk pelajar	005802-00	30.12.2012	28.12.2012	2	9,440
7.	Pengiklanan dalam <i>The Star</i>	006571-00	07.05.2013	27.04.2013	10	29,680
8.	Membekal dan menghantar keperluan program Sinar ECER	006795-00	30.05.2013	25.05.2013	5	1,500
9.	Bayaran tempahan dewan dan <i>Hi-tea</i> untuk <i>Finale</i> 2013	007066-00	14.07.2013	27.06.2013	17	10,800
10.	<i>Premier Listing On easyuni.com portal</i> (1 year)	007284-00	25.08.2013	30.07.2013	26	12,000
11.	Penginapan program <i>business idea presentation</i>	008170-00	09.12.2013	24.11.2013	15	17,293
12.	Yuran latihan persidangan <i>Lifesize Executive Technology</i>	008404-00	31.12.2013	03.12.2013	28	14,000
13.	Program latihan <i>Software Development Cycle</i>	008493-00	26.01.2014	19.01.2014	7	25,000
14.	Pakej penginapan Bengkel Dokumentasi MS ISO	008668-00	26.02.2014	25.02.2014	1	13,350
15.	Tempahan tiket penerbangan Program Delegasi Pendidikan	009016-00	10.04.2014	09.04.2014	1	15,700
16.	Pakej penginapan dan bengkel pemurnian peraturan siswazah	009085-00	20.04.2014	17.04.2014	3	12,620
17.	Tempahan bilik penginapan untuk bengkel Makmal Nilai bagi Projek Pembangunan UMK	009096-00	20.04.2014	11.04.2014	9	63,620
18.	Pakej penginapan bagi Bengkel <i>Training of Trainers</i>	009105-00	21.04.2014	19.04.2014	2	16,410
JUMLAH						267,713

Sumber: Pesanan Tempatan dan Baucar Bayaran

Pada pendapat Audit, pesanan tempatan disediakan selepas bekalan/perkhidmatan diterima menunjukkan kawalan dalaman yang lemah.

Maklum Balas Daripada UMK Diterima Pada 21 April 2015

Tindakan penambahbaikan semakan terhadap setiap dokumen yang dihantar ke Pejabat Bendahari, pemakluman kepada Ketua PTJ dibuat dalam Mesyuarat Pegawai Kanan dan Mesyuarat JPKA serta surat peringatan dikeluarkan kepada semua PTJ berkenaan isu ini pada 12 Mac 2015.

7.4.2 Pengurusan Perolehan Kerja

7.4.2.1 Perolehan Yang Dipecah Kecil

- a. Garis Panduan Pengurusan Perolehan UMK menetapkan perolehan yang melebihi had nilai RM500,000 hendaklah dibuat secara tender. Anggaran kos pembinaan bagi Perolehan Kerja Pembangunan Taman Riadah Dan Rekreasi Tasik Universiti di Kampus Bachok yang disediakan oleh Unit Khas adalah berjumlah RM912,994.
- b. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Sebutharga Universiti telah meluluskan 3 sebut harga bernilai RM946,520 pada 20 November 2013 bagi perolehan tersebut. Perolehan ini diberikan kepada kontraktor daripada kalangan Gred G1/2 (CIDB). Perolehan tersebut sepatutnya dipelawa secara tender kerana hanya melibatkan pengkhususan kerja am kejuruteraan awam dan dilaksanakan di lokasi yang sama serta bernilai melebihi RM500,000. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.6 : PECAH KECIL PEROLEHAN KERJA

BIL.	PERKARA	KONTRAKTOR/ GRED CIDB	TEMPOH KONTRAK	NILAI (RM)
1.	Membina Trek Joging, Dua Buah Jambatan dan Dataran	FFI Trading/ G2	27.11.2013 - 27.01.2014	393,475
2.	Membina Tandas dan Tempat Letak Kenderaan Berturap	Tiga SA Enterprise/ G2	27.11.2013 - 18.02.2014	358,900
3.	Taman Bunga Lengkap dengan Astaka dan Pejabat/Kaunter Informasi/Kafe	Bina Tuah/ G1	27.11.2013 - 18.02.2014	194,145
JUMLAH				946,520

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga Universiti dan Fail Unit Khas

7.4.2.2 Bon Pelaksanaan Dan Polisi Insurans Tidak Disediakan

- a. Mengikut syarat kontrak perolehan kerja secara sebut harga, kontraktor perlu menyediakan bon pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga kontrak dan suatu

insurans tanggungan awam serta insurans pampasan pekerja yang meliputi tempoh kontrak dan tempoh liabiliti kecacatan.

- b. Pada 3 Disember 2013, Unit Khas Pejabat Canselori telah mengeluarkan pemberitahuan penerimaan sebut harga bagi 3 perolehan kerja bernilai RM946,520 di Taman Riadah Dan Rekreasi Tasik Universiti, Kampus Bachok. Semakan Audit mendapati kontraktor tidak menyediakan bon pelaksanaan bernilai RM47,326 bagi perolehan kerja tersebut. Kontraktor juga tidak menyediakan polisi insurans tanggungan awam dan pampasan pekerja seperti yang ditetapkan.

7.4.2.3 Projek Kerja Lewat Disiapkan Dan Denda Tidak Dikenakan

- a. Pekeliling Perbendaharaan (PK) 4/2013 menyatakan pelanjutan masa bagi kontrak kerja bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000 dan perubahan kerja dibenarkan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebutharga terlebih dahulu. Syarat kontrak juga menetapkan sekiranya Pegawai Penguasa berpuashati terhadap sebab yang dikemukakan, maka Pegawai Penguasa akan membuat anggaran tempoh kelewatan dan Perakuan Lanjutan Masa akan dikeluarkan. Selain itu, denda kelewatan dikenakan di atas kegagalan kontraktor menyiapkan kerja mengikut tempoh siap kerja yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit mendapati perolehan kerja bagi Projek Pembangunan Taman Riadah Dan Rekreasi Tasik Universiti di Kampus Bachok mengalami kelewatan antara 3 hingga 21 minggu seperti jadual berikut:

JADUAL 7.7 : PROJEK LEWAT DISIAPKAN DAN DENDA SEPATUTNYA DIKENAKAN

SEBUT HARGA	NILAI KERJA (RM)	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH SIAP SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN (Minggu)	DENDA SEPATUTNYA DIKENAKAN (RM)
UMK(B)/S/85/2013 –CAN Membina Trek Joging, Dua Buah Jambatan Dan Dataran	393,475	27.01.2014 (8 minggu)	19.06.2014 (29 minggu)	21 minggu (143 hari)	19,305
UMK(B)/S/86/2013 –CAN Membina Tandas Dan Tempat Letak Kenderaan Berturap	358,900	18.02.2014 (12 minggu)	22.06.2014 (30 minggu)	18 minggu (124 hari)	16,740
UMK(B)/S/87/2013 –CAN Taman Bunga Lengkap Dengan Astaka Dan Pejabat/Kaunter Informasi/ Kafe	194,145	18.02.2014 (12 minggu) 31.10.2014*	21.11.2014 (51 minggu)	3 minggu (21 hari)	945
JUMLAH					36,990

Sumber: Dokumen Sebut Harga UMK dan Fail Unit Khas, Pejabat Canselori

Nota*: Tarikh siap baru selepas lanjutan masa yang dikeluarkan oleh Unit Khas

c. Semakan lanjut mendapati perkara berikut:

- i. Mengikut syarat kontrak, bagi nilai kerja antara RM350,000 hingga RM400,000, denda kelewatan adalah sejumlah RM135 sehari. Semakan Audit mendapati tiada lanjutan masa diberi bagi sebut harga UMK(B)/S/85/2013-CAN dan UMK(B)/S/86/2013-CAN di mana tempoh kelewatan adalah selama 143 hari dan 124 hari dan denda kelewatan tidak dikenakan terhadap kontraktor. Berdasarkan perkiraan Audit, denda sepatutnya dikenakan adalah berjumlah RM19,305 dan RM16,740.
- ii. Surat lanjutan masa bagi sebut harga UMK(B)/S/87/2013-CAN telah dikeluarkan sehingga bulan Oktober 2014 oleh Unit Khas, Pejabat Canselori. Bagaimanapun, lanjutan masa ini tidak dikemukakan untuk kelulusan Pegawai Penguasa. Mengikut syarat kontrak, bagi nilai kerja antara RM150,000 hingga RM200,000, denda kelewatan adalah sejumlah RM45 sehari. Berdasarkan perkiraan Audit, denda sepatutnya dikenakan adalah berjumlah RM945 bagi tempoh kelewatan selama 21 hari.
- iii. Perubahan kerja bagi sebut harga UMK(B)/S/87/2013-CAN telah diluluskan oleh Unit Khas, Pejabat Canselori. Bagaimanapun, ia tidak dikemukakan untuk kelulusan Jawatankuasa Sebutharga Universiti.

Pada pendapat Audit, UMK tidak mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan. Perolehan dipecah kecil adalah disebabkan UMK tidak merancang dengan teliti perolehan tahunan selaras dengan prinsip perolehan Kerajaan serta peraturan perolehan semasa. Selain itu, kegagalan kontraktor menyediakan bon pelaksanaan dan polisi insurans sebelum memasuki tapak pembinaan menyebabkan kepentingan UMK tidak dilindungi. Ketidakpatuhan terhadap peraturan dan syarat kontrak menyebabkan UMK menanggung kerugian sejumlah RM36,990 kerana denda tidak dikenakan dan kontrak kerja lewat disiapkan serta prosedur pelanjutan masa dan perubahan kerja tidak dipatuhi.

Maklum Balas Daripada UMK Diterima Pada 21 April 2015

Kontraktor Bina Tuah telah dikenakan denda sejumlah RM945 dan bayaran telah dibuat manakala surat tuntutan telah dikeluarkan kepada 2 kontraktor lagi pada 21 April 2015 kerana lewat menyiapkan kerja. UMK memandang serius akan perkara ini dan satu Jawatankuasa Siasatan telah dilantik bagi menyiasat perjalanan projek ini secara menyeluruh pada 12 April 2015. Jawatankuasa ini akan

melaksanakan siasatan segera dan membuat pengesyoran samada tindakan perlu diambil terhadap pegawai yang terlibat.

UMK telah membuat penstrukturan semula dengan memansuhkan Unit Khas dan diambil alih oleh PPIP manakala staf di bawah unit ini akan diserapkan ke Jabatan lain yang bersesuaian. Ini bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar mengikut prosedur kerja yang ditetapkan.

7.4.3 Pengurusan Kontrak

7.4.3.1 Kontrak Tidak Disediakan

- a. Arahan Perbendaharaan 200.1 menyatakan semua kontrak hendaklah dibuat atas nama Kerajaan dan ditandatangani pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120). Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 176.1(c), agensi hendaklah mengadakan satu kontrak formal bagi perolehan bekalan/perkhidmatan bermasa untuk ditandatangani. Selain itu, Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh UMK juga menyatakan satu kontrak yang formal akan disediakan untuk ditandatangani.
- b. Semakan Audit mendapati 6 perolehan perkhidmatan pembersihan bermasa berjumlah RM1.42 juta yang diuruskan oleh Pusat Pembangunan Infra dan Perkhidmatan (PPIP) telah diuruskan secara sebut harga. Bagaimanapun, kontrak formal tidak disediakan seperti jadual berikut:

JADUAL 7.8 : KONTRAK TIDAK DISEDIAKAN UNTUK PEROLEHAN PERKHIDMATAN BERMASA

BIL.	PERKARA	TEMPOH PERKHIDMATAN	NILAI (RM)
1.	Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian Bangunan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Kampus Bachok	Julai 2012 -Jun 2014	269,400
2.	Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian bangunan di Blok Akademik dan Pembelajaran, Kampus Bachok	Julai 2012 -Jun 2014	232,840
3.	Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian di Bangunan Pentabdiran dan Akademik, Kampus Jeli	Julai 2012 -Jun 2014	338,787
4.	Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian di Bangunan Makmal Pembelajaran dan Pengajaran, Kampus Jeli	Julai 2012 -Jun 2014	182,016
5.	Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian di Bangunan Asrama Pelajar (Blok a & B), Kampus Jeli	Julai 2012 -Jun 2014	318,003
6.	Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian Bangunan di Jabatan Pembangunan Infra dan Perkhidmatan, Kampus Bachok	September 2012 - September 2014	76,152
JUMLAH			1,417,198

Sumber: Dokumen dan Pemberitahuan Penerimaan Sebut Harga

Pada pendapat Audit, kegagalan UMK mematuhi peraturan perolehan iaitu tidak menyediakan kontrak menyebabkan kepentingan UMK tidak dilindungi.

Maklum Balas Daripada UMK Diterima Pada 21 April 2015

UMK akan memastikan kontrak disediakan bagi perkhidmatan bermasa pada masa hadapan.

7.4.3.2 Polisi Insurans Tidak Disediakan

- a. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu mengambil suatu insurans tanggungan awam yang meliputi tempoh kontrak dan tempoh liabiliti kecacatan manakala insurans pampasan pekerja yang meliputi tempoh kontrak bagi semua pekerjanya.
- b. UMK telah membuat perolehan secara tender bagi Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan, Penyusunan Dan Penyenggaraan Perabot Secara Sewaan Di Premis Kediaman Pelajar Di Kampus Bachok Dan Kampus Jeli bernilai RM1.21 juta. Perolehan ini adalah bagi tempoh 3 tahun bermula dari 1 September 2012 sehingga 1 September 2015. Mengikut syarat perjanjian, pemberi sewa perlu mengambil suatu polisi insurans tanggungan awam merangkumi insurans terhadap bencana kepada orang dan kerosakan kepada harta daripada syarikat insurans yang dipersetujui oleh UMK. Semakan Audit mendapati polisi insurans tanggungan awam berkaitan tidak disediakan oleh pemberi sewa bagi tempoh tersebut.
- c. Selain itu, semakan Audit mendapati UMK telah meluluskan lanjutan masa terhadap 2 perolehan kerja bernilai RM11.86 juta. Bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati kontraktor tidak melanjutkan polisi insurans tanggungan awam dan pampasan pekerja selaras dengan lanjutan masa yang diluluskan oleh UMK seperti jadual berikut:

JADUAL 7.9 : POLISI INSURANS TIDAK DILANJUTKAN SELARAS DENGAN LANJUTAN MASA DILULUSKAN

BIL.	PEROLEHAN KERJA	TEMPOH		NILAI KONTRAK (RM Juta)
		KONTRAK ASAL	LANJUTAN MASA DILULUSKAN	
1.	Asrama Sementara Pelajar Menggunakan Kaedah IBS, Kampus Bachok dan Kampus Jeli, UMK	05.06.2012 - 01.10.2012	02.10.2012 - 22.01.2013 (113 hari)*	9.98
2.	Pembinaan Bangunan Tambahan Berkonsepkan 'TENIAT' - kemudahan pengajaran dan pembelajaran	21.08.2012 - 05.12.2012	06.12.2012 - 03.06.2013 (180 hari)*	1.88
JUMLAH				11.86

Sumber: Dokumen kontrak, Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa serta polisi insurans
Nota*: Tempoh Masa Yang Tiada Perlindungan Insurans

Pada pendapat Audit, polisi insurans tidak disediakan sebelum kontraktor memasuki tapak pembinaan/premis boleh menyebabkan UMK menanggung risiko sekiranya berlaku kemalangan.

Maklum Balas Daripada UMK Diterima Pada 21 April 2015

Selepas teguran Audit, kontraktor telah menyediakan polisi insurans pada 15 April 2015 bagi tempoh 1 September 2012 hingga 1 September 2015. UMK telah menuntut nilai insurans yang tidak dilindungi sejumlah RM5,077. UMK akan memastikan penyediaan polisi insurans bagi tender yang berkaitan pada masa akan datang.

UMK telah mengarahkan kontraktor untuk melanjutkan tempoh insurans dalam tempoh lanjutan masa, tetapi tidak dipatuhi oleh kontraktor terlibat. UMK akan memastikan polisi insurans dilanjutkan sekiranya projek terlibat dengan lanjutan masa dan akan sentiasa menangani kelemahan yang ada dari semasa ke semasa.

*Semakan terhadap polisi insurans untuk tanggungan awam mendapati polisi tersebut telah di **backdated** untuk melindungi tempoh 1 September 2012 hingga 1 September 2015. Sekiranya berlaku kemalangan, kecederaan anggota dan kerugian/kerosakan harta benda terhadap orang awam, kemungkinan UMK perlu menanggung risiko dan bayaran pampasan serta kos berkaitan.*

7.4.3.3 Prosedur Kelulusan Perubahan Kerja Tidak Dipatuhi

- a. Mengikut syarat kontrak, jika harga asal kontrak tidak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul tidak melebihi RM1 juta maka pihak berkuasa yang melulus arahan perubahan kerja adalah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Naib Canselor. Sekiranya jumlah perubahan kerja terkumpul melebihi RM1 juta maka pihak berkuasa melulus adalah Lembaga Perolehan UMK.
- b. UMK telah menandatangani kontrak Pembinaan Asrama Sementara Pelajar Menggunakan Kaedah IBS, Kampus Bachok dan Kampus Jeli dengan harga kontrak berjumlah RM9.98 juta pada 15 Julai 2013.
- c. Semakan Audit mendapati 2 Arahan Perubahan Kerja (APK) iaitu no. 3 dan 4 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja yang dipengerusikan oleh Naib Canselor dan 2 ahli iaitu Pendaftar dan Bendahari UMK. Jumlah terkumpul bagi kedua-dua APK tersebut telah melebihi RM1 juta sepatutnya diluluskan oleh Lembaga Perolehan B UMK seperti jadual berikut:

JADUAL 7.10 : KELULUSAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA MELEBIHI HAD NILAI

NO. APK	HURAIAN APK	NILAI APK (RM)	JUMLAH TERKUMPUL (RM)
1	Perubahan lokasi tapak projek	(68,823)	(68,823)
2	Kerja memindahkan 3 batang tiang bekalan elektrik dan kabel	4,600	(64,223)
3	Tambahan 2 blok teras	1,624,875	1,560,652
4	Menambun tanah tapak projek	119,440	1,680,092

Sumber: Dokumen dan Permohonan Untuk Mendapat Kelulusan Perubahan Kerja

Nota*: () Kurangan nilai

Pada pendapat Audit, kelulusan arahan perubahan kerja tidak diperoleh dari pihak berkuasa boleh menjejaskan akauntabiliti awam dan tidak mencerminkan ketelusan perolehan tersebut.

Maklum Balas Daripada UMK Diterima Pada 21 April 2015

Projek ini merupakan projek tahun 2012, pada masa ini berlaku sedikit kekeliruan mengenai kuasa melulus Arahan Perubahan Kerja. Bagaimanapun bagi projek yang dilaksanakan pada tahun 2013 dan seterusnya, UMK mematuhi perubahan kerja sepertimana yang ditetapkan oleh pekeliling yang berkaitan.

7.4.4 Pemantauan

7.4.4.1 Pemantauan adalah aspek pengurusan yang penting dan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan supaya segala kelemahan dan masalah dapat dikenal pasti dan dibuat pembetulan dengan segera. Pemantauan bagi pengurusan perolehan UMK dijalankan di peringkat Lembaga Pengarah Universiti, Jawatankuasa Tetap Kewangan, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun dan Pejabat Bendahari.

7.4.4.2 Semakan Audit mendapati Laporan Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Laporan Kemajuan Fizikal Projek UMK disediakan secara bulanan oleh Pejabat Bendahari serta dibentangkan ke Jawatankuasa Pengurusan Universiti bagi tahun 2013 dan 2014. Selain itu, Laporan Suku Tahun berkaitan prestasi perbelanjaan mengurus, pembangunan, perolehan aset/inventori dan perolehan universiti disediakan untuk dibentangkan ke Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun. Laporan Suku Tahun Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan juga dibentangkan ke Jawatankuasa Tetap Kewangan dan Lembaga Pengarah Universiti bagi tahun 2013 dan 2014.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang diwujudkan oleh UMK adalah memuaskan. Bagaimanapun, pelaksanaan pemantauan adalah kurang berkesan kerana terdapat ketidakpatuhan kepada peraturan perolehan dan kelemahan pentadbiran kontrak.

Maklum Balas Daripada UMK Diterima Pada 21 April 2015

UMK sentiasa memastikan pemantauan berterusan terhadap aspek pengurusan kewangan terutamanya berkaitan perolehan. Antara pemantauan yang dilaksanakan adalah proses perolehan dan aktiviti dibuat mengikut tempoh berkala, memberi kesedaran dari masa ke semasa tentang perlunya patuh kepada peraturan kewangan dan pemantauan berterusan oleh Unit Audit Dalam.

7.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan supaya UMK mengambil tindakan seperti berikut:

7.5.1 UMK perlu menyediakan garis panduan perolehan dan prosedur kawalan dalaman yang melibatkan perolehan kerja dan pentadbiran kontrak.

7.5.2 UMK hendaklah menguruskan perolehan selaras dengan garis panduan dan peraturan yang berkuat kuasa serta amalan tadbir urus terbaik bagi mengelakkan pecah kecil, pembelian terus melebihi had dan pesanan tempatan disediakan selepas bekalan/perkhidmatan diterima.

7.5.3 UMK hendaklah memastikan pengurusan kontrak diurus dengan teratur dan segala dokumen kontrak perlu disediakan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, semua syarat kontrak perlu dipatuhi terutamanya penyediaan bon pelaksanaan dan polisi insurans. Ini bagi memastikan kepentingan Kerajaan dan UMK dilindungi.

7.5.4 UMK hendaklah memastikan prosedur pelanjutan masa dan perubahan kerja dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Selain itu, tempoh pelanjutan masa hendaklah munasabah dan denda kelewatan dikenakan sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja mengikut tempoh siap kerja yang ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.

8 UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK Pengurusan Perolehan

8. PENGURUSAN PEROLEHAN

8.1 LATAR BELAKANG

8.1.1 Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) adalah sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan pada 24 Disember 1992 di bawah Seksyen 8 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak (Perbadanan) 1992]. Objektif penubuhan universiti ini adalah untuk menjana, menyebarkan dan menerapkan ilmu secara strategik dan inovatif bagi memperkasakan kualiti budaya bangsa dan kemakmuran masyarakat.

8.1.2 UNIMAS telah diperuntukkan sejumlah RM668.43 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 untuk membuat perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan melalui pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Perolehan yang diuruskan oleh UNIMAS dari tahun 2012 sehingga 2014 berjumlah RM162.15 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 8.1 : PEROLEHAN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

KAEDAH PEROLEHAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Pembelian Terus	23.90	26.41	29.14	79.45
Sebut Harga	2.59	6.82	21.23	30.64
Tender	13.34	6.43	19.47	39.24
Rundingan Terus	4.24	5.50	3.08	12.82
JUMLAH	44.07	45.16	72.92	162.15

Sumber : Pejabat Bendahari

8.1.3 Pejabat Bendahari bertanggungjawab dalam merancang perolehan dan keperluan kewangan bagi kaedah tender dan rundingan terus manakala Pusat Tanggungjawab (PTJ) di setiap fakulti/pusat/institut/pejabat/bahagian dan unit pula bertanggungjawab bagi merancang dan menguruskan perolehan secara kaedah pembelian terus dan sebut harga. Pengurusan Perolehan dibuat berdasarkan kepada pekeliling dan surat pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Kewangan UNIMAS selain menerima pakai Pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa.

8.2 OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan perolehan di UNIMAS telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

8.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek, perancangan, pelaksanaan, proses dan prosedur terhadap pengurusan perolehan yang diterima pakai oleh UNIMAS. Selain itu, penerimaan, penyimpanan, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan serta penyelenggaraan rekod turut diaudit. Semakan terhadap fail, rekod kewangan dan kontrak serta analisis dibuat terhadap data yang diperolehi di Pejabat Bendahari dan Pusat Tanggungjawab bagi tahun 2012 sehingga bulan September 2014. Sebanyak 6 fakulti telah dipilih iaitu Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan, Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat, Fakulti Sains Dan Teknologi Sumber, Fakulti Sains Dan Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Seni Guna Dan Kreatif. Di samping itu, pemeriksaan fizikal, temu bual dan perbincangan dengan pegawai bertanggungjawab turut dijalankan. *Exit Conference* telah diadakan pada 1 April 2015 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara pegawai yang hadir adalah Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pegawai kanan UNIMAS dan pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia.

8.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September sehingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan UNIMAS adalah memuaskan. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan UNIMAS adalah seperti berikut:

- i. Bangunan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan berjumlah RM180.28 juta masih belum beroperasi sepenuhnya walaupun telah mendapat *Occupation Permit* pada 14 April 2014 dan 20 Ogos 2014.
- ii. Item *preliminaries* bagi projek pembinaan jambatan dan jalan raya ke Kampung Sebayor tidak dibekalkan mengikut kontrak.
- iii. Peralatan dan barangan berjumlah RM1.61 juta lewat dibekalkan antara 7 hingga 153 hari.
- iv. Peralatan berjumlah RM11.09 juta yang diperolehi melalui pinjaman *Japan Bank for International Corporation (JBIC)* tidak digunakan, peralatan tidak disenggara, aset yang rosak/usang, buku log penggunaan tidak dikemas kini dan tatacara pelupusan tidak dipatuhi.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

8.4.1 Prestasi Pengurusan Perolehan

8.4.1.1 Tatacara Perolehan

UNIMAS mengguna pakai pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan mempunyai Tatacara Pengurusan Aset Alih sendiri. Tatacara Perolehan UNIMAS adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.2 : TATACARA PEROLEHAN

PEROLEHAN	HAD NILAI PEROLEHAN	KAEDAH PEROLEHAN	CATATAN
Bekalan Dan Perkhidmatan	Sehingga RM10,000	Pembelian Terus	Berkuat kuasa 19 Mei 2014. Hanya untuk 9 PTJ sahaja.
	Sehingga RM20,000	Pembelian Terus	Berkuat kuasa 23 April 2014
	Melebihi RM20,000 sehingga RM50,000	Sebut Harga (Jawatankuasa Sebut Harga B)	Berkuat kuasa 23 April 2014
	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Sebut Harga (Jawatankuasa Sebut Harga A)	
	Melebihi RM500,000 sehingga RM20 juta	Tender Terbuka/Terhad	
	Melebihi RM20 juta sehingga RM100 juta	Tender Terbuka/Terhad	
	Melebihi RM100 juta	Tender/Rundingan Terus	Kelulusan Kementerian Kewangan
Kerja	Sehingga RM20,000	Inden (Awam)	
	Sehingga RM50,000	Inden (Mekanikal dan Elektrikal)	
	Melebihi RM20,000 sehingga RM500,000	Sebut Harga (Awam)	
	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Sebut Harga (Mekanikal dan Elektrikal)	
	Melebihi RM500,000 sehingga RM20 juta	Tender Terbuka/Terhad	
	Melebihi RM20 juta sehingga RM100 juta	Tender Terbuka/Terhad	
	Melebihi RM100 juta	Tender/Rundingan Terus	Kelulusan Kementerian Kewangan

Sumber: SPP Bil. 1 Tahun 2014, Bil. 5 Tahun 2009, Bil. 5 Tahun 2007, IPP PK 2/2013 dan Pekeliling Bendahari Bil. 6 Tahun 2014

Pada pendapat Audit, UNIMAS mempunyai tatacara perolehan yang lengkap dan jelas sebagai rujukan oleh Pejabat Bendahari dan PTJ dalam urusan perolehan.

8.4.2 Kelemahan Pengurusan Projek/Bekalan

8.4.2.1 Pembinaan Bangunan Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan

- Pada 26 Oktober 2009 UNIMAS telah melantik kontraktor Zecon Berhad dengan kelulusan Kementerian Kewangan secara rundingan terus bagi membina Fakulti

Perubatan Dan Sains Kesihatan (FPSK) dengan kos berjumlah RM182 juta. Bangunan ini terdiri daripada 2 bahagian iaitu *right wing* serta *left wing* dan tarikh siap kerja ditetapkan pada 25 April 2012. UNIMAS telah meluluskan 5 permohonan perubahan kerja dan nilai kontrak telah diselaraskan kepada RM180.28 juta. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 8.3 : PERUBAHAN KERJA PEMBINAAN BANGUNAN FPSK

PERIHAL	PERUBAHAN KERJA			JUMLAH (RM)
	BIL.	KETERANGAN	AMAUN (RM)	
Harga Kontrak Sebenar				182,000,000
Perubahan Kerja	1	Power and water outlets for dispensers at ground and first floor	5,709	(1,717,279)
	2	Changes Anatomy Lab	135,301	
	3	Adjustment of provisional sum	(2,000,000)	
	4	Additional drywall partition to 82 no. of rooms	91,988	
	5	Additional sliding doors to tutorial rooms	49,723	
JUMLAH KONTRAK SELEPAS PERUBAHAN KERJA				180,282,721

Sumber: Bahagian Pejabat Pembangunan

- b. Semakan Audit mendapati 3 permohonan lanjutan masa (EOT) selama 677 hari telah diluluskan oleh UNIMAS. Tempoh kontrak sepatutnya siap adalah selama 912 hari dan tempoh EOT adalah 74.2% dari tempoh kontrak sepatutnya siap. Mengikut maklumat yang diterima, EOT lewat diluluskan memandangkan pihak kontraktor memohon selepas tempoh EOT. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 8.4 : LANJUTAN MASA BAGI PEMBINAAN FPSK

BIL. EOT	TEMPOH EOT	BIL. HARI	TARIKH KELULUSAN	JUSTIFIKASI EOT
1	25.04.12 – 13.02.13	291	01.03.12	- Gangguan kerja cerucuk - Kekurangan tenaga mahir bagi IBS <i>Installer</i> - Pemindahan Makmal Anatomi - Cuaca buruk
2	13.02.13 – 21.11.13	281	12.09.13	- Kekurangan tenaga manusia - Cuaca buruk - Penambahan ketinggian 82 buah bilik pensyarah - Penambahan 8 buah pintu laluan ke bilik tutorial
3.	21.11.13 – 06.03.14	105	16.02.15	- Cuaca buruk - Kelewatan pemasangan dan penghantaran bingkai aluminium serta kaca.
JUMLAH		677		

Sumber: Bahagian Pejabat Pembangunan

- c. Semakan lanjut mendapati *right wing* bangunan belum diduduki walaupun *Occupation Permit* telah dikeluarkan pada 20 Ogos 2014. Manakala *Occupation Permit* bagi *left wing* bangunan telah dikeluarkan pada 14 April 2014 dan pemindahan pejabat serta peralatan makmal telah dibuat pada 5 Mei hingga 26 Mei 2014. Tempoh tamat *Defects Liability Period* adalah pada 14 September

2016. Sehingga bulan Februari 2014, bayaran sejumlah RM166.16 juta telah dibayar dan baki sejumlah RM14.12 juta masih belum dibuat pembayaran sehingga tarikh pengauditan.

Pada pendapat Audit, bangunan yang masih belum diduduki dan tidak beroperasi sepenuhnya boleh menyebabkan tidak semua kecacatan dapat dikesan dan diambil tindakan pembaikan segera dalam tempoh *Defects Liability Period*.

Maklum Balas Daripada UNIMAS Diterima Pada 27 Mac 2015

Perpindahan Makmal Penyelidikan ke right wing bermula pada 5 Januari 2015 dan status pemindahan telah selesai.

8.4.2.2 Pembinaan Dan Penyiapan Jambatan Dan Jalan Raya Ke Kampung Sebayor, Kota Samarahan

- a. Pada 20 Julai 2013, UNIMAS telah melantik kontraktor Kumpulan Suuadaya Sdn. Berhad secara tender terbuka untuk melaksanakan kerja pembinaan dan penyiapan jambatan dan jalan raya ke Kampung Sebayor dengan nilai RM4.27 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 8.5 : PECAHAN KONTRAK PEMBINAAN DAN PENYIAPAN JAMBATAN DAN JALAN RAYA

PERIHAL KERJA	AMAUN (RM)
Pembinaan Jambatan	2,100,000
Cerucuk (Sementara)	893,000
Kerja Tanah dan Kerja Pembinaan Jalan	668,340
Permulaan dan Am (<i>Preliminaries And General</i>)	493,000
Saliran Kerja Raya	26,600
Penempatan Semula Perkhidmatan Sedia Ada	80,000
Pelbagai	10,960
JUMLAH	4,271,900

Sumber: Dokumen Kontrak

- b. Semakan Audit terhadap Surat Setuju Terima mendapati tarikh milik tapak bina adalah pada 14 Ogos 2013. Kontraktor telah memilih kaedah bon pelaksanaan secara wang jaminan pelaksanaan dan tarikh siap kerja sepatutnya pada 13 Februari 2015. Sehingga 30 September 2014, Bahagian Pembangunan UNIMAS mengesahkan status keseluruhan bagi projek pembinaan tersebut adalah setakat 34.5%. UNIMAS telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada 16 Februari 2015 kerana kontraktor gagal menyiapkan kerja seperti dijadualkan.

Kontraktor sepatutnya dikenakan denda kerana tidak menyiapkan projek ini mengikut jadual. Status projek pembinaan pada 30 September 2014 adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 8.1
Pembinaan Jalan Raya Dalam Proses Pelaksanaan



Lokasi: Jalan ke Kg. Sebayor
Tarikh: 26 September 2014

GAMBAR 8.2
Jambatan Dalam Proses Pembinaan



Lokasi: Jalan ke Kg. Sebayor
Tarikh: 26 September 2014

- c. Spesifikasi kontrak yang ditetapkan bagi kerja *Preliminaries* berjumlah RM493,000 terdiri daripada 6 item seperti jadual berikut:

JADUAL 8.6 : SPESIFIKASI KONTRAK BAGI PRELIMINARIES

SPESIFIKASI	AMAUN (RM)
Jaminan, insurans, cukai, levi CIDB	30,000
Kemudahan tapak untuk Pegawai Penguasa	186,500
Kemudahan tapak Kontraktor	125,000
Ukur dan menetapkan kerja	54,500
Keselamatan tapak dan kerja khas yang memberi kesan kepada kerja	44,000
Pelbagai	53,000
JUMLAH	493,000

Sumber: Dokumen Kontrak

- d. Mengikut amalan terbaik, kontraktor hendaklah membekalkan peralatan seperti dalam *preliminaries* sebelum kerja bermula.
- e. Lawatan Audit telah dibuat ke tapak projek pada 30 September 2014 untuk mengesahkan fasiliti yang telah dibekalkan bagi Pejabat Tapak untuk Pegawai Penguasa (SO) dan kontraktor adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti dalam kontrak. Semakan Audit mendapati peralatan tidak dibekalkan oleh kontraktor mengikut spesifikasi kontrak. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan

nilai peralatan yang tidak dibekalkan kerana amaun yang dinyatakan dalam kontrak adalah *lump sum* dan tidak diperincikan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.7 : PEMERIKSAAN FIZIKAL TERHADAP SPESIFIKASI KONTRAK
DI TAPAK PROJEK**

TEMPAT	PERALATAN YANG PERLU DIBEKALKAN MENGIKUT KONTRAK	HASIL PEMERIKSAAN FIZIKAL
Conference Room	10 chairs (1 executive chair; 9 chairs with cushion)	Tidak dibekalkan
	1 conference room table (1200mmx3600mm) with 16 chairs	14 sahaja dibekalkan
	1 wall mounted whiteboard c/w eraser (900mmx1200mm)	Tidak dibekalkan
	2 wall mounted pin board (900mmx1200mm)	Tidak dibekalkan
Engineer's Representative Room	1 desk with lockable drawers with one chair	Dibekalkan Desk without lockable drawers
	A4 printer	Tidak dibekalkan
	Curtains for all windows	Tidak dibekalkan. Pihak Audit dimaklumkan oleh Site Engineer langsir tidak diperlukan kerana bilik berpenghawa dingin.
	1 wall mounted pin-board (900x1200mm)	Dibekalkan 1 wall mounted whiteboard
General Office	2 ordinary desks with lockable drawers with chairs	Dibekalkan 1 unit Desk without lockable drawers
	1 drawing table and 1 stool	Tidak dibekalkan
	4 lockable steel filing cabinets	Tidak Dibekalkan
	1 telephone line	Dibekalkan broadband kerana telephone line tidak boleh dipasang. Tidak dapat disemak semasa pemeriksaan fizikal kerana berada dalam simpanan kontraktor.
Document Room cum Store	Steel angle iron rack	Tidak Dibekalkan
	1 fire extinguisher	Tidak Dibekalkan
Kitchen	Adequate air conditioners to maintain the temperature room between 20°C to 25°C	Tidak dibekalkan
	2 fire extinguisher	Tidak dibekalkan
	1 set of crockery, cutlery and glasses for serving hot or cold drinks and snacks to 8 person	Dibekalkan untuk 4 orang sahaja
	1 twin bowl kitchen sink	Dibekalkan single kitchen sink
	1 set kitchen cupboard (built in or otherwise)	Tidak dibekalkan
Engineer's Site Facilities & Services	2 survey umbrellas	Tidak dibekalkan
	Fax machine	Tidak dibekalkan
Tapak Projek	2 Weather Proof Signboard	1 unit dibekalkan

Sumber: Dokumen Kontrak

- f. Semakan Audit pada bulan September 2014 mendapati kerja telah dilaksanakan oleh kontraktor selama 13 bulan dan kontraktor telah dibayar sejumlah RM301,117 bagi kerja *preliminaries* walaupun peralatan tidak dibekalkan seperti

mana yang ditetapkan dalam spesifikasi kontrak. Butiran lanjut mengenai bayaran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.8 : STATUS PEMBAYARAN PROJEK

BIL.	NO. BAUCAR/TARIKH	PERIHAL BAYARAN	AMAUN (RM)
Bayaran interim 1	20290156/30.12.2013	<i>Preliminaries</i>	231,267
Bayaran Interim 2	20297941/21.04.2014	<i>Preliminaries</i>	69,850
JUMLAH			301,117

Sumber: *Baucar Bayaran*

Pada pendapat Audit, pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak UNIMAS akan menyebabkan kerugian apabila peralatan yang sepatutnya dibekalkan tidak dibekalkan oleh kontraktor sedangkan bayaran telah dibuat.

Maklum Balas Daripada UNIMAS Diterima Pada 27 Mac dan 17 April 2015

UNIMAS memaklumkan projek berkenaan masih dalam pembinaan dan Akaun Muktamad belum disediakan serta masih terdapat item yang belum dibayar sepenuhnya di bawah Preliminaries setakat Perakuan Bayaran Interim No. 5. Kontraktor telah mengemukakan permohonan EOT dan masih belum diluluskan kerana dokumen sokongan tidak lengkap. Selain itu, pelarasan sejumlah RM9,289 akan dibuat untuk item yang tidak dibekalkan oleh kontraktor dalam sijil bayaran selanjutnya.

8.4.2.3 Kelewatan Pembekalan Barangan/Peralatan

- a. Pada 2 Oktober 2014, pemeriksaan fizikal telah dijalankan bagi mengesahkan penerimaan barangan/peralatan dan didapati terdapat barangan/peralatan tidak dibekalkan mengikut tempoh kontrak/Surat Setuju Terima iaitu antara 7 hingga 153 hari. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 8.9 : PERALATAN LEWAT DIBEKALKAN

BIL.	PERIHAL	TARIKH SEPATUT TERIMA	TARIKH TERIMA	LEWAT (HARI)	AMAUN (RM)	CATATAN
TENDER						
1.	<i>2-kW Electromechanical Training System</i>	18.08.2014	11.12.2014	115	210,383	Pada 8 Julai 2014, syarikat telah memohon lanjutan tempoh penghantaran sehingga 18 Ogos 2014 kerana UNIMAS memohon penghantaran melalui laut.
2.	<i>Vector Control Drive Converter</i>	18.08.2014	11.12.2014	115	52,286	
3.	<i>0.2-kW Power Electronics Training System</i>	18.08.2014	11.12.2014	115	145,486	
4.	<i>0.2-kW Electric Power Transmission Training System</i>	18.08.2014	11.12.2014	115	253,894	
5.	<i>Fuels Cells Training System</i>	18.08.2014	11.12.2014	115	113,692	
6.	<i>Hydraulic Energis Training System</i>	18.08.2014	18.11.2014	92	127,899	

BIL.	PERIHAL	TARIKH SEPATUT TERIMA	TARIKH TERIMA	LEWAT (HARI)	AMAUN (RM)	CATATAN
7.	<i>Environmental Monitoring System</i>	18.08.2014	18.11.2014	92	97,106	
8.	<i>Diesel Engine Test Bed</i>	11.07.2014	11.12.2014	153	114,500	
SEBUT HARGA						
9.	Kerusi Perpustakaan	29.08.2013	05.09.2013	7	147,200	
10.	<i>Replacement of battery charger No. 1 & No. 2 at Main Intake Station</i>	21.04.2013	15.07.2013	85	131,750	
11.	<i>Replacement of Vacuum Contractor for Chiller at Mechanical & Electrical Plant</i>	29.01.2013	10.06.2013	132	215,000	
JUMLAH					1,609,196	

Sumber: Dokumen Tender dan Sebut Harga

- b. Semakan lanjut mendapati denda tidak dikenakan terhadap pembekal yang lewat menghantar bekalan bagi perolehan melalui tender. Manakala bagi perolehan melalui sebut harga, tiada klausa denda dinyatakan dalam Surat Setuju Terima.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan bekalan oleh UNIMAS masih kurang memuaskan kerana denda tidak dikenakan terhadap pembekal yang lewat menghantar bekalan. Selain itu, klausa denda tidak dimasukkan dalam Surat Setuju Terima terhadap pembekal yang lewat menghantar bekalan untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas Daripada UNIMAS Diterima Pada 27 Mac 2015

Fakulti Kejuruteraan telah menerima bekalan 7 peralatan berkenaan pada 18 November 2014 (RM225,005.00) dan 11 Disember 2014 (RM775,741.00) serta berfungsi dengan baik.

Fakulti Kejuruteraan telah menerima Diesel Engine Test Bed pada 11 Disember 2014. Latihan penggunaan peralatan telah diadakan pada 9 hingga 10 Disember 2014 dan 28 hingga 29 Januari 2015 untuk semua staf teknikal jabatan dan pensyarah yang akan menggunakan peralatan tersebut.

Pejabat Pembangunan memantau tempoh penghantaran kerusi perpustakaan dengan memberi surat peringatan tarikh akhir penghantaran pada 26 Ogos 2013 dan pembekal telah menghantar kerusi tersebut pada 5 September 2013.

Bagi replacement of battery charger, invois telah diterima pada 15 Julai 2013 dan tarikh siap sebenar adalah pada 5 Julai 2013 serta beroperasi sepenuhnya.

Klausa denda dimasukkan dalam dokumen perolehan bermula tahun 2015.

8.4.3 Kelemahan Pengurusan Aset/Peralatan

8.4.3.1 Peralatan Yang Diperoleh Melalui Pinjaman Bank

- a. Perjanjian pinjaman Japan Bank For International Cooperation (JBIC) ditandatangani antara Kerajaan Jepun dan Malaysia bertujuan menggalakkan kestabilan dan pembangunan ekonomi Malaysia. Sehubungan itu, UNIMAS telah menandatangani perjanjian dengan The Overseas Economic Fund, Japan pada 4 Mac 1999.
- b. Pemberi dana ini bersetuju untuk meminjamkan jumlah tidak melebihi ¥18.549 bilion (RM56.68 juta) sebagai prinsipal bagi pelaksanaan projek pembangunan UNIMAS. Objektifnya adalah untuk menyediakan pendidikan yang lebih tinggi dan pusat penyelidikan yang menyumbang kepada negara dan ekonomi serantau negeri Sarawak. Skop kerja projek meliputi pembinaan bangunan dan pembangunan infrastruktur yang berkaitan, perolehan peralatan dan perabot, *soft development programme* dan *consulting services*. Perolehan menggunakan sumber JBIC merangkumi pakej 1 hingga 10. Pembayaran bagi pinjaman ini telah dijelaskan sepenuhnya oleh UNIMAS pada tahun 2008.
- c. Pemeriksaan fizikal telah dijalankan pada 2 Oktober 2014 di Fakulti Sains Dan Teknologi Sumber dan Fakulti Kejuruteraan yang menempatkan aset yang diperoleh melalui dana JBIC. Semakan Audit mendapati aset yang rosak/usang, buku log penggunaan tidak dikemas kini, aset/peralatan tidak digunakan secara optimum, aset/peralatan tidak disenggara dan aset/peralatan tidak dilabelkan. Butiran lanjut seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 8.10 : ASET/PERALATAN YANG DIPEROLEH MELALUI DANA JBIC

ASET/PERALATAN	KUANTITI	TARIKH DITERIMA	AMAUN (RM)	CATATAN
Fakulti Sains dan Teknologi Sumber				
<i>Atomic Force Microscope</i>	1	17.05.2006	404,980	- Rosak/usang - Log penggunaan direkod setakat 28.09.2012
<i>Auto Analyzer</i>	1	12.07.2006	478,565	Rosak
<i>Autoclave Heavy Duty</i>	2	2006	546,064	- Dalam tindakan penyenggaraan - Log penggunaan hanya direkod setakat 30.05.2013
<i>Plant Growth Chamber</i>	1	11.12.2009	184,410	- Dihantar untuk penyenggaraan - Log penggunaan di rekod setakat 06.01.2010

ASET/PERALATAN	KUANTITI	TARIKH DITERIMA	AMAUN (RM)	CATATAN
Bomb Calorimeter	1	2006	152,980	• Rosak/usang
JUMLAH			1,766,999	
Fakulti Kejuruteraan				
Flexible Manufacturing System (Gambar 8.3)	1	24.11.2006	6,237,055	- Sistem integrasi tidak dapat dilaksanakan sejak tahun 2011 - Keseluruhan sistem tidak digunakan kerana bergantung kepada penawaran kursus/mata pelajaran.
Magnetic Particle Inspection Equipment	1	16.08.2006	326,688	Mula digunakan pada 21.05.2014. Tiada bukti menunjukkan aset digunakan sebelum tarikh tersebut
Soft X-ray Analyzer	1	21.08.2006	453,096	Penggunaan aset bergantung kepada tajuk projek yang dipilih oleh pelajar tahun akhir bagi tujuan penyelidikan
Material Testing Apparatus	1	27.06.2006	1,570,906	- Tiada bukti menunjukkan aset digunakan - Log penggunaan yang dikemas kini bertarikh 15.05.2013
Student Robot With Virtual Reality	1	24.11.2007	288,906	- Rosak pada tahun 2011 - Log penggunaan direkod sehingga 12.02.2011
Thermography Unit	1	26.04.2006	331,607	Log penggunaan menunjukkan tarikh akhir digunakan pada 20.02.2009 dan digunakan semula pada 20.05.2014
Surface Topography	1	11.05.2006	117,008	Penggunaan aset bergantung kepada tajuk projek yang dipilih oleh pelajar tahun akhir bagi tujuan penyelidikan
JUMLAH			9,325,266	
JUMLAH KESELURUHAN			11,092,265	

Sumber: Daftar Aset

GAMBAR 8.3
Flexible Manufacturing System Yang Tidak Digunakan Kerana Tidak Dapat Berintegrasi



Lokasi: Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 2 Oktober 2014

GAMBAR 8.4
Student Robot With Virtual Reality Telah Rosak Pada Tahun 2011



Lokasi: Fakulti Kejuruteraan
Tarikh: 2 Oktober 2014

GAMBAR 8.5**Bomb Calorimeter Yang Telah Rosak**

Lokasi: Fakulti Sains dan Teknologi Sumber
Tarikh: 2 Oktober 2014

GAMBAR 8.6**Atomic Force Microscope Yang Telah Rosak**

Lokasi: Fakulti Sains dan Teknologi Sumber
Tarikh: 2 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, pengurusan aset yang diperoleh melalui dana JBIC adalah kurang memuaskan kerana aset yang rosak/usang, buku log penggunaan tidak dikemas kini, aset/peralatan tidak digunakan secara optimum dan tidak disenggara. Tindakan pelupusan, pembaikan atau penyenggaraan peralatan tersebut tidak diambil.

Maklum Balas Daripada UNIMAS Diterima Pada 27 Mac 2015

UNIMAS memaklumkan status penggunaan aset/peralatan adalah seperti berikut:

BIL.	ASET/PERALATAN	CATATAN
1.	Atomic Force Microscope, Auto Analyzer, Bomb Calorimeter dan Autoclave Heavy Duty	Cadang dilupuskan
2.	Flexible Manufacturing System	Rosak dan tiada penyelenggaraan. Tiada pembekal yang boleh baik dan dicadang untuk lupus.
3.	Magnetic Particle Inspection Equipment	Mula digunakan pada tahun 2011.
4.	Soft X-Ray Analyzer	Tarikh akhir digunakan pada 15 Disember 2014.
5.	Material Testing Apparatus	Pemeriksaan pada 27 Mac 2015 mendapati peralatan tersebut rosak dan perolehan pembaikan akan dibuat dalam masa terdekat.
6.	Student Robot With Virtual Reality	Telah disenggara dan berfungsi dan digunakan oleh pelajar projek akhir dan terakhir digunakan pada 20 Mei 2014.
7.	Thermography Unit	Tagging peralatan tersebut diletakkan dalam beg peralatan kerana dikhuatiri tagging mudah tanggal jika diletak pada peralatan tersebut. Tambahan tag aset telah diletakkan pada aset berkenaan.
8.	Surface Topography	Masih digunakan dan tarikh akhir penggunaan pada 2 Mac 2015 tertakluk kepada pemilihan tajuk projek akhir pelajar.

Perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun pada 30 April 2015. Semua PTJ dikehendaki membuat permohonan pelupusan dan menyediakan dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya pada 31 Mei 2015.

8.4.3.2 Peralatan Terbiar Dan Tidak Digunakan

- a. Pengurusan aset merupakan antara aspek penting dalam pengurusan kewangan Kerajaan dan wajar diberi keutamaan oleh setiap agensi Kerajaan. Sehubungan itu, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap dan teratur bagi mengelakkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan.
- b. Lawatan Audit pada 2 Oktober 2014 mendapati sebanyak 10 peralatan yang dibekalkan pada 8 Oktober 2013 berjumlah RM21,800 tidak pernah digunakan. Butiran peralatan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 8.11 : PERALATAN YANG TIDAK PERNAH DIGUNAKAN

PERALATAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
<i>Stainless Steel Food Warmer</i>	6	2,600	15,600
<i>Stainless Steel Coffee Counter</i>	2	1,650	3,300
<i>Stainless Steel Lok-Lok Stall</i>	2	1,450	2,900
JUMLAH			21,800

Sumber: Baucer Bayaran

GAMBAR 8.7
Stainless Steel Food Warmer Tidak Digunakan



Lokasi: Kolej Rafflesia
Tarikh: 2 Oktober 2014

GAMBAR 8.8
Stainless Steel Coffee Counter Tidak Digunakan



Lokasi: Kolej Rafflesia
Tarikh: 2 Oktober 2014

GAMBAR 8.9
Keseluruhan Peralatan Yang Tidak Digunakan



Lokasi: Kolej Rafflesia
Tarikh: 2 Oktober 2014

GAMBAR 8.10
Stainless Steel Food Warmer Yang Sudah Berkarat



Lokasi: Kolej Rafflesia
Tarikh: 2 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, perancangan pembelian peralatan adalah kurang memuaskan serta tidak teratur menyebabkan peralatan yang dibeli tidak digunakan dan merupakan pembaziran wang awam.

Maklum Balas Daripada UNIMAS Diterima Pada 27 Mac dan 15 April 2015

Selepas teguran audit, peralatan telah digunakan dengan pelantikan syarikat Bumi Ideal bermula 3 November 2014 hingga 2 November 2016 untuk mengendalikan kafeteria Kolej Rafflesia. Peralatan sebelum ini telah dibekalkan bersama dengan perolehan penyediaan kafeteria dengan cadangan sama ada ianya diurus oleh beberapa syarikat atau one manage all. Peralatan yang telah digunakan seperti gambar berikut:

Peralatan Telah Di Edar Untuk Kegunaan Kafeteria



Lokasi: Kolej Rafflesia
Tarikh: 10 April 2015

Stainless Steel Coffee Counter Yang Digunakan



Lokasi: Kolej Rafflesia
Tarikh: 10 April 2015

8.4.3.3 Tatacara Pelupusan Yang Tidak Dipatuhi

- a. Tatacara Pengurusan Aset Alih UNIMAS menetapkan aset yang tidak ekonomi untuk dibaiki dan sukar mencari barang ganti perlu dilupuskan. Aset yang perlu dilupuskan juga hendaklah ditempatkan di kawasan yang sesuai dan selamat. Selain itu, tindakan pelupusan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh surat kelulusan.
- b. Pemeriksaan Audit pada 30 September 2014 dan 1 Oktober 2014 mendapati aset yang tidak digunakan dan tidak ekonomi dibaiki belum diambil tindakan pelupusan. Peralatan yang akan dilupuskan di Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti diletakkan di tempat yang tidak selamat dan terbiar di laluan pejalan kaki. Selain itu, aset *Water PRO/RO* yang telah dicadang lupus pada tahun 2010 masih belum dilupuskan. Peralatan yang hendak dilupuskan seperti gambar berikut:

GAMBAR 8.11
Peralatan Perubatan Untuk Dilupuskan
Ditempatkan Di Laluan Pejalan Kaki




Lokasi: Institut Kesihatan Dan Perubatan Komuniti
Tarikh: 30 September 2014

GAMBAR 8.12
Liquid Nitrogen Tank Untuk Dilupuskan
Ditempatkan Bersama Peralatan Yang
Sedang Digunakan



Lokasi: Institut Kesihatan Dan Perubatan Komuniti
Tarikh: 30 September 2014

GAMBAR 8.13
Water PRO/RO Yang Masih Belum Lupus Sejak Tahun 2010



Lokasi: Chemistry Teaching Lab 2, FSTS
Tarikh: 1 Oktober 2014



Lokasi: Chemistry Teaching Lab 2, FSTS
Tarikh: 1 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, peralatan untuk pelupusan ditempatkan di kawasan yang tidak sesuai. Kelewatan tindakan pelupusan telah menyebabkan ketidakselesaian pengguna dan mengambil ruang pejabat.

Maklum Balas Daripada UNIMAS Diterima Pada 27 Mac 2015

Perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun pada 30 April 2015. Semua PTJ dikehendaki membuat permohonan pelupusan dan menyediakan dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya pada 31 Mei 2015. Permohonan pelupusan peralatan oleh Institut Kesihatan Dan Perubatan Komuniti telah diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan pada 30 April 2015.

UNIMAS juga memaklumkan ruang yang terhad dan saiz peralatan yang besar menjadi kekangan dalam menempatkan item yang hendak dilupus namun ianya merupakan penempatan sementara serta diambil kira dari segi semua aspek keselamatan dan kesesuaian sebelum proses pelupusan dapat dijalankan. Pihak Keselamatan UNIMAS juga telah dimaklumkan untuk membuat rondaan yang lebih kerap di kawasan tersebut bagi memastikan pemantauan secara berterusan dapat dilakukan sehingga proses pelupusan selesai.

8.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan UNIMAS mengambil tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:

8.5.1 UNIMAS hendaklah memastikan perancangan perolehan diurus dengan teratur supaya semua perolehan sama ada kerja/ bekalan/ perkhidmatan digunakan secara optimum untuk mengelakkan pembaziran.

8.5.2 UNIMAS hendaklah memastikan kawalan dalaman wujud terhadap sistem pembayaran. Pembayaran kepada kontraktor/pembekal hendaklah berdasarkan kemajuan kerja yang dilaksanakan atau berdasarkan barang yang dibekalkan.

8.5.3 UNIMAS hendaklah mengenakan denda terhadap pembekal yang lewat menghantar bekalan serta memasukkan klausa denda kelewatan pembekalan peralatan dalam Surat Setuju Terima bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

8.5.4 UNIMAS hendaklah menjalankan penyenggaraan secara *corrective dan preventive* terhadap aset bagi memastikan peralatan sentiasa berfungsi dan dalam

keadaan baik bagi mengelak UNIMAS menanggung kos yang lebih tinggi jika berlaku kerosakan.

8.5.5 UNIMAS hendaklah mengambil tindakan segera untuk melupuskan aset yang tidak digunakan/dalam tindakan pelupusan. Selain itu, aset yang hendak dilupuskan perlu disimpan di tempat yang sepatutnya dan selamat.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.

9

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

*Pengurusan Perolehan***9.1 LATAR BELAKANG**

9.1.1 Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah ditubuhkan pada 14 Mac 1972 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dengan nama Institut Teknologi Kebangsaan yang kemudiannya ditukar kepada Universiti Teknologi Malaysia. UTM adalah universiti pertama di Malaysia yang berteraskan teknologi. Kampus utama UTM terletak di Skudai, Johor Bahru manakala kampus cawangannya terletak di Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Objektif penubuhan UTM adalah untuk menerajui ilmu sains, kejuruteraan dan teknologi yang menjurus ke arah pengkayaan negara, meningkatkan kualiti pendidikan bagi melahirkan sumber manusia yang kompeten dan kreatif, memberi tumpuan dan pengukuhan terhadap bidang teknologi pembuatan dan pengurusan teknologi sejajar dengan keperluan negara.

9.1.2 Selaras dengan objektif penubuhannya, UTM telah membuat perolehan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Setiap kaedah mempunyai 3 jenis perolehan iaitu kerja, perkhidmatan dan bekalan. Jumlah keseluruhan perolehan yang diuruskan oleh UTM dari tahun 2012 sehingga bulan Februari 2015 adalah berjumlah RM567.75 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 9.1 : PEROLEHAN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA BULAN FEBRUARI 2015

KAEDAH PEROLEHAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Pembelian Terus	27.87	29.97	42.15	6.35	106.34
Sebut Harga	30.88	48.28	57.97	1.67	138.80
Tender	11.02	198.33	28.24	19.36	256.95
Rundingan Terus	31.11	19.59	13.35	1.61	65.66
JUMLAH	100.88	296.17	141.71	28.99	567.75

Sumber: Data Perolehan Pejabat Bendahari dan Pejabat Harta Bina

9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan perolehan UTM telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

9.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan UTM bagi tahun 2012 hingga bulan Februari 2015. Semakan dibuat terhadap fail, rekod kewangan dan dokumen kontrak serta membuat analisis terhadap data yang diperolehi di Pejabat Bendahari dan Pusat Tanggungjawab (PTJ). Di samping itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai bertanggungjawab serta pemeriksaan fizikal terhadap aset di kampus utama UTM juga diadakan. *Exit Conference* telah diadakan pada 27 April 2015 di UTM yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Kanan Pengurusan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara pegawai yang hadir adalah Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pegawai kanan UTM dan wakil Kementerian Kewangan serta Jabatan Peguam Negara.

9.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November dan Disember 2014 serta April 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan UTM adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan UTM seperti berikut:

- i. Perolehan Tidak Mengikut Tatacara
 - Perolehan secara sebut harga dipecah kecil melibatkan 5 item berjumlah RM76,126.
 - Sebanyak 10 Pesanan Tempatan berjumlah RM578,950 bagi perkhidmatan perundingan harta intelek dikeluarkan selepas invoice diterima daripada syarikat.
 - Analisis harga terhadap perolehan 14 jenis toner bagi tahun 2012 dan 2013 mendapati perbezaan harga bagi toner yang sama jenis antara 7.7% sehingga 91%.
- ii. Kelemahan Pengurusan Projek/Bekalan
 - Projek *Design and Build for Construction of Administration Building for Faculty of Petroleum and Renewable Energy Engineering* bernilai RM5.11 juta belum disiapkan dan mengalami kelewatan selama 301 hari sehingga tarikh pengauditan dijalankan.
 - Sebanyak 2 perolehan perabot berjumlah RM88,005 belum sempurna dibekalkan manakala 7 perolehan perabot berjumlah RM262,258 lewat dibekalkan antara 6 sehingga 83 hari.

iii. Kelemahan Pengurusan Kontrak

- Projek pembinaan bangunan relau bernilai RM449,920 telah siap dibina pada 6 Julai 2011 dan akaun muktamad masih belum disediakan untuk menyelaraskan bayaran berdasarkan dokumen sokongan.

iv. Pelbagai peralatan dan perabot yang diterima antara tahun 2012 hingga bulan Februari 2014 bernilai RM93,909 belum digunakan.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

9.4.1 Prestasi Pengurusan Perolehan

9.4.1.1 Tatacara Pengurusan Perolehan

UTM menyediakan Pekeliling Bendahari dan Garis Panduan Perolehan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan bagi memastikan pengurusan perolehannya dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan. UTM turut mengguna pakai Pekeliling Kerajaan seperti Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan bagi mana-mana perkara yang tidak dinyatakan dalam Pekeliling Bendahari atau Garis Panduan Perolehan yang dikeluarkan oleh UTM. Kaedah dan pihak berkuasa melulus yang bertanggungjawab bagi perolehan UTM adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.2 : KAEDAH PEROLEHAN DAN PIHAK BERKUASA MELULUS

PEROLEHAN	HAD NILAI	KAEDAH PEROLEHAN	PIHAK BERKUASA MELULUS
Bekalan dan perkhidmatan	Sehingga RM50,000	Pembelian terus	Ketua Pusat Tanggungjawab
	RM50,000 sehingga RM 200,000	Sebut harga	Jawatankuasa Sebut Harga PTJ
	RM200,000 sehingga RM500,000	Sebut harga	Jawatankuasa Sebut Harga Universiti
	RM500,000 sehingga RM20 juta	Tender	Lembaga Perolehan Universiti B
	RM20 juta sehingga RM100 juta	Tender	Lembaga Perolehan Universiti A
	RM100 juta sehingga RM300 juta	Tender	Lembaga Pengarah Universiti
	Lebih RM300 juta	Tender	Kementerian Kewangan
Kerja	Sehingga RM20,000	Pembelian terus	Ketua Pusat Tanggungjawab
	RM20,000 sehingga RM500,000	Sebut harga	Jawatankuasa Sebut Harga Universiti
	RM500,000 sehingga RM20 juta	Tender	Lembaga Perolehan Universiti B
	RM20 juta sehingga RM100 juta	Tender	Lembaga Perolehan Universiti A
	RM100 juta sehingga RM300 juta	Tender	Lembaga Pengarah Universiti
	Lebih RM300 juta	Tender	Kementerian Kewangan

Sumber: Pekeliling Bendahari Bilangan 6 Tahun 2014 Dan Surat Cadangan Autonomi Bagi Bidang Kewangan Dan Penjaan Kekayaan Oleh Universiti Penyelidikan Bertarikh 23 November 2012

Pada pendapat Audit, tatacara pengurusan perolehan yang ditetapkan dan diguna pakai oleh UTM adalah teratur dan telah dikemas kini dari semasa ke semasa berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

9.4.1.2 Perolehan Tidak Mengikut Tatacara

a. Perolehan Yang Dipecah Kecil

- i. Pekeliling Bendahari Bilangan 1 Tahun 2009 mengenai Tatacara Perolehan Universiti menetapkan perolehan yang bernilai melebihi RM10,000 sehingga RM50,000 untuk setiap jenis item boleh dibuat dengan memanggil sebut harga bertulis daripada sekurang-kurangnya 3 pembekal bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan. Perolehan ini hendaklah diuruskan mengikut kaedah sebut harga.
- ii. Semakan Audit mendapati 5 item atau 9.6% daripada 52 sampel bekalan secara pembelian terus bagi tahun 2012 dan 2013 berjumlah RM76,126 yang melibatkan 3 PTJ tidak dibuat mengikut prosedur perolehan yang ditetapkan dan dipecah kecil kepada pembelian terus seperti jadual berikut:

JADUAL 9.3 : PECAH KECIL PEROLEHAN RM10,000 SEHINGGA RM50,000

TAHUN	PEROLEHAN	TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. PESANAN TEMPATAN	TARIKH BAUCAR	NILAI (RM)	PTJ	PEMBEKAL	NILAI (RM)
2012	1. Membekalkan toner pelbagai jenis	05.06.2012	PPTJ02000006 2012002127	06.07.2012	2,404	Pejabat Pendaftar	Multipack Industry Resources	24,036
		17.07.2012	PPTJ02000007 2012002922	TM	3,334			
		13.08.2012	PPTJ02000008 2012003416	12.09.2012	2,704			
			PPTJ02000008 2012003419	12.09.2012	1,689			
		06.09.2012	PPTJ02000009 2012003635	09.11.2012	1,900			
			PPTJ02000009 2012003637	09.11.2012	3,915			
		31.10.2012	PPTJ02000010 2012004613	07.12.2012	1,680			
		29.11.2012	PPTJ02000011 2012005239	18.12.2012	1,900			
			PPTJ02000011 2012005235	18.12.2012	4,510			
	2. Colour Ribbon IDX/XID 380/440 dan Retransfer Film IDX/XID 380/440	29.11.2012	PPTJ02000001 1201005225	26.12.2012	7,200		H Three A Print Sdn. Berhad	14,400
			PPTJ02000011 2012005228	26.12.2012	7,200			
2013	3. Basic pH Meter, Model : PB-10	22.03.2013	PPTJ45000003 2013001223	11.09.2013	8,340	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	Sartorius Stedim Malaysia Sdn. Berhad	12,090
		29.05.2013	PPTJ45000005 2013002438	11.09.2013	3,750			

TAHUN	PEROLEHAN	TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. PESANAN TEMPATAN	TARIKH BAUCAR	NILAI (RM)	PTJ	PEMBEKAL	NILAI (RM)
	4. <i>Pocket File Document Box with UTM Logo</i>	06.02.2013	PPTJ02000002 20130000342	01.03.2013	4,500	Pejabat Pendaftar	PPAsia Media Packaging Sdn. Berhad	13,500
			PPTJ02000002 20130000343	01.03.2013	9,000			
	5. Membekal bekalan besi	17.04.2013	PPTJ22000004 2013001643	20.06.2013	9,150	Fakulti Kejuruteraan Awam	FFI Engineering & Trading Sdn. Berhad	12,100
		06.06.2013	PPTJ22000006 2013002606	30.07.2013	2,950			
JUMLAH								76,126

Sumber: Data Perolehan Pembelian Terus dan Baucar Bayaran
Nota: TM - Tiada Maklumat

Pada pendapat Audit, pembelian terus yang tidak mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan boleh menyebabkan perolehan yang dibuat tidak mendapat *value for money*.

Maklum Balas Daripada UTM Diterima Pada 29 April 2015

Perolehan item yang sama dibuat disebabkan beberapa faktor seperti:

- i. Mengelakkan menerima toner tiruan yang sukar dikenal pasti apabila menerima bekalan yang banyak dan bercampur dalam satu-satu masa, mengelakkan pembaziran toner kerana luput tarikh dan tidak digunakan apabila mesin pencetak dilupuskan/rosak serta perolehan dibuat dengan mengambil kira pembekal adalah merupakan Authorised Reseller.*
- ii. Colour ribbon digunakan untuk mencetak kad matrik pendaftaran pelajar baru. Pendaftaran pelajar dibuat di 7 lokasi berbeza dan pembelian ribbon tambahan dibuat bagi menampung keperluan.*
- iii. Pembelian Basic pH Meter disebabkan jumlah yang telah dirancang lebih awal tidak dapat menampung kegunaan pelajar setelah 2 fakulti bergabung iaitu FBB dan FKBSK.*
- iv. Perolehan kotak meningkat disebabkan permohonan pelupusan daripada fakulti/jabatan. Pelupusan fail juga dibuat pertama kali secara besar-besaran.*
- v. Pembelian besi dibuat berdasarkan keperluan pelajar mengikut tajuk penyelidikan dan bergantung pada projek yang akan dijalankan.*

Bagi memastikan perkara ini tidak berulang, UTM telah mengambil tindakan seperti mengeluarkan surat teguran kepada pegawai terlibat, mengeluarkan surat penggunaan toner di PTJ, membuat perancangan awal yang lebih teliti dan mempraktikkan proses pembelian secara sebut harga sekiranya peralatan dari jenis yang sama.

b. Pesanan Tempatan Dikeluarkan Selepas Invois Diterima

Arahan Perbendaharaan 176.1(d) menyatakan Pesanan Tempatan hendaklah disediakan pada masa barang atau perkhidmatan dipesan. Semakan Audit mendapati 10 Pesanan Tempatan berjumlah RM578,950 bagi perkhidmatan perundingan harta intelek dikeluarkan selepas invois diterima daripada syarikat seperti jadual berikut:

JADUAL 9.4 : PESANAN TEMPATAN DIKELUARKAN SELEPAS INVOIS DITERIMA

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	NO. PESANAN TEMPATAN	TARIKH PESANAN TEMPATAN	BIL. INVOIS	TARIKH INVOIS	NILAI PEROLEHAN (RM)
1.	BJ072012030332	18.07.2012	PPTJ140000062012002134	05.06.2012	8	20.07.2011 - 14.03.2012	54,262
2.	BJ092012040695	13.09.2012	PPTJ140000082012003261	03.08.2012	9	24.11.2011 - 22.05.2012	85,680
3.	BJ022014004044	06.02.2014	PPTJ140000012014000072	20.01.2014	36	01.11.2013 - 02.01.2014	87,396
4.	BJ022014005413	12.02.2014	PPTJ140000062013002782	14.06.2013	7	16.12.2009 - 30.09.2011	52,590
5.	BJ022014006828	19.02.2014	PPTJ140000012014000067	20.01.2014	7	03.06.2013 - 30.08.2013	66,178
6.	BJ032014011455	16.03.2014	PPTJ140000022014000526	16.02.2014	10	30.07.2013 - 14.10.2013	14,000
7.	BJ032014011606	17.03.2014	PPTJ140000022014000524	16.02.2014	5	10.10.2012 - 20.10.2013	24,136
8.	BJ062014028394	10.06.2014	PPTJ140000052014002003	29.05.2014	5	06.05.2014	79,002
9.	BJ112014054881	04.11.2014	PPTJ140000072014002734	16.07.2014	5	01.04.2014 - 12.05.2014	54,794
10.	BJ112014059505	25.11.2014	PPTJ140000012014003573	15.10.2014	8	19.09.2014	60,912
JUMLAH					100		578,950

Sumber: Baucar Bayaran Pejabat Bendahari

Pada pendapat Audit, Pesanan Tempatan yang dikeluarkan selepas invois diterima boleh menyebabkan perbelanjaan tanpa tanggungan peruntukan. Tanggungan perbelanjaan yang direkod dengan kemas kini boleh mengelakkan perbelanjaan melebihi peruntukan serta memastikan peruntukan yang diluluskan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Maklum Balas Daripada UTM Diterima Pada 29 April 2015

UTM akan memastikan proses kerja perolehan melibatkan agen paten dipatuhi dengan Pesanan Tempatan dikeluarkan selepas sebut harga diterima. Surat teguran telah dikeluarkan pada 23 April 2015 dan UTM akan memastikan perkara ini tidak berlaku pada masa hadapan.

c. Perbezaan Harga Bagi Perolehan Toner

- i. Pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan serta menunjukkan akauntabiliti terhadap pengurusan wang yang diamanahkan. Peraturan Kewangan dan Perakaunan UTM menyatakan Ketua PTJ hendaklah merancang dan mengawal peruntukan, perbelanjaan dan penggunaan sumber Jabatan. Pekeliling Bendahari Bilangan 1 Tahun 2009 mengenai Tatacara Perolehan Universiti menetapkan kajian pasaran hendaklah dibuat bagi perolehan bernilai antara RM1,000 sehingga RM10,000 bagi memastikan harga yang ditawarkan adalah berpatutan. Perolehan yang bernilai melebihi RM10,000 sehingga RM50,000 untuk setiap jenis item boleh dibuat dengan memanggil sebut harga bagi mendapatkan perbandingan harga.
- ii. Semakan Audit mendapati UTM telah membelanjakan antara RM304,772 hingga RM539,803 bagi tahun 2012 sehingga 2014 bagi perolehan toner. Setiap PTJ diberi kebenaran untuk membeli toner mengikut keperluan masing-masing disebabkan keperluan toner pencetak yang berbeza.
- iii. Analisis Audit terhadap perolehan toner bagi tahun 2012 dan 2013 mendapati perbezaan harga yang ketara bagi jenis toner yang sama antara syarikat pembekal dalam tahun yang sama. Harga tertinggi dan terendah daripada pembekal bagi 14 jenis toner telah dibandingkan dan didapati perbezaan harga sehingga 91%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.5 : PERBANDINGAN HARGA TERTINGGI DAN TERENDAH BAGI PEROLEHAN TONER YANG SAMA JENIS BAGI TAHUN 2012 DAN 2013

BIL.	JENIS TONER	NAMA PEMBEKAL	TARIKH INVOIS	HARGA (RM)	PERATUS PERBEZAAN HARGA (%)
1.	HPCB541A	Apex Computer Store Sdn. Berhad	19.09.2013	359	91.0
		Gmedia Supplies	13.09.2013	188	
2.	HPCB542A	Apex Computer Store Sdn. Berhad	25.02.2013	359	76.8
		Arena Stabil Sdn. Berhad	19.09.2013	203	
3.	HPCB540A	Apex Computer Store Sdn. Berhad	19.09.2013	385	75.8
		Arena Stabil Sdn. Berhad	25.12.2013	219	
4.	HPCB435A	Apex Computer Store Sdn. Berhad	19.09.2013	289	65.1
		Multipack Industry Resources	06.09.2013	175	
5.	HP Canon Laser Printer 312	Vite Perfect Technology	28.03.2013	290	63.0
		Uzmatech Enterprise	24.06.2013	178	
6.	HPCE285A	Apex Computer Store Sdn. Berhad	19.09.2013	305	60.5
		Multipack Industry Resources	06.09.2013	190	

BIL.	JENIS TONER	NAMA PEMBEKAL	TARIKH INVOIS	HARGA (RM)	PERATUS PERBEZAAN HARGA (%)
7.	HPCB543A	Apex Computer Store Sdn. Berhad	19.09.2013	359	44.8
		Ezy Enterprise	05.12.2013	248	
8.	HPCE505A	Apex Computer Store Sdn. Berhad	19.09.2013	359	35.5
		Uzmatech Enterprise	17.03.2013	265	
9.	HPQ7551A	Apex Computer Sdn. Berhad	19.09.2013	555	32.1
		Astura Solution	19.02.2013	420	
10.	HPCC364A	Apex Computer Store Sdn. Berhad	19.09.2013	550	22.2
		Multipack Industry Resources	06.09.2013	450	
11.	HPQ2612A	Apex Computer Store Sdn. Berhad	19.09.2013	305	22.0
		Zirin Technology Enterprise	21.08.2013	250	
12.	HPCB436A	Apex Computer Store Sdn. Berhad	19.09.2013	299	19.6
		Zirin technology Enterprise	21.08.2013	250	
13.	HPQ7553A	Vite Perfect Technology	28.03.2013	320	14.3
		Zirin Technology Enterprise	21.08.2013	280	
14.	HPQ7553A	Ezy Enterprise	10.09.2012	295	7.7
		Active Multi Solution	04.10.2012	274	

Sumber: Baucar Bayaran Pembelian Terus

Pada pendapat Audit, perolehan tanpa kajian pasaran yang menyeluruh boleh menyebabkan UTM tidak mendapat harga yang berpatutan dan *value for money* bagi perolehan yang dibuat.

Maklum Balas Daripada UTM Diterima Pada 29 April 2015

Toner yang diguna sama oleh semua PTJ dan fakulti perlu diperolehi dari Stor Pusat, Pejabat Bendahari manakala lain-lain toner dibeli oleh PTJ dan fakulti mengikut keperluan masing-masing. Bagaimanapun, pembelian yang dibuat dengan syarikat Apex Computer Store Sdn. Berhad oleh Fakulti Sains diakui melebihi harga pasaran berbanding pembekal lain. Bermula tahun 2014, Fakulti Sains telah mengambil tindakan seperti memantau urusan pembelian toner, menyelaraskan supaya toner diperolehi daripada stor pusat dan menyewa mesin cetak guna sama. UTM mengambil serius perkara ini dan telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada Fakulti Sains pada 23 April 2015 dan UTM akan memastikan perkara ini tidak berlaku pada masa hadapan.

9.4.2 Kelemahan Pengurusan Projek/Bekalan

9.4.2.1 Projek FPREE Belum Disiapkan

- a. Mengikut perenggan 60 syarat-syarat kontrak, kontrak akan ditamatkan jika kontraktor gagal melaksanakan kerja mengikut kontrak dan masih gagal melaksanakan kerja selepas menerima notis 14 hari. Fasal 60.1(c) pula menyatakan sekiranya ditamatkan kontrak, kontraktor hendaklah menanggung sepenuhnya segala lebihan perbelanjaan yang terlibat.
- b. UTM telah melantik syarikat Berkat Prestasi Sdn. Berhad sebagai kontraktor bagi projek *Design and Build for Construction of Administration Building for Faculty of Petroleum and Renewable Energy Engineering (FPREE)* dengan nilai kontrak berjumlah RM5.11 juta. Projek pembinaan FPREE merangkumi komponen seperti kerja tanah, pembinaan bangunan, kerja penurapan jalan dan parkir. Perolehan dibuat secara tender terbuka reka dan bina dengan tempoh projek selama 65 minggu dan dijangka siap pada 13 Januari 2014. Berdasarkan Minit Mesyuarat Tapak Ke 19 (Khas 2), UTM telah membenarkan kontraktor untuk menyiapkan baki kerja sehingga 18 Jun 2014 dan ia tidak bermaksud kelulusan EOT. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.6 : BUTIRAN PROJEK PEMBINAAN FPREE


PERKARA	BUTIRAN
Kontraktor	Berkat Prestasi Sdn. Berhad
Kaedah Lantikan Kontraktor	Tender terbuka reka dan bina
Skop Kerja	1. Kerja awalan 2. Pembersihan tapak dan kerja tanah termasuk pembersihan tapak bina dari sebarang tumbuhan dan pembaikan cerun 3. Cerucuk konkrit 4. Kerja pembinaan sebuah blok bangunan baru 2 tingkat dengan keluasan lantai kasar 2060 m 5. Kerja elektrik 6. Kerja mekanikal termasuk <i>air-conditioning and ventilation system</i> jenis VRV dan <i>fire fighting system</i> iaitu <i>hose reel system</i> <i>heat detector</i> dan <i>trigger device</i> 7 <i>portable fire extinguisher</i> 7. Kerja luar bangunan termasuk laluan servis, laluan utama dan pejalan kaki serta <i>landscaping</i> 8. Kerja binaan perabot termasuk <i>concrete bench</i> , kabinet dan sinki untuk <i>pantry</i> dan kaunter serta <i>backdrop</i> untuk lobi
Nilai Kontrak	RM 5,111,256
Tempoh Kontrak	65 minggu
Tarikh Mula	16 Oktober 2012
Tarikh Sepatutnya Siap	13 Januari 2014
Tarikh Ditamatkan Kontrak	30 Oktober 2014

PERKARA	BUTIRAN
Kemajuan Kerja Sebenar Pada Tarikh Ditamatkan Kontrak	43.6%
Jumlah LAD	RM 268,951 (sehingga 30 Oktober 2014: 291 hari)
Tempoh Kelewatan Projek (sehingga tarikh pengauditan)	301 hari mulai 18.06.2014 sehingga 14.04.2015

Sumber: Dokumen Kontrak dan Surat Penamatan Kontrak

- c. Semakan Audit mendapati kontraktor telah ditamatkan kontrak pada 30 Oktober 2014 kerana gagal menyiapkan projek mengikut tempoh yang telah ditetapkan dengan prestasi kemajuan projek sebanyak 43.6%. Denda kelewatan (LAD) yang telah dikenakan kepada kontraktor adalah sejumlah RM268,951 iaitu selama 291 hari dari tarikh sepatutnya siap. Semakan lanjut sehingga tarikh pengauditan pada 14 April 2015 mendapati projek belum disiapkan dan tiada aktiviti di tapak pembinaan kerana kontraktor baru masih dalam proses pelantikan. Pembayaran sejumlah RM1.27 juta atau 24.8% telah dibuat kepada kontraktor asal melalui 4 bayaran interim setakat 27 Mac 2014. Keadaan fizikal projek adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 9.1
Projek Belum Disiapkan Mengikut Kontrak



Lokasi: FPREE
Tarikh: 15 April 2015

Pada pendapat Audit, bangunan lewat siap menyebabkan bangunan tersebut belum dapat digunakan untuk tujuan pengurusan fakulti. Bagaimanapun, UTM telah mengambil tindakan yang sesuai untuk mempercepatkan proses pembinaan.

Maklum Balas Daripada UTM Diterima Pada 29 April 2015

Proses penamatan kontraktor dan pelantikan kontraktor baru mengambil masa yang agak lama disebabkan UTM memberi peluang kepada kontraktor untuk memperbaiki prestasi kerja. Ini adalah berdasarkan kepada recovery plan daripada pihak kontraktor dan dipersetujui oleh UTM setelah mendapat pandangan profesional daripada pihak perunding. Laporan projek sakit telah dimajukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia pada 18 Jun 2014 dan maklum balas hanya diterima pada 14 Oktober 2014. Kontrak telah dilaksanakan secara Design and Build dan apabila ditamatkan, UTM menghadapi masalah dalam mengenal pasti kaedah perolehan bagi menyiapkan baki kerja. UTM telah secara proaktif berusaha untuk mendapatkan pandangan daripada pihak yang berkaitan seperti JKR, MOF dan EPU bagi memastikan projek ini dapat disiapkan. UTM juga telah mengambil inisiatif menyediakan dokumen tender secara in house yang secara tidak langsung telah menjimatkan RM203,860.03. Bagaimanapun, pembinaan bangunan dijangka dapat disiapkan pada bulan April 2016.

9.4.2.2 Kelewatan Pembekalan Perabot

- a. Pembekalan perabot dibuat menggunakan kontrak panel berdasarkan Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 2013 yang memaklumkan mengenai kaedah perolehan untuk Kontrak Pusat Sistem Panel (Kontrak Panel) bagi Mereka Bentuk, Membekal dan Menyerahkan Perabot Berasaskan Kayu Kepada Semua Agensi Kerajaan di Seluruh Semenanjung Malaysia. Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 pula memberi pelanjutan tempoh kontrak selama setahun sehingga 31 Disember 2014 kepada syarikat yang berdaftar di bawah Kontrak Pusat Sistem Panel. Perolehan perabot boleh dibuat menggunakan kaedah secara pembelian terus dan sebut harga manakala perabot perlu dibekalkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam Pesanan Tempatan yang dikeluarkan oleh UTM.
- b. Semakan Audit terhadap 9 sampel perolehan perabot mendapati 2 perolehan berjumlah RM80,005 belum sempurna dibekalkan iaitu 40% dan 90% serta telah melebihi tempoh lanjutan kontrak panel sehingga bulan Disember 2014. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.7 : PEMBEKALAN PERABOT BELUM SEMPURNA DIBEKALKAN

BIL.	PERKARA	PEMBEKAL	TARIKH SEPATUTNYA DIBEKALKAN	TARIKH SEBENAR DIBEKALKAN	PRESTASI PEMBEKALAN	NILAI (RM)
1.	Membekal, memasang dan menyusunatur perabot di UTMLEAD, FPREE, PSZ, FKK, FKM dan Fakulti Komputeran	Heritage Aura (M) Sdn. Berhad	28.12.2014	14.04.2015	40%	38,230
2.	Membekal, memasang dan menyusunatur perabot di C04 FHGT UTM CTC, PSZ, D04 FKA, F54 CTL FKK Bilik Kaunseling FB	Hasro Furniture Gallery (M) Sdn. Berhad	17.11.2014	16.01.2015 (P1) 27.01.2015 (P2) 04.04.2015 (P3)	90%	49,775
JUMLAH						88,005

Sumber: Data Pejabat Harta Bina dan Baucar Bayaran

- c. Selain itu, 7 perolehan telah sempurna dibekalkan tetapi melebihi tempoh sepatutnya dibekalkan iaitu lewat antara 6 sehingga 83 hari. Tiada sebarang denda kelewatan dikenakan terhadap kontraktor kerana klausa denda tidak dinyatakan dalam mana-mana dokumen perolehan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.8 : PERABOT LEWAT DIBEKALKAN

BIL.	PERKARA	PEMBEKAL	TARIKH SEPATUTNYA DIBEKALKAN	TARIKH SEBENAR DIBEKALKAN	BIL. HARI LEWAT	NILAI (RM)
1.	Membekal, memasang dan menyusunatur perabot di Fakulti Pendidikan UTM Johor Bahru, Johor	Psb Decoration Sdn. Berhad	28.12.2014	06.01.2015 (P1)	6	35,540
2.	Membekal, memasang dan menyusunatur perabot di Fakulti Sains, F54 SPS dan Akademik Bahasa	Teras Puncak Sdn. Berhad	20.11.2014	02.12.2014 (P1) 16.12.2014 (P2) 06.01.2015 (P3)	12	40,594
					26	
					47	
3.	Membekal, memasang dan menyusunatur perabot di bilik-bilik pensyarah N05, N01, PSZ dan stor perabot	Kumpulan Sebatu Sdn. Berhad	17.11.2014	17.11.2014 (P1) 26.11.2014 (P2)	-	47,700
					9	
4.	Membekal, memasang dan menyusunatur perabot di Blok T03 UTM IRDA dan blok N16 dan N29 FKK UTM Johor Bahru (panggil semula)	Teras Puncak Sdn. Berhad	17.11.2014	01.01.2015 (P1)	44	26,880
5.	Membekal, memasang dan menyusunatur perabot di Blok L51 Pusat Pembangunan Kerjaya (CDU) UTM Johor Bahru, Johor (panggil semula)	Heritage Aura (M) Sdn. Berhad	18.11.2014	15.12.2014 (P1) 19.01.2015 (P2) 21.01.2015 (P3)	26	49,392
					61	
					62	
6.	Membekal, memasang dan menyusunatur perabot di bilik-bilik pegawai dan pelajar <i>post graduate</i> di Institute of Hygrogen Economy Blok N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia UTM Johor Bahru, Johor (panggil semula)	Hasro Furniture Gallery (M) Sdn. Berhad	17.11.2014	31.12.2014 (P1)	43	21,127

BIL.	PERKARA	PEMBEKAL	TARIKH SEPATUTNYA DIBEKALKAN	TARIKH SEBENAR DIBEKALKAN	BIL. HARI LEWAT	NILAI (RM)
7.	Membekal, memasang dan menyusunatur perabot berasaskan kayu di bilik-bilik pensyarah dan bilik <i>post graduate</i> di Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTM Johor Bahru, Johor	Smart Victory Sdn. Berhad	20.11.2014	10.02.2015 (P1) 12.02.2015 (P2)	81 83	41,025
JUMLAH						262,258

Sumber: Data Pejabat Harta Bina dan Baucar Bayaran

Pada pendapat Audit, kelewatan pembekalan menyebabkan peralatan tersebut tidak dapat digunakan untuk pengajaran, pembelajaran dan perkhidmatan. Denda kelewatan patut disyaratkan bagi menjaga kepentingan UTM.

Maklum Balas Daripada UTM Diterima Pada 29 April 2015

Notis peringatan telah dikeluarkan tetapi tindakan undang-undang tidak dapat diambil kerana tidak dinyatakan di dalam syarat sebut harga. Bagaimanapun, UTM telah mengemukakan surat aduan kepada Kementerian Kewangan berkenaan kelemahan prestasi kontraktor tersebut. UTM juga telah membuat penambahbaikan kepada dokumen sebut harga dengan mengambil kira tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap kontraktor yang bermasalah.

9.4.3 Kelemahan Pengurusan Kontrak

9.4.3.1 Kelewatan Penutupan Akaun Projek

- Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2012, Penyata Akaun Muktamad dan Perakuan Muktamad hendaklah disediakan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 9 bulan dari tarikh Perakuan Siap Kerja bagi kontrak konvensional dan 12 bulan bagi kontrak reka dan bina. Penyata Akaun Muktamad yang telah disediakan hendaklah dimuktamadkan setelah tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan, yang mana terkemudian.
- UTM telah melantik Prasarana Utama Sdn. Berhad untuk pembinaan bangunan relau (*furnace*) untuk Pusat Teknologi Keluli, Fakulti Kejuruteraan Awam dengan kos sejumlah RM449,920. Kerja pembinaan telah bermula pada 18 Mac 2009 dan sepatutnya siap pada 13 Oktober 2009. Bagaimanapun, terdapat kelewatan selama 631 hari dan pihak Audit dimaklumkan kerja hanya siap pada 6 Julai 2011. Tiada maklumat berkaitan permohonan pelanjutan masa, perubahan kerja dan LAD dikemukakan kepada pihak Audit untuk semakan lanjut kerana pihak

Audit dimaklumkan tiada sebarang permohonan pelanjutan masa dan perubahan kerja dikemukakan oleh kontraktor kepada UTM.

- c. Semakan Audit pada 2 Disember 2014 mendapati sejumlah RM353,904 atau 78.7% telah dibayar kepada kontraktor. UTM telah menghantar notis peringatan sebanyak 2 kali kepada kontraktor supaya menuntut bayaran masing-masing pada 11 Ogos 2011 dan 25 Mac 2014. Bagaimanapun, tiada sebarang maklum balas diterima daripada kontraktor. Semakan lanjut mendapati UTM juga tidak memuktamadkan tindakan yang perlu diambil kepada kontraktor bagi memastikan penutupan akaun projek dapat dibuat. Kronologi bayaran setakat tarikh pengauditan pada 2 Disember 2014 adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 9.9 : KRONOLOGI BAYARAN BAGI BANGUNAN RELAU

NO. BAYARAN	TARIKH DIBAYAR	NILAI DIBAYAR (RM)
1	31.07.2009	57,690
2	08.19.2009	41,400
3	10.08.2009	34,290
4	25.01.2010	56,520
5	29.03.2010	164,004
JUMLAH		353,904

Sumber: Rekod Pejabat Harta Bina

- d. Antara faktor yang menyebabkan bayaran belum dijelaskan setakat tarikh pengauditan pada 2 Disember 2014 adalah kerana pihak kontraktor masih belum mengemukakan semula dokumen sokongan yang lengkap bagi tujuan pelarasan LAD, bayaran dan penutupan akaun projek. Keadaan fizikal bangunan relau adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 9.2
Bangunan Relau - Penutupan Akaun Projek Masih Belum Dibuat
Walaupun Projek Siap Dibina Pada 6 Julai 2011



Lokasi: Pusat Teknologi Keluli, Fakulti Kejuruteraan Awam
Tarikh: 27 April 2015

Pada pendapat Audit, penyediaan perakuan muktamad adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi tempoh penutupan yang ditetapkan.

Maklum Balas Daripada UTM Diterima Pada 29 April 2015

Kontraktor telah bertukar alamat dan hanya dapat dihubungi baru-baru ini untuk membincangkan mengenai tuntutan yang akan dibuat sebelum akaun dimuktamadkan. Kelewatan projek disiapkan adalah berpunca daripada kegagalan kontraktor mendapat kelulusan pihak TNB dan bomba bagi membolehkan bangunan tersebut digunakan. UTM telah selesai menyediakan akaun dan bayaran muktamad berjumlah RM91,146.50 selepas teguran Audit. Surat teguran kepada pegawai bertanggungjawab telah dikeluarkan untuk memastikan proses pengurusan projek dari mula hingga akhir dapat dilaksanakan mengikut prosedur ditetapkan.

9.4.4 Pengurusan Aset/Peralatan

9.4.4.1 Aset Dibeli Belum Digunakan

- a. Lawatan Audit pada 14 April 2015 mendapati pelbagai peralatan perabot berjumlah RM53,970 yang dibeli untuk kegunaan di *Faculty of Petroleum and Renewable Energy Engineering (FPREE)* belum digunakan antara 310 sehingga 441 hari dari tarikh ia diterima kerana bangunan fakulti tersebut belum disiapkan sehingga tarikh pengauditan dijalankan. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 9.10 : PEROLEHAN PERABOT BELUM DIGUNAKAN

PEROLEHAN	PEMBEKAL	BILANGAN TIDAK DIGUNAKAN (Unit)	TARIKH PENERIMAAN (DO)	TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN (Hari)	NILAI (RM)
Meja seperti Gambar 9.3	Mutiara Furniture	9	25.02.2014	310	2,280
Papan Putih Dinding 4x3 seperti Gambar 9.4	JBTECH Enterprise	34	29.01.2014	414	4,140
Rostrum seperti Gambar 9.5		1	29.01.2014	441	1,200
Kerusi seperti Gambar 9.6	DPM Sdn. Berhad	229	24.02.2014	415	46,350
JUMLAH					53,970

Sumber: Baucar Bayaran

GAMBAR 9.3
Meja Bernilai RM2,280 Belum Digunakan
Sejak Bulan Februari 2014



Lokasi: Stor Perabot, UTM
Tarikh: 14 April 2015

GAMBAR 9.4
Papan Putih Dinding 4x3 Bernilai RM4,140
Belum Digunakan Sejak Bulan Januari 2014



Lokasi: Stor Perabot, UTM
Tarikh: 14 April 2015

GAMBAR 9.5
Rostrum Bernilai RM1,200 Belum
Digunakan Sejak Bulan Januari 2014



Lokasi: Stor Perabot, UTM
Tarikh: 14 April 2015

GAMBAR 9.6
Kerusi Bernilai RM46,350 Belum Digunakan
Sejak Bulan Februari 2014



Lokasi: Stor Perabot, UTM
Tarikh: 14 April 2015

Maklum Balas Daripada UTM Diterima Pada 29 April 2015

Pembelian perabot untuk FPREE berdasarkan kepada tarikh siap pembinaan bangunan tersebut. Bagaimanapun, kelewatan penyiapan bangunan adalah di luar jangkaan. Perabot yang telah dibeli terpaksa disimpan di stor bagi memastikan bekalan dapat dibuat apabila bangunan siap. Pejabat Harta Bina telah memastikan semua perabot berada dalam keadaan baik dan selamat. Perolehan perabot ini telah diagihkan kepada PTJ lain mengikut keperluan semasa sepanjang tahun 2014. Hanya 1 unit Rostrum yang belum diagihkan kerana tiada permohonan dari PTJ.

- b. Lawatan Audit pada 26 dan 27 November 2014 di UTM Skudai mendapati 2 aset belum digunakan sejak diterima daripada pembekal pada bulan November 2012 dan bulan Ogos 2013 masing-masing. Peralatan yang tidak digunakan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.11 : PERALATAN YANG BELUM DIGUNAKAN SEJAK DIBELI

JENIS HARTA MODAL	LOKASI	TARIKH ASET DITERIMA	NILAI (RM)
<i>Advance Control Education kit</i>	Blok P06-Lab Proton, UTM JB	28.11.2012	19,989
<i>Statgraphic Centurion XVLII & Watpro Software</i>	Makmal IPASA, UTM JB	20.08.2013	19,950
JUMLAH			39,939

Sumber: Pesanan Tempatan dan Baucar Bayaran UTM

- c. *Advance Control Education Kit* yang bernilai RM19,989 belum digunakan sejak diterima daripada pembekal pada 28 November 2012 disebabkan pensyarah yang terlibat dengan peralatan tersebut telah menarik diri dari pengajian Falsafah Kedoktoran (PhD). Bagi peralatan *Statgraphic Centurion XVLII and Watpro Software* pula, pihak UTM telah memaklumkan akan mula menggunakannya mulai bulan Januari 2015. Peralatan adalah seperti gambar berikut:



GAMBAR 9.7
Advance Control Education Kit
Bernilai RM19,989 Belum Digunakan
Sejak Bulan November 2012

Lokasi: Makmal Proton,
 Fakulti Kejuruteraan Elektrikal
 Tarikh: 26 November 2014

Pada pendapat Audit, peralatan yang dihantar semasa kerja pembinaan masih belum siap dan tidak digunakan boleh menyebabkan ia rosak, hilang dan tamat tempoh jaminan. Peralatan yang tidak digunakan boleh diedarkan kepada fakulti yang memerlukan.

Maklum Balas Daripada UTM Diterima Pada 29 April 2015

Peralatan tersebut telah digunakan untuk tujuan testing and familiarity oleh pelajar yang sama kerana beliau telah menyambung semula pengajian peringkat PhD yang bermula pada semester 1 sesi 2015/2016 di mana Stratgraphic Centurion XVLi dan Watpro software telah digunakan pada Januari 2015.

9.4.5 Pemantauan

9.4.5.1 Pemantauan adalah aspek pengurusan penting dan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan supaya segala kelemahan dan masalah dapat dikenal pasti dan dibuat pembetulan dengan segera. Pemantauan bagi pengurusan perolehan UTM dijalankan di peringkat Lembaga Pengarah Universiti, Jawatankuasa Tetap Kewangan, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun, Jawatankuasa di peringkat zon dan Pejabat Bendahari.

9.4.5.2 Semakan Audit mendapati UTM telah menjalankan inisiatif pemantauan melalui program pemeriksaan mengejut yang dilaksanakan 2 kali setahun, taklimat perolehan yang diberikan kepada setiap PTJ, proses verifikasi harta yang dibuat sebelum pembayaran dilaksanakan dan pembentangan laporan oleh jawatankuasa yang ditubuhkan.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan pengurusan perolehan telah diwujudkan untuk memantau setiap perolehan. Bagaimanapun, pemantauan terhadap pengurusan perolehan perlu dipertingkatkan kerana masih terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan seperti pecah kecil perolehan, peralatan tidak digunakan dan pengurusan perolehan yang kurang memuaskan.

Maklum Balas Daripada UTM Diterima Pada 29 April 2015

Surat Perolehan Secara Pembelian Terus telah dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari bertarikh 23 April 2015 untuk memantau proses pembelian terus supaya tidak dipecah kecil. UTM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi memantau perancangan, pelaksanaan dan pelaporan status projek pembinaan kerja penyenggaraan dan ubah suai. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat dalam tempoh 4 bulan secara berkala.

9.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan supaya UTM mengambil tindakan seperti berikut :

9.5.1 UTM hendaklah memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan dan mengelakkan pecah kecil perolehan untuk mendapatkan perkhidmatan yang terbaik dan *value for money*.

9.5.2 UTM hendaklah memastikan setiap perolehan dibekalkan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya bekalan/peralatan dapat digunakan secara optimum oleh pengguna dan tiada gangguan pengajaran, pembelajaran dan perkhidmatan.

9.5.3 UTM hendaklah memastikan pemantauan projek perlu dipertingkatkan lagi agar projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan *outcome* projek dicapai.

9.5.4 UTM hendaklah memastikan penggunaan aset secara optimum dan mengagihkan lebih peralatan kepada fakulti yang memerlukan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.

10.1 LATAR BELAKANG

10.1.1 Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang nama asalnya Institut Teknologi MARA (ITM) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta ITM 1976 (Akta 173) dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada tahun 1999 melalui Akta A1073 ITM (Pindaan) 2000, ITM telah dinaikkan taraf kepada universiti dan diberi nama UiTM dengan objektif sebagai sebuah universiti mega berlandaskan misi dan objektif akademik serta Wawasan 2020. UiTM mempunyai sebuah Kampus Induk di Shah Alam, 12 buah kampus cawangan di negeri, 11 buah kampus kota di negeri, 5 buah kampus satelit di Shah Alam dan 21 buah kolej bersekutu di seluruh Malaysia. Objektif penubuhan UiTM adalah untuk menyediakan peluang kepada kaum Bumiputera bagi mengikuti pendidikan bertaraf profesional dalam bidang sains, industri, teknologi, perdagangan, seni dan kemasyarakatan selain menyediakan program pengajaran yang berkualiti dan inovatif serta memenuhi kehendak pasaran dan pelanggan di samping mendukung dasar pembangunan negara.

10.1.2 Seksyen 22(1) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) memperuntukkan pengurusan perolehan sebagai salah satu komponen pengurusan kewangan universiti. Sehubungan itu, Perolehan UiTM diuruskan melalui 4 kaedah perolehan iaitu secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus yang merangkumi perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan. Jumlah keseluruhan pengurusan perolehan yang diuruskan oleh UiTM dari tahun 2012 hingga 2014 adalah berjumlah RM1.20 bilion. Prestasi perbelanjaan perolehan dari tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.1 : PRESTASI PERBELANJAAN PEROLEHAN UiTM BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2014

BUTIRAN PEROLEHAN	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	
Pembelian Terus	150.40	167.32	152.14	469.86
Sebut Harga	30.97	16.09	30.28	77.34
Tender	160.69	145.15	224.55	530.39
Rundingan Terus	24.44	65.47	30.48	120.39
JUMLAH	366.50	394.03	437.45	1,197.98

Sumber: Bahagian Pengurusan Perolehan

10.1.3 Bahagian Perolehan di bawah Pejabat Bendahari bertanggungjawab dalam merancang perolehan dan keperluan kewangan yang diperlukan untuk perolehan terutama bagi tender dan rundingan terus. Pusat Tanggungjawab (PTJ) di setiap fakulti/pusat/pejabat/bahagian bertanggungjawab bagi merancang dan menguruskan perolehan secara kaedah pembelian terus dan sebut harga. PTJ juga bertanggungjawab untuk memastikan penggunaan, penyimpanan dan keselamatan peralatan yang dibeli supaya berada dalam keadaan baik, boleh digunakan dan selamat. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.2 : PROSEDUR DAN KRITERIA PEROLEHAN

JENIS PEROLEHAN	KRITERIA
Pembelian Terus	- Dilaksanakan di UiTM Shah Alam dan Kampus UiTM Cawangan Negeri - Bernilai sehingga RM50,000 setahun bagi setiap jenis item untuk perolehan bekalan atau perkhidmatan bagi sesuatu PTJ.
Sebut Harga	- Dilaksanakan di UiTM Shah Alam dan Kampus UiTM Cawangan Negeri - Melebihi RM50,000 hingga RM500,000 bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan. - Melebihi RM20,000 hingga RM500,000 bagi perolehan kerja. - Tawaran diiklankan di papan kenyataan dan laman web pejabat bendahari.
Tender	- Dilaksanakan di UiTM Shah Alam - Melebihi RM500,000 bagi perolehan bekalan/ kerja-kerja dan perkhidmatan. - Tawaran diiklankan dalam akhbar dan laman web pejabat bendahari.
Rundingan Terus	- Dilaksanakan di UiTM Shah Alam - Melebihi RM50,000 yang ditawarkan secara terus kepada pembekal/ syarikat/ kontraktor tanpa melalui proses perolehan biasa dan perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan.

Sumber: Bahagian Pengurusan Perolehan

10.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan UiTM telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

10.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perolehan, penerimaan, penyimpanan, penggunaan, pelupusan dan penyelenggaraan rekod bagi setiap kaedah perolehan dan pelupusan yang dibuat. Pemeriksaan telah dibuat terhadap fail, rekod kewangan dan kontrak serta membuat analisis terhadap data yang diperolehi di Bahagian Pengurusan Perolehan, Pejabat Bendahari dan Pusat Tanggungjawab bagi tahun 2012 hingga 2014.

Di samping itu, pemeriksaan fizikal, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat dalam peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan telah dilaksanakan di Pusat Tanggungjawab yang dipilih. Sampel yang dipilih adalah 4 buah fakulti di kampus Induk Shah Alam dan 3 buah kampus cawangan iaitu UiTM Kampus Jengka, UiTM Kampus Arau dan UiTM Kampus Kota Kinabalu. *Exit Conference* telah diadakan pada 24

April 2015 yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Kanan Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara pegawai yang hadir terdiri daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), pegawai-pegawai kanan UiTM, wakil Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara.

10.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan perolehan di UiTM adalah memuaskan. Ini adalah kerana UiTM telah mendokumenkan prosedur perolehan melalui MS ISO 9001:2008. Bagaimanapun pengurusan perolehan di peringkat cawangan UiTM masih perlu diperbaiki. Antara kelemahan dalam pengurusan perolehan di UiTM adalah seperti berikut:

- i. Perolehan Tidak Mengikut Tatacara
 - Perolehan *toner* berjumlah RM575,814 di 4 daripada 8 PTJ yang dipilih di UiTM Shah Alam telah dipecah kecil;
 - Terdapat perbezaan harga bagi perolehan *toner* yang sama di antara PTJ. Terdapat juga perbezaan harga bagi perolehan *toner* daripada pembekal yang sama. Perbezaan harga bagi 6 jenis *toner* adalah antara 6.1% hingga 48.9%; dan
 - Tiada pemantauan dilakukan di peringkat PTJ atau Unit Kewangan Zon yang bertanggungjawab.
- ii. Pengurusan Aset/Peralatan
 - Aset/peralatan tidak digunakan termasuk 403 stok tilam di UiTM Jengka, Pahang bernilai RM57,226 dan perabot di UiTM Arau, Perlis bernilai RM31,900.
- iii. Pengurusan Pelupusan dan Kehilangan
 - Aset di UiTM Shah Alam, Kota Kinabalu dan Jengka lewat dilupuskan dalam tempoh 8 hingga 12 bulan dari tarikh kelulusan pada tahun 2012 hingga 2014; dan
 - Kehilangan di UiTM Shah Alam, Arau dan Kota Kinabalu lewat dilaporkan antara 1 hingga 48 bulan. Manakala 6 daripada 10 kes tidak dibuat laporan polis dalam tempoh 24 jam.

Penjelasan lanjut terhadap penemuan audit adalah seperti berikut:

10.4.1 Prestasi Pengurusan Perolehan

10.4.1.1 Tatacara/Prosedur Perolehan

- a. Prosedur Kualiti UiTM dan Pekeliling yang disediakan oleh Pejabat Bendahari menjelaskan prosedur perolehan secara terperinci bagi pengurusan perolehan yang meliputi fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa yang terlibat, kaedah perolehan, had-had nilai perolehan, kuasa dan kelulusan serta penilaian dan pemilihan pembekal/kontraktor serta meluluskan perolehan di UiTM. Selain itu, UiTM juga mengguna pakai peraturan kewangan Kerajaan dan Arahan Perbendaharaan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dari semasa ke semasa. Nilai perolehan dan kuasa kelulusan bagi pengurusan perolehan UiTM adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.3 : NILAI DAN KUASA KELULUSAN BAGI PEROLEHAN UiTM

KAEDAH PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN	JAWATANKUASA/KELULUSAN
Pembelian Terus	RM20,000 Dan Ke Bawah (Kerja Awam)	Ketua Pusat Tanggung Jawab (Pembelian Terus)
Pembelian Terus	RM50,000 Dan Ke Bawah (Bekalan Dan Perkhidmatan)	Ketua Pusat Tanggung Jawab (Pembelian Terus)
Sebut Harga	Antara RM20,001 Hingga RM500,000 (Kerja Awam)	Jawatankuasa Sebut Harga
Sebut Harga	Antara RM50,001 Hingga RM500,000 (Bekalan Dan Perkhidmatan)	Jawatankuasa Sebut Harga
Tender	Antara RM500,001 Hingga RM20 Juta (Pembangunan Dan Penyelenggaraan Fizikal)	Lembaga Perolehan B2
Tender	Antara RM500,001 Hingga RM20 Juta (Bekalan Dan Perkhidmatan)	Lembaga Perolehan B1
Tender	Melebihi RM20 Juta Hingga RM100 Juta	Lembaga Perolehan A

Sumber: Minit Mesyuarat Lembaga Universiti

Pada pendapat Audit, prosedur perolehan UiTM adalah baik kerana telah dibuat dengan lengkap dan kemas kini mengikut standard ISO, Prosedur Kualiti UiTM dan Pekeliling Pejabat Bendahari UiTM.

- b. Bahagian Perolehan di bawah Pejabat Bendahari bertanggungjawab dalam merancang perolehan dan keperluan kewangan yang diperlukan untuk perolehan terutama bagi tender dan rundingan terus. Pengurusan perolehan dibuat berdasarkan pekeling dan surat pekeling yang dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari UiTM selain menerima pakai pekeling Kerajaan yang berkuat kuasa. Pusat Tanggungjawab (PTJ) di setiap fakulti/pusat/pejabat/bahagian bertanggungjawab merancang dan menguruskan perolehan secara kaedah pembelian terus dan sebut harga. PTJ juga bertanggungjawab untuk memastikan

penggunaan, penyimpanan dan keselamatan peralatan yang dibeli berada dalam keadaan baik, boleh digunakan dan selamat.

c. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i. Bahagian Perolehan telah menjalankan tanggungjawab dalam menguruskan perolehan daripada proses perancangan sehingga pembayaran bagi perolehan yang dibuat;
- ii. Perolehan secara tender dan rundingan terus dibuat secara berpusat di Bahagian Perolehan;
- iii. Beberapa unit telah ditubuhkan bagi menguruskan perbelanjaan di Bahagian Perolehan iaitu Unit Panggilan Tender, Unit Proses Tender dan Unit Penguatkuasaan; dan
- iv. UiTM juga telah menubuhkan jawatankuasa yang berkaitan bagi proses perolehan yang dibuat. Jawatankuasa yang telah ditubuhkan adalah Lembaga Perolehan A, Lembaga Perolehan B, Jawatankuasa Sebut Harga Rasmi UiTM, Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Penilaian Harga, Jawatankuasa Pembuka Tender Dan Sebut Harga Rasmi UiTM.

Pada pendapat Audit, UiTM telah menubuhkan unit dan jawatankuasa yang bersesuaian bagi memastikan prosedur perolehan dipatuhi.

10.4.1.2 Perolehan Yang Tidak Mengikut Tatacara

Perenggan 5.0 Pekeliling Bendahari Bilangan 4 Tahun 2012, menetapkan had nilai pembelian terus bagi perolehan bekalan atau/dan perkhidmatan bagi sesuatu Pusat Tanggungjawab adalah sehingga RM50,000 bagi setiap jenis item dan perolehan bekalan atau/dan perkhidmatan yang terdiri daripada beberapa jenis item sehingga RM50,000 bagi setiap pelawaan.

a. Pecah Kecil Perolehan

- i. Semakan Audit ke atas 231 sampel bekalan *toner* secara pembelian terus yang melibatkan 8 PTJ di UiTM Shah Alam mendapati perolehan yang bernilai RM575,814 telah dipecah kecil di 4 buah PTJ daripada 8 sampel PTJ yang dipilih. PTJ yang terlibat adalah Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Perakaunan dan Fakulti Undang-undang. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.4 : PECAH KECIL PEROLEHAN TONER MENGIKUT PTJ

BIL	PTJ	TAHUN PEMBELIAN	JUMLAH (RM)
1.	Fakulti Sains Gunaan	2012	109,313
		2013	127,605
		2014	177,358
2.	Fakulti Perakaunan	2013	52,540
3.	Fakulti Kejuruteraan Awam	2014	51,338
4.	Fakulti Undang-undang	2014	57,660
JUMLAH			575,814

Sumber: Menu Kod Item Daripada Sistem FAIS

- ii. Analisis Audit mendapati sebanyak 9 perolehan atau 3.9% bagi tahun 2012, 19 perolehan atau 8.2% bagi tahun 2013, dan 16 perolehan atau 6.9% bagi tahun 2014 telah dipecah kecil. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.5 : PEMBELIAN TONER SECARA PEMBELIAN TERUS YANG TELAH DIPECAH KECIL BAGI FAKULTI SAINS GUNAAN DARI TAHUN 2012 HINGGA 2014

TAHUN	NO. PESANAN TEMPATAN / TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. BAUCAR / TARIKH BAUCAR	PEMBEKAL	JUMLAH (RM)
2012	SA/122968 / 30.03.2012	1004040033 / 10.01.2012	KI Panca Delima Trading	16,000
	SA/123288 / 10.04.2012	1005040031 / 08.05.2012	Millennium Multicomp Centre	27,802
	SA/123207 / 06.04.2012	1005040087 / 16.05.2012	Millennium Multicomp Centre	1,354
	SA/126935 / 26.09.2012	1010040101 / 19.10.2012	Millennium Multicomp Centre	4,645
	SA/126936 / 26.09.2012	1010040138 / 24.10.2012	Rushan Enterprise	7,476
	SA/127885 / 26.09.2012	1012040008 / 24.10.2012	KI Panca Delima Trading	14,000
	SA/127984 / 19.11.2012	1012040009 / 04.12.2012	Global Frequencies Media	22,500
	SA/127983 / 19.11.2012	1012040067 / 13.12.2012	Global Frequencies Media	6,266
	SA/126937 / 26.09.2012	1012040145 / 20.12.2012	Millennium Multicomp Centre	9,270
JUMLAH				109,313
2013	SA/129135 / 04.01.2013	1003040122 / 25.03.2013	KI Panca Delima Trading	15,500
	SA/131253 / 03.04.2013	1005040090 / 16.05.2013	Ciero Marketing Sdn Bhd	629
	SA/131016 / 28.03.2013	1005040093 / 16.05.2013	Maxsains System Enterprise	23,442
	SA/131142 / 29.03.2013	1005040104 / 17.05.2013	Millennium Multicomp Centre	7,540
	SA/130460 / 27.02.2013	1005040117 / 20.05.2013	MCSB Services	730
	SA/131790 / 29.04.2013	1007040060 / 05.07.2013	Millennium Multicomp Centre	2,174
	SA/133466 / 15.07.2013	1009040139 / 27.09.2013	Millennium Multicomp Centre	9,770
	SA/131389 / 10.04.2013	1004040121 / 30.04.2013	Global Frequencies Media	27,000
	SA/134472 / 20.09.2013	1010040026 / 04.10.2013	Global Frequencies Media	29,940
	SA/134251 / 10.09.2013	1010040027 / 04.10.2013	Global Frequencies Media	27,000
	SA/134879 / 10.10.2013	1012040088 / 17.12.2013	Jaya Abadi Bersatu Enterprise	3,750
	SA/135689 / 25.11.2013	1012040142 / 24.12.2013	Millennium Multicomp Centre	7,130
JUMLAH				154,605
2014	SA/140446 / 19.11.2013	1001040062 / 15.01.2014	Perkin Elmer Sdn Bhd	8,736
	SA/137912 / 13.03.2014	1004040043 / 04.04.2014	Global Frequencies Media Sdn Bhd	29,400

TAHUN	NO. PESANAN TEMPATAN / TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. BAUCAR / TARIKH BAUCAR	PEMBEKAL	JUMLAH (RM)
	SA/137911 / 13.03.2014	1004040049 / 04.04.2014	Global Frequencies Media Sdn Bhd	29,640
	SA/137895 / 13.03.2014	1004040110 / 17.04.2014	Warisan Alam Trading & Services	29,276
	SA/137836 / 06.03.2014	1004040197 / 29.04.2014	Kazam Urus Resources	4,440
	SA/138292 / 01.04.2014	1005040069 / 12.05.2014	Millennium Multicomp Centre	9,981
	SA/139096 / 09.05.2014	1006040147 / 26.06.2014	Millennium Multicomp Centre	2,626
	SA/140100 / 10.07.2014	1008040067 / 20.08.2014	Millennium Multicomp Centre	6,950
	SA/140849 / 08.09.2014	1010040016 / 03.10.2014	Global Frequencies Media	46,224
	SA/141068 / 25.09.2014	1010040095 / 21.10.2014	One Technology Resources	3,785
	SA/142053 / 29.10.2014	1012040087 / 26.12.2014	Millennium Multicomp Centre	6,300
JUMLAH				177,358
JUMLAH KESELURUHAN				441,276

Sumber: Baucar Bayaran

JADUAL 10.6 : PEMBELIAN TONER SECARA PEMBELIAN TERUS YANG TELAH DIPECAH KECIL BAGI FAKULTI PERAKAUNAN PADA TAHUN 2013

TAHUN	NO. PESANAN TEMPATAN / TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. BAUCAR / TARIKH BAUCAR	PEMBEKAL	JUMLAH (RM)
2013	SA/130259 / 18.02.2013	0603040108 / 13.03.2013	Alived Strategic Sdn Bhd	9,300
	SA/130859 / 19.03.2013	0603040222 / 27.03.2013	Alived Strategic Sdn Bhd	4,550
	SA/132255 / 20.05.2013	0606040125 / 21.06.2013	Mutiara NZH Enterprise	5,905
	SA/133662 / 25.07.2013	0608040082 / 28.08.2013	Jaya Abadi Bersatu Enterprise	6,790
	SA/133502 / 16.07.2013	0609040056 / 13.09.2013	Mutiara NZH Enterprise	4,360
	SA/134330 / 13.09.2013	0610040008 / 01.10.2013	Mutiara NZH Enterprise	7,695
	SA/135006 / 18.10.2013	0611040064 / 14.11.2013	Jaya Abadi Bersatu Enterprise	3,960
	SA/135589 / 19.11.2013	0612040011 / 06.12.2013	Mutiara NZH Enterprise	9,980
JUMLAH				52,540

Sumber: Baucar Bayaran

JADUAL 10.7 : PEMBELIAN TONER SECARA PEMBELIAN TERUS YANG TELAH DIPECAH KECIL BAGI FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM PADA TAHUN 2014

TAHUN	NO. PESANAN TEMPATAN / TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. BAUCAR / TARIKH BAUCAR	PEMBEKAL	JUMLAH (RM)
2014	SA/137273 / 05.02.2014	1304040041 / 10.04.2014	Et Engineering Enterprise	49,958
	SA/139060 / 07.05.2014	1307040034 / 08.07.2014	Avegrande Sdn Bhd	1,380
JUMLAH				51,338

Sumber: Baucar Bayaran

JADUAL 10.8 : PEMBELIAN TONER SECARA PEMBELIAN TERUS YANG MELEBIHI HAD BAGI FAKULTI UNDANG-UNDANG PADA TAHUN 2014

TAHUN	NO. PESANAN TEMPATAN / TARIKH PESANAN TEMPATAN	NO. BAUCAR / TARIKH BAUCAR	PEMBEKAL	JUMLAH (RM)
2014	SA/138760 / 18.04.2014	0705040056 / 19.05.2014	Bekal Niaga Enterprise	1,950
	SA/138761 / 18.04.2014	0706040006 / 02.06.2014	JRC Pro Technology Sdn Bhd	41,630
	SA/141215 / 07.10.2014	0711040013 / 16.11.2014	Rewanas Sdn. Bhd.	14,080
JUMLAH				57,660

Sumber: Baucar Bayaran

- iii. Analisis Audit mendapati terdapat perbezaan harga bagi perolehan *toner* yang sama di antara PTJ. Perbezaan harga bagi 6 jenis *toner* adalah antara 6.1% hingga 48.9%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.9 : PERBANDINGAN HARGA BAGI PEROLEHAN TONER YANG SAMA DIBUAT MENGIKUT PTJ

BIL.	JENIS TONER	PTJ	NAMA PEMBEKAL	NO BAUCAR	TARIKH BAUCAR BAYARAN	HARGA SEUNIT (RM)	PERBEZAAN HARGA (%)
1.	HP CE505A	Fakulti Perakaunan	Alived Strategic Sdn Bhd	0603040222	27.03.2013	235	48.9
			Jaya Abadi Bersatu Enterprise	0611040064	14.11.2013	350	
2.	HP CE505A	Fakulti Perakaunan	Mutiara NZH Enterprise	0606040125	21.06.2013	240	33.3
		Fakulti Sains Gunaan	KI Panca Delima Trading	1004040033	10.04.2012	320	
3.	HP Q2612A	Fakulti Perakaunan	RIA-TWO Sdn Bhd	0603040042	07.03.2012	239	29.7
		Fakulti Sains Gunaan	KI Panca Delima Trading	1003040122	25.03.2013	310	
4.	HP LaserJet P1006 - Black	Fakulti Sains Gunaan	Warisan Alam Trading & Services	1004040110	13.03.2014	238	16.7
		Fakulti Kejuruteraan Awam	ET Engineering Enterprise	1304040041	10.04.2014	204	
5.	HP LaserJet P3005D	Fakulti Kejuruteraan Awam	ET Engineering Enterprise	1304040041	10.04.2014	423	13.2
		Fakulti Sains Gunaan	Warisan Alam Trading & Services	1004040110	17.04.2014	479	
6.	HP Q7553A	Fakulti Perakaunan	Mutiara NZH Enterprise	0606040125	21.06.2013	245	6.1
			Mutiara NZH Enterprise	0612040011	06.12.2013	260	

Sumber: Baucar Bayaran

- iv. Semakan Audit juga mendapati sampel PTJ dan Unit Kewangan Zon (UKZ) tidak menyelenggarakan daftar pembelian terus untuk tujuan pemantauan dan khususnya bagi memastikan tiada pembelian dibuat melebihi had yang dibenarkan.

Pada pendapat Audit, pembelian terus UiTM adalah kurang memuaskan kerana telah dipecah kecil dan tidak mematuhi Pekeliling Bendahari Bilangan 4 Tahun 2012.

Maklum Balas Daripada UiTM Diterima Pada 17 April 2015


Perolehan yang terlibat adalah termasuk HP LaserJet Ce505x Black Print Cartridge. Perancangan perolehan dibuat mengikut semester. Pihak fakulti tidak dapat membuat perancangan tahunan disebabkan keperluan sebahagian besar bahan pakai habis ditentukan mengikut keperluan yang akan diberikan oleh pelajar yang akan membuat penyelidikan. Maklumat tersebut hanya diberikan pada penghujung setiap semester. Pembelian tahunan hanya dibuat bagi keperluan bahan pakai

habis jenis am (guna sama) sahaja. Sebagai penyelesaian akan datang, melalui sistem FIN e-Procurement Plus isu berkaitan perancangan perolehan, jenis perolehan, kod item dan tujuan penggunaan juga dijangka dapat diselesaikan.

b. Perekodan Dalam Sistem FAIS

- i. Sistem *Financial Accounting Information System* (FAIS) yang digunakan oleh UiTM mempunyai 1,400 kod akaun bagi 120 PTJ di UiTM. Modul perolehan dalam sistem FAIS mempunyai sekatan automatik yang akan menyekat pembelian yang melebihi RM50,000.
- ii. Ujian *walkthrough* Audit pada 20 dan 28 Oktober 2014 serta 17 April 2015 mendapati sistem FAIS tidak menyekat/mengehadkan pembelian terus yang melebihi RM50,000. Terdapat amaran pada kaki screen apabila pembelian melebihi RM50,000 dibuat tetapi pegawai masih boleh menjalankan pembelian dan mengabaikan amaran tersebut. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 10.1
Screenshot Daripada Sistem FAIS Berkenaan
Amaran Pada Kaki Screen Apabila Pembelian
Melebihi RM50,000 Dibuat



**Amaran Melebihi Jumlah
Terkumpul 50,000**

Lokasi : UiTM Shah Alam
Tarikh : 17 April 2015

Pada pendapat Audit, sistem FAIS UiTM tidak mempunyai mekanisme kawalan untuk menyekat perolehan yang melebihi had maksimum pembelian terus.

Maklum Balas Daripada UiTM Diterima Pada 17 April 2015

Sistem FAIS ada memaparkan tanda amaran sebagai pemberitahuan bahawa perolehan telah melebihi RM50,000 semasa proses penyediaan pesanan jabatan. Bagaimanapun, sistem tidak boleh menghalang perolehan yang melebihi

RM50,000 disebabkan terdapat kod item yang dibenarkan melebihi RM50,000 seperti perbelanjaan keraian. Penambahbaikan dilakukan melalui sistem FIN e-Procurement Plus di mana modul kod item ada disediakan kawalan jumlah had berdasarkan perbezaan setiap kategori kod item mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ). Melalui sistem ini kawalan had nilai sesuatu pembelian (contohnya RM50,000) akan dipaparkan melalui sistem sekiranya pembelian itu telah mencapai had maksima yang ditetapkan. Dengan ini tiada pecah kecil akan berlaku kerana kawalan telah dibuat melalui sistem.

10.4.2 Pengurusan Aset/Peralatan

10.4.2.1 Aset/Peralatan Tidak Digunakan

- a. Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan – Pengurusan Aset (KP 1.1/2013), semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos dan mencapai jangka hayat.
- b. Lawatan Audit pada 29 Oktober 2014 di UiTM Arau mendapati perabot yang bernilai RM31,900 telah diterima pada 27 Ogos 2008 untuk Makmal Kejuruteraan Awam tidak digunakan secara optimum dan telah ditempatkan di Stor Pelupusan. UiTM memaklumkan bahawa peralatan tersebut tidak digunakan kerana program Kejuruteraan Awam telah dipindahkan ke UiTM Permatang Pauh pada bulan Mac tahun 2013. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit peralatan tersebut masih belum dipindahkan ke UiTM Permatang Pauh. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.10 : PERALATAN YANG TELAH DITERIMA TETAPI TIDAK DIGUNAKAN SECARA OPTIMUM

KAMPUS UiTM	BUTIRAN	TARIKH BAUCAR	TARIKH PERAKUAN TERIMA BARANG	JUMLAH SEUNIT (RM)	KUANTITI	JUMLAH (RM)
Arau	Drafting Table	19.09.2008	27.08.2008	630	30	18,900
	Drafting Chair Model-UT-DR A002			260	50	13,000
JUMLAH						31,900

Sumber: Bahagian Pengurusan Perolehan UiTM Jengka dan UiTM Arau

GAMBAR 10.2


Drafting Chair Model-UT-DR A002 Bernilai RM13,000 Yang Dibeli Pada 27 Ogos 2008 Tidak Digunakan



Lokasi : Stor Pelupusan, UiTM Arau
Tarikh : 29 Oktober 2014

GAMBAR 10.3

Drafting Table Akei Bernilai RM18,900 Yang Dibeli Pada 27 Ogos 2008 Tidak Digunakan



Lokasi : Stor Pelupusan, UiTM Arau
Tarikh : 29 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, UiTM tidak menggunakan peralatan yang dibeli secara optimum.

Maklum Balas Daripada UiTM Diterima Pada 17 April 2015

Perabot drafting table dan chair telah digunakan selama 5 tahun dari 2008 hingga 2013 untuk kegunaan pelajar-pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam. Kumpulan pelajar terakhir Fakulti Kejuruteraan Awam di UiTM Perlis adalah pada semester Jun 2013 – November 2013. Selepas itu, Fakulti Kejuruteraan Awam di UiTM Perlis telah berpindah ke UiTM Pulau Pinang (Bukit Mertajam).

Perpindahan tersebut telah menyebabkan Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) menyimpan perabot tersebut di Stor Pelupusan kerana tidak digunakan lagi sementara dipindahkan kepada kampus cawangan yang berminat. Dimaklumkan pihak HEA (UiTM Perlis) telah mempelawa UiTM Pulau Pinang untuk perabot tersebut memandangkan Fakulti Kejuruteraan Awam telah berpindah ke UiTM Pulau Pinang (Bukit Mertajam). Bagaimana pun tiada maklum balas yang diterima sehingga kini.

Rektor (UiTM Perlis) juga telah mempelawa UiTM Johor (Pasir Gudang) melalui surat rujukan: 300-UiTMPs (HEA. 1/1), 15/1/2015 untuk pemberian perabot tersebut untuk kegunaan pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam di UiTM Johor (Pasir Gudang). Pihak UiTM Johor (Pasir Gudang) dengan berbesar hati telah menerima tawaran tersebut dan persetujuan untuk menerimanya telah di buat melalui surat dengan rujukan : 300-UiTMPG (HEA 1/1), 18/2/2015. Sehubungan itu, UiTM (Perlis) sedang menunggu pihak UiTM Johor (Pasir Gudang) menetapkan tarikh untuk mengambil perabot tersebut.

- c. Lawatan Audit ke Kolej Dato' Bahaman, Kampus UiTM Jengka pada 15 Oktober 2014 mendapati sebanyak 403 tilam tidak digunakan dan disimpan di dalam stor tilam. Pihak Audit dimaklumkan sebanyak 500 stok tilam telah dibeli dalam bulan April tahun 2013 bagi menampung pertambahan pelajar. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit hanya 97 tilam sahaja digunakan. Tempoh jaminan tilam tersebut adalah selama 3 tahun. Maklumat pembelian tilam adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 10.11 : PEMBELIAN 500 TILAM DI KAMPUS UiTM JENGA

NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	SYARIKAT PEMBEKAL	JUMLAH (RM)
0204040009	01.04.2013	Tenaga Teguh Manufacturing Sdn. Berhad	71,000

Sumber: Bahagian Pengurusan Perolehan UiTM Jengka

GAMBAR 10.4

500 Tilam Yang Dibeli Pada Tahun 2013, Hanya 97 Tilam Digunakan. Baki 403 Tilam Yang Masih Dibalut Plastik Tidak Digunakan Dan Disimpan Di Dalam Stor Talam



Lokasi : Stor Talam UiTM Jengka
Tarikh : 15 Oktober 2014



Lokasi : Stor Talam UiTM Jengka
Tarikh : 15 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, UiTM tidak merancang pembelian dengan baik kerana pembelian 500 tilam tersebut adalah melebihi keperluan bilangan pelajar. Sekiranya tilam tersebut masih tidak digunakan dalam tempoh jaminan yang telah ditetapkan, sebarang kerosakan pada tilam adalah di bawah tanggungjawab UiTM dan ini merugikan UiTM.

Maklum Balas Daripada UiTM Diterima Pada 17 April 2015

UiTM Jengka telah membeli 500 unit stok tilam untuk keperluan tambahan pelajar. Sebanyak 97 unit tilam telah digunakan untuk mengganti tilam yang rosak, manakala bakinya disimpan untuk kegunaan akan datang dan digunakan juga sebagai pinjaman kepada para pelajar. Semasa limpahan pelajar berlaku, jumlah pelajar yang ditempatkan dalam setiap bilik ditambah dari 4 kepada 6 orang. Pertambahan sebanyak 2 orang ini diberikan tilam tersebut sebagai pinjaman.

Pelajar tersebut akan memulangkan tilam pada penghujung semester. Tilam-tilam tersebut diberikan dalam keadaan berplastik dan dipulangkan dalam keadaan dalam plastik berbalut. Setelah mendapat teguran Audit, pihak kolej telah pun mengagihkan kesemua tilam ke bilik-bilik bagi menggantikan tilam yang rosak.

10.4.3 Tatacara Pelupusan Aset

Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan – Pengurusan Aset (KP 2.5/2013 dan KP2.6/2013), menetapkan Jabatan Kerajaan tidak menyimpan aset yang tidak boleh diguna atau tidak diperlukan dan tindakan pelupusan hendaklah dilaksanakan dengan kadar segera. Selain itu, pekeliling tersebut juga menyatakan tindakan pelupusan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat kelulusan. Permohonan melanjutkan tempoh pelupusan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus 2 minggu sebelum tamat tempoh pelupusan. Pelanjutan tempoh pelupusan hanya dibenarkan sekali sahaja. Sekiranya tindakan pelupusan tidak dapat diselesaikan selepas tempoh pelanjutan, kelulusan tersebut adalah terbatal dan permohonan baru perlu dikemukakan yang akan menyebabkan pengurangan nilai semasa aset dan kaedah pelupusan yang tidak lagi sesuai.

a. Aset Lewat Dilupuskan

- i. Semakan Audit mendapati 2 buah aset berjumlah RM6,973 di UiTM Shah Alam telah lewat dilupuskan iaitu dari 8 hingga 12 bulan daripada tarikh kelulusan diperolehi. Lawatan Audit di UiTM Kota Kinabalu pada 5 November 2014 mendapati *Electronic Guillotine/Cutter* bernilai RM17,500 yang telah diluluskan untuk pelupusan pada 18 Jun 2012 masih belum dilupuskan. Aset tersebut sepatutnya dilupuskan pada 18 September 2012. Lawatan Audit di UiTM Jengka pula mendapati 2 buah aset telah lewat dilupuskan iaitu antara 8 hingga 9 bulan daripada tarikh kelulusan pelupusan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.12 : ASET LEWAT DILUPUSKAN SETELAH MENDAPAT KELULUSAN

BIL.	KAMPUS UITM	NAMA ITEM	KOS PEROLEHAN ASAL (RM)	TARIKH KELULUSAN	TARIKH SEBENAR PELUPUSAN	TEMPOH KELEWATAN (BULAN)
1.	Shah Alam	HP Model DTPC 27 (CPU)	2,500	26.11.2013	04.11.2014	12
2.		Motosikal Modenas Kristal	4,473	25.08.2014	24.04.2015	8
3.	Kota Kinabalu	<i>Electronic Guillotine/ Cutter</i>	17,500	18.06.2012	Belum Dilupuskan	TM
4.	Jengka	HP Vectra VL400 & Monitor HP D8896	204,667	06.07.2012	22.04.2013	9
5.		<i>Video Conferencing Equipment</i>		15.08.2012	18.04.2013	8
JUMLAH			229,140			

Sumber: Bahagian Pengurusan Perolehan UiTM Cawangan Kota Kinabalu dan Jengka
* TM – Tiada Maklumat



GAMBAR 10.5
Electronic Guillotine/ Cutter Yang
Belum Dilupuskan

Lokasi : Perpustakaan, UiTM Kota Kinabalu
Tarikh : 5 November 2014

- ii. Semakan Audit mendapati 10 buah aset yang dilupuskan tidak disediakan Sijil Pelupusan Barang-barang (Lampiran X). Selain itu, terdapat Lampiran X yang telah disediakan bagi 18 buah aset tetapi tidak dinyatakan tarikh. Ini menyebabkan aset tersebut masih wujud di daftar harta dalam Sistem FAIS walaupun telah dilupuskan. UiTM memaklumkan perkara ini disebabkan sistem FAIS memerlukan maklumat tarikh pelupusan barang untuk mengeluarkan harta yang telah dilupuskan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.13 : SIJIL PELUPUSAN BARANG-BARANG (LAMPIRAN X) TIDAK DISEDIAKAN / TIDAK LENGKAP

BIL.	KAMPUS UITM	NAMA ASET	KOS PEROLEHAN ASAL (RM)	TARIKH BARANG DILUPUSKAN	TARIKH LAMPIRAN X DISEDIAKAN
1.	Arau	Proton Perdana 2.0 SEi-RE636	85,924	TM	Tidak Disediakan
2.		Mesin Fotokopi Jenama Ricoh Aficio 2075	67,580	TM	Tidak Disediakan
3.		Electronic Wheelchair ; WC 101A	5,000	TM	Tidak Disediakan
4.		Water Deionizer, SG, 1880817	28,200	07.05.2013	Tiada Tarikh
5.		Analytical Balance, Shimadzu D447200207	3,345	07.05.2013	Tiada Tarikh
6.		Analytical Balance, Shimadzu D447200210	3,345	07.05.2013	Tiada Tarikh
7.		Electronic Balance-Shimadzu-AX200	8,850	11.07.2013	Tiada Tarikh
8.		Electronic Balance-Shimadzu-AX200	8,850	11.07.2013	Tiada Tarikh
9.		Electronic Balance-Shimadzu-AX200	8,850	11.07.2013	Tiada Tarikh
10.		Analytical Balance, Shimadzu UW420H	3,345	11.07.2013	Tiada Tarikh
11.		Electronic Balance – AND-GR200	4,524	11.07.2013	Tiada Tarikh
12.		Ventilated Oven – MEMMERT	6,440	11.07.2013	Tiada Tarikh
13.		Analytical Balance, Shimadzu D447200459	3,345	20.06.2013	Tiada Tarikh
14.		Analytical Balance, Shimadzu D447200450	3,345	20.06.2013	Tiada Tarikh
15.		Analytical Balance, Shimadzu D432811173	4,045	20.06.2013	Tiada Tarikh

BIL.	KAMPUS UITM	NAMA ASET	KOS PEROLEHAN ASAL (RM)	TARIKH BARANG DILUPUSKAN	TARIKH LAMPIRAN X DISEDIAKAN
16.		<i>Orbital Shaker/RSK-102/ REXMED</i>	8,279	11.07.2014	Tiada Tarikh
17.		<i>Furnace/ EF 1188/ LENTON</i>	10,900	11.07.2014	Tiada Tarikh
18.	Kota Kinabalu	<i>Spectrophotometer With Quartz (DS0805018)</i>	6,995	TM	Tidak Disediakan
19.		<i>Spectrophotometer With Quartz (DS0805040)</i>	6,995	TM	Tidak Disediakan
20.		<i>Spectrophotometer With Quartz (DS0805080)</i>	6,995	TM	Tidak Disediakan
21.		<i>Spectrophotometer With Quartz (DS0703074)</i>	6,995	TM	Tidak Disediakan
22.		<i>Spectrophotometer With Quartz (DS0805092)</i>	6,995	TM	Tidak Disediakan
23.		<i>Water Bath Memmert (16040070)</i>	3,150	TM	Tidak Disediakan
24.		<i>Water Bath Memmert (16.030.326)</i>	3,150	TM	Tidak Disediakan
25.		<i>Jet Trajectory & Flow Through</i>	14,938	TM	Tiada Tarikh
26.		<i>Reynolds Number & Transition</i>	12,972	TM	Tiada Tarikh
27.		<i>Water Treatment System</i>	3,010	TM	Tiada Tarikh
28.		<i>Nokia Mobira Hand portable (Telefon)</i>	11,400	TM	Tiada Tarikh
JUMLAH			347,762		

Sumber: Bahagian Pengurusan Perolehan UiTM Arau dan UiTM Kota Kinabalu
*TM -Tiada Maklumat

Pada pendapat Audit, pengurusan pelupusan aset di UiTM adalah kurang memuaskan kerana pelupusan telah lewat dilaksanakan setelah mendapat kelulusan, Sijil Pelupusan Barang-barang (Lampiran X) tidak disediakan dan Lampiran X yang telah disediakan tidak lengkap. Hal ini menyebabkan aset yang dilupuskan tidak dikeluarkan daripada daftar aset dan permohonan baru pelupusan perlu dilakukan semula setelah tempoh pelupusan tamat seperti mana yang dinyatakan dalam Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan – Pengurusan Aset.

Maklum Balas Daripada UiTM Diterima Pada 17 April 2015

Kelewatan pelupusan bagi UiTM Shah Alam adalah kerana kelewatan penerimaan Sijil Perakuan Pelupusan (PEP) dari Jabatan Kerja Raya (JKR), pelupusan peralatan komputer yang perlu dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelupusan Peralatan Komputer dan pelupusan harta benda yang bernilai RM20,000 seunit perlu dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelupusan Harta Benda. Kelewatan pemeriksaan kenderaan dan penerimaan PEP adalah disebabkan hanya seorang pegawai JKR yang menjalankan pemeriksaan bagi seluruh Negeri Selangor. Fakulti Sains Gunaan tidak memberikan maklumat

yang lengkap bagi pelupusan peralatan komputer. Jawatankuasa Teknikal Pelupusan Peralatan Komputer dan Jawatankuasa Teknikal Pelupusan Harta Benda juga hanya bermesyuarat setiap suku tahun.

Kelewatan pelupusan aset setelah mendapat kelulusan bagi UiTM Kota Kinabalu adalah kerana item yang besar dan mempunyai berat 400kg. Bagaimanapun item ini telah dilupuskan dan dijual sebagai besi buruk pada 9 Januari 2015. Manakala kelewatan pelupusan bagi UiTM Jengka adalah kerana kesukaran mendapat syarikat untuk membeli peralatan yang dilupuskan. Video Conferencing Equipment telah dijual sebagai besi buruk manakala sebut harga telah diperoleh daripada syarikat di Klang bagi pelupusan peralatan komputer.

Bagi status Lampiran X di UiTM Arau, UiTM telah membuat semakan status harta tersebut di dalam Sistem FAIS. Lampiran X dan JH (Jurnal Harta) telah disediakan bagi harta yang telah dibawa keluar melalui semakan ke atas borang pelupusan harta benda dan borang membawa keluar barang (pass gate). Bagi harta yang masih belum dilupuskan, tindakan pelupusan akan dibuat mengikut kaedah yang disyorkan sebelum penyediaan Lampiran X dan JH. Manakala bagi UiTM Kota Kinabalu, Lampiran X telah dikemas kini dan disediakan.

Tarikh perancangan mesyuarat tahun hadapan akan dibentangkan pada mesyuarat suku tahun terakhir setiap tahun untuk makluman kesemua ahli mesyuarat. Cadangan telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal Pelupusan Peralatan Komputer dan Jawatankuasa Teknikal Pelupusan Harta Benda supaya mesyuarat diadakan 2 bulan sekali (6 kali setahun).

10.4.4 Pengurusan Kehilangan Peralatan

Pekeliling Bendahari Bilangan 2 Tahun 2009 menjelaskan pegawai perlu melaporkan kehilangan kepada ketua PTJ dengan serta-merta. Ketua PTJ atau pegawai yang bertanggungjawab hendaklah membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam daripada masa kehilangan. Ketua PTJ juga hendaklah dengan segera (dalam tempoh 2 hari bekerja) menghantar Laporan Awal dan sesaliran Laporan Polis kepada Bahagian Pengurusan Harta Benda bagi tindakan pendaftaran kehilangan aset dan Unit Zon/ Pejabat Bendahari Kampus bagi tindakan mengakaunkan kehilangan. Jawatankuasa Penyiasat yang terdiri daripada 2 orang hendaklah dilantik dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal ditandatangani. Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan laporan akhir dan mengemukakannya kepada Urus Setia Kehilangan Dan Hapus Kira dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh pelantikan.

a. Kehilangan Lewat Dilaporkan

- i. Semakan Audit mendapati Laporan Awal bagi 9 kes kehilangan bernilai perolehan asal RM19,903 tidak disediakan dalam tempoh 2 hari daripada tarikh kehilangan dengan kelewatan di antara 1 hingga 48 bulan. Selain itu, laporan polis bagi 6 daripada 10 kes tersebut dengan nilai perolehan asal RM14,307 tidak dibuat dalam tempoh 24 jam daripada masa kehilangan dengan kelewatan sehingga 48 bulan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.14 : KEHILANGAN LEWAT DILAPORKAN

KAMPUS UiTM	KETERANGAN	TARIKH KEHILANGAN	AMALAN SEUNIT (RM)	LAPORAN POLIS			LAPORAN AWAL (LAMPIRAN J)		
				TARIKH LAPORAN	DALAM TEMPOH 24 JAM [YA(✓)/ TIDAK(X)]	TEMPOH LEWAT (BULAN)	TARIKH DISEDIA	DALAM TEMPOH 2 HARI [YA(✓)/ TIDAK(X)]	TEMPOH LEWAT (BULAN)
Shah Alam	1 unit <i>Tenor Trombone</i> Yamaha YSR-154S	2010 – 2013	3,800	16.01.2014	X	48	15.01.2014	X	48
	1 unit mesin perakam waktu Jenama Amano	19.03.2012	TM	17.04.2012	X	1	04.07.2012	X	3
	1 unit <i>Portable PA System</i> Jenama EMIX EMPP-88UD MKII	25.03.2012	2,720	25.03.2012	✓	0	26.12.2013	X	21
	1 unit Sony <i>Camcorder</i> HDR SR12	10.11.2012	5,260	26.12.2013	X	13	26.12.2013	✓	13
	1 unit Komputer Riba Jenama Acer 4720-302G16	28.01.2014	3,348	20.08.2014	X	7	10.09.2014	X	8
Arau	1 unit LCD Projektor Panasonic /PT-LB78V	20.09.2012	TM	21.09.2012	X	0	TM	X	TM
	1 unit TV HD Jenama Panasonic 40 inci	12.05.2014	1,899	05.11.2014	X	6	26.10.2014	X	5
	3 unit TV LED Jenama LG Model 42LN5400 saiz 42 inci	22.05.2014	1,699	22.05.2014	✓	0	25.09.2014	X	4
Kota Kinabalu	1 unit TV LCD Jenama Sony Bravia Model KLV-40BX400 saiz 40 inci	02.01.2013	4,728	02.01.2013	✓	0	21.02.2014	X	14
	2 unit Komponen Panel Kawalan Motor Elektrik (<i>Auto trans</i>) – 20HP	13.01.2014	640	13.01.2014	✓	0	18.02.2014	X	1
	2 unit Komponen Panel Kawalan Motor Elektrik (<i>Auto trans</i>) – 10HP		469						

Sumber: Bahagian Pengurusan Perolehan UiTM Shah Alam, UiTM Arau dan UiTM Kota Kinabalu
TM : Tiada Maklumat

- ii. Semakan Audit mendapati Laporan Akhir bagi 3 kes kehilangan telah lewat disediakan dengan mengambil masa lebih daripada 2 bulan daripada tarikh Jawatankuasa Penyiasat dilantik. Selain itu, Laporan Akhir bagi 2 kes kehilangan masih belum disediakan walaupun Jawatankuasa Penyiasat telah dilantik. Semakan lanjut juga mendapati Jawatankuasa Penyiasat telah lewat dilantik bagi 2 kes kehilangan di UiTM Kota Kinabalu. Bagaimanapun, terdapat 1 kes kehilangan di mana Jawatankuasa Penyiasat telah dilantik sebelum Laporan Awal disediakan. Ini adalah kerana pelantikan Jawatankuasa Penyiasat dibuat untuk tempoh 3 tahun. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.15 : LAPORAN AKHIR LEWAT DISEDIAKAN OLEH JAWATANKUASA PENYIASAT

KAMPUS UiTM	KETERANGAN	TARIKH KEHILANGAN	TARIKH LAPORAN AWAL (LAMPIRAN J)	TARIKH LANTIKAN JAWATANKUASA PENYIASAT	LAPORAN AKHIR (LAMPIRAN K) DISEDIAKAN OLEH JAWATANKUASA PENYIASAT	
					TARIKH DISEDIAKAN	TEMPOH KELEWATAN SELEPAS 2 BULAN TARIKH LANTIKAN J/KUASA PENYIASAT (HARI)
Shah Alam	1 unit Sony Camcorder HDR SR12	10.11.2012	26.12.2013	02.01.2014	14.03.2014	12
	1 unit Mesin Perakam Waktu Jenama Amano	19.03.2012	04.07.2012	17.10.2011	04.09.2012	Dilantik sebelum kehilangan 8 bulan 18 hari
	1 unit Portable PA System Jenama EMIX EMPP-88UD MKII	25.03.2012	26.12.2013	02.01.2014	14.03.2014	12
	1 unit Tenor Trombone Yamaha YSR-154S	Disember 2013	15.01.2014	10.02.2014	23.04.2014	13
Kota Kinabalu	1 unit TV LCD Jenama Sony Bravia Model KLV-40BX400 saiz 40 inci	02.01.2013	21.02.2014	18.03.2014	Belum disediakan	X
	2 unit Komponen Panel Kawalan Motor Elektrik (Auto trans) – 20HP	13.01.2014	17.02.2014	17.03.2014	Belum disediakan	X
	2 unit Komponen Panel Kawalan Motor Elektrik (Auto trans) – 10HP					

Sumber: Bahagian Pengurusan Perolehan UiTM Shah Alam dan UiTM Kota Kinabalu

Pihak pendapat Audit, prosedur pengurusan kehilangan aset UiTM adalah kurang memuaskan kerana UiTM tidak mematuhi Pekeliling Bendahari Bilangan 2 Tahun 2009.

Maklum Balas Daripada UiTM Diterima Pada 17 April 2015

Antara sebab kehilangan lewat dilaporkan di UiTM Shah Alam adalah kerana kehilangan harta hanya disedari semasa proses verifikasi aset dijalankan oleh

Pejabat Bendahari, kelewatan pegawai yang bertanggungjawab dalam menyedari kehilangan aset dan ketiadaan maklumat lengkap berkenaan aset yang hilang dalam menyediakan laporan kehilangan. Manakala bagi Kampus UiTM Arau pula, kelewatan penyediaan Lampiran J oleh PTJ walaupun peringatan telah diberikan oleh Pejabat Bendahari. Pejabat Bendahari memandang serius perkara ini dan akan memastikan Pekeliling Bendahari Bilangan 2 Tahun 2009 dikuatkuasakan.

Kelewatan penyediaan Laporan Akhir oleh Jawatankuasa Penyiasat di UiTM Shah Alam adalah disebabkan kekangan masa yang dihadapi kerana dalam waktu yang sama perlu menjalankan tugas hakiki di tempat kerja. Selain itu, kesukaran mendapatkan masa yang sesuai untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Penyiasat juga menjadi punca kepada kelewatan penyediaan Laporan Akhir Kehilangan. Manakala di UiTM Kota Kinabalu pula, Laporan Akhir telah disediakan bagi kehilangan TV tetapi laporan tersebut telah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang UiTM Sabah untuk semakan. Sehingga kini laporan tersebut masih dalam proses semakan Penasihat Undang-undang. Bagi kehilangan Auto trans pula, Jawatankuasa Siasatan telah memohon pelanjutan tempoh siasatan dan penyediaan Lampiran Akhir disebabkan faktor kekangan tugas hakiki. Pelanjutan masa telah diluluskan oleh Rektor.

Taklimat Tatacara Pengurusan Aset Alih UiTM (termasuk tatacara pengurusan kehilangan) akan dan telah diberikan kepada PTJ di Kampus Shah Alam dan kampus cawangan. Bahagian Pengurusan Harta Benda juga telah menyediakan sesi taklimat secara atas talian di Fin e-asset (Fin e-portal). Antara modul yang telah siap adalah Tatacara Pengurusan Aset Alih UiTM dan Tatacara Pengurusan Stor UiTM. Pemantauan ke atas aset juga akan dilaksanakan semasa proses verifikasi aset di mana jika sesuatu aset didapati tiada di lokasi seperti yang tercatat pada daftar, proses kehilangan akan terus dilaksanakan.

10.4.5 Pemantauan

- a. Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah pada peringkat awal serta mengambil tindakan segera untuk menyelesaikannya. Pemantauan bagi pengurusan perolehan dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Perolehan. Secara umumnya, bahagian ini merupakan pusat utama pengurusan perolehan UiTM. Unit yang terlibat dengan pemantauan adalah Unit Pemantauan Dan Penguatkuasaan.
- b. Semakan Audit mendapati Bahagian Perolehan tidak menjalankan pemantauan terperinci bagi perbelanjaan perolehan yang dilakukan oleh setiap PTJ

terutamanya di kampus UiTM cawangan. Tiada pemantauan dijalankan bagi pembelian terus oleh PTJ dan Unit Kewangan Zon. Pemantauan yang dijalankan oleh Unit Pemantauan Dan Penguatkuasaan adalah terhadap prestasi syarikat pembekal setiap perolehan. Semakan Audit juga mendapati tiada prosedur terperinci bagi pemantauan aset di bawah *Research Management Institute* (RMI).

Maklum Balas Daripada UiTM Diterima Pada 17 April 2015

Bahagian Pengurusan Perolehan berperanan untuk menguruskan semua perolehan UiTM yang merangkumi proses panggilan, proses analisa perolehan, mengaturnak mesyuarat perolehan untuk pemilihan pembekal, pengeluaran kepada pembekal yang berjaya, pentadbiran kontrak perolehan termasuk penguatkuasaan perolehan dan prestasi pembekal. Pemantauan untuk pengurusan aset selepas proses perolehan adalah oleh Bahagian Pengurusan Harta Benda UiTM. Pengasingan tugas ini dibuat berdasarkan konsep kawalan dalaman.

Bahagian Pengurusan Harta Benda telah menjalankan penguatkuasaan dengan mengadakan taklimat pengurusan harta benda kepada PTJ, sistem asset tracking mulai tahun 2014 dan mewujudkan modul latihan atas talian. Bahagian Pengurusan Harta Benda juga dalam proses penambahbaikan sistem pemantauan harta benda termasuk penambahbaikan kepada kekerapan mesyuarat pelupusan dan kaedah pelupusan. Sistem FIN e-Procurement Plus pula berada di peringkat proses latihan pelaksanaan kepada pengguna.

Bengkel Polisi RMI pada 10 hingga 12 April 2015 telah bersetuju menambah proses pengisytiharan harta, custodian dan lokasi terakhir pada proses penghantaran laporan akhir sebelum menamatkan projek penyelidikan. Verifikasi harta RMI akan dipertanggungjawabkan pada Unit Pemantauan RMI. Borang Aku Janji juga telah diwujudkan dan akan dikuatkuasakan penggunaannya serta merta bagi memastikan penyelidik menyedari tanggungjawab untuk menjaga aset di bawah seliaan masing-masing sama ada dalam tempoh penyelidikan atau selepas projek tamat.

10.5 SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan diuruskan dengan teratur dan UiTM mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang dibuat serta perkara yang berbangkit tidak berulang, adalah disyorkan UiTM mengambil tindakan terhadap perkara berikut :

10.5.1 UiTM hendaklah memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan dengan meningkatkan sistem kawalan dalaman bagi modul perolehan dalam sistem FAIS untuk mengelakkan pecah kecil. UiTM juga perlu memastikan Sistem FAIS mempunyai sekatan yang dapat menghalang perolehan melalui pembelian terus sekiranya telah melebihi had yang ditetapkan.

10.5.2 UiTM perlu membuat perancangan lebih awal daripada segi perpindahan program dan aset yang terlibat ke kampus lain bagi mengelakkan berlakunya pembelian bekalan yang tidak sepatutnya dan menjurus ke arah pembaziran.

10.5.3 UiTM hendaklah mempertingkatkan tahap pengurusan pelupusan dan kehilangan dengan memastikan pelupusan dan pelaporan kehilangan dilakukan mengikut peraturan dan dalam tempoh yang ditetapkan.

10.5.4 UiTM hendaklah melaksanakan pemantauan secara menyeluruh terhadap perolehan yang dilakukan oleh setiap PTJ termasuk kampus UiTM cawangan bagi memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan dan pengurusan aset adalah teratur.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.

11.1 LATAR BELAKANG

11.1.1 Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah sebuah universiti teknikal yang ditubuhkan pada tahun 2002 di bawah Seksyen 8, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. UMP menawarkan pelbagai program teknikal berteraskan kejuruteraan dan teknologi. Dalam bidang penyelidikan pula, UMP memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek industri bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran di samping mempromosikan aktiviti pengkomersialan produk penyelidikan. UMP mempunyai dua kampus tetap yang terletak di Pekan dan Gambang, Pahang.

11.1.2 Objektif penubuhan UMP adalah untuk melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif serta menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri. UMP berhasrat menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan *niche* dan bidang kepakaran. Selain itu, UMP menetapkan sasarannya untuk diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

11.1.3 Selaras dengan objektif tersebut, UMP telah membuat perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan secara pembelian terus, sebut harga dan tender bernilai RM364.72 juta dari tahun 2012 sehingga 2014 seperti jadual berikut:

JADUAL 11.1: PEROLEHAN UMP BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

KAEDAH PEROLEHAN	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Pembelian Terus	75.89	64.78	51.49
Sebut Harga	20.12	22.70	24.66
Tender	15.81	27.33	43.48
Rundingan Terus	2.24	6.00	10.22
JUMLAH	114.06	120.81	129.85

Sumber: Jabatan Bendahari

11.1.4 Jabatan Bendahari dan Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH) bertanggungjawab menguruskan perolehan secara tender, sebut harga dan rundingan terus berdasarkan permohonan daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ) manakala perolehan secara pembelian terus diuruskan oleh PTJ. PTJ bertanggungjawab untuk memastikan penggunaan, penyimpanan dan keselamatan peralatan yang dibeli supaya berada dalam keadaan baik, boleh digunakan dan selamat.

11.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan perolehan UMP telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

11.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan proses dan prosedur bagi 4 kaedah perolehan yang diterima pakai oleh UMP serta pemantauan terhadap pengurusan perolehan bagi tahun 2012 sehingga 2014. Selain itu, penerimaan, penyimpanan, penggunaan, penyenggaraan dan pelupusan serta penyelenggaraan rekod turut diaudit. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dokumen dan rekod, menemu bual pegawai yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal terhadap sampel yang dipilih termasuklah lawatan ke 9 lokasi iaitu Jabatan Bendahari, JPPH, Kafeteria Koperasi UMP Kampus Pekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Institut Pengajian Siswazah (IPS), Asrama 576 Kg. Jalan Tegak, Bangunan 72 Bilik Pensyarah, Kolej Kediaman Pelajar dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. *Exit Conference* telah diadakan pada 23 April 2015 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara pegawai yang hadir adalah Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pegawai kanan Universiti serta wakil Kementerian Kewangan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

11.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober sehingga November 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan UMP adalah memuaskan. Mekanisme pelupusan aset dan penyelenggaraan rekod kewangan di UMP adalah baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan pengurusan perolehan yang perlu diberi perhatian. Antara kelemahan adalah seperti berikut:

- i. Sebanyak 6 atau 20% daripada 30 sampel perolehan yang dibuat secara sebut harga dan tender yang bernilai RM7.18 juta lewat ditandatangani antara 55 hingga 438 hari iaitu melebihi syarat 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti.
- ii. Perbezaan harga perolehan kertas dan toner pencetak adalah antara 20% hingga 60%. Ada di antara perolehan tersebut dibuat daripada pembekal yang sama.
- iii. Sebanyak 89 peralatan bernilai RM83,170 diperoleh antara tahun 2012 hingga 2014 masih belum digunakan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

11.4.1 Prestasi Pengurusan Perolehan

11.4.1.1 Tatacara Perolehan

- a. Pengurusan perolehan UMP adalah berdasarkan kepada pekeliling dan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari, Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Manual Perolehan UMP dan Pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa. Urusan pemilihan petender dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan sebelum diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga, Lembaga Perolehan A atau Lembaga Perolehan B manakala pembayaran dibuat oleh Jabatan Bendahari. Pihak berkuasa yang melulus perolehan bagi setiap kaedah perolehan di UMP adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.2 : PIHAK BERKUASA MELULUS PEROLEHAN DI UMP

JENIS PEROLEHAN / HAD NILAI	KAEDAH PELAWAAN	KUASA MELULUS
PEMBELIAN TERUS		
Sehingga RM50,000	-	Pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal
SEBUT HARGA		
Perolehan bekalan/ perkhidmatan dari RM50,000 – RM500,000	Mempelawa sebut harga di kalangan 5 pembekal tempatan	Jawatankuasa Sebut Harga
Perolehan kerja melebihi RM20,000 – RM200,000	Mempelawa 5 kontraktor tempatan Kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia	
Perolehan kerja melebihi RM200,000 – RM500,000	Mempelawa 5 kontraktor tempatan Kelas E yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia	
TENDER		
Melebihi RM500,000 – RM20 juta	Iklan Akhbar	Lembaga Perolehan B 1. Naib Cancellor (Pengerusi) 2. Pendaftar 3. Bendahari 4. Dekan Fakulti 5. Pengarah Kerja 6. Wakil Kementerian Pendidikan
Melebihi RM20 juta	Iklan Akhbar	Lembaga Perolehan A 1. Naib Cancellor (Pengerusi) 2. Pendaftar 3. Bendahari 4. Dekan Fakulti 5. Pengarah Kerja 6. Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan 7. Wakil Kementerian Pendidikan

Sumber: Jabatan Bendahari

Pada pendapat Audit, UMP telah menetapkan peraturan dan prosedur yang jelas bagi menguruskan perolehannya.

11.4.1.2 Kelemahan Pengurusan Kontrak

- a. Berdasarkan PKPU, kontrak hendaklah ditandatangani selepas semua syarat dipersetujui kedua-dua pihak selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST). Peraturan tersebut menghendaki satu ikatan kontrak diwujudkan di antara kedua-dua pihak setelah SST ditandatangani dan dikembalikan oleh petender kepada Agensi.
- b. Semakan Audit mendapati 6 atau 20% daripada 30 sampel perolehan yang dibuat secara sebut harga dan tender yang bernilai RM7.18 juta lewat ditandatangani antara 55 hingga 438 hari iaitu melebihi syarat 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan seperti yang ditetapkan dalam PKPU. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 11.3 : KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

PROJEK	KOS (RM)	TARIKH SST	TARIKH KONTRAK SEPATUTNYA DITANDATANGANI (a)	TARIKH TAMAT KONTRAK	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI (b)	TEMPOH KELEWATAN (HARI) (c) = (b-a)
Perolehan peralatan CNC Machine	475,200	10.07.2013	10.11.2013	06.11.2013	22.01.2015	438
Perolehan Peralatan bagi Semi Anechoic Chamber di NVH Laboratory	487,600	11.06.2012	11.10.2012	17.09.2012	04.07.2013	266
Perkhidmatan Penyewaan Kenderaan	458,400	16.12.2013	16.04.2014	02.03.2016	08.08.2014	114
Network Facilities for Asrama 576 Kg. Jalan Tegak, UMP	737,373	19.12.2013	19.04.2014	20.02.2014	24.06.2014	66
Bangunan 72 Bilik Pensyarah Serta Kerja-kerja berkaitan di Kampus Gambang, UMP	4,590,143	08.10.2013	08.02.2014	27.03.2014	10.04.2014	61
Network Infrastructures for IPS & FTECH	433,000	11.12.2012	11.04.2013	17.05.2013	05.06.2013	55
JUMLAH	7,181,716					

Sumber: Jabatan Bendahari

- c. Perolehan peralatan CNC Machine berjumlah RM475,200 oleh Fakulti Kejuruteraan Pembuatan sepatutnya diterima pada 6 November 2013 tetapi hanya diterima pada 14 Februari 2014 iaitu lewat sebanyak 100 hari dan bayaran penuh telah dibuat oleh UMP pada 27 Mac 2014. Kontraktor telah membayar penalti kelewatan sebanyak RM11,880 iaitu 2.5% daripada harga tawaran kontrak. Kontrak perolehan ini hanya ditandatangani pada 22 Januari 2015.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak yang tidak teratur boleh menyebabkan kepentingan UMP tidak dilindungi dan tindakan undang-undang

tidak dapat diambil sekiranya kontraktor gagal melaksanakan tanggungjawabnya.

Maklum balas daripada UMP diterima pada 16 dan 24 April 2015

UMP memaklumkan bagi kontrak Perkhidmatan Penyewaan Kenderaan yang mengambil masa 240 hari adalah dalam tempoh sewaan mengikut penyempurnaan pembekalan kenderaan dan tarikh mula sewa adalah 3 Mac 2014. Kontrak ini adalah kontrak bermasa dan dibuat mengikut peraturan PKPU dan PK4/2013.

Kontraktor gagal dihubungi selepas pembekalan peralatan CNC Machine dibuat bagi menandatangani dokumen kontrak. Kontraktor berjaya dihubungi pada Januari 2015 dan memaklumkan bahawa syarikat berandaian kontrak tidak perlu ditandatangani bagi pembekalan yang telah sempurna dan penalti yang telah dibayar.

Seterusnya, Unit Perolehan telah mengambil tindakan dengan mengemaskan setiap fail projek iaitu satu senarai semak "Pemantauan Penyediaan Kontrak Sebut harga/Tender" dan menetapkan seorang staf yang bertanggungjawab secara khusus untuk tujuan penyediaan dan pemantauan kontrak perjanjian.

11.4.1.3 Perbezaan Harga Bagi Perolehan Bekalan Pejabat

- a. Berdasarkan PKPU, objektif perolehan UMP adalah untuk menguruskan perolehan secara cekap, berkesan dan paling menguntungkan. Selain itu, perolehan hendaklah dibuat pada harga yang paling berpatutan dengan mengambil kira kualiti, kuantiti dan tempoh penyerahan atau tempoh siap yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit secara sampel dengan mengambil 2 jenis barangan yang diperolehi oleh PTJ mendapati perbezaan harga perolehan kertas dan toner pencetak adalah antara 20% hingga 60%. Perbezaan harga tersebut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.4 : PERBANDINGAN HARGA BAGI PEROLEHAN ITEM YANG SAMA DIBUAT MENGIKUT PTJ

BIL.	JENIS PERALATAN	PTJ	NAMA PEMBEKAL	TARIKH INVOIS	HARGA SEUNIT (RM)	PERBEZAAN HARGA (%)
1.	Toner Pencetak HP CB435A	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	Idaman Unggul Resources	22.05.2014	150	60.0
		Jabatan Penyelidikan Dan Inovasi	Bermula Jaya Trading	11.07.2014	240	
2.	Toner Pencetak HP CE505A	Jabatan Pembangunan Dan Pengurusan Harta (JPPH)	Idaman Unggul Resources	27.12.2013	198	44.4

BIL.	JENIS PERALATAN	PTJ	NAMA PEMBEKAL	TARIKH INVOIS	HARGA SEUNIT (RM)	PERBEZAAN HARGA (%)
		FKP	NTH Marketing Sdn Berhad	12.12.2014	286	
3.	Toner Pencetak HP Q7553A	JPPH	Idaman Unggul Resources	27.12.2013	202	26.2
		Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	Saujana Office Supply	05.12.2014	255	
4.	Kertas A4 80gsm Indah Kiat	Jabatan Pendaftar	Bee Office Supply	09.09.2014	7.90	20.3
		Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	NTH Marketing Sdn Berhad	12.12.2014	9.50	
5.	Toner Pencetak HP CE285A	Jabatan Pendaftar	Ayat Computer Centre	17.03.2014	175	20.0
		Bahagian Jaringan Industri & Kemasyarakatan (BJIM)	Saujana Office Supply	03.12.2014	210	

Sumber: Jabatan Bendahari

Pada pendapat Audit, perolehan tanpa kajian pasaran yang menyeluruh boleh menyebabkan UMP tidak mendapat harga yang berpatutan dan *value for money* bagi perolehan yang dibuat.

Maklum balas daripada UMP diterima pada 16 dan 24 April 2015

UMP memaklumkan perolehan di bawah RM50 ribu telah dinyah pusat kepada PTJ. Setiap PTJ akan membuat perolehan bekalan habis guna mengikut keperluan PTJ itu. Hal ini telah menyebabkan perbezaan harga memandangkan kuantiti yang dipesan adalah berbeza. Keadaan keperluan yang mendesak juga merupakan faktor yang menyumbang kepada perbezaan harga. Bagi mengatasi masalah ini, pihak pengurusan telah meluluskan sistem perolehan secara panel di mana harga perolehan diikat selama setahun.

UMP juga telah mewujudkan satu pelan tindakan bagi memantapkan pengurusan perolehan bekalan pejabat supaya lebih cekap, berkesan dan paling menguntungkan termasuk mendapat harga yang paling berpatutan.

11.4.2 Peralatan Belum Digunakan

PKPU menetapkan semua aset UMP hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Semakan Audit mendapati sebanyak 89 peralatan bernilai RM83,170 yang diperolehi antara tahun 2012 hingga 2014 masih belum digunakan seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 11.5 : PERALATAN YANG MASIH BELUM DIGUNAKAN

PERALATAN	TARIKH TERIMA	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI (UNIT)	JUMLAH (RM)	CATATAN
Meja belajar	28.08.2012	270	42	11,340	UMP memaklumkan belum ada keperluan menggunakannya.
Almari	28.08.2012	294	25	7,350	UMP memaklumkan belum ada keperluan menggunakannya.
Dapur masak	14.07.2014	2,500	1	2,500	UMP memaklumkan belum ada keperluan menggunakannya.
Peralatan Agilent 1. <i>Digital RF Communication Teaching Slides and Training Kit (ME1100-300)</i> 2. <i>Antenna & Propagation Training Kit (ME1300-200)</i> 3. <i>EMI & EMC Training Kit (ME1400-200)</i>	16.01.2014	8,448 4,288 2,712	1 1 1	15,448	UMP memaklumkan bilik untuk menempatkan peralatan tersebut sedang dibaiki.
Peralatan Festo 1. <i>Festo Profile 1100x700, model: DE-PP-1100</i> 2. <i>Festo Timer model: ETER1-MOD-TIMER, TIMER 0.5-10SEC ELEC</i> 3. <i>Festo Edutrainer model: ET-BG-POSCOUNT</i> 4. <i>Festo Electric P/B Input Block model: ETER1-MOD-SIG-IN</i> 5. <i>Festo Multiple Relay Block model: ETER1-MOD-RELAY</i> 6. <i>Festo Block model: ETER1-MOD-SIG-OUT</i>	18.09.2013	4,118 3,444 3,340 2,112 2,018 2,007	2 2 2 4 4 4	46,532	UMP memaklumkan belum ada keperluan menggunakannya.
JUMLAH			89	83,170	

Sumber: Jabatan Bendahari

GAMBAR 11.1

**Meja Belajar Yang Bernilai RM11,340
Belum Digunakan Sejak 28 Ogos 2012**



Lokasi: Kolej Kediaman 3
Tarikh: 30 Oktober 2014

GAMBAR 11.2

**Almari Yang Bernilai RM7,350 Belum
Digunakan Sejak 28 Ogos 2012**



Lokasi: Kolej Kediaman 2
Tarikh: 30 Oktober 2014

GAMBAR 11.3
Dapur Masak 5 Tungku Yang Bernilai RM2,500 Belum Digunakan Sejak 14 Julai 2014



Lokasi: Kafetaria Koperasi UMP, Kampus Pekan
Tarikh: 30 Oktober 2014

GAMBAR 11.4
Peralatan Festo Yang Bernilai RM46,532 Belum Digunakan Sejak 18 September 2013



Lokasi: Makmal Electropneumatik, FKEE
Tarikh: 29 Oktober 2014

GAMBAR 11.5
Peralatan Agilent Yang Bernilai RM15,448 Belum Digunakan Sejak Diterima Pada 16 Januari 2014



Lokasi: Makmal Agilent, FKEE
Tarikh: 29 Oktober 2014

GAMBAR 11.6
Peralatan Agilent Yang Bernilai RM15,448 Belum Digunakan Sejak Diterima Pada 16 Januari 2014



Lokasi: Makmal Agilent, FKEE
Tarikh: 29 Oktober 2014

Pada pendapat Audit, peralatan yang telah dibeli tetapi belum digunakan adalah suatu pembaziran dan ia juga terdedah kepada risiko kecurian.

Maklum balas daripada UMP diterima pada 16 dan 24 April 2015

UMP memaklumkan :

- a. Pengubahsuaian rumah pelajar di Blok X di Kolej Kediaman 2 telah dijalankan bermula pada Jun 2012. Kerja pengubahsuaian ini telah siap sepenuhnya 7 Ogos 2012. Rumah-rumah tersebut adalah untuk kediaman pelajar pasca siswazah berkeluarga. Kerja-kerja pengeluaran perabot dari blok tersebut dijalankan 2 minggu sebelum tarikh mula kerja. Dalam masa**


yang sama, pembekalan perabot di bawah kontrak Nagasteel Equipment sedang dibuat. Tempoh bekalan perabot di bawah kontrak ini adalah pada 2 Mei sehingga 28 Jun 2012. Oleh sebab keperluan terhadap kediaman berkeluarga pasca siswazah adalah perlu dan mendesak maka pengubahsuaian perlu dilakukan dengan segera. Rumah-rumah di Blok X perlu dikosongkan sebelum kerja-kerja menaik taraf dijalankan. Oleh sebab kekangan tempat simpanan perabot berkenaan, pihak JHEPA telah mengambil keputusan untuk memindahkan perabot-perabot tersebut ke lokasi di Kolej Kediaman 1, 2 dan 3. Pengagihan perabot-perabot berkenaan telah dibuat setelah mendapat teguran Audit. Proses pengagihan dibuat setelah mengambil kira perabot-perabot sedia ada yang telah rosak. Stor di Kolej Kediaman 2 dan Kolej Kediaman 3 yang telah dikosongkan adalah seperti gambar berikut:

Stor Yang Telah Dikosongkan



Lokasi : Kolej Kediaman 3
Tarikh: 24 April 2015

Stor Yang Telah Dikosongkan



Lokasi: Kolej Kediaman 2
Tarikh: 24 April 2015

- b. *Kafeteria ini dirancang untuk menyediakan kemudahan makanan kepada pelajar sehingga tahun 2020. Walau bagaimanapun dapur tersebut telah digunakan demi memastikan kemudahan tersebut dapat dimanfaatkan sebaiknya kepada pelajar.*
- c. *Peralatan Agilent ini telah dibeli secara pakej daripada Agilent Technologies Sdn. Berhad melalui ATM Solutions (M) Sdn Berhad melalui perkongsian bagi tujuan P&P. Pada tahun 2014, hampir tiga perempat daripada keseluruhan peralatan telah digunakan bagi tujuan P&P. Kesemua peralatan di atas telah mula digunakan sejak awal tahun 2015 apabila kursus-kursus baru yang lain ditawarkan kepada para pelajar. Oleh itu, semua peralatan Agilent yang telah dibeli dan diterima pada awal tahun 2014 telah pun digunakan sepenuhnya bagi tujuan P&P di FKEE. Selain itu,*

peralatan Agilent ini juga telah digunakan bagi tujuan program latihan tambahan kepada para pelajar tahun akhir dan juga para pensyarah UMP yang berminat untuk mempelajari bidang ini secara lebih mendalam.

d. Staf yang membuat pembelian komponen peralatan Festo tersebut telah memaklumkan kepada pengajar kursus yang terlibat berkenaan tambahan komponen dan peralatan yang dibeli. Namun, berkemungkinan pengajar yang terlibat pada semester tersebut menggunakan peralatan sedia ada kerana beberapa keadaan seperti berikut:

- i. Ada sesi pengajaran yang kurang daripada 30 orang pelajar. Oleh itu, station yang mempunyai peralatan rosak tidak digunakan.*
- ii. Nisbah pelajar dan station masih antara 2 hingga 3 pelajar bagi setiap station walaupun jika satu atau dua station tidak digunakan.*
- iii. Peralatan yang rosak kadang kala bersifat sementara.*

11.4.3 Pemantauan

11.4.3.1 Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan membolehkan tindakan diambil dengan kadar segera untuk memperbaiki atau menyelesaikannya.

11.4.3.2 Semakan Audit mendapati UMP telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap pengurusan kontrak perolehan UMP. Pemantauan dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah, mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Akaun yang telah diadakan sekali dalam tempoh 3 bulan seperti yang ditetapkan. Jabatan Bendahari turut memantau pelaksanaan projek melalui Laporan Wang Jaminan Pelaksanaan bagi setiap kontrak secara sebut harga dan tender. Semakan lanjut mendapati mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek, Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Pemilihan telah dilaksanakan dengan teratur.

Pada pendapat Audit, UMP telah mewujudkan mekanisme pemantauan yang baik.

11.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan UMP mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

11.5.1 UMP hendaklah memastikan bekalan/peralatan digunakan secara optimum bagi mengelakkan pembaziran.

11.5.2 UMP hendaklah memastikan wujud koordinasi antara PTJ dalam membuat perolehan bekalan berbentuk guna sama supaya harga yang berpatutan dapat diperolehi.

11.5.3 UMP hendaklah memastikan pengurusan kontrak diuruskan dengan teratur dan dokumen kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan UMP.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.



BAHAGIAN II

**PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

12

PENDAHULUAN

12.1 Akta Audit 1957, Seksyen 5(1)(d) memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50 peratus modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan sekiranya mendapat perintah daripada Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan itu, satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 telah diwartakan pada 30 Oktober 2013 untuk menggantikan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap 323 syarikat subsidiari dan syarikat sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan.

12.2 Objektif penubuhan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan adalah untuk melaksanakan pelbagai aktiviti seperti perniagaan, pelaburan dan sosio ekonomi. Pelaksanaan penubuhannya adalah bagi mendapat keuntungan dan pulangan yang munasabah serta memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada orang awam.

12.3 Penyata kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari Badan Berkanun Persekutuan diaudit oleh juruaudit yang dilantik selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965. Sebanyak 8 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah diaudit untuk sesi pembentangan kedua tahun 2015 di Parlimen. Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan Kementerian berkenaan juga dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan. Maklum balas yang diterima daripada syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan telah diambil kira dalam Laporan ini. Syarikat yang diaudit adalah seperti jadual berikut:

BIL.	SYARIKAT	TAHUN DITUBUHKAN	MODAL DIBENARKAN (RM Juta)	MODAL BERBAYAR (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA
1.	ABM (Selangor) Sdn. Berhad	27.09.1996	5.00	4.10	Menyediakan latihan kemahiran binaan bagi tenaga kerja binaan Malaysia.
2.	ABM (Terengganu) Sdn. Berhad	05.05.1997	5.00	3.00	
3.	ABM (Johor) Sdn. Berhad	05.05.1997	5.00	1.50	
4.	ABM (Utara) Sdn. Berhad	18.06.1998	5.00	0.50	
5.	ABM (Sarawak) Sdn. Berhad	30.06.2000	5.00	1.00	
6.	ABM (Sabah) Sdn. Berhad	05.03.2001	5.00	0.50	
7.	Kolej RISDA Sdn. Berhad	08.01.1999	25.00	15.05	Mengurus dan mengendalikan institusi pendidikan tinggi yang menawarkan program latihan dan pendidikan di dalam pelbagai bidang pengajian yang diiktiraf.
8.	RISDA Bina Sdn. Berhad	26.08.1993	5.00	2.02	Pemaju hartanah, kontraktor dan juga perunding pengurusan projek.

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

12.4 Ringkasan penemuan Audit terhadap 8 syarikat tersebut adalah seperti berikut :

SYARIKAT	PRESTASI KEWANGAN	PENGURUSAN AKTIVITI	TADBIR URUS KORPORAT	PENGURUSAN KEWANGAN
6 Syarikat Akademi Binaan Malaysia	Baik	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Kurang Memuaskan
Kolej RISDA Sdn. Berhad	Baik	Memuaskan	Baik	Memuaskan
RISDA Bina Sdn. Berhad	Baik	Kurang Memuaskan	Baik	Baik

13

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Pengurusan Syarikat Akademi Binaan Malaysia

13.1 LATAR BELAKANG

13.1.1 Akademi Binaan Malaysia (ABM) adalah platform Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk menyediakan latihan kemahiran binaan bagi tenaga kerja binaan Malaysia. Secara keseluruhan, terdapat 6 syarikat ABM di Malaysia iaitu Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Selangor) Sdn. Berhad (ABM Tengah), Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Terengganu) Sdn. Berhad (ABM Timur), Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Berhad (ABM Selatan), Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Utara) Sdn. Berhad, Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Berhad dan Syarikat Akademi Binaan Malaysia (Sabah) Sdn. Berhad. Kesemua syarikat ABM ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan merupakan syarikat subsidiari CIDB Holdings Sdn. Berhad (CIDBH) iaitu sebuah syarikat milik penuh CIDB. Maklumat terperinci setiap syarikat ABM adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.1 : TARIKH PENUBUHAN DAN PEMILIKAN MODAL SERTA PEGANGAN SAHAM ABM

ABM	TARIKH PENUBUHAN	MODAL DIBENARKAN (RM)	MODAL BERBAYAR (RM)	PEMILIKAN SAHAM (%)	
				CIDBH	LAIN - LAIN
Tengah	27.09.1996	5,000,000	4,100,000	75	25
Timur	05.05.1997	5,000,000	3,000,000	90	10
Selatan	05.05.1997	5,000,000	1,500,000	95	5
Utara	18.06.1998	5,000,000	500,002	100	-
Sarawak	30.06.2000	5,000,000	1,000,000	100	-
Sabah	05.03.2001	5,000,000	500,002	100	-

Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

13.1.2 Fungsi utama ABM antaranya adalah seperti berikut:

- Melahirkan lebih ramai pekerja binaan tempatan yang mahir dan separuh mahir supaya dapat mengurangkan pergantungan negara kepada tenaga pekerja asing;
- Menyediakan kursus kemahiran binaan yang lebih tersusun dan diiktiraf, dikendalikan oleh tenaga pengajar profesional yang berpengalaman luas serta terlatih; dan
- Melahirkan tenaga kerja binaan yang produktif, mempunyai kesedaran terhadap keselamatan, berorientasi kualiti dan cekap bagi memenuhi keperluan industri pembinaan yang semakin berubah.

13.1.3 ABM mempunyai 6 hingga 9 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Ketua Eksekutif CIDB, Ketua Eksekutif CIDB Holdings, Pengarah CIDB Negeri, Pengurus Besar Kanan atau Pengurus Besar CIDB dan seorang wakil dari industri pembinaan. Keahlian Lembaga Pengarah bagi setiap ABM adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.2 : AHLI LEMBAGA PENGARAH 6 ABM SETAKAT BULAN DISEMBER 2014

ABM	PENGARAH	TARIKH LANTIKAN	JAWATAN
Utara	Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim	11.08.2011	Ketua Eksekutif CIDB Pengerusi CIDB Holdings Sdn. Berhad
	Mohd Nazli Bin Ahmad Mahyadin	07.04.2006	Pengurus Besar Bahagian Penguatkuasa dan Tatatertib CIDB
	Sr. Abdul Latif Bin Hitam	01.01.2011	Ketua Eksekutif CIDB Holdings Sdn. Berhad
	Abdul Razak Bin Husin	01.10.2011	Pengurus Besar Unit Undang-undang CIDB
	Ir. Sharifudin Bin Che Omar	30.07.2012	Pengarah CIDB Kedah
	Ir. Raslim Bin Salleh	01.11.2012	Pengarah CIDB Pulau Pinang
	Ismail Bin Mat Nor	01.11.2012	Pengarah CIDB Perak
Timur	Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim	24.08.2011	Ketua Eksekutif CIDB Pengerusi CIDB Holdings Sdn. Berhad
	Sr. Abdul Latif Bin Hitam	01.01.2011	Ketua Eksekutif CIDB Holdings Sdn. Berhad
	Ir. Mukhtar Bin Che Ali	01.10.2011	Pengurus Besar Bahagian Binaan CIDB
	Ida Zuraida Binti Mohd Yusof	01.05.2005	Pengurus Besar Bahagian Sektor dan Levi CIDB
	Rosni @ Mohd Rosni Bin Salim	20.10.2003	Pengurus Besar Terengganu Safety Training Centre Sdn. Berhad
	Rozali Bin Salleh	26.09.2013	Ketua Pegawai Eksekutif Kolej TESDEC
	Ahmad Farrin Bin Mokhtar	01.11.2012	Pengarah CIDB Terengganu
	Jasmi Bin Mohd Salleh	01.11.2012	Pengarah CIDB Kelantan
	Suhaimi Bin Mansor	01.11.2012	Pengarah CIDB Pahang

ABM	PENGARAH	TARIKH LANTIKAN	JAWATAN
Tengah	Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim	09.09.2011	Ketua Eksekutif CIDB Pengerusi CIDB Holdings Sdn. Berhad
	Sr. Abdul Latif Bin Hitam	01.01.2011	Ketua Eksekutif CIDB Holdings Sdn. Berhad
	Haji Suhaimi Bin Kamarulzaman	19.03.2012	Presiden Kumpulan Darul Ehsan
	Othman Bin Razali	02.09.2008	Pengarah CIDB Wilayah Persekutuan
	Mohd Zaid Bin Zakaria	03.09.2012	Pengarah CIDB Selangor
	Siti Fatimah Binti Abu Idrus	14.11.2005	Pengurus Besar Bahagian Perancangan Dan Koordinasi CIDB
	Noridah Binti Shafii	14.11.2005	Pengurus Besar, Bahagian Perniagaan CIDB
Selatan	Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim	20.09.2011	Ketua Eksekutif CIDB Pengerusi CIDB Holdings Sdn. Berhad
	Abdul 'Alim Bin Abd Shukor	27.08.2010	Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Berhad
	Sr. Abdul Latif Bin Hitam	01.01.2011	Ketua Eksekutif CIDB Holdings Sdn. Berhad
	Sariah Binti Abd Karib	01.01.2007	Pengurus Besar Kanan Bahagian Pembangunan Perniagaan CIDB
	Dato' Ir. Rohaizi Bin Mohd Jusoh	11.12.1997	Pengurus Besar CIDB
	Zaini Bin Jalil	03.04.2008	Pengarah CIDB Johor
	Norlida Binti Nabil	08.11.2012	Pengarah CIDB Melaka
Sarawak	Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim	24.08.2011	Ketua Eksekutif CIDB Pengerusi CIDB Holdings Sdn. Berhad
	Sr. Abdul Latif Bin Hitam	24.08.2011	Ketua Eksekutif CIDB Holdings Sdn. Berhad
	Megat Kamil Azmi Bin Megat Rus Kamarani	19.11.2001	Pengurus Besar Kanan, Sektor Operasi, CIDB
	Ir. Elias Bin Ismail	03.11.2005	Pengurus Besar Kanan, Sektor Pengurusan, CIDB
	Mohd Merzan Bin Hashim	02.05.2006	Pengurus CIDB Wilayah Sarawak
	Asnawi Bin Alias	11.10.2011	Pengurus Besar, Bhg. Pentadbiran & Pembangunan Sumber Manusia, CIDB
Sabah	Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim	24.08.2011	Ketua Eksekutif CIDB Pengerusi CIDB Holdings Sdn. Berhad
	Sr. Abdul Latif Bin Hitam	05.03.2001	Ketua Eksekutif CIDB Holdings Sdn. Berhad
	Haji Zulkifli Bin Mohd Don	03.09.2012	Pengurus Enterprise
	Noraini Binti Bahri	02.09.2008	Pengurus Bahagian Teknologi, Sektor Pembangunan, CIDB
	Ir. Ahamad Asri Bin Abdul Hamid	01.10.2011	Pengurus Besar Kanan Sektor Pembangunan CIDB
	Othman Bin Safar	07.01.2002	Pengarah CIDB Negeri Sabah

Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

13.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhan syarikat.

13.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2012 sehingga 2014 di semua 6 ABM. Prestasi kewangan dinilai berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 sehingga 2013. Semakan dibuat terhadap fail, dokumen dan laporan berkaitan serta temu bual dengan pegawai bertanggungjawab dan pemeriksaan fizikal aset diadakan di semua 6 ABM. *Exit Conference* telah diadakan pada 9 April 2015 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya. Antara pegawai yang hadir ialah Ketua Eksekutif CIDB dan CIDBH, 6 Ketua Pegawai Operasi ABM dan pegawai-pegawai kanan CIDB, CIDBH dan ABM.

13.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei sehingga Disember 2014 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan di semua 6 ABM adalah baik manakala tadbir urus korporat adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti terhadap Program Latihan adalah baik manakala pengurusan peralatan dan kemudahan latihan serta pengurusan kewangan adalah kurang memuaskan. Ringkasan penemuan bagi setiap ABM adalah seperti berikut:

JADUAL 13.3 : RINGKASAN PRESTASI PENGURUSAN ABM

ABM	PRESTASI KEWANGAN	PENGURUSAN AKTIVITI		TADBIR URUS KORPORAT	PENGURUSAN KEWANGAN
		PROGRAM LATIHAN	PERALATAN DAN KEMUDAHAN LATIHAN		
Utara	Baik	Baik	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Kurang Memuaskan
Timur	Memuaskan	Baik	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Kurang Memuaskan
Tengah	Baik	Baik	Memuaskan	Memuaskan	Kurang Memuaskan
Selatan	Memuaskan	Baik	Memuaskan	Baik	Memuaskan
Sarawak	Baik	Baik	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Kurang Memuaskan
Sabah	Baik	Baik	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Kurang Memuaskan

Sumber: 6 ABM Sdn. Berhad

Antara penemuan yang perlu diberi perhatian untuk tujuan penambahbaikan di semua 6 ABM adalah seperti berikut:

- i. Pencapaian bilangan pelatih program Akreditasi bagi tahun 2012 sehingga 2014 adalah rendah berbanding sasaran kecuali pencapaian ABM Timur dan ABM Utara pada tahun 2014.
- ii. Pengurusan peralatan dan kemudahan latihan yang kurang memuaskan disebabkan perkara berikut:
 - Sebanyak 4 pelbagai jentera terpakai bernilai RM1.34 juta bagi 2 ABM masih belum dibekalkan sehingga tarikh pengauditan walaupun bayaran penuh sejumlah RM7.14 juta telah dijelaskan oleh CIDB.
 - Sebanyak 6 pelbagai jentera terpakai bernilai RM1.75 juta telah digantikan dengan 5 jentera lain dengan nilai RM875,000 iaitu kurang sejumlah RM875,000 daripada nilai kontrak. Kesan kekurangan pembekalan jentera, 4 ABM masih menyewa 4 jentera lain dengan nilai sewaan berjumlah RM563,480 bagi tempoh 2013 sehingga bulan Mac 2015.
 - Sebanyak 9 pelbagai jentera terpakai bernilai RM1.76 juta yang dibekalkan kepada 5 ABM antara bulan Mac sehingga Julai 2013 mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan.
 - Sebanyak 31 pelbagai jentera terpakai lewat diterima antara 23 hingga 187 hari.
 - Peralatan latihan belum digunakan dan tidak disimpan dengan teratur.
 - Kemudahan kampus ABM tidak digunakan secara optimum, terbiar dan tidak disenggarakan.
- iii. Terimaan lewat diserahkan ke bank oleh ABM Selatan, ABM Sarawak dan ABM Sabah antara 3 hingga 18 hari berjumlah RM2.18 juta.
- iv. Terimaan hasil digunakan bagi menampung perbelanjaan panjar wang runcit yang tidak mencukupi di ABM Utara dan ABM Tengah.
- v. Sebanyak 11 Penyata Penyesuaian Bank menunjukkan catatan baki tunai di Penyata Penyesuaian Bank berbeza dengan jumlah baki pada Buku Tunai antara RM2,960 dan RM62,161 di ABM Tengah.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

13.4.1 Prestasi Kewangan

Analisis trend dan nisbah terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 sehingga 2013 telah dilaksanakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan ABM bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah seperti berikut:

13.4.1.1 Analisis Trend


Pendapatan utama ABM diperoleh daripada yuran latihan yang dibiayai oleh CIDB, yuran program yang dijana oleh ABM sendiri serta pendapatan lain. Sepanjang tempoh 5 tahun dari tahun 2009 sehingga 2013, keuntungan atau kerugian selepas cukai ABM menunjukkan trend meningkat atau menurun yang tidak konsisten. Lima ABM telah mencatatkan keuntungan selepas cukai secara berterusan manakala ABM Timur mengalami kerugian selepas cukai pada tahun 2011 tetapi memperoleh semula keuntungan selepas cukai berjumlah RM490,953 pada tahun 2012 dan sejumlah RM494,788 bagi tahun 2013. Trend keuntungan atau kerugian selepas cukai bagi tempoh 2009 sehingga 2013 di semua 6 ABM adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 13.4 : KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013

ABM	KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI (RM)				
	2009	2010	2011	2012	2013
Utara	203,536	326,577	390,160	939,485	320,104
Timur	663,533	132,152	(461,589)	490,953	494,788
Tengah	747,147	155,576	181,222	214,459	706,524
Selatan	1,506,605	355,285	514,836	133,332	669,475
Sarawak	899,690	138,010	124,366	97,323	254,160
Sabah	1,006,314	234,052	289,706	197,201	577,781

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

CARTA 13.1 : KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

13.4.1.2 Analisis Nisbah Kewangan

Analisis terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 sehingga 2013 bertujuan menentukan tahap prestasi kewangan ABM yang meliputi Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih, Pulangan Atas Aset dan Pulangan Atas Ekuiti. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti semasa syarikat. Semakin tinggi nisbah ini menunjukkan semakin tinggi kecairan syarikat. Nisbah Semasa bagi 3 ABM iaitu ABM Timur, ABM Tengah dan ABM Sabah melebihi 2 secara berterusan untuk tempoh 2009 sehingga 2013, manakala ABM Utara, ABM Selatan dan ABM Sarawak adalah melebihi 1 bagi tempoh 5 tahun. Nisbah Semasa tertinggi dicatatkan oleh ABM Tengah iaitu 9.86 kali pada tahun 2012 manakala yang terendah dicatatkan oleh ABM Sarawak iaitu 1.44 kali pada tahun 2013. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.5 : NISBAH SEMASA

ABM	TAHUN				
	2009	2010	2011	2012	2013
Utara	2.58:1	2.07:1	1.97:1	2.87:1	1.96:1
Timur	2.12:1	2.78:1	3.80:1	3.38:1	2.70:1
Tengah	6.76:1	7.28:1	8.11:1	9.86:1	3.50:1
Selatan	2.12:1	2.67:1	4.53:1	3.14:1	1.80:1
Sarawak	1.48:1	1.59:1	1.82:1	1.67:1	1.44:1
Sabah	4.23:1	6.85:1	3.11:1	5.36:1	3.02:1

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperolehi. Kesemua ABM mencatatkan Margin Untung Bersih bernilai positif secara berterusan bagi tempoh 5 tahun kecuali ABM Timur yang mengalami kerugian pada tahun 2011. Margin Untung Bersih tertinggi dicatatkan oleh ABM Sabah iaitu 14.3% pada tahun 2009 manakala yang terendah dicatatkan oleh ABM Timur iaitu 1.3% pada tahun 2010. Analisis terhadap Margin Untung Bersih ABM bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.6 : MARGIN UNTUNG BERSIH

ABM	TAHUN / PERATUS				
	2009	2010	2011	2012	2013
Utara	2.0	3.6	3.8	9.0	2.2
Timur	5.5	1.3	(5.9)	4.7	4.4
Tengah	6.4	1.7	2.3	2.9	7.4
Selatan	12.8	4.4	4.8	1.8	8.2
Sarawak	13.8	2.3	2.1	1.6	3.0
Sabah	14.3	3.9	4.2	2.9	6.7

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

c. Pulangan Atas Aset

Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Kesemua ABM mencatatkan Pulangan Atas Aset bernilai positif secara berterusan bagi tempoh 5 tahun kecuali ABM Timur yang mengalami kerugian pada tahun 2011. Pulangan Atas Aset tertinggi dicatatkan oleh ABM Sarawak iaitu 25% pada tahun 2009 manakala yang terendah dicatatkan oleh ABM Selatan iaitu 1.4% pada tahun 2012. Analisis terhadap Pulangan Atas Aset ABM bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.7 : PULANGAN ATAS ASET

ABM	TAHUN / PERATUS				
	2009	2010	2011	2012	2013
Utara	2.9	4.2	4.6	11.2	3.1
Timur	10.2	2.3	(10.0)	9.0	7.2
Tengah	8.1	1.8	2.2	2.7	6.6
Selatan	20.8	4.9	8.3	1.4	5.5
Sarawak	25.0	3.9	3.8	2.5	4.5
Sabah	21.6	5.7	5.5	4.3	9.5

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

d. Pulangan Atas Ekuiti

Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan struktur modalnya. Pulangan Atas Ekuiti tertinggi dicatatkan oleh ABM Sabah iaitu 201.3% pada tahun 2009 manakala yang terendah dicatatkan oleh ABM Selatan iaitu 2.8% pada tahun

2012. Analisis terhadap Pulangan Atas Ekuiti ABM bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.8 : PULANGAN ATAS EKUITI

BUTIRAN	TAHUN / PERATUS				
	2009	2010	2011	2012	2013
Utara	4.6	6.9	7.7	15.6	5.3
Timur	17.6	3.4	(13.4)	12.5	11.3
Tengah	18.2	3.8	4.4	5.2	17.2
Selatan	37.4	7.6	10.5	2.8	12.6
Sarawak	66.6	9.3	7.8	5.7	13.3
Sabah	201.3	46.8	57.9	39.4	115.6

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Pada pendapat Audit, ABM telah menunjukkan prestasi kewangan yang baik kerana berupaya mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tahun 2009 sehingga 2013. Analisis nisbah juga menunjukkan ABM mempunyai keupayaan untuk menampung tanggungan semasa dan tahap kecekapan yang baik untuk menguruskan aset dan modalnya kecuali ABM Timur yang mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM461,589 pada tahun 2011.

13.4.2 Pengurusan Aktiviti

Akademi Binaan Malaysia ditubuhkan untuk menyediakan latihan kemahiran berkaitan pembinaan. Latihan dikendalikan oleh tenaga pengajar terlatih dan memenuhi tahap kecekapan kemahiran yang diperlukan oleh industri pembinaan negara. Modul latihan ABM disediakan oleh CIDB berasaskan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang menepati keperluan industri dan setaraf dengan standard kemahiran antarabangsa. Latihan yang ditawarkan di ABM antaranya adalah kerja bangunan, operasi kren, kerja awam, mekanikal dan elektrik serta kimpalan. Kumpulan sasaran ABM terdiri daripada pekerja binaan tempatan dan asing serta belia lepasan sekolah yang telah tamat belajar. Yuran latihan sama ada dibiayai sepenuhnya oleh CIDB bagi pelatih yang memenuhi kriteria yang ditetapkan, dibiayai oleh majikan atau pembiayaan sendiri oleh pelatih. Butiran program yang disediakan di ABM adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.9 : PROGRAM YANG DISEDIAKAN

PROGRAM	TUJUAN	KUMPULAN SASARAN	PEMBIAYAAN LATIHAN
Belia	Melahirkan belia yang berkemahiran, berkecekapan dan berdaya saing dalam industri pembinaan.	Belia Lepas Sekolah	CIDB
Personel Binaan	Melatih pekerja binaan sedia ada bagi mempertingkatkan tahap kecekapan di dalam bidang kemahiran yang diceburi.	Pekerja Binaan	CIDB

PROGRAM	TUJUAN	KUMPULAN SASARAN	PEMBIAYAAN LATIHAN
Akreditasi	Mengiktiraf atau memperakukan kemahiran pekerja binaan yang telah bekerja dan memperoleh kemahiran melalui pengalaman bekerja.	Pekerja Binaan Tempatan	CIDB
		Warga Asing	Pelanggan
Customised	Menyediakan modul latihan berdasarkan kehendak pelanggan dan industri pembinaan.	Pekerja Binaan	Pelanggan
Kad Hijau	Bertujuan memastikan semua pekerja binaan di tapak binaan telah mengikuti Kursus Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan.	Pekerja Binaan	Pelanggan

Sumber: Bahagian Latihan Syarikat

13.4.2.1 Prestasi Aktiviti

- a. Akademi Binaan Malaysia menyediakan pelan perancangan tahunan bagi semua program yang dijalankan merangkumi sasaran bilangan pelatih dan peruntukan yang diperlukan. Bagaimanapun, sasaran sebenar bilangan pelatih bagi Program Belia, Personel Binaan, Akreditasi dan Kad Hijau adalah berdasarkan kelulusan CIDB manakala sasaran sebenar bagi Program *Customised* adalah berdasarkan pelan perancangan tahunan ABM. CIDB menyediakan peruntukan tahunan untuk membiayai yuran latihan pelatih bagi Program Belia dan Personel Binaan serta yuran ujian Akreditasi manakala yuran bagi Program *Customised* dan Kad Hijau dibiayai sendiri oleh pelanggan. Pencapaian keseluruhan pengambilan pelatih mengikut program adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.10 : SASARAN DAN PENCAPAIAN BILANGAN PELATIH MENGIKUT PROGRAM BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

PROGRAM	2012			2013			2014		
	SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN	
		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)
Belia	4,466	4,576	102.5	4,979	5,814	116.8	5,771	6,066	105.1
Personel Binaan	15,750	15,292	97.1	17,409	21,738	124.9	22,627	25,151	111.2
Akreditasi	20,000	12,051	60.3	23,000	11,771	51.2	23,105	23,302	100.9
Customised	9,400	14,412	153.3	9,500	13,719	144.4	13,120	12,039	91.8
Kad Hijau	32,000	28,647	89.5	27,900	30,958	111.0	29,500	29,909	101.4
JUMLAH	81,616	74,978	108.8	82,788	84,000	98.6	94,123	96,467	97.6

Sumber: Bahagian Latihan Syarikat

- b. Butiran terperinci sasaran pelatih, personel binaan dan pelanggan serta pencapaian setiap ABM mengikut program bagi tahun 2012 sehingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.11 : SASARAN DAN PENCAPAIAN BILANGAN PELATIH PROGRAM BELIA BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

ABM	2012			2013			2014		
	SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN	
		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)
Utara	790	802	101.5	881	881	100.0	1,000	1,068	106.8
Timur	982	982	100.0	1,260	1,266	100.5	1,430	1,430	100.0
Tengah	600	541	90.2	600	703	117.2	770	660	85.7
Selatan	800	759	94.9	800	1,335	166.9	1,100	995	90.5
Sarawak	694	694	100.0	701	672	95.9	911	775	85.1
Sabah	600	798	133.0	737	957	129.9	560	1,138	203.2
JUMLAH	4,466	4,576	102.5	4,979	5,814	116.8	5,771	6,066	105.1

Sumber: Bahagian Latihan Syarikat

JADUAL 13.12 : SASARAN DAN PENCAPAIAN BILANGAN PELATIH PROGRAM PERSONEL BINAAN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

ABM	2012			2013			2014		
	SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN	
		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)
Utara	1,750	2,816	160.9	3,500	3,501	100.0	4,100	4,104	100.1
Timur	1,750	2,496	142.6	2,849	2,874	100.9	3,119	3,123	100.1
Tengah	3,000	2,224	74.1	2,700	3,487	129.1	3,500	4,954	141.5
Selatan	3,000	2,317	77.2	2,500	3,600	144.0	4,000	4,170	104.3
Sarawak	2,250	1,950	86.7	2,360	2,379	100.8	2,908	3,196	109.9
Sabah	4,000	3,489	87.3	3,500	5,897	168.5	5,000	5,604	112.1
JUMLAH	15,750	15,292	97.1	17,409	21,738	124.9	22,627	25,151	111.2

Sumber: Bahagian Latihan Syarikat

JADUAL 13.13 : SASARAN DAN PENCAPAIAN BILANGAN PELATIH PROGRAM AKREDITASI BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

ABM	2012			2013			2014		
	SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN	
		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)
Utara	2,500	1,707	68.3	5,000	3,359	67.2	5,460	11,659	213.5
Timur	3,500	3,010	86.0	5,000	3,824	76.5	3,195	3,406	106.6
Tengah	4,000	1,681	42.0	2,500	1,397	55.9	3,500	2,899	82.8
Selatan	5,000	3,304	66.1	5,000	1,924	38.5	5,450	3,128	57.4
Sarawak	3,000	900	30.0	3,000	900	30.0	3,000	1,338	44.6
Sabah	2,000	1,449	72.5	2,500	367	14.7	2,500	872	34.9
JUMLAH	20,000	12,051	60.3	23,000	11,771	51.2	23,105	23,302	100.9

Sumber: Bahagian Latihan Syarikat

**JADUAL 13.14 : SASARAN DAN PENCAPAIAN BILANGAN PELATIH PROGRAM
CUSTOMISED BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014**

ABM	2012			2013			2014		
	SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN	
		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)
Utara	3,500	3,872	110.6	3,500	3,815	109.0	3,500	3,572	102.1
Timur	1,400	2,067	147.6	1,000	1,505	150.5	2,820	2,926	103.8
Tengah	1,500	1,672	111.5	1,500	1,762	117.5	1,500	1,991	132.7
Selatan	1,000	2,145	214.5	1,000	262	26.2	1,800	1,873	104.1
Sarawak	500	1,186	237.2	500	546	109.2	500	435	87.0
Sabah	1,500	3,470	231.3	2,000	5,829	291.5	3,000	1,242	41.4
JUMLAH	9,400	14,412	153.3	9,500	13,719	144.4	13,120	12,039	91.8

Sumber: Bahagian Latihan Syarikat

**JADUAL 13.15 : SASARAN DAN PENCAPAIAN BILANGAN PELATIH PROGRAM KAD HIJAU
BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014**

ABM	2012			2013			2014		
	SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN	
		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)
Utara	5,500	3,191	58.0	5,000	6,656	133.1	5,000	6,436	128.7
Timur	5,500	5,020	91.3	5,400	5,029	93.1	6,000	6,035	100.6
Tengah	5,000	5,140	102.8	5,000	6,109	122.2	6,000	4,538	75.6
Selatan	5,000	7,479	149.6	5,000	6,370	127.4	5,000	5,626	112.5
Sarawak	5,000	4,200	84	5,000	3,515	70.3	5,000	3,619	72.4
Sabah	6,000	3,617	60.3	2,500	3,279	131.2	2,500	3,655	146.2
JUMLAH	32,000	28,647	89.5	27,900	30,958	111.0	29,500	29,909	101.4

Sumber: Bahagian Latihan Syarikat

- c. Semakan Audit mendapati pencapaian bagi Program Belia dan Program Personel Binaan adalah pada tahap baik bagi tahun 2012 sehingga 2014, pencapaiannya adalah di antara 74% hingga 203%. Bagi Program Akreditasi pula, pencapaiannya bagi tahun 2012 sehingga 2014 adalah pada tahap kurang memuaskan iaitu antara 30% hingga 86%. Ini disebabkan ABM terikat dengan peruntukan yang diluluskan bagi program yang dibiayai sepenuhnya oleh CIDB. Selain itu, sasaran yang ditetapkan bagi Program Akreditasi adalah jauh lebih tinggi daripada keupayaan ABM untuk mencapainya. Bagaimanapun, ABM Utara dan ABM Timur telah mencapai melebihi 100% bagi tahun 2014. Bagi Program *Customised*, pencapaian adalah baik iaitu antara 87% hingga 237% kecuali bagi tahun 2014, tahap pencapaian ABM Sabah hanya 41.4% sahaja, manakala bagi pencapaian Program Kad Hijau adalah baik iaitu antara 58% hingga 149%.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pencapaian pengambilan pelatih bagi 5 program latihan untuk 6 ABM adalah baik iaitu antara 97.6% hingga 108.8% bagi tahun 2012 sehingga 2014.

Maklum Balas Diterima Daripada CIDBH Pada 14 April 2015

Program Akreditasi yang diguna pakai oleh ABM sebenarnya adalah Ujian Kemahiran penilaian terhadap kompetensi Personel Binaan sedia ada sama ada di ABM atau di tapak bina. Pencapaian Program ini adalah rendah disebabkan pemakaian peraturan mewajibkan pekerja binaan untuk diakredit sebagai pekerja mahir belum dapat dilaksanakan walaupun akta telah diluluskan oleh Parlimen. Penguatkuasaan masih belum boleh dijalankan memandangkan undang-undang mengenainya belum diwartakan.

13.4.2.2 Pengurusan Program Latihan

a. Modul Latihan Kemahiran

- i. Modul Latihan Kemahiran ABM adalah berasaskan ketetapan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan mematuhi kriteria yang ditetapkan oleh agensi lain yang berkaitan dengan latihan kemahiran seperti Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (DOSH), Suruhanjaya Tenaga dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Selain itu, CIDB juga bekerjasama dengan tenaga profesional dalam industri pembinaan untuk memenuhi tahap kecekapan kemahiran yang diperlukan. Pelatih yang menamatkan latihan akan diberikan Sijil Kecekapan Kemahiran yang diiktiraf oleh CIDB bagi mengesahkan kemahiran mereka dan layak untuk berdaftar sebagai Pekerja Mahir dengan CIDB.
- ii. Sasaran bagi Program Belia dan Personel merupakan bilangan penganjuran kursus yang ditawarkan oleh setiap ABM manakala bilangan pencapaiannya bergantung kepada permintaan industri dan juga peruntukan semasa CIDB. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya pencapaian penganjuran kursus bagi Program Belia adalah pada tahap memuaskan iaitu antara 50% hingga 56.8% manakala Program Personel Binaan pencapaiannya pada tahap baik iaitu antara 73.7% hingga 84.3% untuk tahun 2012 sehingga 2014. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.16 : SASARAN DAN PENCAPAIAN KURSUS PROGRAM BELIA DAN PERSONEL BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

ABM	BELIA			PERSONEL		
	SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN		SASARAN (Bil.)	PENCAPAIAN	
		(Bil.)	(%)		(Bil.)	(%)
TAHUN 2012						
Utara	35	18	51.4	43	34	79.1
Timur	31	18	58.1	31	28	90.3
Tengah	29	15	51.7	29	35	120.7
Selatan	22	17	77.3	33	30	91.0
Sarawak	37	8	21.6	38	20	52.6
Sabah	22	16	72.7	22	11	50.0
JUMLAH	176	92	52.3	196	158	80.6
TAHUN 2013						
Utara	35	15	43.0	43	23	53.5
Timur	31	16	52.0	31	29	93.5
Tengah	29	14	48.3	29	30	103.4
Selatan	22	19	86.4	35	31	88.6
Sarawak	37	10	27.0	38	22	57.9
Sabah	22	14	63.6	22	11	50.0
JUMLAH	176	88	50.0	198	146	73.7
TAHUN 2014						
Utara	35	18	51.4	43	22	51.2
Timur	31	22	71.0	31	30	96.8
Tengah	29	17	58.6	29	32	110.3
Selatan	22	20	90.9	34	38	111.8
Sarawak	37	8	21.6	38	26	68.4
Sabah	22	15	68.2	22	18	81.8
JUMLAH	176	100	56.8	197	166	84.3
JUMLAH KESELURUHAN	528	280	53.0	591	470	79.5

Sumber: Bahagian Latihan Syarikat

Nota:* Program Akreditasi, Customised Dan Kad Hijau Hanya Mempunyai Sasaran Bilangan Peserta Dan Bukannya Bilangan Kursus.

- iii. Selain itu, ABM turut mengendalikan pelbagai latihan kemahiran mengikut keperluan khusus pelanggan dalam industri pembinaan melalui Program *Customised*. Program *Customised* diadakan secara usaha sama antara ABM dan agensi berkaitan dalam dan luar negara. Antara agensi dalam negara adalah Jabatan Penjara, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera dan Kementerian Pendidikan manakala luar negara seperti Indonesia dan Vietnam turut menghantar pelatih untuk mengikuti kursus di ABM.

- iv. Semakan lanjut mendapati bagi Program Akreditasi, *Customised* dan Kad Hijau maklumat sasaran dan pencapaian program hanya dibuat terhadap bilangan peserta dan bukannya bilangan kursus kerana bergantung kepada permintaan pelanggan dalam industri pembinaan.

Pada pendapat Audit, ABM telah menyediakan modul latihan yang relevan dan memenuhi keperluan semasa industri pembinaan. Kerjasama yang dijalinan dengan negara luar menunjukkan keyakinan negara tersebut terhadap kursus yang dianjurkan oleh ABM.

b. Tenaga Pengajar

- i. Latihan kemahiran di ABM dikendalikan oleh Bahagian Latihan yang diketuai oleh seorang Pengurus. Antara peranan Bahagian Latihan adalah merancang dan melaksanakan semua program latihan, merangka dan melaksanakan aktiviti bagi mempromosikan program latihan, membangunkan NOSS dan menggubal soalan peperiksaan pelatih. Jumlah tenaga pengajar ABM sehingga tahun 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.17 : KEDUDUKAN PERJAWATAN PENGAJAR YANG DILULUSKAN DAN DIISI SEHINGGA TAHUN 2014

ABM	JAWATAN (Bil.)				
	DILULUSKAN	DIISI			KEKOSONGAN
		TETAP	KONTRAK	JUMLAH	
Utara	35	13	20	33	2
Timur	58	43	3	46	12
Tengah	35	13	20	33	2
Selatan	34	23	11	34	-
Sarawak	37	22	15	37	-
Sabah	28	23	5	28	-
JUMLAH	227	137	74	211	16

Sumber: Rekod Unit Sumber Manusia Syarikat

- ii. Semakan Audit mendapati semua tenaga pengajar ABM mempunyai kelayakan akademik, pengalaman kerja, berkemahiran dan menepati syarat sebagai tenaga pengajar terlatih. Antara sebab bilangan perjawatan kontrak tinggi adalah untuk kelancaran operasi syarikat berdasarkan keupayaan kewangan ABM bagi menampung kos operasi serta daya maju sesuatu program yang dilaksanakan. Selain itu, kekosongan perjawatan yang tinggi di ABM Timur telah diisi pada bulan April 2015 melibatkan penolong pengajar sedia ada yang dinaikkan pangkat ke tahap jawatan lebih tinggi.

Pada pendapat Audit, ABM mempunyai bilangan tenaga pengajar tetap dan kontrak yang mencukupi serta terlatih bagi melaksanakan program ABM.

Maklum Balas Diterima Daripada CIDBH Pada 24 April 2015

Terdapat 3 kategori perjawatan yang diguna pakai dalam ABM iaitu tetap, kontrak dan sambilan. Pemakaian terma dan syarat perkhidmatan ABM adalah terpakai untuk kakitangan tetap dan kontrak manakala kakitangan sambilan boleh diambil sekiranya Ketua Pegawai Operasi ABM berpendapat perlu pada kadar gaji harian yang bersesuaian. Pada amnya, staf yang dilantik secara kontrak mendapat layanan dan faedah yang hampir sama dengan pegawai tetap tanpa menjejaskan hak hakiki sebagai staf ABM. Mengikut rekod, peletakan jawatan staf kontrak ABM adalah sangat rendah iaitu tidak melebihi 3.2% setahun dan kebanyakannya adalah didorong tawaran gaji yang lebih tinggi.

c. Rancangan Pemasaran Tahunan

- i. Aktiviti pemasaran adalah penting untuk menarik minat pelatih mengikuti kursus kemahiran yang ditawarkan dan membantu ABM meningkatkan pendapatan. Unit Pemasaran bertanggungjawab merancang dan melaksanakan aktiviti pemasaran berdasarkan peruntukan yang diluluskan setiap tahun.
- ii. ABM telah menyediakan peruntukan tahunan bagi tujuan pemasaran. Pemasaran dilaksanakan melalui pelbagai program ceramah, taklimat dan pameran kerjaya di sekolah dan program lawatan ke tapak projek. Semakan Audit mendapati ABM telah membelanjakan sebanyak 86.8% pada tahun 2012, 67.2% pada 2013 dan 79.8% pada 2014 daripada peruntukan bagi tujuan pemasaran. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.18 : PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SEBENAR AKTIVITI PEMASARAN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

ABM	2012			2013			2014		
	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%
Utara	60,000	35,523	59.2	100,000	16,635	16.6	188,004	113,599	60.4
Timur	120,000	114,367	95.3	90,000	44,711	49.7	48,000	47,067	98.1
Tengah	200,000	284,146	142.1	203,000	293,723	144.7	265,600	211,215	79.5
Selatan	274,000	160,360	58.5	310,000	120,721	38.9	310,000	221,456	71.4
Sarawak	150,000	62,558	41.7	150,000	77,836	51.9	150,000	185,898	123.9
Sabah	60,000	92,590	154.3	100,000	86,431	85.4	163,500	118,456	72.5
JUMLAH	864,000	749,544	86.8	953,000	640,057	67.2	1,125,104	897,691	79.8

Sumber: Bahagian Latihan Syarikat

Pada pendapat Audit, aktiviti pemasaran yang dilaksanakan telah berjaya meningkatkan pengambilan pelatih bagi 5 program latihan untuk 6 ABM antara 97.6% hingga 108.8% bagi tahun 2012 sehingga 2014.

13.4.2.3 Peralatan Dan Kemudahan Latihan

Lima ABM beroperasi di kampus tetap yang dimiliki oleh CIDB manakala ABM Sabah beroperasi di bangunan yang disewa. Satu perjanjian ditandatangani antara CIDB dan ABM yang menyatakan ABM bertanggungjawab mengurus dan menyenggara kampus termasuk membiayai caj utiliti dan bayaran cukai. Pihak Audit telah melawat ke 6 ABM. Antara kemudahan yang disediakan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.19 : KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

ABM	KEMUDAHAN
Utara	Kampus tetap ABM Utara terletak di Sintok, Kedah berkeluasan 60 ekar dan mampu menampung 700 pelatih. Kampus dilengkapi kemudahan blok pentadbiran, bengkel, bilik kuliah, auditorium, bangunan asrama, dewan makan, surau dan kemudahan beriadah.
Timur	Kampus tetap ABM Timur terletak di Hulu Terengganu berkeluasan 118 ekar dan mampu menampung 800 pelatih. Kampus dilengkapi dengan blok pentadbiran, bengkel, bilik kuliah, bangunan asrama, dewan makan, surau dan kemudahan beriadah.
Tengah	Kampus tetap ABM Tengah terletak di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur. Kampus berkeluasan 10 ekar dan mampu menampung 300 pelatih. Kampus dilengkapi kemudahan blok pentadbiran, bengkel, bilik kuliah, mini auditorium, kantin dan surau manakala kemudahan asrama disewa daripada pihak luar.
Selatan	Kampus tetap ABM Selatan terletak di Jalan Tampoi, Johor Bahru berkeluasan 20 ekar dan mampu menampung 300 pelatih. Kampus dilengkapi kemudahan blok pentadbiran, bengkel, bilik kuliah, bangunan asrama, dewan makan, surau dan kemudahan beriadah serta rekreasi.
Sarawak	Kampus tetap ABM Sarawak terletak di Kuching berkeluasan 60 ekar dan mampu menampung 1,000 pelatih. Kampus dilengkapi kemudahan bangunan pentadbiran, bilik kuliah, asrama, dewan makan, dewan serba guna, mini auditorium, bengkel jentera dan bengkel mengecat.
Sabah	Kampus ABM Sabah berstatus kampus sementara dan terletak di 4 lokasi: - Inanam - Pusat Pentadbiran. - Menggatal - Bengkel Latihan IBS di mana kursus kerja bangunan antaranya seperti penerapan bata, pelepaan, penjubinan, pemasangan dinding, pemasangan siling, konkrit dan pemasangan perencah (scaffold). - Ranau - Tapak latihan operasi jentera berat. - Kudat - Kursus pemasangan pendawaian bangunan dan penyaman udara & pengudaraan mekanikal.

Sumber: Bahagian Pentadbiran Syarikat

a. Perolehan Pelbagai Jentera Terpakai

CIDB telah melantik Teroka Idaman Resources Sdn. Berhad pada 21 Disember 2012 untuk membekalkan pelbagai jentera terpakai kepada semua ABM bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran dengan nilai kontrak berjumlah RM7.15 juta termasuk kos penyenggaraan sejumlah RM10,000. Tarikh akhir serahan jentera adalah pada 31 Disember 2012. Sehingga bulan April 2013, kos pembekalan jentera sejumlah RM7.14 juta telah dibayar oleh CIDB. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i. **Jentera Tidak Dibekalkan Mengikut Kontrak**

Mengikut kontrak sebanyak 33 pelbagai jentera terpakai bernilai RM7.14 juta hendaklah dibekalkan kepada 6 ABM pada 31 Disember 2012. Semakan Audit mendapati 10 pelbagai jentera terpakai bernilai RM3.09 juta seperti yang dinyatakan dalam kontrak bagi 6 ABM tidak dibekalkan pada tempoh yang ditetapkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4 jentera bernilai RM1.34 juta bagi 2 ABM masih belum dibekalkan sehingga tarikh pengauditan. Sebanyak 6 pelbagai jentera terpakai bernilai RM1.75 juta telah digantikan dengan 5 jentera lain di mana kosnya adalah lebih rendah iaitu RM875,000 daripada nilai kontrak. Kesan tidak membekal jentera seperti dalam kontrak, 4 ABM masih menyewa 4 jentera dengan nilai sewaan berjumlah RM563,480 bagi tempoh 2013 sehingga bulan Mac 2015. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.20 : JENTERA TIDAK DIBEKALKAN MENGIKUT KONTRAK

ABM	JENTERA	KOS (RM)	CATATAN	GANTI	KOS GANTI (RM)	CATATAN
Jentera Tidak Dibekalkan						
Sarawak	<i>Rough Terrain Crane</i>	400,000	Tidak Dibekalkan	-	-	Kos sewaan jentera bagi tahun 2013 dan 2014 berjumlah RM306,000.
	<i>Hydraulic Crawler Crane</i>	500,000		-	-	
	<i>Skylift</i>	90,000		-	-	
Sabah	<i>Truck Mounted Crane</i>	350,000	Tidak Dibekalkan	-	-	Kos Sewaan seunit <i>Mini Excavator</i> pada tahun 2014 dengan bayaran berjumlah RM49,000.
JUMLAH		1,340,000			-	
Jentera Tidak Dibekalkan Mengikut Spesifikasi Kontrak						
Utara	<i>Truck Mounted Mobile Crane 20T</i>	350,000	Rosak	<i>Back Hoe Loader</i>	175,000	Sewa <i>Truck Mounted Mobile Crane</i> dengan kos RM121,500.
	Lori	75,000	Tidak Dibekalkan	<i>Back Hoe Loader</i>	*	Penggantian <i>Back Hoe Loader</i> dihantar ke ABM Tengah.
Timur	<i>Rough Terrain Crane 25T</i>	400,000	Struktur Kren Tidak Stabil	<i>Back Hoe Loader</i>	175,000	-
Tengah	<i>Truck Mounted Mobile Crane</i>	350,000	Tidak Dibekalkan	<i>Back Hoe Loader</i>	175,000	Hantar ke ABM Utara dan menyewa <i>Truck Mounted Mobile Crane</i> dengan kos RM86,980.
Selatan	<i>Hydraulic Crawler Crane</i>	500,000	Dibekalkan	<i>Back Hoe Loader</i>	175,000	-
Sabah	Lori	75,000	Tidak Dibekalkan	<i>Back Hoe Loader</i>	*175,000	<i>Back Hoe Loader</i> dihantar ke ABM Tengah.
JUMLAH		1,750,000			875,000	
JUMLAH KESELURUHAN		3,090,000			875,000	

Sumber: Bahagian Teknologi, Sektor Pembangunan CIDB

Nota : * - 2 unit Lori (ABM Utara dan ABM Sabah) telah digantikan dengan 1 Back Hoe Loader dan diserahkan kepada ABM Tengah

ii. **Jentera Yang Dibekalkan Rosak Dan Tidak Dapat Digunakan**

Mengikut kontrak, semua jentera yang akan dibekalkan oleh kontraktor hendaklah dijamin daripada kecacatan dalam segi bahan, buatan dan pembungkusan serta pengendalian hendaklah mengikut spesifikasi kontrak untuk tempoh atau selepas pengeluaran pemberitahuan penerimaan jentera untuk 12 bulan. Jentera yang didapati cacat hendaklah diganti atau dibaiki oleh kontraktor. Semakan Audit mendapati 9 jenis pelbagai jentera bernilai RM1.76 juta yang dibekalkan kepada 5 ABM antara bulan Mac sehingga Julai 2013 mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.21 : PELBAGAI JENTERA YANG ROSAK DAN TIDAK DAPAT DIGUNAKAN

ABM	JENTERA	BIL.	KOS (RM)	TARIKH TERIMA
Utara	Back Hoe Loader	1	175,000	Mac 2013
Timur	Back Hoe Loader	1	175,000	Mac 2013
	Hydraulic Excavator	1	135,000	April 2013
Tengah	Truck Mounted Mobile Crane	1	350,000	Julai 2013
Selatan	Truck Mounted Mobile Crane 20T	1	350,000	Julai 2013
	Back Hoe Loader	*1	175,000	Julai 2013
Sabah	Hydraulic Excavator @ RM135,000	3	405,000	April 2013
JUMLAH		9	1,765,000	

Sumber: Bahagian Teknologi, Sektor Pembangunan CIDB

Nota : * - 1 Back Hoe Loader Menggantikan Hydraulic Crawler Crane

iii. **Pelbagai Jentera Lewat Diterima**

Mengikut kontrak, pembekal perlu membuat serahan jentera kepada ABM berkenaan pada 31 Disember 2012. Semakan Audit terhadap Nota Penghantaran (DO) yang diperaku terima oleh pegawai CIDB mendapati jentera yang sepatutnya dibekalkan lewat atau belum diterima berbanding tarikh yang ditetapkan dalam kontrak. Kelewatan penerimaan di peringkat CIDB seterusnya melibatkan kelewatan serahan kepada ABM. Tempoh kelewatan berdasarkan DO di peringkat CIDB adalah antara 23 hingga 187 hari bagi 31 jenis pelbagai jentera. Semakan selanjutnya mendapati tiada maklumat penerimaan sebenar jentera di peringkat ABM. Tempoh kelewatan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.22 : JENTERA LEWAT DITERIMA MENGIKUT KONTRAK

ABM	PERALATAN MENGIKUT KONTRAK	KUANTITI	TARIKH DO DI CIDB	TEMPOH KELEWATAN (Hari)**
Utara	Truck Mounted Mobile Crane	2	03.07.2013	184
	Back Hoe Loader	2	13.03.2013	72
	Hydraulic Excavator	2	24.04.2013	114
	Skylift	2	06.07.2013	187
	Forklift	2	31.01.2013	31
Timur	Rough Terrain Crane	1	03.07.2013	184
	Back Hoe Loader	1	10.03.2013	69
	Hydraulic Excavator	1	12.04.2013	102
	Forklift	1	23.01.2013	23
Tengah	Truck Mounted Mobile Crane	2	03.07.2013 02.07.2013	184
	Back Hoe Loader	2	17.04.2013 01.04.2013	107
Selatan	Truck Mounted Mobile Crane	1	03.07.2013	184
	Hydraulic Crawler Crane	1		184
	Skylift	1	01.04.2013	91
Sarawak	Rough Terrain Crane	1	01.07.2013	182
	Hydraulic Crawler Crane	1	03.07.2013	184
	Skylift	1	21.06.2013	172
Sabah	Truck Mounted Mobile Crane	1	03.07.2013	184
	Back Hoe Loader	3	18.04.2013	108
	Hydraulic Excavator	3	12.04.2013 24.04.2013	114
JUMLAH		31		

Sumber: Nota Penghantaran

Nota : * -Telah Diganti

** - Tempoh Kelewatan Berdasarkan Tarikh DO Dan Tarikh Sepatut Bekal Mengikut Kontrak (31.12.2012)

iv. Maklumat lanjut mengenai pembekalan pelbagai jentera terpakai mengikut setiap ABM adalah seperti berikut:

- **Syarikat ABM (Utara) Sdn. Berhad (ABM Utara)**

- Mengikut kontrak, ABM Utara sepatutnya menerima jentera seperti jadual berikut:

JADUAL 13.23 : JENTERA YANG PERLU DIBEKALKAN KEPADA ABM UTARA

BIL.	JENTERA/NILAI SEUNIT	BEKAL MENGIKUT KONTRAK (Unit)	NILAI (RM)	SEBENAR DITERIMA (Unit)
1.	Truck Mounted Mobile Crane 20T @ RM350,000	2	700,000	*1
2.	Back Hoe Loader @ RM175,000	2	350,000	* 4

BIL.	JENTERA/NILAI SEUNIT	BEKAL MENGIKUT KONTRAK (Unit)	NILAI (RM)	SEBENAR DITERIMA (Unit)
3.	Hydraulic Excavator @ RM135,000	2	270,000	2
4.	Skylift @ RM90,000	2	180,000	2
5.	Forklift @ RM75,000	2	150,000	2
6.	Lori @ RM75,000	1	75,000	**_
JUMLAH		11	1,725,000	10

Sumber: Bahagian Teknologi, Sektor Pembangunan CIDB

Nota : * - Seunit Back Hoe Loader Menggantikan Truck Mounted Mobile Crane Yang Tidak Dibekalkan

-Seunit Back Hoe Loader Diterima Dari ABM Tengah Pada 20 November 2014

**_- Lori Digantikan Dengan Back Hoe Loader Tetapi Dihantar Ke ABM Tengah

- Lawatan Audit pada 26 Mei 2014 mendapati 2 *Truck Mounted Mobile Crane* bernilai RM700,000 rosak semasa diterima dan tidak dapat digunakan. Seunit daripada 2 *Truck Mounted Mobile Crane* tersebut telah digantikan dengan jentera yang sama bernombor pendaftaran WEG 9404 dan digunakan sehingga kini. Seunit lagi digantikan dengan seunit *Back Hoe Loader* bernombor pendaftaran MCM 9046. Bagaimanapun, kos penggantian *Back Hoe Loader* tersebut tidak dapat disahkan.
- Akibat daripada kekurangan seunit *Truck Mounted Mobile Crane* dan penggantian dengan *Back Hoe Loader*, ABM Utara masih meneruskan penyewaan *Truck Mounted Mobile Crane* bagi tujuan latihan. Kos penyewaan pada tahun 2013 sehingga bulan Mac 2015 berjumlah RM121,500. *Truck Mounted Mobile Crane* yang diterima dan digunakan serta yang digantikan dengan *Backhoe Loader* adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.1
Truck Mounted Mobile Crane Yang Rosak Dan Tidak Dapat Digunakan



Lokasi: Tapak Latihan Bengkel Operasi Kren,
ABM Utara
Tarikh: 26 Mei 2014

GAMBAR 13.2
Back Hoe Loader Yang Menggantikan Truck Mounted Mobile Crane Yang Rosak



Lokasi: Tapak Latihan Backhoe Loader, ABM Utara
Tarikh: 24 Mac 2015
Sumber : ABM Utara



GAMBAR 13.3
Truck Mounted Mobile Crane Yang Diganti

Lokasi: Tapak Latihan Bengkel Operasi Kren, ABM Utara
Tarikh: 6 April 2015
Sumber: ABM Utara

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Utara Pada 13 April 2015

Truck Mounted Mobile Crane bernilai RM700,000 yang rosak telah digantikan dengan jentera yang sama bernombor pendaftaran WEG9404. Seunit lagi digantikan dengan Back Hoe Loader.

- **Syarikat ABM (Terengganu) Sdn. Berhad (ABM Timur)**
 - Mengikut kontrak, ABM Timur sepatutnya menerima jentera seperti jadual berikut:

JADUAL 13.24 : JENTERA YANG PERLU DIBEKALKAN KEPADA ABM TIMUR

JENTERA/NILAI SEUNIT	BEKAL MENGIKUT KONTRAK (Unit)	NILAI (RM)	SEBENAR DITERIMA (Unit)
Rough Terrain Crane 25T @RM400,000	1	400,000	* 1
Backhoe Loader @ RM175,000	1	175,000	* 2
Hydraulic Excavator @ RM135,000	1	135,000	1
JUMLAH	3	710,000	3

Sumber: Bahagian Teknologi, Sektor Pembangunan CIDB

Nota: * - Seunit Rough Terrain Crane Telah Dikembalikan Kepada Pembekal Dan Diganti Dengan Seunit Backhoe Loader

- Lawatan Audit pada 16 Jun 2014 mendapati *Rough Terrain Crane* telah dikembalikan kepada pembekal sejak 15 November 2013 kerana jentera tersebut tidak memenuhi piawaian DOSH. Bagaimanapun, pada 2 Julai 2014, *Rough Terrain Crane* bernilai RM400,000 berkenaan telah digantikan dengan seunit *Back Hoe Loader* bernombor pendaftaran MCM 9044. Selain itu, *Back Hoe Loader* bernilai RM175,000 dan *Hydraulic Excavator* bernilai RM135,000 yang diterima mengikut kontrak pula sering mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.4
Back Hoe Loader Rosak Dan Tidak Dapat Digunakan



Lokasi: Bengkel Jentera Berat, ABM Timur
Tarikh: 16 Jun 2014

GAMBAR 13.5
Hydraulic Excavator Rosak Dan Tidak Dapat Digunakan



Lokasi: Bengkel Jentera Berat, ABM Timur
Tarikh: 16 Jun 2014

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Timur Pada 6 April 2015

Kerja pembaikan Back Hoe Loader dan Hydraulic Excavator dibuat di ABM secara berterusan sehingga boleh diguna pakai manakala Rough Terrain Crane diperbaiki di bengkel lain kerana pembaikan jentera memerlukan peralatan khas.

- **Syarikat ABM (Selangor) Sdn. Berhad (ABM Tengah)**
 - Mengikut kontrak, ABM Tengah sepatutnya menerima jentera seperti jadual berikut:

JADUAL 13.25 : JENTERA YANG PERLU DIBEKALKAN KEPADA ABM TENGAH

JENTERA/NILAI SEUNIT	BEKAL MENGIKUT KONTRAK (Unit)	NILAI (RM)	SEBENAR DITERIMA (Unit)
Truck Mounted Mobile Crane 20T @ RM350,000	2	700,000	1
Backhoe Loader @ RM175,000	2	350,000	4*
JUMLAH	4	1,050,000	5

Sumber: Bahagian Teknologi, Sektor Pembangunan CIDB

Nota: * - 1 Truck Mounted Mobile Crane Yang Tidak Diterima Telah Diganti Dengan Seunit Backhoe Loader Tetapi Dipindahkan Ke ABM Utara

- Lawatan Audit pada 2 Disember 2014 mendapati ABM Tengah telah menerima seunit *Truck Mounted Mobile Crane* bernilai RM350,000 dan 3 *Backhoe Loader* bernilai RM525,000 pada tahun 2013. Seunit *Truck Mounted Mobile Crane* lagi yang sepatutnya diterima telah digantikan dengan seunit *Backhoe Loader* tetapi telah dipindahkan ke ABM Utara pada 20 November 2014. Akibat daripada kekurangan *Truck Mounted Mobile Crane*, ABM Tengah menyewa seunit jentera

yang sama bagi tujuan latihan pada tahun 2013 dan 2014 berjumlah RM86,980. Lawatan susulan pada 2 April 2015 mendapati *Truck Mounted Mobile Crane* yang diterima tidak boleh digunakan. Jentera yang diterima adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.6
Truck Mounted Mobile Crane Yang Diterima Tidak Boleh Digunakan



Lokasi: Tapak Latihan, ABM Tengah
Tarikh: 2 Disember 2014

GAMBAR 13.7
Backhoe Loader menggantikan Truck Mounted Mobile Crane



Lokasi: Tapak Latihan, ABM Tengah
Tarikh: 2 Disember 2014



GAMBAR 13.8
Truck Mounted Mobile Crane Yang Masih Tidak Boleh Digunakan

Lokasi: Tapak Latihan, ABM Tengah
Tarikh: 2 April 2015

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Tengah Pada 2 Mac 2015

Jentera yang belum diterima iaitu seunit Truck Mounted Mobile Crane telah diganti oleh pembekal dengan seunit Backhoe Loader dan sedang dalam proses pengujian di Bengkel JKR Persekutuan.

- **Syarikat ABM (Johor) Sdn. Berhad (ABM Selatan)**
 - Mengikut kontrak, ABM Selatan sepatutnya menerima jentera seperti jadual berikut:

JADUAL 13.26 : JENTERA YANG PERLU DIBEKALKAN KEPADA ABM SELATAN

JENTERA/NILAI SEUNIT	BEKAL MENGIKUT KONTRAK (Unit)	NILAI (RM)	SEBENAR DITERIMA (Unit)
<i>Truck Mounted Mobile Crane 20T @ RM350,000</i>	1	350,000	1
<i>Hydraulic Crawler Crane @ RM500,000</i>	1	500,000	1
<i>Skylift @ RM90,000</i>	1	90,000	1
<i>Backhoe Loader @ RM175,000</i>	-	175,000	1*
JUMLAH	3	940,000	3

Sumber: Bahagian Teknologi, Sektor Pembangunan CIDB

Nota: * - Seunit Backhoe Loader Yang Dibealkan Menggantikan Hydraulic Crawler Crane Yang Rosak

- Lawatan Audit pada 17 November 2014 mendapati *Truck Mounted Mobile Crane* bernilai RM350,000 dan *Hydraulic Crawler Crane* bernilai RM500,000 yang dibekalkan tidak dapat digunakan kerana mengalami kerosakan. Selain itu, seunit *Backhoe Loader* bernilai RM175,000 yang diterima daripada pembekal dengan nombor pendaftaran MCM 9781 merupakan penggantian kepada *Hydraulic Crawler Crane* yang rosak bernilai RM500,000. Bagaimanapun, *Backhoe Loader* itu juga didapati mengalami kerosakan dan tidak dapat digunakan. Jentera berkenaan adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.9

Truck Mounted Mobile Crane Yang Rosak Dan Tidak Dapat Digunakan



Lokasi: Perkarangan Bengkel Jentera Berat, ABM Selatan
Tarikh: 17 November 2014

GAMBAR 13.10

Backhoe Loader yang Diganti Mengalami Kerosakan Dan Tidak Dapat Digunakan



Lokasi: Perkarangan Bangunan Asrama, ABM Selatan
Tarikh: 17 November 2014

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Selatan Pada 10 April 2015

Surat daripada CIDBH bertarikh 13 Mac 2015 memaklumkan bahawa penggantian jentera sedang dijalankan sehingga 27 Mei 2015. Berdasarkan surat tersebut ABM Selatan telah:

- Menerima Backhoe Loader dengan nombor pendaftaran MCM 9781 untuk menggantikan Hydraulic Crawler Crane yang rosak.*

ii. Truck Mounted Mobile Crane yang rosak masih berada di kawasan ABM Selatan menunggu penggantian jentera Hydraulic Excavator.

- **Syarikat ABM (Sarawak) Sdn. Berhad (ABM Sarawak)**
 - Mengikut kontrak, ABM Sarawak sepatutnya menerima jentera seperti jadual berikut:

JADUAL 13.27 : JENTERA YANG PERLU DIBEKALKAN KEPADA ABM SARAWAK

JENTERA/NILAI SEUNIT	BEKAL MENGIKUT KONTRAK (Unit)	NILAI (RM)	SEBENAR DITERIMA (Unit)
<i>Rough Terrain Crane @ RM400,000</i>	1	400,000	0
<i>Hydraulic Crawler Crane @ RM500,000</i>	1	500,000	0
<i>Skylift @ RM90,000</i>	1	90,000	0
JUMLAH	3	990,000	0

Sumber: Bahagian Teknologi, Sektor Pembangunan CIDB

Berdasarkan kontrak, ABM Sarawak sepatutnya menerima seunit *Rough Terrain Crane*, *Hydraulic Crawler Crane* dan *Skylift* bernilai RM400,000, RM500,000 dan RM90,000 masing-masing. Lawatan Audit pada 22 Mei 2014 mendapati ABM Sarawak tidak menerima 3 jentera bernilai RM990,000 tersebut. Semakan Audit juga mendapati ABM Sarawak telah menyewa *Hydraulic Crawler Crane* dan *Truck Mounted Mobile Crane* mengikut keperluan kursus. Kos penyewaan jentera tersebut bagi tahun 2013 sehingga 2014 berjumlah RM306,000 dengan menggunakan peruntukan sendiri. Lawatan susulan pada 1 April 2015 mendapati ABM Sarawak masih belum menerima jentera tersebut.

- **Syarikat ABM (Sabah) Sdn. Berhad (ABM Sabah)**
 - Mengikut kontrak, ABM Sabah sepatutnya menerima jentera seperti jadual berikut:

JADUAL 13.28 : JENTERA YANG PERLU DIBEKALKAN KEPADA ABM SABAH

JENTERA/NILAI SEUNIT	BEKAL MENGIKUT KONTRAK (Unit)	NILAI (RM)	SEBENAR DITERIMA (Unit)
<i>Truck Mounted Mobile Crane @ RM350,000</i>	1	350,000	-
<i>Backhoe Loader @ RM175,000</i>	3	525,000	3
<i>Hydraulic Excavator @ RM135,000</i>	3	405,000	3
<i>Lori @ RM75,000</i>	1	75,000	*-
JUMLAH	8	1,355,000	6

Sumber: Bahagian Teknologi, Sektor Pembangunan CIDB

Nota: * - Lori Tidak Dibealkan Tetapi Digantikan Dengan Backhoe Loader Dan Dihantar Ke ABM Tengah

- Lawatan Audit pada 25 Ogos 2014 mendapati seunit *Truck Mounted Mobile Crane* bernilai RM350,000 belum diterima manakala 3 *Hydraulic Excavator* bernilai RM405,000 mengalami kerosakan dan tidak digunakan sejak jentera tersebut diterima pada tahun 2013. Ini menyebabkan ABM Sabah perlu menyewa seunit *Mini Excavator* pada tahun 2014 dengan bayaran sewaan berjumlah RM49,000 bagi tujuan latihan. Lawatan susulan pada 31 Mac 2015 mendapati 3 *Hydraulic Excavator* telah dikembalikan semula kepada pembekal pada 29 hingga 31 Mac 2015 untuk pembaikan manakala seunit *Backhoe Loader* yang sedang dibaiki masih berada di bengkel. Antara jentera yang rosak adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.11
Hydraulic Excavator Rosak Dan Tidak Digunakan



Lokasi: Cawangan Ranau, ABM Sabah
Tarikh: 25 Ogos 2014

GAMBAR 13.12
Hydraulic Excavator Rosak Dan Tidak Digunakan



Lokasi: Cawangan Ranau, ABM Sabah
Tarikh: 25 Ogos 2014

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Sabah Pada 6 April 2015

Ketiga-tiga jentera tersebut sedang dalam proses pembaikan sebelum diserahkan secara rasmi kepada ABM Sabah.

Pada pendapat Audit, pembekalan pelbagai jentera terpakai oleh CIDB kepada ABM adalah kurang memuaskan. Ini disebabkan masih terdapat jentera belum dibekalkan, penggantian jentera tidak setara dengan nilai kontrak dan jentera yang dibekalkan rosak dan lewat dibekalkan walaupun bayaran telah dibuat sepenuhnya oleh CIDB.

Maklum Balas Diterima Daripada CIDBH Pada 30 April 2015

Secara keseluruhannya, jentera yang dibekalkan kepada ABM telah diuji dan boleh berfungsi. Bagaimanapun, jentera tersebut telah mengalami kerosakan semasa penggunaannya. Jentera ini dalam proses pembaikan atau penggantian

dan pembekal telah memberi Letter of Undertaking di mana pembaikan dan penggantian jentera masih lagi di bawah tanggungjawab pembekal sehingga 27 Mei 2015.

Maklum Balas Diterima Daripada CIDB Pada 30 April 2015

Merujuk kepada 10 bilangan jentera yang dibangkitkan, 2 unit lori telah dikeluarkan daripada kontrak asal dan ditukar ganti dengan 1 unit Backhoe Loader bagi memenuhi keperluan latihan. Oleh demikian, bilangan sebenar jentera yang terlibat adalah 9 sahaja. Persetujuan perubahan ini telah diputuskan oleh Pegawai Penguasa pada 1 April 2013 dan dimaklumkan kepada pembekal. Pembekalan 10 (diselaraskan kepada 9) pelbagai jentera berkenaan telah dibekalkan mengikut tempoh yang ditetapkan di dalam kontrak berasaskan tempoh lanjutan masa kedua berakhir pada 15 Julai 2013 seperti jadual berikut:

ABM	JENTERA	TARIKH TERIMA	CATATAN
Jentera Tidak Dibekalkan			
Sarawak	Rough Terrain Crane	01.07.2013	Akan ditukar ganti dengan 1 Unit Hydraulic Excavator kerana kerja-kerja pembaikan yang dibuat sebelum ini tidak ekonomik.
	Hydraulic Crawler Crane	03.07.2013	Akan ditukar ganti dengan 1 Unit Hydraulic Excavator kerana kerja-kerja pembaikan yang dibuat sebelum ini tidak ekonomik.
	Skylift	21.06.2013	Telah dibaiki.
Sabah	Truck Mounted Crane	03.07.2013	Akan ditukar ganti dengan 1 Unit Backhoe Loader dan 1 Unit Mini Excavator.
Jentera Tidak Dibekalkan Mengikut Spesifikasi Kontrak			
Utara	Truck Mounted Mobile Crane 20T	03.07.2013	4 unit jentera lain akan di tukar ganti dengan 4 unit Backhoe Loader. Walaubagaimanapun, nilai penggantian 4 unit Backhoe Loader ini belum dimuktamadkan oleh pihak CIDB sehingga CIDB mendapat pandangan daripada JKR Mekanikal atau sumber pihak bebas yang berkredibiliti
Timur	Rough Terrain Crane 25T	03.07.2013	
Tengah	Truck Mounted Mobile Crane	02.07.2013	
Selatan	Hydraulic Crawler Crane	03.07.2013	
Sabah	*Lori	31.05.2013	2 unit lori tersebut telahpun dibuat pertukaran dengan 1 unit Backhoe Loader sepertimana dijelaskan di atas, pada harga RM175,000
Utara	*Lori		

Manakala 4 unit jentera lain telah dibuat tukar ganti dengan 4 unit Backhoe Loader berdasarkan surat bil.LPIPM:SP/TEK/03/3(58) bertarikh 24 Jun 2014. Bagaimanapun, nilai penggantian 4 unit Backhoe Loader oleh pembekal masih belum dimuktamadkan oleh pihak CIDB sehingga CIDB mendapat pandangan daripada JKR Mekanikal atau sumber pihak bebas yang berkredibiliti.

Berdasarkan maklum balas CIDB, tiada bukti menunjukkan CIDB telah mengemukakan surat kepada JKR Mekanikal atau sumber pihak bebas yang

berkredibiliti bagi menentukan nilai penggantian jentera yang setara dengan nilai jentera yang sepatutnya dibekalkan. Bagaimanapun, jentera yang diganti telah pun digunakan dalam pembelajaran di ABM berkenaan dan penyelarasan harga tidak dibuat oleh CIDB.

Pembekalan pelbagai jentera berkenaan telah dibekalkan dalam tempoh ditetapkan mengikut tarikh lanjutan kontrak pembekalan jentera berat untuk latihan di ABM. Kontrak ini yang asalnya berakhir pada 31 Disember 2012 telah diberikan Lanjutan Masa Pertama sehingga 31 Mei 2013 dan Lanjutan Masa Kedua sehingga 15 Julai 2013.

Berdasarkan maklum balas CIDB, 2 lanjutan masa telah diluluskan kepada pembekal oleh Pegawai Penguasa. Bagaimanapun, peraturan mengenai lanjutan masa tidak selaras dengan peraturan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak untuk kontrak bekalan dan perkhidmatan (Arahan Perbendaharaan 201). Peraturan ini menjelaskan bahawa sesuatu perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak bekalan dan perkhidmatan boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan tender asal dengan syarat berikut:

- i) perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melibatkan perubahan kadar harga;*
- ii) pelanjutan tempoh kontrak hanya diberi sekali sahaja dan tempoh maksimum adalah sehingga 2 tahun; dan*
- iii) tambahan kuantiti atau nilai tidak melebihi 50% daripada kontrak asal tertakluk kepada maksimum RM2.5juta dan dengan syarat jumlah tambahan ini dan nilai kontrak asal tidak melebihi RM7 juta.*

Tindakan penambahbaikan telah diambil seperti berikut:

- Bagi melindungi kepentingan CIDB, CIDB telah memastikan kontrak pembekalan ini masih boleh dikuatkuasakan terhadap pembekal dengan termeterainya akujanji pembekal untuk memenuhi semua keperluan kontrak melalui Letter of Undertaking (LoU) bertarikh 28 Januari 2015.*
- CIDB memandang serius kepada prestasi pembekal dengan membuat pemantauan secara progresif dan telah mengeluarkan surat amaran dan surat peringatan kepada pihak pembekal memaklumkan tentang akibat kegagalan pembekal memenuhi keperluan kontrak ini. Sekiranya pihak pembekal masih gagal menyempurnakan tanggungjawabnya selepas tamat tempoh LoU pada 27 Mei 2015, CIDB boleh mengambil tindakan seperti berikut :*
 - a) Merampas Bon Pelaksanaan pembekal.*

- b) Mengambil tindakan undang-undang bagi mendapatkan semula wang bagi menuntut ganti rugi yang ditanggung oleh CIDB dan ABM.*
- c) Menyensaraihitamkan pembekal di peringkat CIDB dan anak-anak syarikatnya.*
- d) Melaporkan pembekal kepada Kementerian Kewangan untuk tindakan sewajarnya.*

Atas arahan Ketua Eksekutif, Unit Audit Dalam CIDB telah menjalankan audit khas ke atas proses perolehan jentera ini dan telah mengangkat laporan audit kepada Jawatankuasa Audit Peringkat Lembaga CIDB pada 19 Disember 2014. Hasil daripada audit ini telah dibentang dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit Peringkat CIDB dan penambahbaikan telah dikuatkuasakan seperti berikut:

- a) Semua proses perolehan tender dilaksanakan oleh satu unit secara berpusat.*
- b) Manual Perolehan CIDB telah dikemaskini dan Buku Manual Perolehan Tahun 2014 telah dikeluarkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah CIDB. Diharapkan dengan pengemaskinian manual ini akan dapat meningkatkan kefahaman dan kompetensi staf CIDB mengenai tatacara perolehan yang teratur.*
- c) Memperkasa Unit Perolehan terutama Pegawai Perolehan yang menguruskan tender dengan menghantar pegawai untuk mengikuti latihan dan kursus mengenai pengurusan projek dan tender yang dianjurkan JKR Cawangan Ukur Bahan.*

Selain itu, CIDB akan membentuk satu Jawatankuasa Penilaian Teknikal untuk menilai dan memutuskan senarai jentera yang boleh diterima selepas 27 Mei 2015 bagi tujuan mengambil tindakan undang-undang terhadap pembekal.

b. Peralatan Latihan

i. Peralatan Latihan Belum Digunakan

- Syarikat ABM (Utara) Sdn. Berhad (ABM Utara)**

Lawatan Audit pada 28 Mei 2014 mendapati peralatan bagi kursus *Chargeman* masih belum digunakan sejak diterima pada bulan Januari 2014 dan ditempatkan di Bengkel *Chargeman*. Ini disebabkan kemudahan bengkel bagi menempatkan peralatan ini belum disediakan. Selain itu, peralatan ini belum dipasang dan diuji cuba bagi memastikan peralatan boleh berfungsi dengan baik seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.13
Peralatan Masih Berbungkus Plastik Dan
Belum Diuji Cuba



Lokasi: Bengkel *Chargeman*, ABM Utara
Tarikh: 28 Mei 2014

GAMBAR 13.14
Peralatan Yang Telah Diuji Cuba Dan
Digunakan Selepas Teguran Audit



Lokasi: Bengkel *Chargeman*, ABM Utara
Tarikh: 6 April 2015
Sumber : ABM Utara

GAMBAR 13.15
Peralatan Masih Berbungkus Plastik Dan
Belum Diuji Cuba



Lokasi: Bengkel *Chargeman*, ABM Utara
Tarikh: 28 Mei 2014

GAMBAR 13.16
Peralatan Yang Telah Diuji Cuba Dan
Digunakan Selepas Teguran Audit



Lokasi: Bengkel *Chargeman*, ABM Utara
Tarikh: 6 April 2015
Sumber : ABM Utara

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Utara Pada 13 April 2015

Peralatan bagi kursus chargeman telah digunakan untuk tujuan kursus.

ii. Peralatan Bagi Kursus Penyaman Udara Dan Pengudaraan Mekanikal Tidak Disimpan Dengan Teratur

- Syarikat ABM (Utara) Sdn. Berhad (ABM Utara)**

Semakan Audit mendapati ABM Utara telah membelanjakan sejumlah RM119,990 untuk perolehan peralatan bagi pelbagai kursus penyaman udara dan pengudaraan mekanikal yang diterima pada bulan Februari 2014. Lawatan Audit pada 29 Mei 2014 mendapati peralatan tidak

disimpan dengan teratur di ruang penyimpanan yang sesuai. Keadaan peralatan adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.17
Peralatan Latihan Ditempatkan Di Ruang Bengkel



Lokasi: Ruang Bengkel Penyaman Udara, ABM Utara
Tarikh: 29 Mei 2014

GAMBAR 13.18
Peralatan Latihan Yang Telah Dipindahkan Ke Stor Selepas Teguran Audit



Lokasi: Ruang Bengkel Penyaman Udara, ABM Utara
Tarikh: 6 April 2015
Sumber: ABM Utara

GAMBAR 13.19
Peralatan Latihan Ditempatkan Di Ruang Pejabat



Lokasi: Ruangan Pejabat Di Bengkel Penyaman Udara, ABM Utara
Tarikh: 29 Mei 2014

GAMBAR 13.20
Pejabat Telah Diubahsui Menjadi Stor Peralatan Yang Lebih Tersusun Selepas Teguran Audit



Lokasi: Ruangan Pejabat Di Bengkel Penyaman Udara, ABM Utara
Tarikh: 6 April 2015
Sumber : ABM Utara

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Utara Pada 6 April 2015

Peralatan disimpan di pejabat bengkel penyaman udara yang telah diubah suai menjadi stor.

c. Kemudahan Latihan

i. Kemudahan Sedia Ada Tidak Digunakan dan Terbiar

• Syarikat ABM (Terengganu) Sdn. Berhad (ABM Timur)

Lawatan Audit ke ABM Timur pada 23 Jun 2014 mendapati Rumah Kelab dan rumah kediaman Ketua Pegawai Operasi tidak diduduki dan terbiar seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.21
Ruang Lobi Rumah Kelab Yang Terbiar



Lokasi: Rumah Kelab, ABM Timur
Tarikh: 23 Jun 2014

GAMBAR 13.22
Ruang Lobi Rumah Kelab Digunakan Bagi Program *Building Operation* Selepas Teguran Audit



Lokasi: Rumah Kelab, ABM Timur
Tarikh: 16 Februari 2015
Sumber : ABM Timur

GAMBAR 13.23
Laluan Koridor Ke Bilik Penginapan Tidak Disenggara



Lokasi: Rumah Kelab, ABM Timur
Tarikh: 23 Jun 2014

GAMBAR 13.24
Laluan Koridor Ke Bilik Penginapan Yang Telah Dibersihkan Selepas Teguran Audit



Lokasi: Rumah Kelab, ABM Timur
Tarikh: 16 Februari 2015
Sumber: ABM Timur

GAMBAR 13.25
Rumah Kediaman Ketua Pegawai
Operasi Yang Terbiar



Lokasi: Rumah Banglo, ABM Timur
Tarikh: 23 Jun 2014

GAMBAR 13.26
Rumah Kediaman Ketua Pegawai
Operasi Yang Telah Disenggara



Lokasi: Rumah Banglo, ABM Timur
Tarikh: 16 Februari 2015
Sumber: ABM Timur

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Timur Pada 16 Februari 2015

ABM telah menggunakan Rumah Kelab untuk Building Operation and Maintenance Programme mulai tahun 2015 sebagai salah satu tempat latihan praktikal untuk kerja di bangunan sebenar. Rumah kediaman Ketua Pegawai Operasi telah digunakan sebagai penginapan eksklusif ABM Timur kepada pegawai CIDB termasuk untuk disewakan kepada peserta program dari luar.

- **Syarikat ABM (Sarawak) Sdn. Berhad (ABM Sarawak)**

Lawatan Audit di ABM Sarawak mendapati 15 bilik kuliah yang sebelum ini disewakan kepada pihak luar bagi menjana pendapatan tidak dapat disewakan sejak tahun 2013 kerana bangunan tersebut mengalami kerosakan pada siling dan tiada penyaman udara. Selain itu, 14 bilik inkubator terbiar kosong dan tidak digunakan seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.27
Siling Bilik Kuliah Rosak dan Tidak Mempunyai Penyaman Udara



Lokasi: Bilik Kuliah Blok A, ABM Sarawak
Tarikh: 21 Mei 2014

GAMBAR 13.28
Bilik Inkubator Yang Terbiar Kosong



Lokasi: Bilik Inkubator Blok C, ABM Sarawak
Tarikh: 21 Mei 2014

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Sarawak Pada 29 September 2014

ABM menganggarkan kos baik pulih siling dan pemasangan penyaman udara bagi 15 bilik kuliah di Blok A adalah sejumlah RM200,000. ABM hanya mampu untuk membuat kerja penyenggaraan berkala yang mana telah dipersetujui dalam syarat penyewaan iaitu mana-mana kerja yang membabitkan bajet besar akan dimajukan ke CIDB. Permohonan peruntukan baik pulih daripada CIDB akan dibuat sebelum penghujung bulan April 2015. Bilik Inkubator telah disewakan sepenuhnya kepada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak.

ii. Lokasi Bangunan Yang Disewa Tidak Strategik

Lawatan Audit pada 28 Ogos 2014 ke persekitaran bangunan pentadbiran ABM Sabah mendapati lokasinya kurang sesuai kerana kedudukan bangunan adalah bersebelahan dengan bengkel membaiki kenderaan. Ini menimbulkan suasana bising yang mengganggu keselesaan pegawai menjalankan tugas serta pelatih semasa mengikuti kelas pembelajaran teori. Bangunan ini juga tidak dilengkapi dengan kawalan keselamatan yang mencukupi. Keadaan persekitaran yang dikelilingi oleh bengkel kenderaan adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.29
Bangunan Ibu Pejabat ABM Sabah



Lokasi: Inanam, ABM Sabah
Tarikh: 28 Ogos 2014

GAMBAR 13.30
Persekitaran Dikelilingi Bengkel Kenderaan



Lokasi: Inanam, ABM Sabah
Tarikh: 28 Ogos 2014

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Sabah Pada 18 Mac 2015

CIDB telah membuat perancangan membina kampus tetap ABM Sabah di Kinarut bermula pada awal tahun 2015.

Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan dan kemudahan latihan adalah kurang memuaskan. Ini disebabkan peralatan tidak digunakan kerana belum diuji cuba, penyimpanan peralatan tidak teratur serta kemudahan yang tidak digunakan dan terbiar.

13.4.3 Tadbir Urus Korporat

13.4.3.1 Pengurusan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan nama baik syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat bagi memastikan kualiti serta integriti organisasi.

13.4.3.2 Semakan Audit mendapati ABM tidak menubuhkan Unit Audit Dalam (UAD) sebaliknya UAD CIDB dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pengauditan di ABM seperti jadual berikut:

JADUAL 13.29 : PENGAUDITAN YANG DIJALANKAN OLEH UAD CIDB

ABM	TAHUN PENGAUDITAN	PENGAUDITAN
Utara	2011	i. Pengurusan Program Ujian Kemahiran (Akreditasi) Bagi Pekerja Mahir Binaan Tempatan Dan Asing ii. Pengurusan Sistem Permohonan Latihan Kemahiran (e Latihan) iii. Pengurusan Aset Alih dan Tak Alih Milik CIDB
Timur	2011 2013	i. Penyenggaraan Bangunan Dan Infrastruktur di ABM Timur ii. Pengurusan Aset Alih dan Tak Alih Milik CIDB
Tengah	2013	Pengurusan Aset Alih dan Tak Alih Milik CIDB

ABM	TAHUN PENGAUDITAN	PENGAUDITAN
Selatan	-	Pengauditan Tidak Dilaksanakan
Sarawak	2011	i. Pengurusan Program Ujian Kemahiran (Akreditasi) Bagi Pekerja Mahir Binaan Tempatan Dan Asing ii. Pengurusan Sistem Permohonan Latihan Kemahiran (e Latihan)
Sabah	2010 2013	i. Pengurusan Sistem Permohonan Latihan Kemahiran (e Latihan) ii. Pengurusan Aset Alih dan Tak Alih Milik CIDB

Sumber: Laporan Audit Dalam CIDB

Maklum Balas Diterima Daripada CIDBH Pada 15 April 2015

Unit Audit Dalaman telah ditubuhkan pada 2 Mac 2015 di peringkat CIDBH bagi melaksanakan tugas pengauditan operasi dan kewangan di CIDBH serta ABM.

13.4.4 Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan syarikat diurus dengan baik. Ini bagi mengelakkan penyelewengan dan memastikan ketepatan serta kesempurnaan rekod perakaunan bagi membolehkan maklumat kewangan yang disediakan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan di ABM adalah kurang memuaskan seperti berikut:

13.4.4.1 Kelewatan Serahan Wang Ke Bank

- Manual Operasi Pentadbiran Dan Kewangan Akademi Binaan Malaysia bagi Fungsi Penerimaan menyatakan terimaan perlu dikumpul dan disimpan di tempat yang selamat. Terimaan secara tunai perlu dimasukkan ke bank pada keesokan harinya manakala terimaan melalui cek perlu dimasukkan ke bank dengan segera atau dalam tempoh 2 hari selepas penerimaan.
- Semakan terhadap slip Deposit Tunai pada tahun 2014 mendapati terimaan lewat dibankkan di ABM Selatan berjumlah RM1.91 juta, ABM Sarawak berjumlah RM254,729 dan ABM Sabah berjumlah RM8,240. Tempoh kelewatan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.30 : TEMPOH KELEWATAN SERAHAN TUNAI KE BANK

ABM	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	JUMLAH (RM)
Selatan	3 hingga 18	1,913,812
Sarawak	3 hingga 10	254,729
Sabah	4 hingga 10	8,240
JUMLAH		2,176,781

Sumber: Slip Deposit Tunai Ke Bank ABM Selatan, ABM Sarawak dan ABM Sabah

Maklum Balas Diterima Daripada CIDBH Pada 13 April 2015

CIDBH telah menetapkan had simpanan tunai di premis sejumlah RM25,000 selaras dengan had yang diinsuranskan untuk tahun 2015 di mana kesemua ABM akan mematuhi had tersebut.

- c. Semakan Audit terhadap Daftar Panjar Wang Runcit di ABM Utara bagi bulan Januari sehingga April 2014 mendapati terimaan tunai berjumlah RM154,005 yang terdiri daripada bayaran latihan bagi Program *Customised*, bayaran kad hijau, yuran pendaftaran program belia dan terimaan lain tidak dimasukkan ke dalam bank sebaliknya direkodkan sebagai terimaan tunai ke dalam Panjar Wang Runcit. ABM Tengah pula menggunakan wang hasil kutipan untuk perbelanjaan Panjar Wang Runcit.

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Tengah Pada 2 Mac 2015 Dan ABM Utara Pada 15 April 2015

ABM Utara telah mengambil tindakan menghentikan amalan memasukkan terimaan tunai tersebut ke dalam Panjar Wang Runcit sejak bulan Disember 2014. Had Panjar Wang Runcit di ABM Utara kini adalah RM3,000. Selain itu, ABM Tengah memaklumkan amalan menggunakan wang hasil kutipan untuk perbelanjaan Panjar Wang Runcit telah diberhentikan serta merta.

12.4.4.2 Penyata Penyesuaian Bank

- a. Penyata Penyesuaian Bank (PPB) hendaklah disediakan setiap bulan untuk menyesuaikan perbezaan antara baki di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank bagi memastikan kesahihan transaksi antara keduanya.
- b. Semakan Audit mendapati PPB yang disediakan secara bulanan di ABM Tengah tidak teratur. Jumlah baki Buku Tunai di PPB berbeza dengan jumlah baki tunai yang dinyatakan pada Buku Tunai. Perbezaan jumlah ini berlaku terhadap 4 PPB iaitu bagi CIMB Cawangan Pudu dan 7 PPB CIMB Cawangan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari bulan Januari sehingga September 2014. PPB yang tidak mengambil kira baki Buku Tunai sebenar tidak menunjukkan penyesuaian yang tepat. PPB yang berkaitan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.31 : PENYESUAIAN BANK CIMB PUDU DAN PWTC DARI BULAN JANUARI SEHINGGA SEPTEMBER 2014

BIL.	TARIKH	BAKI BUKU TUNAI (RM)	BAKI TUNAI DI PENYATA PENYESUAIAN (RM)	PERBEZAAN (RM)
CIMB CAWANGAN PUDU				
1.	30.04.2014	430,609	433,569	2,960
2.	30.05.2014	526,231	540,639	14,408
3.	30.06.2014	537,384	551,790	14,406
4.	29.08.2014	371,704	366,104	5,600
CIMB CAWANGAN PWTC				
1.	31.01.2014	2,478,279	2,416,118	62,161
2.	28.02.2014	2,503,721	2,509,141	5,420
3.	30.05.2014	777,774	821,689	43,915
4.	30.06.2014	705,956	751,671	45,715
5.	23.07.2014	511,043	556,758	45,715
6.	29.08.2014	1,544,722	1,550,722	6,000
7.	30.09.2014	284,680	290,282	5,602

Sumber: Bahagian Kewangan Dan Pentadbiran ABM Tengah

- c. Selepas teguran Audit, ABM Tengah telah mengemas kini dan memuktamadkan PPB bagi bulan Januari sehingga September 2014 dengan tepat.

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Tengah Pada 3 Mac 2015

Mulai bulan Januari 2015, ABM Tengah telah menyediakan Penyata Penyesuaian Bank yang kemas kini secara bulanan.

13.4.4.3 Baucar Bayaran

Amalan yang diguna pakai oleh syarikat bagi menjelaskan pembayaran adalah dalam tempoh 30 hari daripada tarikh invois/bil diterima. Semakan Audit mendapati 33 daripada 40 baucar bayaran di ABM Tengah berjumlah RM747,396.76 telah dibayar dalam tempoh melebihi 30 hari antara 44 hingga 225 hari. Selain itu, baucar bayaran tersebut tidak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa dan tiada dokumen sokongan yang lengkap.

Maklum Balas Diterima Daripada ABM Tengah Pada 2 Mac 2015

ABM Tengah telah membuat penambahbaikan terhadap pembayaran yang dibuat selepas 30 hari daripada tarikh invois diterima. Perkara ini telah dimasukkan ke dalam senarai semak SOP Fungsi Bayaran Manual Operasi Kewangan ABM pada bulan Mac 2015.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan kewangan ABM adalah kurang memuaskan. Ini disebabkan terimaan oleh ABM Selatan, ABM Sabah dan ABM Sarawak lewat diserahkan ke bank. Selain itu, terimaan di ABM Utara dan ABM Tengah digunakan bagi perbelanjaan Panjar Wang Runcit.

13.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan pertimbangan diberi kepada perkara berikut bagi meningkatkan prestasi pengurusan syarikat:

13.5.1 CIDB perlu memantau perolehan pelbagai jentera yang dibekalkan kepada ABM bagi memastikan jentera telah diterima, mengikut spesifikasi dan mematuhi syarat kontrak sebelum bayaran dijelaskan. Bayaran sebelum penerimaan atau pembekalan jentera yang tidak menepati syarat kontrak merupakan *Improper Payment*.

13.5.2 ABM perlu memastikan kemudahan latihan disenggara dengan baik bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pelatih.

13.5.3 CIDB hendaklah mengemas kini SOP yang mengandungi prosedur dan proses kerja yang lengkap serta jelas sebagai panduan yang standard kepada ABM bagi meningkatkan kualiti operasi pengurusan syarikat.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.

14

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH *Pengurusan Syarikat Kolej RISDA Sdn. Berhad*

14.1 LATAR BELAKANG

14.1.1 Kolej RISDA Sdn. Berhad (Kolej RISDA) ditubuhkan pada 8 Januari 1999 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan berjumlah RM25 juta dan modal berbayar berjumlah RM15.05 juta. Kolej RISDA merupakan syarikat milikan penuh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) iaitu agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW). Aktiviti utama Kolej RISDA adalah mengurus dan mengendalikan institusi pendidikan tinggi yang menawarkan program latihan dan pendidikan di dalam pelbagai bidang pengajian yang diiktiraf. Matlamat awal penubuhan kolej adalah untuk menyediakan pendidikan kepada pelajar di kawasan luar bandar, terutamanya kepada anak pekebun kecil yang mungkin tidak mempunyai peluang untuk belajar di institusi pengajian tinggi awam. Kolej RISDA beroperasi di kampus utama, Alor Gajah, Melaka; kampus cawangan di Semporna, Sabah; dan di 3 pejabat zon iaitu Zon Timur di Kuala Krai, Kelantan; Zon Utara di Padang Rengas, Perak dan Zon Tengah di Temerloh, Pahang. Mulai bulan Disember 2014, Kolej RISDA Melaka telah dinaik taraf sebagai Kolej Universiti dan dikenali sebagai Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM).

14.1.2 Kolej RISDA mempunyai 5 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada 2 wakil RISDA, seorang wakil KKLW dan 2 wakil universiti tempatan. Pengurusan Kolej RISDA diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 230 kakitangan. Senarai ahli Lembaga Pengarah Kolej RISDA adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.1 : AHLI LEMBAGA PENGARAH SETAKAT BULAN OGOS 2014

NAMA	TARIKH LANTIKAN	JAWATAN
YBhg. Dato' Sri Hj. Wan Mohamad Zuki Bin Hj. Mohamad	16.02.2011	Ketua Pengarah RISDA
Prof. Dr. Ghizah Bin Saleh	14.12.2007	Dekan Universiti Putra Malaysia
Prof. Dr. Saifollah Bin Abdullah	01.07.2008	Dekan Universiti Teknologi Mara
Encik Abdul Shukor Bin Mahmood	12.04.2011	Wakil Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
Puan Hjh. Halimah Binti Abd. Kadir	13.09.2013	Pengarah RISDA

Sumber : Jabatan Pentadbiran Dan Sumber Manusia

14.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan Kolej RISDA telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

14.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan bagi tahun 2009 sehingga bulan Julai 2014. Semakan Audit telah dijalankan terhadap fail, dokumen dan rekod berkaitan serta pemeriksaan aset. Selain itu, temu bual dan lawatan juga telah dibuat ke 2 pejabat zon iaitu Zon Timur dan Zon Tengah. *Exit Conference* telah diadakan pada 7 April 2015 di RISDA Holdings Sdn. Berhad dan dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKLW; Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA; Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Holdings; Ketua Pegawai Eksekutif Kolej RISDA serta lain-lain pegawai yang berkenaan.

14.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos sehingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan dan tadbir urus korporat adalah baik. Kolej RISDA mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut dan peningkatan keuntungan terkumpul. Sehingga 31 Disember 2013, Kolej RISDA mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM10.28 juta. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan adalah memuaskan kerana terdapat beberapa penemuan seperti berikut:

- i. Peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian adalah tinggi iaitu antara 21.6% sehingga 28.8% walaupun pendaftaran pelajar menghampiri atau melebihi sasaran. Antara faktor yang menyumbang kepada peratusan ini adalah pelajar gagal dalam peperiksaan, berhenti atau menangguk pengajian.
- ii. Bilangan kursus, latihan jangka pendek dan program kemahiran yang dijalankan pada tahun 2012 sehingga bulan Julai 2014 di Zon Timur, Zon Utara dan Zon Tengah menunjukkan penurunan kerana Kolej RISDA terlalu bergantung kepada Bahagian Latihan RISDA bagi mendapatkan pakej latihan atau kursus.
- iii. Penghutang tidak aktif yang wujud sejak tahun 2000 sehingga 31 Disember 2013 adalah tinggi iaitu berjumlah RM4.22 juta. Sejumlah RM3.01 juta atau 71.4% daripadanya merupakan hutang pelajar di Kolej RISDA Melaka.
- iv. Prestasi kutipan hutang oleh ejen yang dilantik adalah tidak memuaskan kerana jumlah kutipan yang rendah iaitu kurang daripada 5%.
- v. Peralatan komputer yang tidak boleh digunakan dan kenderaan yang rosak belum dilupuskan.

Penjelasan lanjut mengenai penemuan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

14.4.1 Prestasi Kewangan


Analisis trend dan nisbah terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 sehingga 2013 telah dilaksanakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kolej RISDA adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 14.2 : PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN KOLEJ RISDA BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013

BUTIRAN	TAHUN				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan	10.76	10.87	11.05	13.04	14.77
Perbelanjaan	9.91	10.01	10.21	12.40	13.89
Keuntungan Selepas Cukai	0.85	0.86	0.85	0.64	0.87
Keuntungan Berkumpulan	8.85	8.44	9.08	9.63	10.28


Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

CARTA 14.1 : PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KOLEJ RISDA BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

CARTA 14.2 : KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL KOLEJ RISDA BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

14.4.1.1 Analisis Trend

- Pada tahun 2009 sehingga 2013, Kolej RISDA mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi 5 tahun berturut-turut. Pada tahun 2010, Kolej RISDA mencatatkan peningkatan keuntungan selepas cukai sejumlah RM10,000 kepada RM0.86 juta berbanding RM0.85 juta pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, keuntungan

selepas cukai menurun pada 2 tahun berikutnya iaitu RM0.85 juta pada tahun 2011 dan RM0.64 juta pada tahun 2012 kesan daripada peningkatan perbelanjaan operasi. Pada tahun 2013, keuntungan selepas cukai meningkat semula sejumlah RM0.23 juta atau 35.9% kepada RM0.87 juta berbanding tahun sebelumnya. Sehingga 31 Disember 2013, Kolej RISDA mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM10.28 juta.

- b. Pendapatan utama Kolej RISDA diperoleh daripada yuran pengajian bagi program latihan dan pendidikan yang ditawarkan. Sepanjang tempoh 5 tahun dari tahun 2009 sehingga 2013, pendapatan Kolej RISDA menunjukkan trend peningkatan. Selain itu, Kolej RISDA juga memperoleh pendapatan daripada pakej kursus, pakej sewaan, perkhidmatan dan faedah simpanan tetap. Pendapatan bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.3 : PENDAPATAN KOLEJ RISDA BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013

PENDAPATAN	TAHUN				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
PENDAPATAN OPERASI UTAMA					
Yuran Pengajian	6.00	7.04	9.07	10.12	12.32
Pakej Kursus	2.71	2.28	0.84	2.30	1.80
Pakej Sewaan	0.15	0.12	0.06	0.02	0.07
Perkhidmatan	1.72	1.11	0.91	0.12	0.01
PENDAPATAN OPERASI LAIN					
Faedah Simpanan Tetap	0.03	0.03	0.03	0.32	0.40
Pendapatan Ladang	0.05	0.12	0.04	-	-
Lain-lain	0.10	0.17	0.10	0.16	0.16
Hasil Hal Ehwal	-	-	-	-	0.01
JUMLAH	10.76	10.87	11.05	13.04	14.77

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

- c. Berdasarkan jadual di atas, sepanjang tempoh 5 tahun dari tahun 2009 sehingga 2013, yuran pengajian telah menunjukkan peningkatan yang berterusan iaitu sejumlah RM6 juta pada tahun 2009 kepada RM12.32 juta pada tahun 2013. Peningkatan tersebut berlaku disebabkan pertambahan bilangan pelajar yang mendaftar dari setahun ke setahun dengan adanya tambahan program baru yang mendapat pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Bagaimanapun, pendapatan daripada pakej kursus yang dijalankan oleh pejabat zon pada tahun 2011 telah menurun sejumlah RM1.44 juta atau 63.2% kepada RM0.84 juta berbanding tahun 2010. Pendapatan ini kembali meningkat sejumlah RM1.46 juta atau 173.8% kepada RM2.30 juta pada tahun 2012 sebelum menurun kepada RM1.80 juta pada tahun 2013. Kenaikan dan penurunan pendapatan ini

disebabkan pertambahan dan pengurangan bilangan kursus yang dianjurkan oleh Bahagian Latihan RISDA di mana kolej RISDA adalah sebagai pelaksana atau urus setia kursus.

- d. Perbelanjaan Kolej RISDA meliputi perbelanjaan operasi, susut nilai hartanah, loji dan peralatan, kos kakitangan, kos kewangan dan cukai. Perbelanjaan Kolej RISDA menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2009 sehingga 2013. Perbelanjaan tertinggi dicatatkan pada tahun 2013 iaitu sejumlah RM13.89 juta atau peningkatan sebanyak 12% berbanding tahun 2012 seperti jadual berikut:

JADUAL 14.4 : PERBELANJAAN KOLEJ RISDA BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013

PERBELANJAAN	TAHUN				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Perbelanjaan Operasi	5.78	5.30	5.32	5.80	8.04
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	0.25	0.25	0.27	0.42	0.49
Kos Kakitangan	3.62	4.18	4.43	5.74	5.04
Kos Kewangan	0.01	0.01	0.01	0.01	0.01
Cukai	0.25	0.27	0.18	0.43	0.31
JUMLAH	9.91	10.01	10.21	12.40	13.89

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

14.4.1.2 Analisis Nisbah Kewangan

Analisis terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 sehingga 2013 bertujuan menentukan tahap prestasi kewangan Kolej RISDA meliputi Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih, Pulangan Atas Aset dan Pulangan Atas Ekuiti adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.5 : ANALISIS NISBAH KEWANGAN BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013

BUTIRAN	TAHUN				
	2009	2010	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	4.22:1	4.76:1	14.51:1	10.22:1	9.57:1
Margin Untung Bersih (%)	7.9	7.9	7.7	4.9	5.9
Pulangan Atas Aset (%)	7.2	7.2	3.2	2.3	3.0
Pulangan Atas Ekuiti (%)	342	81.8	5.6	4.2	5.7

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi

dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Nisbah Semasa Kolej RISDA bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah pada tahap baik iaitu melebihi 2.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan daripada pendapatan yang diperoleh. Pada tahun 2009 dan 2010, Kolej RISDA mencatatkan keuntungan dengan Margin Untung Bersih 7.9% dan 7.7% pada tahun 2011. Bagaimanapun, ia menurun kepada 4.9% pada tahun 2012 dan meningkat kepada 5.9% pada tahun 2013. Kos kakitangan pada tahun 2012 meningkat sebanyak 29.5% kerana pelarasan gaji mengikut terma RISDA Holdings Sdn. Berhad yang memberi kesan kepada peningkatan perbelanjaan dan penurunan keuntungan.

c. Pulangan Atas Aset

Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik keupayaan syarikat untuk menjana pendapatan. Pada tahun 2009 sehingga 2013, Kolej RISDA mencatatkan keuntungan menyebabkan Pulangan Atas Aset syarikat adalah bernilai positif iaitu 7.2% pada tahun 2009 dan 2010, menurun kepada 3.2% pada tahun 2011, 2.3% pada tahun 2012 dan meningkat kepada 3% pada tahun 2013. Penurunan Pulangan Atas Aset pada tahun 2011 adalah disebabkan penambahan modal oleh RISDA sejumlah RM14 juta yang disimpan dalam bentuk simpanan tetap.

d. Pulangan Atas Ekuiti

Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang diguna, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Pada tahun 2010, Kolej RISDA telah meningkatkan modal saham berbayar daripada RM0.25 juta kepada RM1.05 juta dengan menerbitkan 800,000 unit modal saham biasa bernilai RM1 setiap saham melalui pengurangan keuntungan terkumpul. Peningkatan saham tersebut menyebabkan Pulangan Atas Ekuiti syarikat menurun daripada 342% pada tahun 2009 kepada 81.8% pada tahun 2010. Pada tahun 2011, Kolej RISDA telah meningkatkan modal saham berbayar kepada RM15.26 juta. Pulangan Atas Ekuiti syarikat menurun daripada 81.8% pada tahun 2010 kepada 5.6% pada tahun 2011 dan 4.2% pada tahun 2012. Bagaimanapun, pada tahun 2013 Pulangan Atas Ekuiti meningkat kepada 5.7% disebabkan peningkatan keuntungan selepas cukai.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan Kolej RISDA bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah baik. Kolej RISDA mencatatkan keuntungan selepas cukai 5 tahun berturut-turut dan peningkatan keuntungan terkumpul. Ini secara langsung telah mempengaruhi hasil analisis nisbah kewangan syarikat yang baik. Sehingga 31 Disember 2013, keuntungan terkumpul Kolej RISDA berjumlah RM10.28 juta. Bagaimanapun, pendapatan daripada pakej kursus dan perkhidmatan menunjukkan trend penurunan.

Maklum Balas Daripada Kolej RISDA Diterima Pada 24 Februari 2015

Pejabat Perhubungan Kolej RISDA di Kuala Lumpur, Pahang, Kelantan dan Perak akan memfokuskan kepada kerja pemasaran dan program latihan bukan sahaja daripada RISDA tetapi daripada agensi awam dan swasta yang lain.

14.4.2 Pengurusan Aktiviti

Kolej RISDA telah menyediakan program yang dibangunkan sendiri di peringkat diploma dan sijil di samping program kerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam yang dilaksanakan di Kolej RISDA Melaka. Kesemua program tersebut mendapat pengiktirafan dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kolej RISDA juga menyediakan beberapa program kemahiran di peringkat sijil oleh pejabat zon yang tidak terlibat dengan pengiktirafan oleh MQA. Mulai bulan September 2014, Kolej RISDA Melaka menawarkan pengajian di peringkat sarjana muda setelah ia dinaik taraf sebagai Kolej Universiti. Maklumat program adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.6 : PROGRAM DIPLOMA/SIJIL YANG DITAWARKAN

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPOH PENGAJIAN (TAHUN)	AKREDITASI MQA		
			TARIKH LULUS	TARIKH TAMAT	STATUS
1	Diploma Pengurusan Ladang (Kerjasama dengan UiTM)	3	30.03.2011	-	Akreditasi Penuh
2	Diploma Pertanian (Kerjasama dengan UPM)	3	22.05.2012	-	Akreditasi Penuh
3	Diploma Sains Komputer (Kerjasama dengan UPM)	3	10.06.2008	-	Akreditasi Penuh
4	Diploma Pengurusan Perniagaan (Kerjasama dengan UPM)	3	29.07.2008	-	Akreditasi Penuh
5	Diploma Pengurusan Landskap	3	19.01.2012	-	Akreditasi Penuh
6	Diploma Perakaunan	3	04.02.2008	-	Akreditasi Penuh
7	Diploma Keusahawanan	3	04.02.2008	-	Akreditasi Penuh
8	Diploma Perniagaan Tani	3	09.01.2012	08.01.2015	Akreditasi Sementara
9	Diploma Sains Pertanian	2.5	15.07.2013	14.01.2016	Akreditasi Sementara

BIL.	NAMA PROGRAM	TEMPOH PENGAJIAN (TAHUN)	AKREDITASI MQA		
			TARIKH LULUS	TARIKH TAMAT	STATUS
10	Diploma Pengurusan Ladang	2.5	24.07.2013	23.07.2016	Akreditasi Sementara
11	Diploma Perniagaan Elektronik	2.5	24.07.2013	23.07.2016	Akreditasi Sementara
12	Diploma Pengeluaran Ternakan	2.5	14.07.2014	13.12.2016	Akreditasi Sementara
13	Sijil Pengurusan Pertanian	1.5	15.07.2008	-	Akreditasi Penuh
14	Sijil Sains Komputer	1.5	23.10.2012	-	Akreditasi Penuh
15	Sijil Sains Pertanian	1.5	17.11.2011	-	Akreditasi Penuh

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Akademik Kolej RISDA

14.4.2.1 Prestasi Pengambilan Pelajar

Kolej RISDA Melaka telah menetapkan sasaran pengambilan pelajar bagi kemasukan 2 kali setahun iaitu pada sesi bulan Julai dan Disember. Semakan Audit mendapati pada tahun 2012, peratusan pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran iaitu 74.7% disebabkan persaingan dari institusi pengajian tinggi lain yang turut menawarkan program yang sama. Pada tahun 2011 dan 2013, peratus pencapaian pengambilan pelajar telah mencapai sasaran iaitu 159.2% dan 101%. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.7 : PENCAPAIAN PENGAMBILAN PELAJAR BERBANDING SASARAN

TAHUN	SASARAN (BILANGAN PELAJAR)	PENGAMBILAN (BILANGAN PELAJAR)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (BILANGAN PELAJAR)	PERATUS (%)
2011	755	1,202	447	159.2
2012	1,378	1,029	(349)	74.7
2013	1,207	1,219	12	101.0
JUMLAH	3,340	3,450	110	103.3

Sumber: Bajet Tahunan/Data Pendaftaran

Pada pendapat Audit, peratusan pencapaian pengambilan pelajar bagi tahun 2012 adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian bagi tahun 2011 dan 2013 pula adalah baik kerana melebihi sasaran yang ditetapkan.

Maklum Balas Daripada Kolej RISDA Diterima Pada 30 April 2015

Bilangan pelajar yang berdaftar pada tahun 2012 adalah kurang kerana terdapat program yang telah dibajet tidak mendapat kelulusan dari

Kementerian Pengajian Tinggi untuk dijalankan. Terdapat juga persaingan dari IPT yang lain yang turut menyasarkan golongan pelajar dan bidang yang sama.

14.4.2.2 Prestasi Pengajian

- a. Kolej RISDA telah menetapkan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) pelajar yang gagal dan tidak meneruskan pengajian adalah pada kadar 5%. Pelajar yang mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) kurang dari 2 dianggap gagal dan tidak bergraduasi serta KPI bagi kumpulan ini ditetapkan pada kadar 3% manakala kumpulan pelajar yang tidak meneruskan pengajian atau berhenti, kadar yang ditetapkan adalah 2%. Semakan Audit mendapati Kolej RISDA tidak mencapai KPI yang telah ditetapkan bagi pelajar yang gagal dan tidak bergraduasi. Seramai 98 daripada 454 pelajar atau 21.6% yang mendaftar pada tahun 2012 tidak bergraduasi. Bagi tahun 2013, bilangan pelajar yang tidak bergraduasi telah meningkat kepada 28.7% atau 275 daripada 957 pelajar yang mendaftar. Bilangan pelajar yang tidak bergraduasi pada tahun 2014 terus meningkat kepada 28.8% atau 300 daripada 1,043 pelajar yang mendaftar. Antara sebab pelajar tidak bergraduasi adalah kerana gagal dalam peperiksaan, berhenti atau menangguhkan pengajian. Prestasi pengajian bagi tahun 2012 sehingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.8 : PRESTASI PENGAJIAN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

TAHUN KONVOKESYEN	DAFTAR (BILANGAN PELAJAR)	GRADUAT (BILANGAN PELAJAR)	PERATUS (%)	TIDAK BERGRADUAT (BILANGAN PELAJAR)	PERATUS (%)
2012	454	356	78.4	98	21.6
2013	957	682	71.3	275	28.7
2014	1,043	743	71.2	300	28.8

Sumber: Bahagian Akademik Ibu Pejabat

- b. Analisis Audit mendapati program Diploma Pengurusan Landskap merupakan program yang mendapat permintaan yang tertinggi. Bagi tempoh tahun 2012 sehingga 2014, seramai 838 pelajar telah mendaftar bagi program tersebut iaitu 34.1% daripada keseluruhan program yang ditawarkan. Antara faktor yang menyumbang kepada permintaan yang tinggi adalah syarat kemasukan yang lebih rendah berbanding dengan program diploma lain dan penglibatan aktiviti luar bilik kuliah seperti tanaman hiasan dan pengurusan padang permainan. Selain itu, program ini juga mempunyai pasaran pekerjaan yang luas. Program Sijil Sains Komputer merupakan program yang paling kurang mendapat sambutan disebabkan syarat kemasukan yang lebih tinggi di mana pemohon perlu lulus dalam subjek Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

- c. Pencapaian pelajar bagi program di peringkat diploma dan sijil bagi pelajar yang bergraduat pada tahun 2012 sehingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.9 : PRESTASI PELAJAR BERGRADUAT MENGIKUT PROGRAM BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

BIL.	NAMA PROGRAM	TAHUN KONVOKESYEN						JUMLAH		PERATUS (%)
		2012		2013		2014				
		E	K	E	K	E	K	E	K	
1.	Diploma Pengurusan Ladang (Kerjasama dengan UiTM)	90	50	149	65	174	94	413	209	50.6
2.	Diploma Pertanian (Kerjasama dengan UPM)	90	85	69	56	37	29	196	170	86.7
3.	Diploma Sains Komputer (Kerjasama dengan UPM)	19	17	19	18	8	7	46	42	91.3
4.	Diploma Pengurusan Perniagaan (Kerjasama dengan UPM)	63	48	48	36	98	74	209	158	75.6
5.	Diploma Pengurusan Landskap	117	95	264	206	457	352	838	653	77.9
6.	Diploma Perakaunan	9	8	20	18	38	30	67	56	83.6
7.	Diploma Keusahawanan	10	11	12	9	17	16	39	36	92.3
8.	Sijil Pengurusan Pertanian	39	27	56	38	23	16	118	81	68.6
9.	Sijil Sains Komputer	4	4	5	3	7	4	16	11	68.7
10.	Sijil Sains Pertanian	13	11	315	233	184	121	512	365	71.3
	JUMLAH	454	356	957	682	1,043	743	2,454	1,781	72.6

Nota : * E – Daftar K – Graduat

Sumber: Unit Pengambilan Daftar & Rekod

Pada pendapat Audit, peratusan pelajar yang bergraduat adalah memuaskan. Bagaimanapun, peratusan pelajar yang tidak bergraduat semakin meningkat antara 21.6% hingga 28.8% bagi tahun 2012 sehingga 2014 menyebabkan KPI yang telah ditetapkan tidak tercapai.

Maklum Balas Daripada Kolej RISDA Diterima Pada 30 April 2015

KPI bagi pelajar yang gagal adalah 5% iaitu 3% bagi pelajar yang mendapat CGPA antara 1.75 sehingga 2 dan 2% bagi pelajar yang mendapat CGPA kurang dari 1.75. Peratusan pelajar yang gagal setiap semester adalah kurang dari 2% dan ia selaras dengan KPI. Pelajar yang tidak meneruskan pengajian adalah disebabkan telah menerima tawaran IPTA untuk second intake, menangguhkan pengajian dan bekerja. Bahagian Akademik telah mula memantau bilangan pelajar yang berhenti dan gagal untuk melapor diri pada setiap awal semester mulai kemasukan tahun 2014. Pelajar bagi kategori ini tidak dianggap gagal kerana keputusan mereka untuk menamatkan pengajian adalah di luar kawalan Kolej. Bagaimanapun, mereka diberi nasihat dan kaunseling sebelum diberi kebenaran untuk menamatkan pengajian.

Program Sijil dan Diploma Sains Komputer kurang mendapat sambutan disebabkan program ini digambarkan pasaran pekerjaan yang telah 'saturated' menyebabkan pelajar beralih ke program lain.

14.4.2.3 Kursus, Latihan Jangka Pendek Dan Program Kemahiran

- a. Kolej RISDA juga menjalankan kursus, latihan jangka pendek dan program kemahiran di mana kumpulan sasarannya adalah kakitangan RISDA, pekebun kecil dan masyarakat setempat. Kursus dan latihan jangka pendek merupakan program yang dianjurkan dan dibiayai oleh Bahagian Latihan RISDA yang telah diserahkan kepada Kolej RISDA sebagai pelaksana atau urus setia. Program kemahiran pula merupakan kursus yang dianjurkan dan diurus sendiri oleh Kolej RISDA. Prestasi kewangan program yang telah dijalankan pada tahun 2012 sehingga bulan Julai 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.10 : PRESTASI KURSUS, LATIHAN DAN PROGRAM KEMAHIRAN BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA BULAN JULAI 2014

CAWANGAN/ZON	TAHUN	BIL.	PENDAPATAN (RM)	KOS (RM)	UNTUNG (RM)
Melaka	2012	2	91,920	64,587	27,333
	2013	7	187,286	121,903	65,383
	Sehingga bulan Julai 2014	7	301,910	201,765	100,145
	Jumlah	16	581,116	388,255	192,861
Semporna	2012	2	48,000	24,515	23,485
	2013	Tiada			
	Sehingga bulan Julai 2014	7	209,600	142,701	66,899
	Jumlah	9	257,600	167,216	90,384
Zon Timur	2012	28	245,000	60,406	184,594
	2013	10	747,000	532,000	173,000
	Sehingga bulan Julai 2014	3	21,000	6,453	14,547
	Jumlah	41	1,013,000	598,859	372,141
Zon Utara	2012	32	295,000	118,060	176,060
	2013	6	343,495	208,599	134,896
	Sehingga bulan Julai 2014	4	302,400	188,116	114,284
	Jumlah	42	940,895	514,775	425,240
Zon Tengah	2012	31	1,188,510	484,395	704,115
	2013	31	121,600	60,098	61,502
	Sehingga bulan Julai 2014	6	35,000	11,250	23,750
	Jumlah	68	1,345,110	555,743	789,367
Kuala Lumpur (Pejabat)	2012	14	238,490	145,459	93,031
	2013	28	494,862	346,069	148,792

CAWANGAN/ZON	TAHUN	BIL.	PENDAPATAN (RM)	KOS (RM)	UNTUNG (RM)
Perhubungan)	Sehingga bulan Julai 2014	14	143,000	84,913	58,087
	Jumlah	56	876,352	576,441	299,910
JUMLAH KESELURUHAN		232	5,014,073	2,801,289	2,169,903

Sumber: Laporan Kemajuan Kursus

- b. Semakan Audit mendapati semua kampus cawangan dan pejabat zon mencatatkan keuntungan setiap tahun bagi tahun 2012 sehingga bulan Julai 2014. Bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati bilangan kursus, latihan dan program kemahiran yang dijalankan oleh 3 pejabat zon iaitu Zon Timur, Utara dan Tengah menunjukkan penurunan berterusan sekali gus memberi kesan kepada penurunan keuntungan setiap cawangan. Pejabat Zon Timur menunjukkan penurunan keuntungan daripada RM184,594 pada tahun 2012 kepada RM14,547 setakat bulan Julai 2014 kesan daripada penurunan bilangan kursus dan latihan daripada 28 kepada 3. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan bilangan kursus dan latihan adalah kerana ia bergantung kepada perancangan Bahagian Latihan RISDA dan Kolej RISDA hanya bertindak sebagai urus setia atau pelaksana.

Pada pendapat Audit, prestasi kursus, latihan jangka pendek dan program kemahiran adalah memuaskan. Bagaimanapun, perolehan kursus dan latihan yang bergantung sepenuhnya daripada Bahagian Latihan RISDA akan menjejaskan pendapatan kolej sekiranya RISDA kurang menganjurkan program latihan tersebut.

Maklum Balas Daripada Kolej RISDA Diterima Pada 24 Februari 2015

Bermula tahun 2011, fokus Kolej RISDA adalah kepada bidang akademik dan tidak fokus kepada bidang perkhidmatan kerana Ahli Lembaga Pengarah meminta Kolej RISDA memfokuskan untuk menaik taraf ke kolej universiti. Pada tahun 2014, selain daripada menjalankan program latihan RISDA, Unit Latihan juga telah menganjurkan program latihan sendiri bersama syarikat milikan RISDA, Kerajaan Negeri Melaka, KKLW, agensi kerajaan dan swasta seluruh Negara.

Pada tahun 2015, sebagai pejabat perhubungan, semua pejabat Zon akan terlibat secara langsung di dalam pemasyhuran jenama Kolej Universiti Agrosains Malaysia untuk membantu masyarakat luar bandar yang tercicir melanjutkan pengajian di IPT bertaraf Universiti. Pejabat ini juga akan menjalankan aktiviti latihan untuk agensi kerajaan dan swasta yang lain tanpa terlalu bergantung kepada RISDA.

14.4.2.4 Penghutang Tidak Aktif

- a. Pelajar tidak aktif adalah terdiri daripada pelajar yang diberhentikan, berhenti, tangguh dan tamat pengajian. Jumlah hutang pelajar yang tidak aktif setakat 31 Disember 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.11 : PENGHUTANG TIDAK AKTIF SETAKAT 31 DISEMBER 2013

KAMPUS/ZON	JUMLAH (RM)	PERATUS (%)
Melaka	3,013,856	71.4
Zon Tengah	736,445	17.4
Zon Timur	409,375	9.7
Zon Utara	61,445	1.5
JUMLAH	4,221,121	100.0

Sumber: Unit Kredit

- b. Pengumuran penghutang terhadap pelajar tidak aktif setakat 31 Disember 2013 bagi 4 kampus/Pejabat Zon Kolej RISDA adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.12 : ANALISIS PENGUMURAN PENGHUTANG SETAKAT 31 DISEMBER 2013

TAHUN	KAMPUS/ZON							
	MELAKA		ZON TENGAH		ZON TIMUR		ZON UTARA	
	BIL. PELAJAR	JUMLAH (RM)	Bil. PELAJAR	JUMLAH (RM)	Bil. PELAJAR	JUMLAH (RM)	Bil. PELAJAR	JUMLAH (RM)
2000	-	-	5	13,760	-	-	-	-
2001	-	-	11	72,370	-	-	-	-
2002	-	-	21	109,112	-	-	-	-
2003	-	-	23	116,760	-	-	-	-
2004	6	25,962	13	42,400	-	-	5	11,365
2005	17	64,203	-	-	-	-	5	9,270
2006	19	89,521	-	-	-	-	10	27,810
2007	14	63,784	-	-	-	-	-	-
2008	21	87,199	-	-	-	-	-	-
2009	20	83,415	-	-	-	-	-	-
2010	19	111,728	-	-	-	-	-	-
2011	380	550,684	-	-	-	-	-	-
2012	1,101	1,649,877	-	-	-	-	-	-
2013	483	287,483	-	-	-	-	-	-
Lain-lain*	-	-	94	382,043	99	409,375	5	13,000
JUMLAH	2,080	3,013,856	167	736,445	99	409,375	25	61,445

Sumber: Unit Kredit

Nota : * Tahun tunggakan tidak dapat dipastikan

- c. Semakan Audit mendapati jumlah penghutang tidak aktif yang dicatatkan sehingga 31 Disember 2013 adalah berjumlah RM4.22 juta. Kolej RISDA Melaka mempunyai penghutang yang paling tinggi iaitu sejumlah RM3.01 juta atau 71.4% daripada keseluruhan penghutang. Penghutang tertinggi dicatatkan pada tahun 2012 iaitu sejumlah RM1.65 juta. Selain itu, Pejabat Zon Tengah telah mencatatkan penghutang tidak aktif sejak tahun 2000 dengan jumlah terkumpul adalah RM0.74 juta. Antara punca wujudnya hutang pelajar tidak aktif adalah pelajar yang baru mendaftar mendapat tawaran daripada institusi pengajian tinggi yang lain, pihak PTPTN menahan bantuan kewangan kerana tidak melepasi tahap minimum gred yang ditetapkan dan kegagalan pelajar meneruskan sesi pengajian berikutnya kerana gagal dalam peperiksaan.
- d. Kolej RISDA telah melantik ejen bagi mengutip tunggakan hutang pelajar yang tidak aktif. Semakan Audit mendapati bilangan hutang pelajar yang berjaya dikutip setakat 31 Disember 2013 adalah rendah iaitu RM0.08 juta atau 4.6% daripada RM1.82 juta yang terhutang pada 31 Disember 2012 seperti jadual berikut:

JADUAL 14.13 : PRESTASI EJEN KUTIPAN SEPANJANG TAHUN 2013

KAMPUS/ZON	BAKI HUTANG (RM)		PUNGUTAN TAHUN 2013 (RM)	PERATUS PENCAPAIAN KUTIPAN (%)
	31 DISEMBER 2013	31 DISEMBER 2012		
Melaka	525,812	541,143	15,331	2.8
Zon Tengah	736,445	755,850	19,405	2.6
Zon Utara	61,444	65,494	4,050	6.2
Zon Timur	409,375	454,591	45,216	9.9
JUMLAH	1,733,076	1,817,078	84,002	4.6

Sumber: Prestasi Ejen Kutipan Setakat 31 Disember 2013

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan balik penghutang tidak aktif adalah tidak memuaskan kerana baki hutang masih tinggi iaitu RM4.22 juta sejak tahun 2000 dan ejen kutipan yang dilantik oleh Kolej RISDA hanya dapat mengutip kurang daripada 5% daripada jumlah penghutang.

Maklum Balas Daripada Kolej RISDA Diterima Pada 30 April 2015

Kolej telah mengambil tindakan berikut untuk mengatasi penghutang yang tinggi:

- *Membawa satu kertas cadangan kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk hapus kira hutang pelajar yang tertunggak dari tahun 2000 sehingga 2007 bagi 149 pelajar berjumlah RM646,317.*

- *Bagi tunggakan 198 pelajar berjumlah RM804,418, siasatan sedang dilaksanakan bagi mengesan dokumen untuk penyediaan kertas cadangan hapus kira.*
- *Bagi tunggakan 2,045 pelajar untuk tahun 2008 sehingga 2013 berjumlah RM2,798,027, Kolej telah melantik ejen pengutip hutang bagi mengatasi masalah tunggakan ini. Setakat tahun 2014, sejumlah RM390,915 telah berjaya dikutip.*
- *Bagi mengekang berlakunya tunggakan di masa akan datang, Arahan Pentadbiran/Pekeliling telah dikeluarkan kepada pelajar:*
 - i. Penyelesaian yuran boleh dibuat secara ansuran;*
 - ii. Surat amaran berkala kepada pelajar/ibu bapa/penjaga;*
 - iii. Penahanan Slip Keputusan Peperiksaan sehingga hutang dijelaskan;*
 - iv. Penahanan Transkrip dan Konvokesyen; dan*
 - v. Hutang diselesaikan sebelum dibenarkan memasuki peperiksaan akhir atau mendaftar untuk semester baru.*

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti penyediaan pelbagai program pengajian adalah memuaskan kerana kesemua program telah mendapat pengiktirafan MQA dan prestasi pengambilan pelajar yang baik. Bagaimanapun, kadar pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian adalah tinggi, perolehan pakej kursus dan latihan yang terlalu bergantung kepada RISDA dan jumlah penghutang tidak aktif yang tinggi.

14.4.3 Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan

14.4.3.1 Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat. Oleh itu, amalan tadbir urus yang baik dapat memastikan kualiti dan integriti dalam organisasi tersebut. Secara umumnya, tadbir urus korporat Kolej RISDA adalah baik. Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif telah menjalankan peranan dan tanggungjawab dengan baik bagi melaksanakan strategi yang telah dirancang ke arah meningkatkan prestasi dan keuntungan Kolej.

14.4.3.2 Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Secara umumnya, pengurusan kewangan Kolej RISDA adalah baik. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan perlu diambil terhadap pengurusan aset seperti berikut:

- a. Sehingga 31 Disember 2013, Kolej RISDA memiliki nilai bersih aset bukan semasa berjumlah RM2.03 juta yang terdiri daripada kenderaan, perabot dan kelengkapan serta komputer. Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2013 dan senarai aset syarikat mendapati 2 unit kenderaan di Kolej RISDA Melaka tidak direkodkan seperti jadual berikut:

JADUAL 14.14 : SENARAI KENDERAAN YANG TIDAK DIREKODKAN

JENIS	TAHUN PEROLEHAN	NILAI (RM)	NOMBOR PENDAFTARAN	SENARAI ASET	PENYATA KEWANGAN
Bas Isuzu	1992	10,000.00	WCW 3884	√	x
Jeep Suzuki	1991	1,000.00	WCN 5640	√	x

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Syarikat Tahun 2013

- b. Pemeriksaan Audit terhadap aset di Kolej RISDA Melaka serta di Pejabat Zon Timur dan Tengah mendapati peralatan komputer yang tidak boleh digunakan dan kenderaan rosak belum dilupuskan seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.1

Peralatan Komputer Belum Dilupuskan



Lokasi: Pejabat Zon Timur
Tarikh: 21 September 2014

GAMBAR 14.2

Peralatan Komputer Belum Dilupuskan



Lokasi: Pejabat Zon Timur
Tarikh: 21 September 2014

GAMBAR 14.3

Peralatan Komputer Belum Dilupuskan



Lokasi: Pejabat Zon Tengah
Tarikh: 30 September 2014

GAMBAR 14.4

Kenderaan Yang Rosak Belum Dilupuskan



Lokasi: Pejabat Zon Tengah
Tarikh: 29 September 2014

Maklum Balas Daripada Kolej RISDA Diterima Pada 24 Februari 2015

Kolej RISDA akan memastikan segala aset berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Tindakan pelupusan sedang diambil terhadap peralatan komputer yang tidak lagi boleh digunakan dan kenderaan yang rosak mengikut prosedur pelupusan aset.

14.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan pertimbangan kepada perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat:

14.5.1 Kolej RISDA perlu memantapkan program pengajian yang ditawarkan bagi mengurangkan peratusan pelajar yang berhenti dan gagal meneruskan pengajian agar objektif penubuhan Kolej RISDA dapat dicapai.

14.5.2 Kolej RISDA perlu mengkaji semula prosedur kutipan hutang supaya tindakan mengutip hutang pelajar tidak aktif dapat dibuat dengan lebih berkesan serta meningkatkan pendapatan Kolej RISDA. Prestasi ejen kutipan hutang perlu dikaji semula dan ditamatkan jika perlu.

14.5.3 Kolej RISDA perlu mengambil tindakan pelupusan aset dengan segera supaya dapat menjimatkan ruang penyimpanan aset.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.

15

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
Pengurusan Syarikat RISDA Bina Sdn. Berhad

15.1 LATAR BELAKANG

15.1.1 RISDA Bina Sdn. Berhad (RISDA Bina) atau nama asalnya Waktu Cerah Sdn. Berhad (WCSB) ditubuhkan pada 26 Ogos 1993 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal dibenarkan sejumlah RM5 juta dan modal berbayar sejumlah RM2.02 juta. RISDA Bina merupakan syarikat milik penuh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Pada awal penubuhannya, WCSB adalah di bawah pengurusan Syarikat Smallholders Development Corporation Sdn. Berhad (SHDC) iaitu sebuah Syarikat Milikan RISDA (SMR). Pada 10 Mei 2006, WCSB telah dijadikan anak syarikat RISDA sepenuhnya dan dikenali sebagai Benaris Property Sdn. Berhad (BPSB). Pada 29 Mac 2011, BPSB telah ditukar nama kepada RISDA Bina dengan fungsi utama adalah sebagai SMR yang bertanggungjawab dalam membangunkan tanah-tanah milikan RISDA yang berpotensi. Aktiviti utama RISDA Bina adalah sebagai pemaju hartanah, kontraktor dan juga perunding pengurusan projek. RISDA Bina terlibat dengan Projek Pembangunan Taman Cindai Jaya, di Daerah Kuala Muda, Kedah. Pembangunan di atas 97 ekar tanah milik RISDA melibatkan pembinaan Fasa 1 bagi membaik pulih 65 unit bangunan yang terbengkalai, Fasa 2A pembinaan 30 unit bangunan komersial dan Fasa 3A melibatkan pembinaan 122 unit rumah. Pembinaan Fasa 3B, 3C dan 3D pula adalah perancangan pembinaan yang telah diluluskan manakala Fasa 4 pembinaan adalah di peringkat cadangan.

15.1.2 RISDA Bina mempunyai 7 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang wakil Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), seorang wakil RISDA dan 5 wakil profesional. Pengurusan RISDA Bina diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 13 kakitangan. RISDA Bina mempunyai 3 jabatan iaitu Jabatan Pemasaran dan Jualan, Jabatan Pembangunan Projek serta Jabatan Kewangan dan Pentadbiran. Senarai ahli Lembaga Pengarah RISDA Bina adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.1 : AHLI LEMBAGA PENGARAH RISDA BINA SETAKAT BULAN JUN 2014

NAMA	TARIKH LANTIKAN	JAWATAN
Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif	15.04.2014	Ahli Politik
Dato' Mohamed Fuad bin Yon	20.02.2006	Pengarah Syarikat
Datuk Mohammad Izat bin Hasan	15.08.2006	Mantan Ketua Pengarah RISDA
Muhamad Zamani bin Mohd Ali	06.05.2011	Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Infrastruktur, Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
Dato' Hj. Ali Nordin bin Wahiduddin	08.03.2013	Mantan Ketua Pegawai Eksekutif, RISDA Holdings Sdn. Berhad

NAMA	TARIKH LANTIKAN	JAWATAN
Mohd Ghazali bin Abd Majid	25.09.2013	Pengarah Bahagian Tanam Semula Dan Perladangan, RISDA
Mohd Zahari bin Mohd Zinin	25.09.2013	Ahli Pihak Berkuasa RISDA dan Pengarah Syarikat

Sumber : Borang 49, Akta Syarikat 1965 Dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

15.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan RISDA Bina telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

15.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat, pengurusan kewangan dan pemantauan bagi tahun 2011 sehingga bulan Jun 2014. Prestasi kewangan dinilai berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 sehingga 2013. Semakan dibuat terhadap fail, dokumen, rekod berkaitan dan pemeriksaan fizikal terhadap aset telah diadakan. Selain itu, temu bual dan lawatan ke tapak pembinaan Taman Cindai Jaya di Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah juga dijalankan. *Exit Conference* telah diadakan pada 7 April 2015 di RISDA Holdings Sdn. Berhad dan dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha KKLW; Timbalan Ketua Pengarah RISDA; Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Holdings Sdn. Berhad; Ketua Pegawai Eksekutif RISDA Bina serta lain-lain pegawai yang berkenaan.

15.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai sehingga Ogos 2014 mendapati secara keseluruhannya, prestasi kewangan, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan adalah baik. RISDA Bina mencatatkan keuntungan selepas cukai dari tahun 2009 sehingga 2010 daripada RM0.14 juta kepada RM0.65 juta. Sehingga tahun 2013, RISDA Bina mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM10.16 juta. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa penemuan seperti berikut:

- i. Projek Fasa 1 iaitu Kerja-kerja Pemulihan 65 Unit Bangunan Yang Terbengkalai melibatkan Arahan Perubahan Kerja sejumlah RM1.03 juta atau 13.7% daripada kos asal projek.
- ii. Projek Fasa 2A lewat disiapkan dengan melibatkan 3 kali kelulusan lanjutan masa selama 407 hari dan juga 20 kali Arahan Perubahan Kerja dengan pertambahan kos sejumlah RM442,637 atau 6% daripada kos asal kontrak.

- iii. Projek Fasa 3A yang sepatutnya siap pada 16 Jun 2014 mengalami kelewatan dan gagal disiapkan oleh kontraktor yang dilantik. Kemajuan projek setakat bulan Mac 2015 hanya 89% siap.
- iv. Sasaran pendapatan bagi projek Fasa 3A bagi tahun 2013, 2014 dan setakat bulan Mac 2015 adalah terlalu jauh daripada pencapaian sebenar iaitu hanya mencapai 0.6%, 6.4% dan 2.5% masing-masing daripada sasaran yang ditetapkan. Prestasi jualan projek Fasa 3A tidak menggalakkan di mana setakat bulan Mac 2015 hanya 38 unit daripada 122 unit rumah berjaya dijual dan 20 unit lagi masih menunggu kelulusan pinjaman.
- v. RISDA Bina bergantung kepada sumber dana dari Badan Induk untuk membiayai projek pembinaannya. Sejumlah RM10 juta dipinjam dari Tabung Rancangan Tanam Baru Berkelompok dan selebihnya adalah suntikan dana dan bayaran pampasan daripada RISDA.
- vi. Kerja pembinaan kolam takungan tidak dapat dilaksanakan disebabkan pencerobohan 17 setinggian di tapak kolam tersebut.
- vii. Dokumen kontrak lewat ditandatangani iaitu antara 11 hingga 33 bulan daripada tarikh surat setuju terima.
- viii. Aktiviti pemasaran yang dilaksanakan masih belum mampu menarik minat pembeli berdasarkan prestasi jualan yang tidak menggalakkan walaupun telah menggunakan sebanyak 50.7% peruntukan perbelanjaan pemasaran.

Penjelasan lanjut mengenai penemuan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

15.4.1 Prestasi Kewangan


Analisis trend dan nisbah terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 sehingga 2013 telah dilaksanakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan RISDA Bina adalah seperti jadual dan carta berikut:

**JADUAL 15.2 : PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN RISDA BINA
BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013**


BUTIRAN	TAHUN				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan	1.26	3.62	0.95	6.03	12.43
Perbelanjaan	1.12	2.97	1.05	5.35	10.12
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai	0.14	0.65	(0.10)	0.67	2.29
Keuntungan Berkumpul	8.71	9.32	9.13	7.97*	10.16

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Nota: *Terdapat Pelarasan Akaun Pada Tahun 2012

**CARTA 15.1 :PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
RISDA BINA BAGI TAHUN 2009
SEHINGGA 2013**

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

**CARTA 15.2 : KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) DAN
KEUNTUNGAN TERKUMPUL
RISDA BINA BAGI TAHUN 2009
SEHINGGA 2013**

Sumber : Penyata Kewangan Syarikat

15.4.1.1 Analisis Trend

- a. Pada tahun 2009 sehingga 2010, RISDA Bina mencatatkan peningkatan keuntungan selepas cukai daripada RM0.14 juta kepada RM0.65 juta. Pada tahun 2011, RISDA Bina telah mengalami kerugian sejumlah RM0.10 juta kesan daripada aktiviti RISDA Bina yang dihentikan disebabkan oleh masalah kaveat tanah di Sungai Petani. Bagaimanapun, RISDA Bina telah menjana keuntungan pada tahun 2012 sejumlah RM0.67 juta dan seterusnya meningkat pada tahun 2013 kepada RM2.29 juta ekoran daripada peningkatan jualan hartanah. Keuntungan terkumpul bagi tahun 2009 sehingga 2010 menunjukkan trend peningkatan kesan daripada peningkatan keuntungan bersih tahun 2010. Bagaimanapun, keuntungan terkumpul telah mengalami penurunan daripada RM9.32 juta bagi tahun 2010 kepada RM7.97 juta bagi tahun 2012 disebabkan oleh pelarasan terhadap Tanah Pajakan Dipegang Untuk Tujuan Pembangunan yang terlebih nyata sejumlah RM1.83 juta. Sehingga 31 Disember 2013, RISDA Bina mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM10.16 juta.
- b. Pendapatan utama RISDA Bina adalah daripada aktiviti pembangunan dan penjualan hartanah serta kontrak kerja. Selain itu, RISDA Bina juga mempunyai pendapatan daripada operasi lain seperti faedah deposit tetap, untung daripada pelupusan hartanah, terimaan daripada pembatalan jualan, caj pembaikan dan lain-lain pendapatan. Pada tahun 2009 sehingga 2010, pendapatan utama RISDA Bina telah meningkat daripada RM1.06 juta kepada RM3.60 juta hasil daripada jualan tanah di Ampang dan jualan seunit kilang teres. Pada tahun 2011,

pendapatan utama RISDA Bina mengalami penurunan sejumlah RM2.84 juta atau 78.8% daripada RM3.60 juta kepada RM0.76 juta disebabkan prestasi jualan unit rumah kedai Fasa 2A yang tidak menggalakkan di mana 8 daripada 30 unit sahaja telah dijual pada tahun tersebut. Bagaimanapun, pendapatan utama RISDA Bina telah meningkat pada tahun 2012 dan 2013 kepada RM5.97 juta dan RM12.33 juta hasil daripada peningkatan prestasi jualan Fasa 2A dan sebahagian jualan unit Fasa 3A.

- c. Bagi hasil pendapatan operasi lain, pendapatan yang diperoleh menunjukkan trend turun naik dari tahun 2009 sehingga 2013. Pada tahun 2009, sejumlah RM0.20 juta telah diperoleh dan RM0.02 juta bagi tahun 2010. Pada tahun 2011, pendapatan yang diperoleh adalah berjumlah RM0.19 juta dan menurun kepada RM0.06 juta pada tahun 2012. Pendapatan ini telah meningkat kepada RM0.09 juta bagi tahun 2013 hasil daripada terimaan daripada pembatalan jualan rumah kedai dan caj pembaikan.
- d. Perbelanjaan RISDA Bina meliputi kos jualan/pembangunan, kos kakitangan, kos kewangan, susut nilai aset dan lain-lain perbelanjaan operasi. Bagi tahun 2009 sehingga 2010, perbelanjaan RISDA Bina telah meningkat sejumlah RM1.85 juta atau 165.2% daripada RM1.12 juta kepada RM2.97 juta. Ini disebabkan oleh peningkatan kos pembangunan bagi projek baik pulih rumah kedai (Fasa 1) yang telah diserahkan pada tahun 2010. Bagaimanapun, perbelanjaan telah menurun kepada RM1.05 juta pada tahun 2011. Bagi tahun 2012 sehingga 2013, perbelanjaan RISDA Bina telah meningkat daripada RM5.35 juta kepada RM10.12 juta antaranya disebabkan oleh aktiviti pembinaan Fasa 2A dan 3A.

15.4.1.2 Nisbah Kewangan

Nisbah Semasa, Margin Untung Bersih, Pulangan Atas Ekuiti dan Nisbah Hutang berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.3 : ANALISIS NISBAH KEWANGAN BAGI TAHUN 2009 SEHINGGA 2013

BUTIRAN	TAHUN				
	2009	2010	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	0.29 : 1	0.47 : 1	1.98 : 1	2.95 : 1	9.52 : 1
Margin Untung Bersih (%)	11.5	17.9	(10.5)	11.1	18.5
Pulangan Atas Ekuiti (%)	7.2	32.1	(4.9)	33.1	113.5
Nisbah Hutang (%)	48.4	46.2	44.2	56.8	55.3

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kekukuhan kewangan syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Analisis Audit mendapati nisbah semasa bagi tahun 2009 dan 2010 adalah kurang daripada 1. Ini berlaku kerana liabiliti semasa RISDA Bina adalah tinggi berbanding dengan aset semasa syarikat. Pada tahun 2011 sehingga 2013, Nisbah Semasa RISDA Bina adalah lebih daripada 1 iaitu menunjukkan peningkatan daripada 1.98 kali kepada 9.52 kali disebabkan oleh penurunan liabiliti semasa. Penurunan liabiliti semasa yang mendadak pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh sebahagian angka daripada akaun Belum Bayar Dagangan, Belum Bayar lain, Perbelanjaan terakru dan Pinjaman berjangka yang berjumlah RM6.74 juta di butiran liabiliti semasa telah dibuat pelarasan kerana mengambil kira kedudukan sebenar kewangan syarikat pada tahun tersebut.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. Margin Untung Bersih RISDA Bina meningkat daripada 11.5% pada tahun 2009 kepada 17.9% pada tahun 2010. Bagaimanapun pada tahun 2011, RISDA Bina telah mengalami kerugian sejumlah RM99,961 menyebabkan Margin Untung Bersih bernilai negatif. Bagi tahun 2012, syarikat telah memperoleh keuntungan dan Margin Untung Bersih telah meningkat kepada 11.1% dan 18.5% pada tahun 2013.

c. Pulangan Atas Ekuiti

Pulangan Atas Ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang telah dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan Pulangan Atas Ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menjana keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan Atas Ekuiti RISDA Bina menunjukkan peningkatan iaitu daripada 7.2% pada tahun 2009 kepada 32.1% pada tahun 2010. Bagaimanapun pada tahun 2011, Pulangan Atas Ekuiti RISDA Bina adalah negatif disebabkan oleh kerugian yang dialami bagi tempoh tersebut. Pada tahun 2012, Pulangan Atas Ekuiti telah meningkat kepada 33.1% dan 113.5% pada tahun 2013.

d. Nisbah Hutang

Analisis Nisbah Hutang dibuat bagi menilai kestabilan RISDA Bina dengan membandingkan jumlah liabiliti dan jumlah aset syarikat. Mengikut piawaian industri, jika peratus Nisbah Hutang adalah kurang daripada 50%, sesebuah syarikat boleh dianggap berhemat dan stabil. Nisbah Hutang RISDA Bina bagi tahun 2009 sehingga 2011 adalah memuaskan kerana kurang daripada 50%. Bagaimanapun, Nisbah Hutang RISDA Bina pada tahun 2012 dan 2013 telah melebihi 50% iaitu 56.8% dan 55.3% masing-masing. Peningkatan ini disebabkan pada tahun tersebut RISDA Bina telah mula menanggung sebahagian daripada jumlah pinjaman Tabung Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB). RISDA Bina juga terpaksa menanggung bayaran sejumlah RM7.50 juta kepada Danaharta Nasional Berhad ekoran daripada pengambilalihan syarikat.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan RISDA Bina bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah baik dengan mencatatkan keuntungan selepas cukai kecuali pada tahun 2011 mengalami kerugian sejumlah RM99,961. Bagaimanapun, Nisbah Hutang syarikat pada tahun 2012 dan 2013 adalah tinggi iaitu melebihi piawaian.

15.4.2 Pengurusan Aktiviti

RISDA Bina terlibat dengan Projek Pembangunan Taman Cindai Jaya, di atas tanah milik RISDA di Mukim Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Kedah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.4 : PROJEK PEMBANGUNAN TAMAN CINDAI JAYA SETAKAT BULAN JUN 2014

FASA	BUTIRAN PEMBINAAN	STATUS PROJEK
1	Pemulihan 65 Unit Rumah Kedai	Selesai
2A	27 Unit Kedai Pejabat & 3 Unit Kilang	
3A	122 Unit Rumah Honeycomb	Dalam Pembinaan
3B(i)	55 Unit Rumah Honeycomb	Perancangan Pembinaan Yang Telah Diluluskan
3B(ii)	73 Unit Rumah Honeycomb	
3C	Kotapuri (Apartment & Kos Rendah)	
3D	Rumah Kembar 2 & 4	
4	Tanah 13 Ekar (Condotel @ Rumah Honeycomb)	Perancangan Pembinaan Dalam Peringkat Cadangan

Sumber: Jabatan Pembangunan Projek, RISDA Bina

15.4.2.1 Projek Fasa 1 : Kerja-Kerja Pemulihan 65 Unit Bangunan Yang Terbengkalai

- Pada tahun 1994, RISDA telah meluluskan penjualan tanah berstatus pajakan yang berkeluasan 97 ekar di Sungai Petani kepada Syarikat Smallholders Development Corporation Sdn. Berhad (SHDC). Pada tahun 1995, Lembaga

Pengarah SHDC telah meluluskan pembangunan di tanah ini dibuat secara usaha sama dan melantik WCSB sebagai rakan kongsi.

- b. Berdasarkan perjanjian antara WCSB dan SHDC yang dibuat pada 5 April 1995, WCSB perlu membayar SHDC sejumlah RM12 juta untuk pajakan tanah bagi Projek Pembangunan Taman Cindai Jaya di Sungai Petani. Bagaimanapun, WCSB hanya membayar RM2.50 juta kepada SHDC antara tahun 1995 dan 1996. Pada penghujung tahun 1997, Projek Fasa 1 telah dihentikan dengan kemajuan kerja setakat 70% kerana WCSB mengalami masalah aliran tunai berikutan kegawatan ekonomi Malaysia.
- c. Oleh itu, pada bulan Mac 2003, WCSB telah diletakkan di bawah pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta). Bagi meneruskan pembangunan projek ini, RISDA melalui SHDC mengambil alih pengurusan WCSB bermula 30 September 2005 setelah mendapat Persetujuan Pentadbir Khas Danaharta.
- d. Pengambilalihan ini menyebabkan RISDA Bina perlu membayar sejumlah RM7.50 juta secara tunai kepada Danaharta. Setakat bulan Jun 2014, RISDA Bina telah membayar sejumlah RM2 juta kepada Danaharta secara ansuran melalui ejen pemiutang dan sejumlah RM44,319 yuran iktisas telah dibayar kepada ejen pemiutang Ferrier Hodgson MH Sdn. Berhad.
- e. Sehubungan itu, WCSB yang kini dikenali sebagai RISDA Bina telah menandatangani perjanjian dengan Solar Alert Sdn. Berhad pada 31 Januari 2007 berjumlah RM7.50 juta bagi meneruskan projek ini. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Sijil Akuan Kerja Terakhir daripada UMAS Konsultan Sdn. Berhad mendapati terdapat perubahan kerja yang melibatkan pertambahan kos sejumlah RM1.03 juta menyebabkan kos asal projek meningkat kepada RM8.53 juta. Ini disebabkan perancangan yang teliti tidak dijalankan semasa pengambilalihan projek. Projek Fasa 1 yang telah siap dan diduduki oleh pembeli adalah seperti gambar berikut:



GAMBAR 15.1
Projek Fasa 1 Yang Telah Diduduki

Lokasi: Taman Cindai Jaya, Sungai Petani, Kedah.
Tarikh: 19 Ogos 2014

Maklum Balas Daripada RISDA Bina Diterima Pada 13 Dan 30 April 2015

Pertambahan kos disebabkan kerja tidak terdapat dalam kontrak asal, kerja di luar jangka dan permintaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Semasa pelaksanaan projek pemulihan ini, banyak kerja luar jangka perlu dilakukan dan terdapat juga kerja yang tidak perlu dibuat telah diambil kira dalam kontrak asal.

Perancangan pengambilalihan projek pemulihan dibuat atas nasihat perunding projek asal yang bertanggungjawab meneruskan penyiapan projek sehingga mendapat Sijil Layak Menduduki (CF).

15.4.2.2 Projek Fasa 2A : Pembinaan 27 Unit Rumah Kedai Dan 3 Unit Kilang

RISDA Bina telah melantik kontraktor Juru Wajar Sdn. Berhad pada 20 April 2011 untuk pembangunan projek Fasa 2A yang melibatkan pembinaan 27 unit rumah kedai dan 3 unit kilang dengan kos berjumlah RM7.37 juta. Mengikut kontrak, pembinaan dimulakan pada 4 Mei 2011 dan tarikh siap adalah pada 3 November 2012. Bagaimanapun, projek ini hanya siap sepenuhnya pada 31 Julai 2013 dengan 3 kali kelulusan lanjutan masa selama 407 hari. Projek ini melibatkan 20 kali Arahan Perubahan Kerja yang melibatkan pertambahan kos sejumlah RM442,637 atau 6% daripada kos asal kontrak. Kesemua 27 unit rumah kedai dan 3 unit kilang telah dijual dengan hasil jualan sejumlah RM13.41 juta. Projek Fasa 2A adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.2
Kedai Pejabat 2 Tingkat



Lokasi: Taman Cindai Jaya, Sungai Petani, Kedah.
Tarikh: 19 Ogos 2014

GAMBAR 15.3
1 ½ Tingkat Kilang Semi-D



Lokasi: Taman Cindai Jaya, Sungai Petani, Kedah.
Tarikh: 19 Ogos 2014

Maklum Balas Daripada RISDA Bina Diterima Pada 13 April 2015

Pertambahan kos disebabkan kerja tidak terdapat dalam kontrak asal, kerja di luar jangka dan permintaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 15 April 2014.

15.4.2.3 Projek Fasa 3A : Pembinaan 122 Unit Rumah

- a. Projek Fasa 3A melibatkan pembinaan 122 unit rumah jenis *Honeycomb*. Kontraktor Nazarin (NBM) Sdn. Berhad (kontraktor) telah dilantik pada 20 Disember 2012 untuk melaksanakan projek tersebut dengan kos kontrak berjumlah RM22.30 juta. Tarikh serah tapak adalah pada 18 Januari 2013 dan projek ini perlu disiapkan pada 16 Jun 2014. Sehingga bulan Ogos 2014, sejumlah RM6.37 juta telah dibelanjakan. Bagaimanapun, kontraktor gagal menyiapkan projek ini pada tarikh yang ditetapkan. Kemajuan projek setakat bulan Mac 2015 adalah 89% siap. Permohonan Lanjutan Masa telah dibuat pada 2 Julai 2014 dan lanjutan masa selama 54 hari telah diluluskan pada 26 Ogos 2014. Namun pihak kontraktor masih gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Berdasarkan surat daripada kontraktor kepada RISDA Bina, pihak kontraktor memaklumkan punca kelewatan adalah disebabkan oleh syarikat menghadapi masalah kewangan dan pekerja serta penghantaran barang pembinaan tidak mengikut jadual. *Liquidated and Ascertained Damaged* (LAD) sejumlah RM2,000 sehari dikenakan setelah tamat tempoh lanjutan masa yang diluluskan dan ditolak daripada bayaran interim. Setakat 30 Mac 2015, jumlah LAD telah dikenakan dan telah ditolak daripada bayaran interim adalah berjumlah RM364,850. Projek Fasa 3A dalam pembinaan adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.4
Projek Fasa 3A



Lokasi: Taman Cindai Jaya, Sungai Petani, Kedah
Tarikh: 19 Ogos 2014



Lokasi: Taman Cindai Jaya, Sungai Petani, Kedah
Tarikh: 19 Ogos 2014

- b. Semakan Audit terhadap bajet tahunan syarikat mendapati sasaran pendapatan bagi projek Fasa 3A bagi tahun 2013 dan 2014 adalah terlalu jauh daripada pencapaian sebenar disebabkan oleh prestasi jualan rumah yang tidak menggalakkan. Bagi tahun 2013, pendapatan sebenar adalah RM0.09 juta atau 0.6% berbanding RM15.69 juta sasaran yang ditetapkan. Manakala bagi tahun 2014 pencapaian sebenar adalah RM1.92 juta atau 6.4%. Setakat bulan Mac pendapatan sebenar bagi tahun 2015 adalah RM0.59 juta atau 2.5% berbanding RM23.28 juta sasaran. Setakat bulan Mac 2015, sebanyak 38 unit rumah berjaya dijual dan *Sales and Purchase Agreement* telah ditandatangani oleh pembeli. Selain itu, 20 unit lagi masih menunggu kelulusan pinjaman daripada bank dan Bahagian Pinjaman Perumahan. Antara punca jualan unit rumah yang tidak menggalakkan adalah status tanah pajakan yang akan luput pada tahun 2084, manakala pembangunan persekitaran adalah bertaraf pegangan bebas. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 15.5 : SASARAN DAN PENCAPAIAN SEBENAR
PROJEK FASA 3A SETAKAT BULAN MAC 2015

TAHUN	PENDAPATAN		
	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
2013	15.69	0.09	0.6
2014	30.05	1.92	6.4
2015	23.28	0.59*	2.5
JUMLAH	69.02	2.60	3.8

Sumber: Penyata Pendapatan dan Bajet Tahunan Syarikat
Nota *: Setakat Bulan Mac 2015

JADUAL 15.6 : PRESTASI JUALAN PROJEK FASA 3A SETAKAT BULAN MAC 2015

JENIS RUMAH	HARGA SEUNIT (RM)	BILANGAN RUMAH (Unit)	TELAH DIJUAL (Unit)	DALAM PROSES MENUNGGU KELULUSAN PINJAMAN (Unit)	BELUM DIJUAL (Unit)
Crystal	250,900 – 312,300	84	10	12	79
Sapphire	279,600 – 339,700	26	20	4	18
Emerald	295,300 – 317,600	8	5	3	4
Ruby	290,000	2	1	1	2
Diamond	322,900 – 352,800	2	2	0	-
JUMLAH		122	38	20	64

Sumber : Laporan Prestasi Projek

Pada pendapat Audit, prestasi penjualan rumah adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain itu, kelewatan penyiapan projek pembinaan boleh mengakibatkan RISDA Bina menanggung pertambahan kos projek dan lewat mendapat pulangan hasil jualan rumah dan bangunan.

Maklum Balas Daripada RISDA Bina Diterima Pada 13 Dan 30 April 2015

RISDA Bina telah mengeluarkan Surat Penamatan Kerja kepada kontraktor pada 31 Mac 2015. Mesyuarat Lembaga Tender telah melantik syarikat Sanjungan Cekap Sdn. Berhad sebagai kontraktor baru pada 24 April 2015.

Pada peringkat awal penyediaan bajet tahunan adalah disasarkan sebanyak 122 unit dapat dijual. Bagaimanapun, pelarasan bajet telah dibuat dengan menurunkan sasaran jualan rumah Honeycomb kepada 50 unit dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 26 Ogos 2014. Sehingga bulan April 2015, 43 unit rumah berjaya dijual sementara 16 unit rumah telah ditempah dan menunggu kelulusan pinjaman.

Pelanggan menarik diri disebabkan pajakan tanah berbaki 70 tahun. RISDA Bina telah membuat permohonan penukaran status tanah kepada pegangan bebas namun masih dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.

15.4.2.4 Sumber Kewangan Bagi Membiayai Projek

RISDA Bina menggunakan dana yang disuntik oleh RISDA sejumlah RM2 juta dan RM3.8 juta daripada sebahagian wang pampasan oleh RISDA kepada WCSB bagi membiayai projek pembinaan Fasa 1. Bagi projek Fasa 3A, Kementerian Kewangan Malaysia pada 22 November 2011 telah meluluskan pembiayaan dalaman oleh RISDA menggunakan tabung Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB).

Pengeluaran pembiayaan ini dibuat secara berperingkat dengan keuntungan kepada RTBB pada kadar 4% setahun. Antara sumber kewangan bagi membiayai projek pembinaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.7 : SUMBER KEWANGAN PROJEK PEMBINAAN FASA 1, 2A DAN 3A

PROJEK PEMBINAAN	SUMBER KEWANGAN		KOS PROJEK (RM Juta)
	AGENSI	JUMLAH (RM Juta)	
FASA 1	RISDA – Suntikan Dana	2.00	7.50
	RISDA – Bayaran Pampasan WCSB	3.80	
FASA 2A	Pusingan Daripada Modal Dan Keuntungan Sedia Ada		7.37
FASA 3A	RISDA – Tabung RTBB	10.00	22.31
	JUMLAH	15.80	37.18

Sumber: Minit Mesyuarat ALP dan Penyata Kewangan Tahun 2006

Maklum Balas Daripada RISDA Bina Diterima Pada 13 April 2015

Berdasarkan Settlement Agreement, RM2 juta adalah suntikan dana untuk menaikkan saham berbayar dalam syarikat. Manakala RM3.80 juta adalah untuk modal kerja yang telah ditetapkan oleh pentadbir khas semasa pengambilalihan syarikat oleh RISDA. Adalah menjadi keperluan syarikat hartanah untuk mempunyai Bridging Loan Facility untuk projek pembangunan hartanah. Kemudahan ini perlu untuk menghubungkan jumlah modal yang diperlukan untuk pembangunan sebelum bayaran dibuat oleh pembeli kepada syarikat. Kemudahan pinjaman ini adalah kemudahan sementara setiap projek.

15.4.2.5 Pencerobohan Tapak Kolam Takungan Oleh Setinggian

- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menyatakan kolam takungan perlu disediakan bagi pembangunan melebihi keluasan 25 ekar. Fungsi kolam takungan ialah untuk mengatasi masalah banjir yang mendatangkan kerosakan harta benda dan bencana kepada penduduk dan orang awam serta sebagai kolam penapis kelodak dan tempat beriadah.
- Lawatan Audit ke tapak pembinaan Taman Cindai Jaya mendapati kolam takungan bagi projek ini belum dibina. Kerja pembinaan kolam takungan tidak dapat dilaksanakan disebabkan pencerobohan setinggian di tapak kolam tersebut. Pihak RISDA Bina memaklumkan kawasan ini dicerobohi oleh 17 setinggian. Tapak kolam takungan yang diduduki oleh setinggian adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.5
Tapak Kolam Takungan Yang Diduduki Oleh Setinggan



Sumber: Susun Atur Pembangunan Taman Cindai Jaya

- c. Semakan Audit mendapati pada bulan September 2013, RISDA Bina telah menyerahkan Notis Pengosongan dan Perintah Pelaksanaan dari Mahkamah Tinggi Alor Setar kepada 16 setinggan, manakala satu lagi setinggan telah berpindah keluar. Bagaimanapun, lawatan Audit pada bulan Ogos 2014 mendapati setinggan berkenaan masih wujud dan tapak kolam takungan tersebut belum dikosongkan seperti gambar berikut:

GAMBAR 15.6
Rumah Setinggan Di Tapak Kolam Takungan



Lokasi: Taman Cindai Jaya, Sungai Petani, Kedah
Tarikh: 19 Ogos 2014



Lokasi: Taman Cindai Jaya, Sungai Petani, Kedah
Tarikh: 19 Ogos 2014

Pada pendapat Audit, kelewatan membina kolam takungan boleh menyebabkan risiko banjir dan kerosakan harta benda serta menimbulkan kesukaran semasa permohonan untuk mendapatkan Sijil Menduduki nanti.

Maklum Balas Daripada RISDA Bina Diterima Pada 13 Dan 30 April 2015

Pembinaan kolam takungan akan hanya dibuat pada akhir pembangunan projek perumahan ini. Untuk pengosongan tanah oleh setingan pada 10 Oktober 2014, RISDA Bina telah mengarahkan peguam untuk memohon 'Bailif' daripada Mahkamah Tinggi Malaya Alor Setar untuk tindakan pengosongan tanah tersebut. Mahkamah Tinggi Malaya Alor Setar telah menetapkan tarikh pada 5 April 2015 untuk pihak Bailif menyerahkan Perintah Pelaksanaan Pemilikan dan Notis Pengosongan.

Notis Pengosongan kali kedua telah diserahkan kepada penduduk pada 6 Mei 2015. Pihak Mahkamah telah menetapkan tarikh perlaksanaan pada 7 Jun 2015 bagi tujuan melaksanakan perintah pemilikan.

15.4.2.6 Kontrak Lewat Ditandatangani

- a. Mengikut amalan terbaik, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak selewat-lewatnya 4 bulan daripada tarikh Surat Tawaran/Surat Setuju Terima dikeluarkan oleh pihak syarikat. Perkara ini bagi membolehkan kedua-dua belah pihak yang berkontrak mempunyai ikatan yang jelas dan sah semasa di peringkat awal kerja. Semakan Audit terhadap 4 kontrak bagi projek pembangunan bercampur yang terdiri daripada perumahan dan komersial di atas sebahagian Lot 14214 Mukim Sungai Petani mendapati 2 kontrak lewat ditandatangani melebihi tempoh 4 bulan daripada tarikh setuju terima seperti jadual berikut:

JADUAL 15.8 : KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

BIL	NAMA SYARIKAT	NILAI KONTRAK	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH TANDATANGAN PERJANJIAN	TEMPOH (Bulan)
1	Konsultan Sanjung Bistari	1.15% dari nilai kontrak projek	27.09.2009	14.06.2012	33
2	Perunding Iza'D Sdn. Berhad	1.15% dari nilai kontrak projek	17.09.2009	10.08.2010	11

Sumber: Surat Tawaran Dan Dokumen Kontrak

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah RM30,000 telah dibayar kepada Konsultan Sanjung Bestari sepanjang tempoh kontrak yang belum ditandatangani.

Pada pendapat Audit, pengurusan dokumen kontrak adalah kurang memuaskan kerana berlaku kelewatan dalam menandatangani kontrak melebihi 4 bulan daripada tarikh surat setuju terima. Ini boleh menyebabkan kepentingan syarikat tidak dilindungi.

Maklum Balas Daripada RISDA Bina Diterima Pada 13 April 2015

Satu pekeliling dalaman telah dikeluarkan pada 10 April 2015 bagi memastikan dokumen kontrak perlu disediakan secepat mungkin sebelum pembayaran pertama dilakukan.

15.4.2.7 Promosi/Pemasaran

Belanja pemasaran bagi projek Fasa 3A yang ditetapkan semasa *pre-costing* projek adalah 2% atau RM446,102 daripada nilai kontrak berjumlah RM22.31 juta. Jumlah ini adalah termasuk lesen dan yuran *Sales and Purchase Agreement*. Sebanyak 64 aktiviti promosi bagi projek Fasa 3A telah dijalankan bagi bulan November 2013 sehingga September 2014. Pemasaran yang telah dijalankan antaranya adalah membuat promosi di pusat membeli belah, membuka *booth* jualan di agensi Kerajaan dan bank panel serta menyertai pameran *Malaysian Property Exposition* (MAPEX) di Kedah dan Pulau Pinang. Semakan Audit mendapati setakat bulan Jun 2014, walaupun RISDA Bina telah membelanjakan sejumlah RM226,086 atau 50.7% daripada peruntukan perbelanjaan pemasaran, hanya 19 unit atau 15.6% daripada 122 unit berjaya dijual. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.9 : ANGGARAN KOS PEMASARAN BERBANDING SEBENAR

PROJEK FASA 3A		
Nilai kontrak		RM22,305,100
Bilangan Unit		122 unit
Anggaran Kos Pemasaran 2% Daripada Nilai Kontrak		RM446,102
Belanja Sebenar Pemasaran Sehingga Bulan Jun 2014	RM	RM226,086
	%	50.7%

Sumber: Pre Costing Project Fasa 2A & Fasa 3A And General Ledger By Cost Centre

Pada pendapat Audit, aktiviti pemasaran yang dilaksanakan masih belum mampu menarik minat pembeli berdasarkan prestasi jualan yang rendah walaupun telah menggunakan sebanyak 50.7% peruntukan perbelanjaan pemasaran.

Maklum Balas Daripada RISDA Bina Diterima Pada 20 November 2014, 13 Dan 30 April 2015

RISDA Bina telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan aktiviti jualan antaranya melantik 2 kakitangan pemasaran sepenuh masa yang ditempatkan di pejabat jualan di Sg. Petani dan menjalankan aktiviti berpusat seperti pra-pelancaran jualan, pembukaan rumah contoh, rumah terbuka Aidilfitri, pengedaran pamflet di tol, pembukaan booth di pasar raya, penerangan di agensi Kerajaan dan pejabat RISDA. Selain itu, agen jualan dan pemasaran juga dilantik.

Mesyuarat Lembaga Pengarah 1/2015 telah meluluskan tambahan kos pemasaran sejumlah RM600,000 bagi menampung kos komisyen ejen pemasaran dan aktiviti pemasaran oleh Unit Pemasaran RISDA Bina. Sehingga bulan April 2015, 43 unit rumah berjaya dijual sementara 16 unit rumah telah ditempah dan menunggu kelulusan pinjaman.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti RISDA Bina adalah kurang memuaskan. Pendapatan bagi Projek Fasa 2A tidak mencapai sasaran dan melibatkan kelewatan penyiapan yang menyebabkan peningkatan kos projek. Prestasi jualan projek Fasa 3A adalah tidak menggalakkan di mana setakat bulan Mac 2015, 38 unit daripada 122 unit rumah telah dijual dan 20 unit lagi masih dalam proses permohonan pinjaman bank.

15.4.3 Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan

15.4.3.1 Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat. Oleh itu, amalan tadbir urus yang baik dapat memastikan kualiti dan integriti dalam organisasi tersebut. Pada keseluruhannya, tadbir urus korporat RISDA Bina adalah baik. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati RISDA Bina tidak menyediakan strategi dan rancangan korporat walaupun mempunyai beberapa cadangan pembangunan untuk masa hadapan. Strategi dan rancangan korporat disediakan sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Ia perlu diselaraskan dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat.

15.4.3.2 Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan RISDA Bina adalah baik.

Maklum Balas Daripada RISDA Bina Diterima Pada 20 November 2014

Bengkel Perancangan Strategik telah diadakan pada 13 sehingga 14 November 2014.

15.5 SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan pertimbangan kepada perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi pengurusan syarikat:

15.5.1 RISDA Bina hendaklah meningkatkan pemantauan terhadap projek pembinaan bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan untuk mengelakkan pertambahan kos.

15.5.2 RISDA Bina hendaklah melaksanakan strategi pemasaran yang lebih berkesan dan mempercepatkan proses pertukaran status tanah bagi meningkatkan jualan dan menarik minat pembeli.

15.5.3 RISDA Bina hendaklah mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah pencerobohan setinggan di tapak kolam takungan supaya pembinaan kolam takungan dapat dilaksanakan mengikut arahan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2014 Siri 2.



PENUTUP

PENUTUP

1. Pengauditan prestasi terhadap projek dan aktiviti mendapati Badan Berkanun Persekutuan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan projek dan aktiviti. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih terdapat kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu projek dan aktiviti dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Beberapa Agensi telah mengambil tindakan pembetulan selepas teguran Audit, namun langkah pembetulan perlu dilaksanakan secara berterusan. Memandangkan pengauditan adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Pegawai Eksekutif perlu mewujudkan sistem *check and balance* untuk memastikan pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan. Ini adalah bertujuan untuk menilai sama ada projek dan aktiviti lain mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan serta penambahbaikan. Langkah ini adalah perlu untuk memastikan projek dan aktiviti dilaksanakan mengikut jadual dan agensi mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*).
2. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga menjalankan pengauditan perolehan dan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.
3. Syarikat Kerajaan hendaklah memastikan prestasi kewangannya sentiasa dalam keadaan yang baik; pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan teratur; berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan; pengurusan kewangan dan tadbir urus korporatnya selaras dengan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.
4. Selain memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan integriti. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk membanteras rasuah** serta memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia di bawah slogan **“Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

30 April 2015



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya

www.audit.gov.my